

LAPORAN PERSIDANGAN

MESYUARAT PERTAMA PENGAL KETIGA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

Tarikh : 13 Mei 2015 (Rabu)

Masa : 9.30 Pagi

Tempat : Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1	Y.A.B. Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
2	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
3	YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon	Tim. Ketua Menteri I/Pantai Jerejak
4	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II/Perai
5	YB. Chow Kon Yeow	Padang Kota
6	YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
7	YB. Chong Eng	Padang Lalang
8	YB. Lim Hock Seng	Bagan Jermal
9	YB. Law Heng Kiang	Batu Lintang
10	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
11	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
12	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
13	YB. Dato' Haji Maktar Bin Haji Shapee	Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri/Sungai Bakap
14	YB. Wong Hon Wai	Air Itam
15	YB. Ong Kok Fooi	Berapit
16	YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man	Permatang Pasir
17	YB. Tanasekharan A/L Autherapady	Bagan Dalam
18	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
19	YB. Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
20	YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji	Seri Delima
21	YB. Ong Chin Wen	Bukit Tengah
22	YB. Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
23	YB. Cheah Kah Peng	Kebun Bunga
24	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
25	YB. Teh Lai Heng	Komtar
26	YB. Soon Lip Chee	Jawi
27	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
28	YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa	Batu Uban
29	YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid	Telok Ayer Tawar
30	YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad	Pulau Betong
31	YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin	Pinang Tunggal
32	YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria	Sungai Acheh
33	YB. Mohd Zain Bin Ahmad	Penaga
34	YB. Omar Bin Haji Abd Hamid	Permatang Berangan
35	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor	Sungai Dua
36	YB. Nordin Bin Ahmad	Bayan Lepas
37	YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah	Telok Bahang
38	YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman	Bertam

TIDAK HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
2	YB. Yap Soo Huey	Pulau Tikus

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

Bil.	Nama	Jawatan
1	YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2	YB. Dato' Hajah Aliza Binti Sulaiman	Penasihat Undang–Undang Negeri
3	YB. Dato' Haji Mokhtar Bin Mohd Jait	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Cik Maheswari A/P Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan mula bersidang pada jam 9.30 pagi

Setiausaha:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Bacaan doa.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Salleh Bin Man):

Doa

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan bersidang semula, saya persilakan Yang Berhormat Sungai Dua untuk menyambung perbahasan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Nor):

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri rakan-rakan Ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Dewan, tuan-tuan dan puan-puan yang dirahmati *Allah* sekalian. *Alhamdulillah* syukur kepada *Allah s.w.t* kerana saya dapat sama-sama hadir pada pagi ini untuk menyambung perbahasan yang semalam kerana kesuntukan masa, izinkan saya terus menyambung perbahasan ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang pagi ini.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat, saya ada sedikit minta penjelasan. Kelmarin saya tidak mahu mengganggu kerana Yang Berhormat tidak cukup masa untuk meneruskan perbahasan tapi kita ada masa yang lama panjang hari ini. Saya masih ingat lagi saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat kelmarin bila memulakan ucapan sambil memandang terhadap saya, di mana Yang Berhormat mengatakan kita tidak boleh melupakan jasa yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin lama, dan masih ingat lagi kalau tak silap saya, ayat-ayat yang digunakan kalau kita hendak sampai ke sesuatu pulau, kita perlu membina jambatan sampai ke pulau tersebut dan tidak boleh melupakan jasa baik pemimpin-pemimpin yang lama.

Saya cuma ingin menarik perhatian Yang Berhormat terhadap satu berita yang terpapar dalam surat khabar Berita Harian yang dapat saya baru perolehi, di mana berita ini menyatakan bahawa Perdana Menteri sekarang membalas serangan Tun Mahathir dan macam-macam kenyataan telah dibuat oleh Perdana Menteri sekarang menyerang Tun Mahathir. Kalau kita lihat kritikan yang dibuat oleh parti lawan atau parti pembangkang masing-masing terhadap sama ada Barisan Nasional terhadap Pakatan Rakyat dan Pakatan Rakyat terhadap Barisan Nasional ini adalah lumrah. Sesuatu yang memang boleh dianggap logik dan juga sesuatu yang lazimnya berlaku di mana-mana negara di antara dua (2) parti politik yang mempunyai ideologi yang berbeza. Tapi di sini kita lihat, seorang Perdana Menteri menyerang mantan Perdana Menteri yang masih lagi merupakan ahli veteran Parti UMNO dan juga Barisan Nasional. Apakah pandangan Yang Berhormat sama ada saranan ini yang dibuat oleh Yang Berhormat sendiri bahawa

seseorang itu tidak boleh lupa jasa pemimpin yang lama itu tidak diikuti oleh Presiden Parti Yang Berhormat sendiri. Boleh saya dapat komen daripada Yang Berhormat? Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Nor):

Terima kasih Yang Berhormat Ahli Kawasan Seri Delima. Semalam saya menyebut tentang mengenang jasa, kita bila nak dapatkan sesuatu yang baik, mestilah ada orang yang melaksanakannya terlebih awal. Kita mengenang jasa mereka-mereka yang terlibat dalam memastikan kita hidup sempurna pada hari ini *insya-Allah*. Cuma apa yang saya nak sarankan cakap di sini berkaitan dengan apa yang dibangkitkan oleh Seri Delima tentang serangan yang dibuat, serangan balas yang dibuat oleh Perdana Menteri kepada Mantan Perdana Menteri, Tun Mahathir. Cuma kita kena lihat di sini mengenang jasa dan membalas ataupun berkata sesuatu yang membalas satu tohmahan ataupun satu perkara yang diucapkan tentang peribadi dan sebagainya. Itu dua (2) perkara yang berbeza. Pihak UMNO ataupun pihak pemimpin-pemimpin yang ada, memang sentiasa mengenang jasa, kita mengenang jasa daripada mula sampai ke PM yang ke-5. Cuma dia ada perbezaan di sini dari segi mengenang jasa dan juga membalas ataupun memberi penjelasan tentang apa yang telah berlaku.

Jadi, setelah sekian lama perkara ini berlaku dengan tidak membalas sebarang, memberi sebarang komen dan kini diberi sedikit komen untuk penjelasan. Saya rasa ini untuk tujuan penjelasan dan mungkin ada ramai lagi pengikut-pengikut ataupun orang lain yang turut memberikan komen lah. Ini saya nampak dari segi itulah. Jasa tetap dikenang, cuma dari segi mungkin konsep ataupun cara dan sebagainya mungkin ada yang tidak betul, ada yang mengguris perasaan, sebagai manusia biasa kita ada tahap kesabarannya, dan apabila sampai ke satu tahap kita terpaksa menceritakan. Itu yang saya nampak.

Saya teruskan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri tentang saya akan menyentuh tentang pengangkutan awam dan infrastruktur dan saya lihat pelaksanaan pelan induk pengangkutan Negeri dengan jangkaan belanjawan belanja sebanyak RM27 bilion. Ini merupakan satu perbelanjaan yang agak besar dan saya harapkan tumpuan tidak diberikan hanya sekadar di kawasan metropolitan, di kawasan bandar. Pengangkutan awam dan infrastruktur juga perlu dilihat di kawasan-kawasan kampung dan kawasan luar bandar yang mana ini merupakan kawasan yang masih lagi kekurangan dari segi infrastruktur dan kemudahan awam. Dan perancangan pelan induk ini juga, pelaksanaannya perlu juga melihat dari segi alam sekitar dan juga dari segi kesan kepada ekosistem yang akan berlaku. Contohnya, mungkin terowong yang akan melibatkan ekosistem. Kemusnahan ekosistem laut dan sebagainya. Ini juga perlu diambil kira.

Seterusnya, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri saya ingin menyentuh soalan bertulis saya nombor 26 iaitu berkaitan dengan pemasaran produk pertanian saya bertanyakan tentang apakah tindakan dan langkah Kerajaan Negeri untuk memastikan pemasaran produk pertanian ini dapat dilaksanakan dengan berkesan bagi membantu petani-petani dan juga pengeluar-pengeluar produk pertanian ini. Saya amat dukacitalah kerana jawapan yang diberikan adalah pertamanya melalui *agrofest*, hari peladang. Jadi, dengan masa yang begitu terhad, saya ingat dalam 3 - 4 hari sahaja, saya rasa tak boleh kita nak memasarkan. Ini semua adalah merupakan perancangan jangka pendek melalui FAMA, ini telah dilaksanakan oleh pihak FAMA, dan juga MAHA. Itu jawapan yang pertama. Kedua, adalah dari segi aktiviti jualan terus oleh Jabatan Pertanian. Ini dibuat

hanya di kawasan-kawasan Pejabat Pertanian yang saya faham. Jadi, kalau boleh kita nak Kerajaan Negeri mengambil satu inisiatif untuk melaksanakan satu pelan jangka panjang bagi pemasaran produk pertanian, tanaman, ternakan, ternak air dan sebagainya, industri asas tani, bagi tujuan untuk kita membantu usahawan-usahawan dalam sektor pertanian ini, memasarkan produk khususnya produk-produk yang berkaitan dengan IAT, Industri Asas Tani yang begitu banyak di kawasan-kawasan luar bandar yang perlu kita *centralise* kan, kalau boleh Kerajaan Negeri buat satu pusat pengumpulan yang besar untuk kita kumpulkan produk-produk ini untuk kita pasarkan di luar daripada Pulau Pinang mungkin di kawasan R&R dan sebagainya.

Seterusnya soalan yang nombor sembilan (9) berkaitan dengan pembaikan dan penyelenggaraan masjid yang uzur. Kebanyakan masjid-masjid lama di kawasan Sungai Dua ini telah uzur, bocor dan sebagainya dan jawapan yang diberikan terdapat dua (2) masjid diberikan senarai empat (4) masjid, dua (2) di kawasan luar Sungai Dua, cuma dua (2) masjid sahaja iaitu di Permatang Sungai Dua dan juga Nyior Sebatang diberikan sebanyak RM89,195 untuk pembaikan dan naiktaraf. Jadi, banyak lagi masjid contohnya di Permatang Bogak yang telah tidak selamat lagi digunakan. Laporan daripada pihak JKR dan juga masjid Alor Megah yang lama, bocor dan sebagainya. Jadi kita harap pihak Majlis dan juga pihak Kerajaan Negeri melihat dari segi ini dan dapat menyediakan peruntukan untuk masjid-masjid yang uzur dan saya juga telah memohon kepada pihak ICU dan juga pihak JAKIM, pihak Jabatan Perdana Menteri untuk membuat pembaikan ini.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man):

Minta laluan sekejap. Tadi ada disebut berkenaan masjid Permatang Sungai Dua, jadi setakat apa yang saya, sebab saya pun asal daripada Permatang Sungai Dua, masjid yang saya pernah jadi suatu ketika Pegawai Masjid di situ, jadi saya tengok setakat ini apa yang masalah yang berlaku sebenarnya saya tak nampak lagi dari segi kebocoran dan sebagainya. Sebab baru ini pun saya ada turun tengok. Jadi, apa-apakah sebab yang perlu kepada bantuan dan sumbangan dari pihak Kerajaan Negeri itu?

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Nor):

Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pasir. Saya cuma sebutkan tadi, Permatang Sungai Dua ini, bila sebut Permatang Sungai Dua, Yang Berhormat Permatang Pasir rasa terpanggil. Saya senaraikan tadi Permatang Sungai Dua, Nyior Sebatang telah dilaksanakan. Telah diberikan peruntukan oleh pihak Majlis untuk pembaikan cuma bakinya masih banyak lagi masjid yang belum diberi. Yang telah diberikan peruntukan.

Seterusnya tentang kerja-kerja menambun tanah sawah. Dah lima (5) kali bersidang ini saya dah bangkitkan mungkin tiga (3) hingga empat (4) kali tentang isu ini. Isu menambun tanah sawah di kawasan Sungai Dua dan kawasan Seberang Perai Utara. Saya nampak ianya semakin hari semakin serius. Semakin berleluasa kerja-kerja penambakan tanah sawah ini berlaku. Dan ada setengah pihak menggunakan alasan untuk melaksanakan projek-projek pertanian, contohnya di Permatang Buluh digunakan alasan untuk membina loji benih baka padi sebab yang saya faham, loji benih ini adalah merupakan kuota yang telah ditetapkan oleh pihak kementerian. Di Pulau Pinang cuma ada satu. Cuma kawasan Lahar Bubu yang dapat kuota ini. 15,000 tan semusim. Jadi, bila saya bangkitkan isu ini, pihak syarikat yang terlibat mengatakan yang dia nak bawa masuk benih daripada Indonesia. Ini juga perlu kebenaran daripada pihak kementerian.

Jadi, apa yang saya nampak di sini, setengah-setengah pihak menggunakan alasan-alasan ini untuk di kawasan pertanian atau sawah padi ini, dia gunakan alasan nak bangunkan projek yang berkaitan dengan industri pertanian dan dia mendapat kelulusan daripada pihak Majlis. Kawasan tersebut, kawasan bendang itu ditambah, dibangunkan dan sekarang dah naik bangunan loji dan juga di kawasan *highway* jalan baru Permatang Pajak Song itu, juga ditambah untuk dia buat stesen minyak. Jadi ini merupakan perkara yang perlu diberi perhatian dan kalau boleh kerana ia sesetengah kawasan ditambah tak dibangunkan. Ini tanah individu, untuk tanah lot, untuk industri-industri lain kerana setengah itu tak dibangunkan sekian lama. Ia menjadi tempat untuk musuh-musuh dan juga perosak membiak disitu dan jeaskan hasil padi di kawasan sekitarnya.

Yang keduanya mungkin menjejaskan sistem pengairan dan saliran. Perbelanjaan yang ratusan juta akan dibazirkan kerana bendang sawah padi di kawasan tengah ditambah dan menyebabkan sistem terganggu di situ. Sistem pengairan dan saliran dan ia juga merugikan pihak Kerajaan dan petani dari segi perbelanjaan dan juga hasil padi nanti. Kawasan padi juga kita lihat semakin berkurangan daripada 12,000 sekarang lebih kurang 10,000 hektar sahaja kawasan jelapang padi yang ada sistem pengairan telah berkurangan daripada 12 kepada 10,000 lebih hektar. Ini merupakan masalah yang perlu dipandang serius oleh pihak Kerajaan Negeri dan pihak jabatan agensi yang terlibat.

Apabila kita rujuk kepada pejabat tanah, pejabat tanah kata rujuk kepada MPSP. MPSP patah balik ke pejabat tanah ini merupakan satu masalah yang berlaku. Apabila kita pergi tahan selalunya kerja-kerja ini dibuat pada hari cuti hari Sabtu Ahad hari Ahad selalunya dia masuk lori tambun habis jadi bila sudah tambun tanah bendang ini susah kita hendak pulihkan hendak minta dia korek balik pun masalah. Jadi akan berlaku satu kawasan yang tidak diusahakan dengan tanaman padi. Kita hendak satu tindakan penguatkuasaan yang berkesan berikan ketetapan agensi mana yang betul-betul bertanggungjawab. MPSP atau pihak pejabat tanah berkaitan dengan penambahan tanah sawah ini. Kalau boleh satu jawatankuasa khas diwujudkan. Apabila kita hendak terima permohonan hendak tambak ini panggil satu jawatankuasa yang melibatkan semua agensi termasuk agensi dalam sektor pertanian terlibat sekali bincang. Boleh tidak boleh?

Seterusnya isu pembinaan longkang di kawasan kampung. Alhamdulillah di kawasan Sungai Dua agak kurang banjir. Terima kasih kepada pihak JPS yang telah melaksanakan kerja-kerja tebatan banjir di kawasan Tasek Gelugor dan Sungai Dua. Saya sembang dengan Dato' Salleh tadi tentang kawasan Lahar Yooi dan kawasan Seberang Tok Dol ini kawasan penanda aras bagi kawasan Sungai Dua. Kalau kawasan itu hujan lebat saya akan telefon orang di kawasan situ. Air naik atau tidak? Kalau air naik di situ kawasan lain akan juga akan banjir. *Alhamdulillah* semalam pun saya telefon kawasan itu tidak terlibat kerana rancangan tebatan banjir dibuat. Kalau boleh di kawasan-kawasan lain dibuat kawasan Machang Bubuk dan sebagainya. Kalau boleh dibuat satu kawasan tebatan banjir mendalamkan Sungai Kulim dan sebagainya di mana air itu turun di situ. Ini merupakan satu tindakan yang perlu dibuat dan kalau perlu kita gunakan peruntukan yang lebih besar kita boleh mohon daripada pihak kementerian dan sebagainya untuk kita pastikan kawasan-kawasan ini tidak lagi dilanda banjir. Kalau banjir pun tidak seteruk macam di Tanah Liat sampai ke cermin kereta. Saya rasa habis kereta-kereta di kawasan itu. Satu tindakan untuk mencegah banjir di kawasan-kawasan selalu terlibat banjir ini perlu dibuat dan longkang-longkang di kawasan kampung juga perlu dimasukkan dalam senarai peruntukan infrastruktur bagi memudahkan pengaliran air keluar ke parit buang ke kawasan-kawasan kampung.

Saya tengok dalam jawapan bertulis senarai untuk 2008 hingga 2014 kampung-kampung di kawasan SPU tidak ada langsung dalam program pembinaan longkang parit di bawah MPSP dan juga JPS. Kalau boleh masukkan sekali daerah SPU kawasan Sungai Dua kawasan-kawasan lain dalam program pembinaan longkang-longkang di kawasan kampung.

Soalan seterusnya yang hendak saya bangkitkan di sini nombor 44 iaitu berkaitan dengan soalan lisan nombor 44. Saya masih belum berpuas hati dengan jawapan yang diberikan iaitu berkaitan dengan usaha-usaha Kerajaan Negeri dalam meningkatkan hasil padi ke tahap lapan (8) metrik tan. Ini merupakan tahap hasil yang begitu tinggi yang kita harapkan untuk kita mencapai SSL *self efficient level* 90 ke 100 peratus. Jadi apa yang disebutkan di sini cuma dua tindakan iaitu program pembangunan IAT amalan teknologi terkini tingkatan infrastruktur dan juga program khidmat pembangunan. Tidak ada satu bentuk projek ataupun satu bentuk pendekatan yang menjurus ke arah kita hendak tingkatan hasil padi secara bersepadu saya minta, Kerajaan Pusat sudah buat kita buat NKE, kita buat program di bawah NCIA. Kalau boleh Negeri juga buat satu program nafikan yang kawasan padi yang kita buat ini boleh mencapai hasil ke tahap 8 metrik tan. Kita sudah ada NKE, NCIA untuk buat program di kawasan-kawasan yang terlibat NKE kita hendak 5,000 hektar sampai 2020. Kalau boleh Kerajaan Negeri juga melihat dari segi ini.

Soalan bertulis seterusnya soalan nombor 19 berkaitan Enakmen Pentadbiran Agama Islam di Pulau Pinang 2004 ialah Fatwa di bawah seksyen 48 Enakmen bertarikh 7 Januari 2010 telah mengisytiharkan 40 perkataan termasuk *Allah* yang hanya boleh digunakan oleh Islam dan Muslim saja dan ini sudah ditetapkan Majlis Fatwa apakah peranan dan tindakan JAIPP dan MAINPP dalam menguatkuasaan dan memastikan enakmen ini dipatuhi? Itu soalan saya. Jawapan yang diberikan enakmen yang dikuatkuasakan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang MAINPP dan Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang adalah untuk orang Islam sahaja itu jawapan saya tidak berapa puas hati jawapan kalau boleh *elaborate* sikit saya tidak mahu isu-isu tentang kalimah *Allah* dan juga lain-lain ini berbangkit saya tidak mahu dibangkitkan kerana ini akan menjadi satu perkara yang menyentuh perasaan dan sebagainya. Sudah ada ketetapan begitu kita jalankan penguatkuasaan dan sebagainya untuk memastikan enakmen ini dipatuhi. Jawapan setakat itu saya tidak berkenaan dan puas hati sangat. Jawapan yang terlalu ringkas dan tidak menjelaskan apa tindakan yang perlu dibuat oleh pihak jabatan dan juga pihak Majlis.

Seterusnya habis soalan bertulis seterusnya tentang pembinaan Dewan Undangan Negeri yang baru saya amat bersetuju dengan apa yang diucapkan oleh Tuan Yang Terutama Tun kalau boleh kawasan yang sempit kecil ini dan tidak selesa ini boleh difikirkan dicadangkan untuk kita buat satu bangunan yang baru supaya memberi kemudahan dan keselesaan kepada semua pihak, Ahli Yang Berhormat dan semua pihak yang akan terlibat.

Seterusnya saya menyentuh isu-isu dalam kawasan Sungai Dua. Saya sentuh sekali lalu sahaja. Pertamanya isu kesesakan lalu lintas di kawasan Sungai Dua. Ini telah dibangkitkan banyak kali. Jalan di Sungai Dua waktu pagi tengahari dan petang terlalu sesak terlalu sibuk sampai jam begitu panjang sesak begitu panjang, jadi kalau boleh satu tindakan satu cara ataupun cara tindakan perlu diambil untuk menyelesaikan isu kesesakan jalan di kawasan Sungai Dua saya telah mohon dengan pihak JKR untuk dibuat satu alternatif jalan alternatif mengelakkan kesesakan tersebut dan *insha-Allah*

akan dipertimbangkan nanti dalam RMK-II. Jadi kalau boleh ada kaedah-kaedah lain yang boleh kita bincangkan untuk kita selesaikan isu kesesakan lalu lintas di kawasan Sungai Dua.

Kedua masalah sungai di kawasan Sungai Dua ini semakin tercemar. Banyak ikan mati, udang-udang galah dan sebagainya menjejaskan pendapatan nelayan-nelayan sungai di kawasan. Kalau boleh suatu tindakan diambil untuk menyelesaikan isu sungai tercemar ini. Isu sungai tercemar dan juga isu pelepasan ikan-ikan keli di dalam sungai. Ini dilaksanakan mungkin oleh pihak tertentu melepaskan ikan keli macam lepas burung merpati dilepas ikan keli besar-besar. Keli itu besar-besar, dia lepaskan dan ikan keli ini masuk dalam sungai dia makan anak-anak udang, anak-anak ikan dan sebagainya. Jadi habis anak-anak ikan dan anak-anak udang di kawasan tersebut. Jadi kita lepas beratus ribu pun ikan keli yang makan. Jadi satu perkara membimbangkan nelayan sungai di kawasan Sungai Dua dan di Permatang Berangan.

Ketiga isu banjir kilat saya sudah sebut tadi perlu diselesaikan di kawasan kampung. Isu tambakan sawah juga saya telah sebut dan kelima isu perparitan dan jalan di taman-taman. Ini diharapkan pihak MPSP melihat kembali Taman Desa Murni jalan sudah lama tidak diturap semula, perparitan juga menimbulkan masalah. Itu isu-isu yang di kawasan Sungai Dua.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak Setiausaha Kerajaan Negeri yang telah memperolehi pengiktirafan lima bintang daripada MAMPU. Tahniah kepada PDC kerana mendapat anugerah pengurusan kewangan terbaik enam tahun berturut-turut dan ucapan tahniah juga kepada penjawat-penjawat awam dan juga pelbagai jabatan dan agensi negeri dan pusat yang telah menjalankan tugas dengan sempurna dan amat baik termasuk pasukan keselamatan. Terima kasih kepada semua jabatan dan agensi yang memberikan kerjasama yang cepat, segera dalam menyelesaikan isu-isu dan masalah di dalam kawasan Sungai Dua. Terima kasih banyak kepada semua yang terlibat. Sekian, Sungai Dua mohon menyokong.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Sungai Dua. Dipersilakan Jawi.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Salam sejahtera. Terima kasih YB. Dato' Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk memberi ucapan dalam Dewan yang mulia ini pada pagi ini. YB. Ahli Dewan Undangan dan Dato' Speaker, berikut adalah beberapa usul yang saya hendak sentuh pagi ini. Isu pertama adalah pembangunan perumahan di kawasan Seberang Perai Selatan kebanyakan rumah pangsa kos rendah dan rumah pangsa kos sederhana rendah swasta dalam keadaan tidak diduduki penuh banyak unit ditinggalkan kosong. Keadaan ini amat serius terutama kawasan Jawi di mana lebih kurang lebih daripada 50 unit setiap bangunan rumah pangsa tersebut dibiarkan kosong di rumah kos pangsa kos rendah seperti Taman Bistari, Taman Nibong Tebal, Nibong Ceria Dan Taman Jawi Jaya.

Antara sebab-sebab terjadi keadaan ini termasuk penduduk-penduduk tidak mampu membayar insuran pinjaman bank untuk rumah itu tuan rumah telah diisytiharkan muflis dan lain-lain lagi. Keadaan ini amat membimbangkan kerana ia bukan saja akan menjejaskan kesihatan dan kualiti hidup penduduk-penduduk di situ tetapi juga

mendatangkan masalah sosial kepada penduduk-penduduk di kawasan tersebut. Rumah-rumah yang telah lama dikosongkan ini akan dijadikan satu tempat pembuangan sampah, pembiakan nyamuk dan tikus, pembiakan anjing dan kucing liar malah tempat berkumpul penagih dadah atau tempat simpanan barang pencuri. Masalah-masalah ini akan menyebabkan kesihatan penduduk-penduduk yang masih tinggal di bangunan itu dengan pencemaran udara dan kes denggi juga turut akan meningkat. Rumah-rumah yang lama dibiarkan kosong ini juga menyebabkan kutipan yuran penyelenggaraan iaitu ... (dengan izin) *maintenance fees* semakin berkurangan dan tidak mencukupi untuk menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembayaran bil elektrik dan bil air. Penduduk menjadi semakin kurang ini akan menjadikan bangunan itu menjadi sunyi dan kes-kes pecah rumah akan menjadi semakin bertambah. Ini akan menggugat keselamatan penduduk-penduduk yang masih menduduki di bangunan tersebut. Di sini saya ingin tahu sama ada Kerajaan Negeri atau Jabatan Perumahan ada cara yang baik untuk selesaikan dan selamatkan rumah-rumah yang dibiarkan kosong itu dan memberi unit-unit tersebut kepada golongan yang betul-betul memerlukan seperti golongan miskin tambahan pula masalah-masalah sosial itu akan menjadi semakin teruk kalau tidak dapat diselesaikan dengan segera.

YB. Dato' Speaker dan Ahli-ahli Dewan sekalian saya difahamkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan Skim Pemilihan Bersama atau *Shared Ownership Scheme* (SOS) (dengan izin) untuk membolehkan rakyat berpendapatan rendah berpeluang memilik Rumah Pertama dengan bantuan pinjaman tanpa faedah, ini adalah program yang amat baik dan di sini saya ingin minta Kerajaan Negeri cuba kalau boleh beli balik unit-unit yang telah dikosongkan itu dengan bank supaya ia dapat selesaikan masalah-masalah yang saya bangkitkan ini. Sebagai contoh Kerajaan Negeri telah membeli sebanyak 104 unit rumah kos rendah di Taman Sungai Duri Permai SPS pada 29 April tahun 2014, projek ini seperti ini patut diteruskan oleh Kerajaan Negeri pada masa yang akan datang.

Mulai tahun 2012 Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan untuk membantu membiayai kerja-kerja penyelenggaraan asas bagi projek perumahan bertingkat kos rendah dan kos sederhana rendah swasta di bawah konsep pembiayaan 80:20, di bawah konsep pembiayaan ini 80% kos projek dibiayai oleh Kerajaan Negeri dan baki 20% dibiayai oleh badan pengurusan perumahan terlibat ataupun sumbangan. Pada tahun 2012 Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM 154,408.86 untuk kerja-kerja penyelenggaraan kos, pada tahun 2013 kerja-kerja penyelenggaraan asas ini telah meningkat sebanyak RM 410,186.03 bagi tahun 2014 kos untuk kerja-kerja penyelenggaraan asas terus meningkat sehingga jadi RM 2.394 Juta. Di kawasan DUN Jawi memang Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah membantu dengan Skim 80:20 untuk kos penyelenggaraan di rumah kos rendah di Taman Bestari dan Taman Nibong Jaya ini adalah satu titik permulaan yang baik yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri kerana memang satu Kerajaan yang berjiwa rakyat.

YB. Dato' Speaker dan Ahli-ahli Dewan sekalian, selain daripada masalah rumah kos rendah dan rumah kos sederhana rendah terdapat juga isu di mana rumah yang diduduki penuh, sesak dan penduduk warga asing yang masih tidak dapat diselesaikan, isu-isu ini mendatangkan banyak kacau ganggu, kebersihan sekeliling, perumahan dan menjejaskan keselamatan jiran-jiran yang menduduki berdekatan rumah ini. Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menangani isu rumah diduduki penuh sesak ini? Adakah Kerajaan menjalankan operasi bersama Jabatan Imigresen untuk semakan sama ada pekerja-pekerja asing yang tidak ada permit juga

duduk di tempat itu, pada masa yang sama berapa pekerja-pekerja asing haram yang telah ditangkap oleh Jabatan Imigresen semasa operasi ini dijalankan. Ada apa cara yang lebih berkesan untuk memastikan penduduk-penduduk warga asing itu tidak boleh diduduki di rumah penuh sesak itu, satu lagi masalah yang sentiasa mendapat aduan daripada penduduk-penduduk di mana penyewa rumah kos rendah Kerajaan tidak membuat pembayaran sewa kepada Kerajaan atau Jabatan Perumahan Negeri saya ingin mengambil kesempatan ini sama ada terdapat berapa banyak hutang yang masih belum diselesaikan oleh golongan penyewa ini dan tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengutip balik sewa tersebut.

YB. Dato' Speaker dan Ahli-ahli Dewan sekalian, isu usul kedua pengangkutan awam dan infrastruktur, sistem pengangkutan awam dan jalan raya yang berintegrasi adalah amat penting terutama di kawasan DUN Jawi kerana kawasan DUN Jawi bukan bandar yang besar di mana sistem pengangkutan seperti bas adalah penting walaupun Kerajaan Barisan Nasional telah membuat pengumuman dan menuar-uarkan untuk membina satu stesen bas di pekan Nibong Tebal semasa kempen pilihanraya 5 Mei 2013 iaitu dua tahun yang lepas tapi sampai hari ini saya masih tunggu bila akan Kerajaan Persekutuan yang telah umum untuk membina stesen bas ini akan tunaikan janji tersebut, adakah janji ini ditepati atau cuma untuk pilihan raya sahaja kerana ini ada untuk kepentingan penduduk-penduduk setempat.

Saya diberitahu oleh penduduk-penduduk tempatan bahawa isu ini telah dibangkitkan beberapa tahun oleh Kerajaan Pusat untuk dibangunkan sebagai stesen bas pekan Nibong Tebal adalah bandar yang utama di kawasan saya kerana pekan ini sudah lama tetapi sampai sekarang masih tiada satu stesen bas ataupun perhentian bas jika berbanding dengan kawasan Butterworth, Bukit Mertajam dan tempat-tempat lain di Negeri Pulau Pinang, buat masa ini bas-bas awam terpaksa berkumpul dan berhenti di pekan Nibong Tebal tanpa stesen bas dan ini menjadi satu masalah kepada pengguna bas awam di kawasan itu. Saya tidak pasti sama ada Kerajaan Persekutuan jika tidak mampu atau tidak berminat lagi untuk membina stesen bas tersebut lagi kerana sampai sekarang masih tiada sebarang tindakan untuk projek ini, dengan itu saya ingin pohon supaya Kerajaan Negeri Pulau Pinang boleh cuba membantu membina stesen bas di Pekan Nibong Tebal ini untuk memudahkan penduduk-penduduk di sini. Selain itu untuk teksi pula tiada satu perhentian teksi yang sempurna di Pekan Nibong Tebal juga setakat ini teksi-teksi cuma boleh berhenti dan bersinggah di tapak yang kononnya hendak dibina stesen bas itu untuk sementara sahaja. Jadi saya sebagai ADUN Jawi ingin meminta jasa baik Kerajaan Persekutuan supaya memberi pertimbangan untuk membina satu stesen bas dan teksi yang sempurna untuk kegunaan orang awam....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta penjelasan minta laluan, bolehkah Yang Berhormat beritahu bila janji itu dibuat dan oleh siapa janji itu dibuat? Boleh saya dapat tahu?

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Janji ini dibuat semasa sebelum kempen pilihan raya 5 Mei 2013 dan semasa kempen memang tapak itu dipagarkan dengan *zink* yang pagar warna biru tapi sampai sekarang tak ada itu dijanjikan oleh calon Barisan Nasional calon Barisan kalau tak silap itu ialah calon untuk Parlimen Nibong Tebal Zainal(gangguan), Ketua UMNO untuk Negeri Pulau Pinang kalau tak silaplah. Oh bukan(gangguan,) Pulau Pinang, UMNO Ketua UMNO Pulau Pinang bukan Kerajaan kerana mereka telah tak jadi Kerajaan sudah lama.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Sikit sahaja Yang Berhormat, saya juga minta pandangan Yang Berhormat kalau itu telah berlaku apakah komen Yang Berhormat berkenaan dengan janji yang dibuat semasa pilihanraya Permatang Pauh, dua perkara penting satu ialah membina asrama penuh bagi sekolah agama dan satu lagi adalah untuk membuat penambahbaikan kepada Hospital Seberang Jaya RM400 juta yang saya sedang ulas berulang kali kerana perkara ini saya percaya adalah perkara yang serius bagi rakyat Pulau Pinang tahu sama ada Kerajaan Persekutuan benar-benar ingin menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh penduduk di Pulau Pinang berkenaan dengan perkhidmatan Jabatan Kesihatan apakah ulasan Yang Berhormat adakah janji ini akan ditunaikan atau tidak.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih Seri Delima, ini seperti yang telah saya sebutkan semalam dan juga hari Isnin dalam Dewan ini kerana pembinaan untuk hospital, sekolah dan juga seperti stesen bas sepatutnya adalah satu perkhidmatan, tanggungjawab sebuah Kerajaan mahukah kalau tanggungjawab ini perlu ditunaikan oleh Kerajaan Persekutuan maka mereka kena tunaikan tugas mereka ataupun tugas ini kena diselesaikan ataupun tugas ini ditanggungjawab oleh Kerajaan Negeri maka haruslah ditunaikan tapi malangnya semalam kita dengar Bertam telah bangkit fahamkah berapa kos rawatan ubat yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan setiap tahun tapi mungkin dia telah lupa berapa *tax* yang telah dibayar oleh setiap rakyat tak kira kamu ada sakit atau tak sakit kita tak kira macam ini setiap orang berniaga, tak berniaga, makan gaji kena bayar *tax* so *tax* ini dibayar untuk Kerajaan untuk memberikan perkhidmatan yang baik, perkhidmatan yang asas seperti tadi yang disebut oleh Seri Delima memang saya setuju bahawa janji-janji ini kena ditunaikan saya masih tunggu....(gangguan).

Timbalan Ketua Menteri II:

Penjelasan. Terima kasih Jawi, saya tertarik dengan isu ini janji-janji semasa pilihanraya kita pun rasa bahawa kawasan Nibong Tebal ini kawasan yang mundur dan tertinggal selama 58 tahun, baru-baru ini semasa pilihan raya kecil Permatang Pauh Datuk Zainal mengkritik Kerajaan Negeri tidak melaksanakan apa ini perumahan untuk rakyat di Kampung Sungai, Kampung Bagan Serai, maka ini adalah di pemaju adalah daripada Kementerian Kewangan JKP dan dia tidak sebut bahawa apabila JKP memohon untuk perumahan dia tidak memenuhi beberapa syarat yang telah ditentukan oleh Kerajaan Negeri bukan kita mahu tolak JKP tetapi kita rasa JKP ini mesti memenuhi syarat yang diletakkan oleh Kerajaan Negeri untuk membina rumah untuk rakyat miskin, rakyat sederhana kita tak mahu setingan di sana tapi ini belum tapi saya rasa Datuk Zainal dan Pemimpin-Pemimpin Barisan Nasional ini tidak memberitahu rakyat apa isu dengan JKP

ini. Kita pergilah kepada Nibong Tebal tadi saya sebut Nibong Tebal ialah kawasan yang terpinggir dan saya bangkit ini dalam beberapa Mesyuarat Lembaga PDC bahawa janganlah kita sendiri tidak anak tirikan kawasan Nibong Tebal, jangan kita buat kesilapan Barisan Nasional kita(gangguan), kawasan yang begitu teruk sekali.

Saya memang setuju dengan apa ini YB. Jawi tapi yang malangnya saya sebut juga sekolah hari itu kita bincang hospital Seberang Jaya, Hospital yang paling teruk ialah Hospital Sungai Bakap Hospital maut itu saya kata Hospital maut(gangguan), tak apa dia lambatlah ini saya semasa menjadi *member* Parlimen saya bangkit isu ini beberapa kali kepada Menteri Kesihatan pada itu, tolonglah jaga hospital ini, hospital ini saya dengar baru-baru ini saya dengar dalam tujuh tahun saya di sini Pulau Pinang *patient* masuk keluar mati meninggal itu kes di Sungai Bakap dan hospital Sungai Bakap adalah terutama kepada penduduk miskin, banyak penduduk miskin hantar ke Sungai Bakap sebab kosnya rendah dan sebagainya tapi tidak ada doktor yang cukup, tidak ada pakar yang cukup saya rasa ini sangat-sangat teruk bukan sebenarnya Hospital Seberang Jaya mungkin saya rasa kalau banding mungkin lagi elok dari Hospital Sungai Bakap, yang teruk sekali di Pulau Pinang adalah Hospital Sungai Bakap dan mangsa ialah orang yang miskin so jadi setujukah ini Jawi dan tambah sikit lagi ini ada semasa Barisan Nasional ini dia bagi empat (4) ekar tanah untuk Sekolah Tamil daerah sekarang tinggal lagi dua (2) ekar siapa yang curi dua (2) ekar lagi? Hilang saja dua (2) ekar, hilang saja dua (2) ekar macam mana ini boleh hilang sikit bolehlah saya ingat ini dua (2) ekar hilang siapa yang bertanggungjawab. Terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Minta Laluan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Minta Laluan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Jawi bagi Telok Ayer Tawar.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Saya bagi Telok Ayer Tawar. Dia sampai dahulu Sungai Aceh baru masuk kamu lewat.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih Jawi. Saya tertarik dengan apa yang dibangkit oleh Perai dan juga Jawi berkenaan dengan projek di Bagan Serai. Saya rasa untuk berlaku adil sebab Perai tanya tadi, Perai membuat kenyataan bahawa ada syarat-syarat yang belum ditunaikan. Untuk berlaku adil kepada JKP saya rasa, Kerajaan Negeri juga kena maklumkan apa dia syarat-syarat tu dan kenapa tidak boleh ditunaikan. Saya tak tahu mungkin saya silap, tapi antaranya adalah mengenakan syarat untuk membina 50% rumah kos rendah. Kenapa nak dibebankan kepada pemaju pihak Kerajaan Persekutuan. Bebanan atau tanggungjawab yang seharusnya dipikul bersama dan juga dipikul oleh Kerajaan Negeri untuk menyediakan rumah kos rendah. Sebab peruntukan ataupun syarat adalah 30%

tetapi untuk agensi Kerajaan Pusat seperti JKP di situ bukan sahaja untuk menyelesaikan masalah setinggan yang sudah berat tetapi juga dikenakan syarat 50% rumah kos rendah. Dan ini adalah satu perkara yang sukar untuk dipenuhi. Jadi *to be fair* ...(dengan izin), Dato' Speaker) *you have to put things on the table. So that* semua orang nampak isu-isu dengan jelas. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Cukup saya rasa, Jawi sambung. *Your floor* tidak boleh satu sahaja. Perai dulu..... (gangguan).

Timbalan Ketua Menteri II:

Saya rujuk kepada YB. Teluk Ayer Tawar isu di Kampung Bagan Serai. JKP bukan satu syarikat swasta sebenarnya, adalah di bawah Kementerian Kewangan. Ditubuhkan untuk menyelesaikan masalah rakyat terutamanya orang fakir miskin. Jadi memang ada satu yang *confuted* dalam kenyataan tadi, mungkin dari segi Yang Berhormat katakan bahawa Kerajaan Negeri tidak memberi tahu apa syarat....(gangguan), no, no, lagi satu segi mengatakan letakkan kuota syarat 50%. Saya sebenarnya mungkin ini akan dibawa oleh Datuk Keramat nanti, tapi isunya adalah masalah setinggan dan saya tidak tahu sama ada JKP sudah rayu kepada perkara itu dan saya rasa kita tidak mahu tolak sebab JKP itu adalah daripada Kerajaan Pusat, itu bukan tujuannya. Penyelesaian setinggan ini adalah satu agenda yang begitu penting sekali. So, jadi saya rasa saya bukanlah Kerajaan Negeri ini, bukan saya mahu tutup mata menyokong Kerajaan Negeri. Tapi isu masalah sama ada 50% sama ada JKP sudah rayu kalau rasa ini adalah satu syarat yang tidak munasabah mungkin itu saya rasa kita boleh bincang. Tapi banyak aspek ini apabila badan persekutuan ini cuma fokus kepada membinakan rumah-rumah mewah untuk buat keuntungan, ini saya rasa kita tolak dari segi prinsip sebab tujuan JKP ini bukan itu.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih Perai. Untuk makluman Dewan, JKP memang bukan bertujuan untuk membuat keuntungan dan semua rumah-rumah JKP dijual di bawah paras harga pasaran untuk *affordability* tadi, untuk membolehkan rakyat Pulau Pinang membeli rumah-rumah yang dimajukan oleh JKP.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Saad):

Penjelasan Yang Berhormat, sikit sahaja. Saya adalah salah seorang daripada Ahli Lembaga Pengarah JKP Sdn. Bhd. Kita telah menjaga hampir RM50 juta pada tahun yang lepas untuk membina rumah kos rendah. Sedarkah Yang Berhormat Perai bahawa untuk membina rumah kos rendah yang dijual dengan harga RM43 ribu itu, kos sebuah rumah adalah RM80 ribu ringgit. Di sini bermakna kita terpaksa mencari lagi pendapatan itu untuk menampung. Walau bagaimanapun, JKP masih lagi menjual rumah di bawah harga pasaran, Yang Berhormat Perai. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Duduk, Jawi sila sambung.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih Dato' Speaker. Jadi saya sebagai Adun Jawi ingin meminta jasa baik Kerajaan Persekutuan sekali lagi supaya memberikan pertimbangan untuk membina satu stesen bas dan teksi yang sempurna untuk kegunaan orang awam, pengundi-pengundi, penduduk-penduduk di tempat ini. Ini juga dapat menghidupkan semula pekan Nibong Tebal jika adanya stesen bas itu, kerana dengan adanya sistem pengangkutan yang baik barulah dapat memberikan lebih banyak kemudahan dan pembangunan yang baik di tempat itu. Jadi saya harap, saya tidak mahu lihat lagi dua tiga tahun yang akan sampai pilihanraya masa itu lagi kita ada tengok surat khabar bahawa sekali lagi untuk membawa pengumuman untuk bina stesen bas itu jika calon-calon tersebut terutama Barisan Nasional menang. YB. Dato' Speaker dan Ahli-ahli Dewan sekalian, kebersihan dan kesihatan.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud bin Zakaria):

YB. minta laluan. Dato' Speaker, cuma saya nak dapat maklumat daripada Jawi sekarang wujud tak lagi *bus station* di Nibong Tebal. Saya nak olah sedikit Dato' Speaker, Jawi seorang wakil rakyat yang hebat. Dia berjuang habis-habisan. Sebagai satu contoh Dato' Speaker, perjuangannya telah berjaya bila ada projek pelebaran jalan persekutuan, kalau ikut *alignment* awal Bagan Jermal tolong perbetul kalau saya silap. Di antara perkuburan Cina dengan Petronas Sungai Bakap, ikut awal *alignment* dia itu sebelah perkuburan Cina, Sungai Bakap. Kemudian bertentangan dengan dia Petronas yang telah wujud beberapa lama. Tapi atas perjuangan dia *alignment* yang sebelah kubur itu dibatalkan tetapi dipindah sebelah Petronas. Hebat dia sehingga orang kampung bercakap pertembungan di antara orang yang mati dengan orang hidup, tapi yang menangnya orang mati. Maksudnya kubur itu yang mati, yang Petronas itu orang hidup. Tapi kalah orang yang hidup. Itulah perjuangan daripada Jawi. Tapi jangan lupa Jawi stesen bas yang wujud sekarang walaupun sementara adalah atas ihsan termasuk daripada Lembaga Pengarah JKP. Kita benarkan guna untuk kepentingan Jawi, Nibong Tebal. Tetapi kalau nak ikut atas dasar parti lain tentulah YB. Pulau Betong tidak membenarkan kerana yang nak minta stesen bas itu adalah Jawi. Tapi kita ini adil dan saksama. Itulah janji yang kita tunai mengikut manifesto Barisan Nasional, Selamat Menyambut Hari UMNO. Terima kasih.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Izinkan Dato' Speaker saya nak jawab sedikit tentang Sungai Acheh. Terima kasih kerana Sungai Acheh bangkitkan projek pelebaran jalan yang dijalankan oleh Kerajaan Persekutuan ini. Sebenarnya saya tidak mahu sentuh tapi Sungai Acheh telah sentuh, bukan kita sokong untuk kubur orang mati dan tak sokong orang yang hidup. Kalau satu projek pelebaran jalan, pembinaan *highway* dan lain-lain yang akan dijalankan oleh sesebuah Kerajaan yang kita lihat kalau projek pelebaran jalan itu akan menyentuhkan lebih kurang 300 kubur dan kubur itu ada di tapak perkuburan. Kita sama-sama setiap kaum memang India, Cina, Melayu, Kadazan semua yang mati dua (2) cara sahaja. Satu (1) terus bakar atau dikuburkan. Dan yang dikuburkan itu semua adalah nenek moyang kita, datuk-datuk kita, nenek kita. Kalau projek pelebaran itu nak sentuh kubur, saya ingat dia tidak boleh *reasonable* ...(dengan izin). Kalau Petronas itu kena cuma membayar, kalau boleh JKR *just settle* masalah ini dengan membayar pampasan dan memberi laluan sepatutnya Petronas, patut memberi laluan dan juga kedai-kedai di sana kerana kita kena memberi izin kepada projek pelebaran jalan ini dijalankan dengan lancar.

Usul yang satu lagi, usul kedua yang saya nak sentuh pagi ini, kebersihan dan kesihatan sempena ulang tahun ke-5 untuk *Cleaner Greener Healthier and Saver Penang* ...(dengan izin) pada 22 Mei 2015 ini sudah lima (5) tahun. Negeri Pulau Pinang memang berhasrat untuk menjadikan sebuah Negeri yang mempunyai taraf kebersihan, kehijauan, kesihatan dan keselamatan yang bertaraf antarabangsa. Maka isu kebersihan menjadi agak penting terutama di kawasan-kawasan persekitaran bandar, kawasan perumahan, tempat awam, taman permainan, taman rekreasi, halaman rumah, tepi jalan dan juga tanah persendirian. Selepas pemerintahan Kerajaan Pakatan Rakyat, Kerajaan Negeri bertambah bersih terutama di tepi jalan, sekitar bandar, taman rekreasi dan juga kawasan perumahan. Di kawasan Seberang Perai saya mendapati bahawa kebersihan di banyak tempat masih lagi tidak dapat dijaga dengan baik terutamanya di kawasan-kawasan perindustrian dan juga kawasan perumahan.

Setelah MPSP mengambil alih 100% kerja-kerja pengurusan sisa pepejal dan kerja-kerja pembersihan. Kerja-kerja pembersihan telah ditambah baik, tetapi masih banyak kawasan yang tidak bersih dan tidak dapat dijaga dengan baik termasuk kerja-kerja penyelenggaraan dan kebersihan di pasar awam dan kompleks makanan MPSP. Saya sebagai ADUN, boleh dikatakan setiap hari di pusat khidmat saya dan saya punya telefon sekurang-kurangnya mendapat aduan, menerima aduan lebih kurang 10 aduan berkaitan isu kebersihan di kawasan SPS, seperti longgokan sampah ambil naik dari parit tetapi dibiarkan ditepi jalan dekat seminggu, rumput dipotong tidak dikutip, sampah di tepi jalan tidak disapu, tong sampah yang penuh tidak dikutip, lori sampai mengeluarkan air sampah atas jalan menjadikan bau busuk, ranting pokok yang jatuh tidak dikutip, penggunaan *blower* ...(dengan izin), untuk meniupkan sampah atau daun dari tepi jalan ke dalam parit tetapi tidak mengutip sampah semua dari parit tersebut, sehingga parit tersebut tersumbat semasa hujan dan lain-lain lagi. Sebenarnya kerja-kerja pembersihan memang penting dan dia sepatutnya dilaksanakan dengan penguatkuasaan yang ketat seperti di Negara Singapura. Sesiapa yang berada di Negara Singapura adalah tidak dibenarkan untuk membuang sampah dengan sesuka hati di merata tempat. Ini kerana mereka ada sistem penguatkuasaan yang begitu baik. Di Malaysia pula tiada undang-undang yang dapat mengawal supaya rakyat tidak membuang sampah di merata tempat. Ada papan tanda yang membuang sampah denda 500 tetapi tak dapat dilaksanakan dengan baik.

YB. Dato' Speaker dan Ahli-ahli Dewan sekalian, satu masalah yang sering berlaku tetapi masih tidak dapat diselesaikan adalah tanah persendirian yang kosong sentiasa dijadikan tempat pembuangan sampah, sisa binaan dan sisa kilang. Saya difahamkan bahawa dasar baru tidak perlu digubal untuk menangani isu ini dengan adanya Seksyen 74, Seksyen 80, Seksyen 81, Seksyen 82 di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976. walau bagaimanapun, PBT masih tidak dapat menyelesaikan masalah ini. Maka saya berpendapat Kerajaan Negeri dan Kerajaan tempatan perlu mencari satu cara penyelesaian untuk memastikan tanah kosong tidak dicemari dengan sampah, sisa binaan dan sisa kilang. Saya berpendapat, jika tanah kosong dipagarkan, ia dapat mengelakkan pembuangan sampah, sisa binaan dan sisa kilang. Tambahan pula, sampah sarap seperti tayar, tin kosong, tong plastik dan bekas makanan ini akan menjadi suatu tempat pembiakan nyamuk terutama kita lihat kes-kes denggi yang berturutan tidak dapat diselesaikan. Jabatan, Kementerian Kesihatan juga bersetuju bahawa mereka sukar untuk mengeluarkan saman kepada tuan tanah jika tanah-tanah telah dicemari dengan sampah sarap tersebut. Kes denggi yang semakin bertambah setiap hari di setiap kawasan amat menakutkan penduduk-penduduk.

Di kawasan SPS, sejak awal tahun ini sehingga 8 Mei 2015, sudah 115 kes denggi yang berlaku dan di kawasan DUN Jawi pula, sehingga 8 Mei 2015, sudah 15 kes denggi yang berlaku. Tempat-tempat seperti tapak pembinaan seperti tanah kosong yang tidak dipagarkan, rumah kosong yang tidak diduduki, telah di kategorikan oleh Jabatan Kementerian Kesihatan sebagai *hot spot* pembiakan nyamuk aedes. Selain daripada Jabatan Kementerian Kesihatan dan Kerajaan Tempatan yang mengambil langkah mencegah pembiakan nyamuk aedes, penduduk-penduduk juga haruslah lebih proaktif dalam menjaga kebersihan di persekitaran rumah mereka. Pada sesi Dewan Undangan Negeri tahun lepas, Kerajaan ada membuat pengumuman dengan memperkenalkan pemasangan *mosquito magnet* di lokasi wabak yang kronik untuk menangani masalah denggi.

Di sini saya nak ambil kesempatan, tanya, adakah Kerajaan Negeri telah mengeluarkan pemasangan *mosquito magnet* tersebut. Jikalau ya, adakah ia berkesan? Setelah Pusat Dialisis CAT Negeri Pulau Pinang yang telah beroperasi di Balik Pulau, saya cadangkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang perlulah lebih berusaha dengan lebih cepat untuk membuka Pusat Dialisis di setiap daerah dengan kerjasama kelulusan permohonan lesen oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Saya berpendapat, Kerajaan Persekutuan haruslah memberi bantuan dari segi menguruskan permohonan lesen tersebut dengan cepat. Saya ingin minta Kerajaan Negeri Pulau Pinang memberikan tumpuan dan menyediakan peruntukan untuk mendirikan Pusat Dialisis di daerah lain dalam bajet 2016 yang akan datang ini. Ini adalah kerana saya percaya di setiap daerah ada banyak pesakit dialisis yang memang memerlukan Pusat Dialisis seperti ini, dan Pusat Dialisis di Balik Pulau yang telah dilaksanakan adalah satu tanggungjawab dan projek yang amat baik walaupun Kerajaan Persekutuan masih belum melaksanakan Pusat Dialisis ini. YB. Dato' Speaker dan Ahli-ahli Dewan sekalian.....(ganguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya minta laluan.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Ya, sila.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Pusat Dialisis ini adalah sebenarnya di bawah portfolio Kementerian Kesihatan. Adakah di bawah Kementerian Kesihatan? Soalan pertama saya. Kalau di bawah Kementerian Kesihatan, apakah Yang Berhormat telah lakukan untuk mendapatkan maklumbalas ataupun inisiatif Menteri Kesihatan? Siapa Menteri Kesihatan? Adakah apa-apa tindakan diambil? Atau adakah Menteri Kesihatan sibuk dengan urusan-urusan lain? Terima kasih.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih Seri Delima. Sebenarnya isu-isu kesihatan, pembinaan Pusat Dialisis ini adalah tanggungjawab Kementerian Kesihatan seperti hospital tapi buat masa ini, kita dapat lihat dengan kecekapan pelaksanaan Kerajaan Pakatan Rakyat di Negeri Pulau Pinang ini kita telah dapat capai dan telah dapat membuka Pusat Dialisis yang pertama di

Balik Pulau. Ini adalah kita buat kerja dan dibuat kepada rakyat walaupun bukan tanggungjawab yang sepatutnya. Portfolio ini di bawah Kementerian Kesihatan ini. Isu, silakan(gangguan).

Timbalan Ketua Menteri II:

Isu kesihatan ini sangat-sangat penting bukan sahaja di Pulau Pinang malah seluruh negara dan hospital-hospital Kerajaan ini mungkin sangat teruk, memang ada juga tambahan peruntukan ke hospital besar dan sebagainya, tak cukup, memandangkan keseriusan penyakit-penyakit. Saya nampak ini, siapa Menteri Kesihatan? Kawan saya ka?....(gangguan). Tapi Menteri Kesihatan ini dia lebih berlumba-lumba jadi Presiden MIC. So, jadi....(gangguan).

Ahli Kawasan Air Putih (Y.A.B. Lim Guan Eng):

Dia tak sihat.

Timbalan Ketua Menteri II:

Dia tak sihat, datang.....(gangguan), (ketawa), so jadi, bolehkah Jawi, kita buat satu usul supaya kita minta Menteri Kesihatan letak jawatan, sebab dia tak buat kerja. Saya ingat mungkin ini, saya rasa boleh panjangkan oleh YB. Seberang Jaya tentang keadaan hospital ini. Tadi saya sebut ini Hospital di Sungai Bakap, begitu teruk sekali. Tapi dia yang janji masa pilihan raya kecil, dia yang janji bahawa 3,000 orang India akan undi kepada Barisan Nasional. Tapi nampaknya 300 pun tak undi. Macam mana ini? So jadi, saya mintak bahawa isu denggi ini meningkat, bilangannya meningkat, suma bilangan penyakit meningkat tapi dia tak serius ini. Semasa dia jadi Menteri Sumber Manusia pun dia tak jaga juga, so apa ini? Bukan dia sajalah, ada juga menteri-menteri lain, sebab kita bincang kesihatan, saya mau sentuh dia la. Ini bukan masalah peribadi dan sebagainya. Jadi, saya rasa Jawi ini kita buat usul nantilah kalau denggi ini bertambah lagi, saya ingat kita buat satu usul supaya dia letak jawatan lah. Minta Perdana Menteri, tapi Perdana Menteri pun mungkin dia sudah hanyut sekarang. So macam mana?

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Haedan Ayoob Hussain Shah):

Minta laluan. Menyakitkan hati.

Timbalan Ketua Menteri II:

saya tahu, saya kata hanyut sahaja....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Haedan Ayoob Hussain Shah):

Sebut Perdana Menteri saya mana boleh. Saya tak mintak pun Ketua Menteri letak jawatan.

Timbalan Ketua Menteri II:

Saya tak menyakitkan hati orang. Jangan jadi *super sensitive*. Duduk, duduk, kita mahu jaga, kawal Pulau Pinang. Negeri-negeri lain saya pun tidak tahulah. So macam mana ini Menteri Kesihatan begini. Dia datang sini, tak tahu di buat, semua kerja kecuali kerja mengenai kesihatan. Jadi saya mintak mungkin jawi sokong, sebab saya rasa isu kesihatan ini sangat teruk di Nibong Tebal.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Jawi.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Dato' Speaker, sedarkah Jawi, dialisis ini telah wujud sebelum Pakatan yang ditaja oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai. Kalau tak betul tak apa. Kalau betul tolong bagi jawapan. Iaitu di Taman Merak kalau tak silap saya. Yang pertama, bukan di Balik Pulau, makna Sungai Aceh *lead* daripada Balik Pulau. Kalau tak betul takpa, tapi saya ingat. Tak betul takpa, *check* dengan MPSP.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Taman Merak, kawasan saya....(ketawa).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud bin Zakaria):

Dibuatnya sebelum Dato' Speaker jadi wakil rakyat.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya tahu sejarah Pusat Dialisis. Jadi memang tak betullah....(ketawa).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud bin Zakaria):

Tak apalah, okey. Yang kedua Dato' Speaker, saya memang amat setuju dengan Perai untuk nak wujudkan Hospital Sungai Bakap. Hospital Sungai Bakap ini ada sejarahnya. Dato' Speaker, Pak Syeikh pun dilahirkan di situ. Kenal Pak Syeikh?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dato' Afif bin Bahardin):

Dia ada dalam penjaralah ini.

Ahli Kawasan Air Putih (YAB. Lim Guan Eng):

Orang dalam penjara jangan disebut-sebut.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud bin Zakaria):

Dak, saya sebut dia dilahirkan di situ.....(gangguan). Dak, kami dari dulu, saya dengan YB. Batu Maung, masa kami menyokong dia kami panggil Pak Syeikh. Pak Syeikh tu bertaraf....(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Masa itu UMNO.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Ya...(gangguan), ya tak apalah, biasalah. Tak salah. Cari kamus bahasa Arab, Pak Syeikh apa makna.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kalau tak ada saya nak....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Nanti sat nak sambunglah. Nanti. Ni Air Putih suka ganggu saya. Dia tahu pasal akauntan, dia tak tau pasal Bahasa Arab. Okey Dato' Speaker, jadi dalam sidang sudah, YB. Seberang Jaya menyebut cadangan bina semula Hospital Sungai Bakap dah dimasukkan dalam RMK-11, ada permohonan. Nak dalih lagi? Buka hansard. Ok? macam tulah mengaku. Dah mintak dan cuma Seberang Jaya bercadang nak buat di Batu Kawan. Sedangkan YB. Sungai Bakap, Dato' Mokhtar dengan saya, kami mintak di Sungai Bakap. Sungai Bakap Sungai Bakap la, pasai apa pergi Batu Kawan? Yang jadi masalah sekarang Hospital Seberang Jaya yang banyak katil pun tak cukup kalau nak bersalin, bukan sebab kerana orang banyak bersalin sangat, hat bersalin pun bersalin dah. Tapi oleh kerana orang sana pun pergi. Jadi, kita nak mintak di bawah EXCO Kesihatan, yang tak dapat jadi calon tapi nak ganti Menteri Kesihatan kerana nak mintak Menteri Kesihatan letak jawatan, maka Menteri Kesihatan yang baru yang inilah. Pastikan...(gangguan), bina hospital di Sungai Bakap.

YB. Batu Maung, saya sebut Pak Syeikh depa marah. Kita sekali dulukan? Saya nak mintak yang tu ja. Mintak Kerajaan Negeri menyokong penuh supaya Hospital Sungai Bakap nak buat pun cari tanah kawasan tu juga. Dato' Mokhtar, Sungai Bakap setuju? Dato' Mokhtar? *Assalamualaikum*. Soalan saya...(ketawa), oleh kerana Perai dia kata Menteri Kesihatan gagal menjalankan tugas asyik nak rebut Presiden katanya. Dia mintak letak jawatan kerana gagal untuk wujudkan hospital. Betul? Kemudian ditambah Air Putih kerana dia tak sihat. Saya difahamkan Air Putih dia pun dua (2) hari tak sihat. Dia habaq kat Pulau Betong saya tak boleh masuk Dewan. Tapi *alhamdulillah*, sihat. Soalannya, boleh tak oleh kerana Air Putih bentang belanjawan hari tu sebut *levi* tapi sekarang ni kita jadi fi. Dia dah membohongi Dewan, dia juga diminta letak jawatan! Yang kedua, jangan marah la. Tadi kata kami tak marah. *Cool*, pagi-pagi. Kemudian yang kedua, Padang Kota. Bila isu lampu awam.....(ketawa)...(gangguan)

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sekali tembak. Nanti saya potong.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud bin Zakaria):

Kena macam itulah, tembak banyak kerana jawapannya bercanggah dengan peraturan, saya mencadangkan juga supaya dia letak jawatan. Jadi Perai dengan Delima boleh ambil tempat, kedua-dua tempat ini. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Jawi, bukan apa-apa soalan, ikut.....(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Kalau Sungai Aceh dibenarkan sambung, semua sini kena letak jawatan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Jawi, sila. Kalau tak ada nanti semua kena letak jawatan....(ketawa).

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih Dato' Speaker. Saya nak jawab kepada Sungai Aceh, saya masih sedar sebelum saya bangkitkan Pusat Dialisis yang pertama yang dibuat oleh Kerajaan Pakatan Rakyat di Balik Pulau ini, memang Dato' Speaker telah jawab itu kawasan Dato' Speaker, lebih faham. Itu adalah di bawah NGO, bukan di bawah Kerajaan pimpinan Barisan Nasional yang telah melaksanakan. Saya ingin mengingatkan Sungai Aceh, siapa lahir di hospital mana itu tak penting. Siapa-siapa pun dilahirkan di hospital-hospital berlainan tetapi mesti ingat zaman berubah, masa berubah, keperluan rakyat juga berubah, seperti keperluan rakyat pada 8 Mac 2008 juga berubah maksud saya keperluan hospital juga kena ikut keperluan rakyat berubah. Kerana setiap hari rakyat membayar tax, tax itu diberikan kuasa Kerajaan Persekutuan untuk merancang isu mana yang penting pembangunan mana yang penting, untuk pentingkan rakyat. Bukan sahaja siapa pernah dilahirkan di hospital ini maka hospital itu memang masih ada *facility* yang baik mungkin dulu ada *facility* yang baik tetapi kerana tidak *update* sudah *outdated* tak ikut zaman saya di sini memperingatkan sekali lagi hospital-hospital Kerajaan Persekutuan perlulah bertanggungjawab kerana ini adalah keperluan semua rakyat.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Yang Berhormat Jawi, saya nak tanya pendapat Yang Berhormat kalau Kerajaan Pusat dapat menyelamatkan RM43 bilion daripada 1MDB berapa hospital kita boleh bina?

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Setiap KADUN boleh bina satu (1) hospital. Setuju Yang Berhormat Sungai Aceh setuju...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sambung.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Yang Berhormat...(gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Saya nak ingatkan Kerajaan Persekutuan, sila...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Saya nak tanya Yang Berhormat tolong tanya Yang Berhormat kita Seberang Jaya tolong buktikan duit itu kita pun nak tahu juga, tolong buktikan...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Telok Bahang boleh tanya Tun Mahathir juga, dia pun bincang perkara ini.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Dia pun tanya. Kalau Yang Berhormat...(gangguan), kita tanya...(gangguan). Ini peluang....(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Telok Bahang. Nanti giliran Telok Bahang.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Saya tanya, ini *official* saja yang boleh bagi dalam Dewan, sila sebut satu persatu, maknanya....(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah, sudah.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Dia pun bincang benda ini kita tanya soalan matematik RM43 bilion boleh bina berapa hospital? Kita tanya. Soalan matematik....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Soalan saya tolong buktikan duit itu pergi mana, kita nak tahu pergi ke mana.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah cukup.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih Yang Berhormat Telok Bahang memang berminat untuk tahu saya bukan sahaja Yang Berhormat Telok Bahang semua rakyat Malaysia pun ingin tahu termasuk luar negara. Tetapi saya di sini saya tak boleh jawab mana duit itu, saya nak jawab siapa makan cili, dia makan pedas itu sahaja. Siapa yang makan cili dia akan rasa pedas. Siapa makan cili siapa yang guna 1MDB dia sendiri tahu.

Timbalan Ketua Menteri II:

Tetapi Yang Berhormat Kawasan Jawi minta maaf, Yang Berhormat Kawasan Jawi hati baik, Jadi pepatah Melayu ini tidak boleh pakai, sekarang siapa makan cili dia tak akan rasa pedas....(ketawa).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Senang saja, kuman di seberang laut nampak, gajah depan pun mata tak nampak.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Minta laluan. Saya telah tertarik, sedar dari tahun 2013 sampai pilihan raya siapa yang teraktif sekali dalam politik yang menggunakan 1Malaysia, di mana di sana tiap-tiap malam bagi barangan bagi makanan dan itulah 1Malaysia, kemungkinannya dikeluarkan telah diguna cuba menyelamatkan Barisan Nasional, pada itu adalah RM43 bilion yang hilang di sana kemungkinannya saya nak tanya adakah dalam pilihanraya Barisan Nasional telah menggunakan 1Malaysia? Ada atau tidak? Cuba nafi. Kedua saya tertarik dengan *Dialysis Center* kalau kata wang tak ada tak boleh buat apa tapi dasar. 90-an Barisan Nasional khasnya UMNO telah umumkan Wawasan 2020. Satu negara yang membangun dan lain-lain. Masalah *Dialysis Center* ada ka tak ada? Dan sedarkah bahawa telah berkurangan pada kekurangan *nephrologist* jika seorang satu pentadbiran yang baik dia sudah nampak jauh. Pada 90-an dia kata 2020 wawasan ada wawasan tetapi tidak ada dasar atas kepentingan rakyat. Kenapa pendidikan itu begitu lingkup di sana. Tidak ada *nephrologist* supaya di sana *Dialysis Center* boleh dibuka. Dan terpaksa NGO buat terpaksa NGO buat tetapi Kerajaan tidak buat. Itulah satu kelemahan *you have got no vision at all* seperti kelmarin BN “*bo now*” tetap “*bo now*.”

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Jawi sudah habis sambung.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih keada YB. Dato' Speaker, saya nak sentuhkan sedikit tentang landskap, di kawasan Seberang Perai Majlis Bandaraya Pulau Pinang untuk susun semula Jabatan Lanskap kerana Pegawai-pegawai Lanskap yang sedia ada tidak menunjuk inisiatif dan semangat positif dalam kerja-kerja dan pengindahan di Seberang Perai. Walaupun saya telah membuat lawatan dan perbincangan dengan Jabatan Lanskap dengan isu menghias di beberapa tempat di DUN Jawi dengan tanaman bunga tiada sebarang tindakan diambil sehingga sekarang. Tetapi setelah saya membuat permintaan Tuan Setiausaha MBSP iaitu Tuan Haji Razali dan Dato' YDP dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerajaan Tempatan 2 April 2015 untuk turun ke tapak lebih kerap.

Tuan Setiausaha Perbandaran (MPSP) telah mengambil inisiatif yang baik untuk membuat lawatan di DUN Jawi dan selesaikan beberapa masalah-masalah landskap yang telah saya bangkitkan dalam jabatan landskap pada 6 bulan yang lalu. Sikap Tuan Setiausaha MPSP ini patut dicontohi oleh semua pegawai mungkin Menteri Kesihatan perlulah mencontohi sikap seperti Setiausaha Majlis Perbandaran Seberang Perai. Pada masa yang sama saya juga ingin meminta YDP. Dato' MPSP supaya turun ke tapak lebih kerap kali untuk memahami situasi keadaan sebenar atau isu-isu di tapak dan memberi lebih banyak tumpuan untuk menyelesaikan masalah di Seberang Perai sebelum mempromosikan ia kepada luar negara.

YB. Dato' Speaker dan Ahli-ahli Dewan Undangan sekalian. Usul yang satu lagi saya nak bangkitkan ialah pembangunan desa. Di Kawasan DUN Jawi ada kawasan luar bandar seperti yang saya sebutkan tadi tak ada stesen bas, satu kawasan luar bandar yang masih belum dimajukan sepenuhnya di mana terdapat banyak jalan kampung dan parit tanah di kawasan kampung yang menjadi dan mendatangkan masalah seperti jalan kampung rosak, tiada tiang lampu dan semak samun yang menyebabkan parit tanah. Di kawasan Jawi seperti tanah di kawasan Changkat, Telok Ipil, Kampung Jawi, Sungai Jawi, Byram dan Kampung Victoria masih terdapat parit tanah. Setiap tahun saya ada pohon Pejabat Tanah untuk cuci parit tanah di atas tanah Kerajaan, tetapi selalu saya diberi jawapan bahawa tiada peruntukan disediakan. Jumlah peruntukan disediakan di pejabat daerah untuk kerja-kerja penyelenggaraan jalan kampung, mencuci parit tanah lain diberi kepada setiap Pejabat Daerah setiap tahun dan saya merujuk kepada jawapan yang diberi dan solan bertulis saya Pejabat Daerah dan Tanah juga mendapat peruntukan pembangunan untuk menyediakan pelbagai kemudahan infrastruktur daerah masing-masing. Saya ingin cadangkan peruntukan pembangunan ini haruslah diagihkan mengikut pecahan yang seimbang mengikut setiap KADUN tersebut. Saya juga ingin minta Kerajaan Negeri kalau boleh masukkan bajet untuk membina parit konkrit untuk menggantikan parit tanah yang sedia ada di tempat-tempat yang memang menunggu keperluan itu.

Dato' Timbalan Speaker dan Ahli Dewan sekalian. Isu berkaitan sukan, untuk menandatangani masalah sosial yang semakin meningkat, saya berpendapat golongan remaja dan pemuda kita haruslah diberi tumpuan dan bantuan supaya tidak terlibat dalam kegiatan dan yang tidak baik dan tidak sihat. Pada tahun 2015 ini baru-baru ini (PYDC) *Penang Youth Development Corporation* ...(dengan izin) Dato' Speaker bekerjasama dengan EXCO Belia dan Sukan dan Kerajaan Negeri menganjurkan beberapa program sukan dan komuniti seperti Kejohanan Bola Sepak Daerah Barat Daya dan turut disokong dengan kehadiran ADUN Telok Bahang kawan saya. Piala PYDC yang telah mula bulan Mac 2015 dan akan tamat pada 16 Mei 2015. Pertandingan bola sepak anjuran Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah lama tidak dianjurkan dan sekarang Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah berjaya menganjurkan program ini dan menarik penyertaan yang aktif dari golongan muda dalam pertandingan bola sepak ini. Ini telah menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PYDC telah melangkah ke depan untuk melibatkan golongan muda dalam kegiatan sukan. Maka pemuda pemudi kita dapat meluangkan masa lapang mereka dalam kegiatan bola sepak. Di samping itu Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga telah berusaha dengan penambahan kemudahan tempat bersukan seperti gelanggang bola sepak, gelanggang futsal, gelanggang bola keranjang, gelanggang badminton, kolam renang, gelanggang sepak takraw dan lain-lain.

Tambahan pula PYDC dan MMK Belia dan Sukan telah pertama kali mengadakan Pertandingan Bola Keranjang Piala PYDC Peringkat Daerah pada tahun 2015 yang baru habis untuk Peringkat Daerah semalam di SPS. Dan peringkat negeri pada tahun 2015 akan dimulakan pada 15 Mei 2015 Jumaat ini. Pertama kali Kerajaan Negeri membuat pertandingan ini dan mendapat sambutan sebanyak 60 pasukan yang mengambil bahagian, kesemua ini adalah pemuda-pemuda kita. Ini telah menunjukkan inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang memang mementingkan kesihatan dan membantu golongan muda dan mencungkilkan bakat golongan belia muda kita dalam bidang sukan. Saya percaya Kerajaan Negeri dan PYDC dapat teruskan langkah-langkah seperti ini dalam memperluaskan komuniti sukan dengan sukan yang berlainan dengan pada masa yang akan datang. Di sini saya ingin memohon Kerajaan Negeri supaya memberi peruntukan untuk komuniti sukan ini dengan lebih dalam bajet 2016, supaya kita dapat mengadakan program sukan lebih banyak di tempat-tempat di Negeri Pulau Pinang ini. Marilah kita sama-sama menjayakan bidang sukan dan memberi harapan kepada golongan remaja dan belia kita di Negeri Pulau Pinang.

Di sini saya nak sentuh juga satu isu yang masih tidak dapat diselesaikan iaitu kenderaan berat. Di mana di kawasan saya kebanyakan kenderaan-kenderaan berat berhenti di kawasan perumahan yang telah menjadikan satu gangguan ataupun mendatangkan masalah atau menggugat keselamatan penduduk-penduduk DUN Jawi dan saya minta pihak-pihak yang bertanggungjawab pihak MPSP, PDRM, Jabatan Pengangkutan Jalan, Suruhanjaya Pengangkutan Awam dan Darat supaya ambil langkah untuk mengkaji macam mana untuk menyelesaikan masalah-masalah kenderaan berat yang letak di kawasan taman perumahan, terutamanya lepas waktu kerja dan sehingga awal pagi dan ini menjadi satu masalah yang lama. Di sini saya ingin pohon menyokong sekian, terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Ahli Kawasan Jawi, Telok Bahang persilakan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, dan Yang Berhormat Ketua Menteri. Sebelum itu 16 Mei ada *final* bola Sungai Ara dan Telok Bahang. Yang Berhormat kedua-dua sokong pasukan saya. Pada sidang Dewan yang lepas pada November yang lepas, saya sebut betapa Pulau Pinang ialah sebuah Negeri yang kecil yang mengambil kira-kira 0.3% daripada keluasan tanah dan Negeri kedua terkecil di Malaysia. Pulau Pinang juga tidak memiliki sumber asli yang banyak, saya fikir pihak Y.A.B. Ketua Menteri mungkin lebih arif mengenainya dan telah awal-awal mempunyai rancangan yang tertentu untuk membesarkan keluasan tanah di Negeri Pulau Pinang. Kalau kita sebelum ini menganggap projek tebus guna tanah di Seri Tanjung Pinang 2 sudah begitu besar, kita mungkin terkejut dengan rancangan tebus guna di suatu kawasan kita yang mengambil satu keluasan lebih kurang 1,500 ekar dan dikenali sebagai *middle bank* jika kita ingin mencongak secara kasar keluasannya adalah dua (2) kali ganda Pulau Jerejak. Kawasan yang lebih cetek ini dikatakan lebih mudah dan murah untuk ditambah rancangan ini dilaksanakan akan merubah peta Negeri Pulau Pinang ke satu bentuk yang belum kita ketahui lagi.

Walau bagaimanapun soal rupa bentuk peta Negeri kita ini adalah soal sampingan sahaja. Yang lebih signifikan adalah kesan pada projek ini apabila dilaksanakan nanti, kawasan ini memiliki 125 kawasan rumpai laut yang berfungsi menyumbang kepada pembiakan ikan semaian dan sumber makanan kepada pelbagai hidupan laut yang lain. Persatuan kebajikan nelayan Pulau Pinang atau *Penang Inland Fishermen Welfare Association* atau dikenali dengan PIFA yang mewakili kira-kira lebih 10 ribu ahli akan menghadapi masalah besar dengan rancangan projek ini projek tebus guna tanah akan memusnahkan tapak pembiakan di kawasan pantai Pulau Pinang dan bakal memusnahkan kawasan penangkapan ikan kurangkan hasil tangkapan meningkatkan harga pasaran dan meningkatkan pergantungan kepada import ikan daripada Thailand sebagai contoh.

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Negeri dan Ahli-ahli Yang Berhormat legasi alam semula jadi hendaklah dikekalkan dan dipelihara ianya tidak seharus terhad kepada kawasan-kawasan yang diwartakan di Taman Negara Pulau Pinang, potensi yang ada di Pulau Pinang adalah ada tapak rumpai laut yang kedua terbesar di negara kita. Dan layak diwartakan sebagai kawasan hijau atau kawasan *consumerist marine* selaras dengan slogan *Cleaner Greener of Penang*. Yang Berhormat awat keluar? Masuk balik, tak syoklah(ketawa). Malangnya *Penang Transport Master Plan* (TNP) perlu mengorbankan satu legasi berharga demi TNP yang merupakan satu hub maka di sinilah perlunya dikorbankan khazanah laut yang berharga.

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Negeri dan Ahli-ahli Yang Berhormat, TNP bakal merubah bukan sahaja aspek pengangkutan alam sekitar di Pulau Pinang tapi juga lanskap fizikal perumahan, TNP apabila dilaksanakan bakal melihat pembinaan lebuh raya baru adanya *SkyCab*, LRT, terowong dasar laut sepanjang 6.5 kilometer yang akan memerlukan satu hub pengangkutan keluasan tanah yang begitu besar saya berpendapat pihak Kerajaan Negeri bersedia untuk membuat pengorbanan demi pulangan ekonomi untuk merealisasikan projek yang dijangka akan menelan belanja hampir RM27 billion ini. Oleh itu saya cuba membuat kesimpulan berhubung projek *middle bank* dan TNP ini saya tertanya-tanya apakah bentuk pembangunan perumahan yang bakal dilaksanakan di tanah yang bakal ditebus guna itu adalah ia bakal penempatan elit sahaja atau satu pembangunan bercampur untuk semua golongan rakyat di Pulau Pinang berapakah nilai pasaran yang dijangka untuk rumah rumah yang bakal dibina di sana? Adakah lambakan tanah yang bernilai jutaan ringgit akan secara langsung meningkat peningkatan pemilikan saing di negeri ini seperti negara Jepun, China dan lain-lain.

Semua persoalan ini dan ada lagi apakah persediaan Kerajaan Negeri di sebalik kemusnahan yang bakal dialami oleh kawasan rumpai laut yang menjadi penyumbang ekosistem marin di kawasan in. Adakah Kerajaan Negeri sedar akan kesan kepada nasib dan kebajikan 10,000 nelayan pantai kira-kira 50% daripadanya bekerja sebagai nelayan sepenuh masa? Apakah rasionalnya juga dengan *skycab* itu dimasukkan dalam TNP. Adakah *skycab* ini bersifat lebih sebagai tarikan pelancong atau pengangkutan awam kerana kita tak tahu berapa banyak penggunaan feri untuk berulang-alik? Adakah pihak Kerajaan Negeri juga bersedia untuk berhadapan atau kesan pada nilai harta tanah selari dengan terlaksananya *Integrated Transportation Master Plan* yang saya sebutkan tadi? Adakah Pulau Pinang adakan menjadi satu tempat yang amat mahal untuk didiami? Ini di antara persoalan-persoalan yang bermain-main di negara di Pulau Pinang, ini adalah realiti yang kita patut tangani bersama-sama.

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan dan Ahli-ahli Yang Berhormat, sebenarnya di dalam kegawatan pelbagai pihak menyuarakan kebimbangan mengenai kesan projek *Integrated Transportation Master Plan* ini, keputusan untuk melantik rakan pelaksana juga akan dibuat tidak lama lagi, bahkan telah dinyatakan bahawa projek fasa pertama akan dimulakan dalam tempoh dua (2) tahun lagi. Saya tidak pasti sama ada kebimbangan pelbagai pihak yang berkepentingan mengenai hal ini dan kesan yang bakal timbul dari nya telah ditangani dengan baik oleh pihak Kerajaan Negeri kerana di dalamnya kita menjangka kesan limpahan dari projek TNP ini pelbagai cukai dan takrif telah dinaikkan atau mulai diperkenalkan, sebagai contoh cukai pintu mengalami kenaikan lebih 4% harga air meningkat 16.75 sebanyak empat (4) kali sepanjang tujuh (7) tahun yang lepas begitu juga dengan caj caj Kerajaan tempatan kepada peniaga-peniaga.

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan dan Ahli-ahli Yang Berhormat, rakyat di negara akhir-akhir ini melibat Kerajaan Persekutuan untuk sebagai membelakangkan kebajikan rakyat dan memainkan isu-isu kenaikan sara hidup kos menjalankan perniagaan dan sebagainya Kerajaan Negeri Pulau Pinang begitu pintar bersembunyi disebalik keriuhan ini menggunakan cukai dan caj kepada rakyat dan juga peniaga bahkan YAB Ketua Menteri pernah menampelak tindakan DBKL menaikkan cukai pintu sebelum ini, tetapi selepas setahun Kerajaan Negeri telah menaikkan cukai pintu di Pulau Pinang dengan alasan kenaikan kos pengurusan sisa pepejal kenaikan cukai pintu dijangka menaikkan pendapatan Kerajaan Negeri sebanyak RM40 juta untuk tahun 2015. Adakah pihak Kerajaan sudah lupa dengan janji-janji yang ditulis dalam buku jingga yang menjanjikan penurunan kos sara hidup janganlah menuding jari kepada Kerajaan Persekutuan sahaja, justeru itu saya.....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara binti Hamid):

Saya tertarik dengan isu kenaikan cukai pintu ini, saya ingat kelmarin siapa di antara kita yang membaca tentang, MBPP untuk yang gagal mengutip lebih dari RM60 juta hasil. Jadi yang dicukaikan tadi Datuk kata tadi yang kata penambahan pendapatan tu RM40 juta, jangka nak kutip RM40 juta, kenapa tak jadikan perkhidmatan lebih efisien yang kata cekap, telus dan sebagainya ini untuk mengutip tunggakan RM60 juta ini? Tak payahlah bebankan rakyat Pulau Pinang, MPPP dan MBPP ini lebih efisien, kutiplah tunggakan-tunggakan cukai yang begitu banyak dan janganlah bebankan rakyat Pulau Pinang, kan itu lebih cekap, Y.A.B. Air Putih boleh jawab?

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Justeru itu, tapi lebih, sebenarnya bukan RM60 juta, lebih dari itu. Justeru itu saya ingin mendapat maklum balas daripada Kerajaan Negeri mengenai berapa banyak cukai yang masih tertunggak dalam jawapan bertulis saya dapat daripada YB. Padang Kota. Soalannya berapa banyak cukai, jumlah cukai, jawapan yang saya dapat, jumlah tunggakan cukai pintu sehingga bulan Mac 2015 masing-masing MBPP, MPSP adalah sebanyak RM57 juta, di MBPP dan RM22 juta hampir-hampir RM60, RM80 juta, ini cukai pintu. Dan lagi satu dalam soalan bertulis....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Telok Bahang sedikit saja, berkenaan apa yang dikatakan oleh YB. Telok Ayer Tawar, saya percaya semasa gulungan pergulungan akan dibuat, tapi saya cuma ingin memberi pandangan bahawa kegagalan mengutip ini tidak bermaksud bahawa kedua-dua

PBT ini tidak efisien. Sebenarnya tanggungjawab untuk membayar cukai pintu ini dan cukai tafsiran terletak kepada rakyat sendiri dan mereka harus sedar bahawa terdapat kewajipan untuk membayar cukai, jadi tak boleh buat satu kenyataan bahawa semata-mata cukai ini tidak dikutip kedua-dua PBT ini tidak efisien, saya rasa mungkin tidak adil kepada kakitangan kedua-dua.... (gangguan)

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Yang Berhormat itu boleh di jawab oleh Air Putih. Soalan bertulis saya yang kedua untuk cukai tanah. Jumlah tunggakan cukai tanah yang melebihi dari RM5,000 adalah lebih daripada RM3.0 juta, soalan saya pada 2014, pada 19 Mei 2014 jawapan yang diberikan kepada saya adalah sebanyak RM32 juta dan soalan berikut, yang saya tanya untuk tahun ini sehingga kini jumlah tunggakan cukai tanah melebihi RM5,000 telah meningkat kepada RM42 juta. Pecahan mengikut tindakan semua ada dalam ini ada jawapan menunjukkan dalam masa setahun kita telah naik hampir RM10 juta yang tidak dikutip dan soalan untuk tahun 2016 pun akan ditanya begini juga, kerana saya kira tindakan kenaikan harga cukai pintu ini adalah langkah mudah untuk Kerajaan Negeri untuk menampung kegagalan mengutip cukai dengan dengan cekap dan ia tidak adil kepada rakyat yang setia membayar cukai kerana mereka menampung jurang kutipan yang ditinggalkan oleh mereka yang tidak membayar cukai tersebut.

Isu kenaikan tarif air pulak mengejutkan kita tetapi mungkin terbiasa dengan tindakan Kerajaan Negeri yang mengenakan cukai sebalik keriuhan isu nasional tarikh kenaikan takrif air adalah sama dengan tarikh pelaksanaan GST, ini memberi impak pada hampir 550 ribu pendaftar pengguna air di Pulau Pinang. Agak aneh kerana disebalik sikap Pakatan Rakyat yang tidak realistik itu menentang GST, Kerajaan Negeri juga berjaya memperkenalkan kenaikan takrif air dengan alasan untuk mendidik rakyat untuk berjimat penggunaan air dan untuk mengelak pecatuan air, Yang Berhormat ini sandiwara apakah ini?

Yang Berhormat Yang Di-pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat rekod Tourism Malaysia untuk tahun 2013 menunjukkan Pulau Pinang memiliki lebih daripada 16 ribu bilik, bilik hotel berbagai kategori dengan bilangan tetamu yang menginap dengan berjumlah kira-kira 4.7 juta orang dan kadar penginapan purata *average occupancy rate* ... (dengan izin) berjumlah 64.4% adalah di antara negeri yang tercatat rekod tertinggi di Malaysia. Untuk rekod bayaran sebanyak RM3, untuk rekod fi sebanyak RM3 per bilik satu malam untuk hotel bertaraf empat (4) dan lima (5) bintang dan RM2 untuk satu (1) bilik kategori tiga (3) bintang, hotel bajet, *dormitory*, dan *guest house* dikenakan untuk penginapan bilik hotel dikenakan semenjak pertengahan tahun 2014. Dengan kutipan yang tinggi ini, saya memohon untuk maklum kepada Dewan berapakah cukai yang telah berjaya dibuat, ke manakah perbelanjaan itu, hasil kutipan tersebut sejak dikenakan tahun lepas telah di salurkan setakat ini, seperti mana yang telah dimaklumkan hasil daripada kutipan fi ini akan disalur semula untuk pembangunan industri pelancongan Negeri Pulau Pinang. Sehubungan dengan ini, saya memohon maklumat daripada Kerajaan Negeri untuk memaklumkan status bilangan hotel, atau tempat penginapan tetamu yang lain yang ada di Pulau Pinang, kira-kira setahun yang lepas kita dikejutkan dengan laporan ada hampir 100 lebih hotel yang beroperasi tanpa lesen, apakah statusnya sekarang? Saya berpendapat amatlah perlu diberi keutamaan oleh pihak Kerajaan Negeri untuk menangani isu ini kerana ia melibatkan isu imej negeri dari segi pelancong dan juga keselamatan para pelancong.

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan dan Ahli Yang Berhormat, Pulau Pinang telah mencatatkan 109% ataupun 3.91 bilion pelaburan berbanding dengan tahun 2013 dan 5.10 bilion dari keseluruhan 8.16 bilion terdiri dari pelaburan asing. Saya merakamkan tahniah kepada Y.A.B. Ketua Menteri khususnya amnya kepada pihak Kerajaan Negeri dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan seperti MIDA dalam merealisasikan perkembangan positif ini. Perkembangan positif tidak berjaya menghakis kesangsian, kebimbangan saya kepada perkara-perkara yang akan saya bangkitkan sebelum ini. Projek berstatus mega *Penang Integrated Transportation Master Plan* dan kesan-kesannya terhadap kebajikan rakyat dan alam sekitar, kenakan cukai dan tarif yang mendadak akan membebankan rakyat...(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya nak tanya Yang Berhormat Telok Bahang, sedar apabila kita buat RFP untuk *Middle Bank* dia adalah selaras dengan Pelan Struktur Negeri yang telah diluluskan pada tahun 2007. dan seperti yang dimaklumkan bahawa pada tahun 2007, Kerajaan telah masa itu adalah Kerajaan BN. Kita hanya laksanakan apa yang telah diwartakan dan pada masa yang sama apabila kita panggil RFP itu tidak semestinya akan diteruskan kerana bergantung kepada DEIA dan juga kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar. Ini satu perkara. Yang kedua adakah YB. Telok Bahang juga sedar bahawa Kerajaan Negeri terpaksa merencanakan *Public Transport Master Plan* atas kegagalan Kerajaan Pusat yang telah membuat janji sebanyak tiga kali bukan sahaja oleh bekas atau mantan Perdana Menteri bukan Dr. Mahathir tapi Tun Pak Lah yang juga Perdana Menteri Y.A.B. Datuk Seri Najib sebanyak tiga kali LRT, MRT. Tetapi selepas kalah janji ini tinggal janji kosong. Kerana keengganan untuk menunaikan janji ini maka Kerajaan Negeri terpaksa mengambil langkah tersebut supaya kita dapat sekurang-kurangnya dapat mengatasi masalah kesesakan trafik. Sekian.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Terima kasih Yang Amat Berhormat. Seperti yang saya *quote* apa yang dicakap oleh YB. Seri Delima semalam, *there is no permanent friend, there is no enemy, the principle says*. Walaupun Kerajaan, sekiranya Kerajaan Barisan Nasional duduk disebelah sana, saya sebagai *backbencher* perkara ini harus kita lihat walaupun sekiranya Barisan Nasional memerintah negeri dan sekiranya saya ditakdirkan sebagai *backbencher*, perkara yang sama akan juga bawa, bukan untuk kepentingan saya Yang Berhormat tetapi untuk kepentingan rakyat Malaysia. Saya haraplah walaupun ada apa-apa perancangan yang telah dibuat oleh Kerajaan yang terdahulu, kalau kita tengok tidak betul, kalau tengok salah, perbetulkan. Itulah harapan rakyat. Itulah kehendak rayat. Rakyat tukar Kerajaan beri kepada Yang Berhormat memerintah mesti ada sebab, mesti ada perkara-perkara yang mereka sudah tahu. Dan saya amat berharaplah supaya, bukanlah saya untuk menekan Yang Berhormat atau mencari salah dan silap. Hanya inilah kebimbangan saya dan saya rasa inilah kebimbangan juga, dan banyak NGO-NGO, nasib-nasib nelayan saya suarakan dan saya berdiri di sini walaupun berhadapan dengan Kerajaan Persekutuan sekali pun yang salah tetap salah. Lawan tetap lawan.

Jadi Yang Berhormat mengenai satu, yang kedua saya dari konsep janji ni Yang Berhormat perbetulkan saya. perbetulkan saya. Saya baru, Yang Berhormat *experience*, pengalaman cukup banyak. Kalau nak ikut rekod pencapaian Yang Berhormat jauh tinggi daripada saya, tetapi Yang Berhormat kalau kita bawa satu manifesto kepada satu Negeri dalam Negara kita bagi tahu, kita nak buat "A", nak buat "B", nak buat "C". Ini kefahaman

saya, tiba-tiba kita ditolak oleh rakyat, tidakkah kita mendapat signal yang rakyat tidak mahu apa-apa yang kita nak buat, rakyat tolak manifesto kita. Dari segi logik untuk saya dari segi logik, rakyat tolak manifesto kita dan rakyat tidak mahu apa-apa yang kita nak buat. Ini kefahaman saya. Kalau dia hendak, dia akan turun, dan kata ini kita akan dapat ganjarannya, ini yang kita akan dapat nikmatnya. Maka kita kena sokong mereka ini. Ini mungkin falsafah, ini yang saya faham.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Penjelasan. Bagi atau tak bagi....(ketawa).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Duduk dulu, duduk dulu. Yang Berhormat, dekarang saya syok, saya ada power sikit. Tak apalah ini kawan baik saya.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

tadi YB. Telok Bahang kata itu prinsip. Tetapi adakah Barisan Nasional menang atau tidak dalam pilihan raya 2013, menang di Persekutuan. Jadi itu tanggungjawab terhadap rakyat, tidak bermakna tidak ada tanggungjawab, sebab Barisan Nasional masih Kerajaan Persekutuan dan juga perlu tunaikan janji-janji khususnya perkara-perkara yang cuma boleh dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan. Itu tidak boleh lari daripada janji-janji. Kalau katakan sudah hilang kuasa di negeri, tak mahu buat kerja di Pusat maka tak bermakna lah sistem *two tiers government* atau *three tiers government* yang kita amalkan. Lebih baik ada satu pilihanraya saja sistem presiden misalnya. Jadi tidak ada pemisahan dari segi Kerajaan Pusat ke atau Kerajaan Negeri. Itu yang kita amalkan selama ini, takkan kalau menang dalam Pusat tidak mau melaksanakan kerja-kerja yang sepatutnya. Mandat diberikan oleh rakyat untuk melakukan apa kerja-kerja bawah kuasa Pusat. Itu sajalah.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud bin Zakaria):

Saya cuma nak bertanya Telok Bahang sedar tak bahawa dalam pilihan raya yang dulu pihak PAKATAN berjanji kalau menang, Tol Sungai Puyu, Sungai Nyior percuma, tapi dah menangkan, menang cukup banyak, tapi yang itupun gagal. Kenapa benda ini tidak dapat dilakukan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Bagi, tak bagi....(ketawa).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tapi jangan salah guna kuasa.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Mendiang Abraham Lincoln kata "*to know a man, give him some power.*"

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Nampaknya YB. Sungai Acheh masih tidak faham lagi di antara bidang kuasa Pusat dan Negeri. Kalau pada tahun 2008, menang, menang apa. Kalau menang negeri, buat kerja negeri. Kalau menang Pusat buat kerja Pusat. Itulah manifesto yang dikatakan. Kalau menang Pusat saya percaya, tol di Sungai Nyior itu pasti dimansuhkan. Itulah janji tapi sebalik dengan apa yang dikatakan oleh YB. Telok Bahang, dia sudah menang Pusat tak mau buat kerja Pusat pulak. Itu bezanya.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Telok Bahang, sambung.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Yang Berhormat saya nak respond sikit saja. Kerajaan Pusat menang tapi janji itu di Pulau Pinang dengan orang yang akan jaga Negeri Pulau Pinang. Kalau tuntutan untuk *transportation* ini seluruh negara nak, Sabah nak, Sarawak nak, Kedah nak, Kelantan nak. Kalau kata menang Pusat, *you* kena buat apa *you* cakap. Apa nak buat dengan negeri lain. Dia datang janji untuk orang Negeri Pulau Pinang. Untuk Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Secara totalnya rakyat Pulau Pinang tidak mahu. *Signal* jelas so kena ada *segregation*, memilih, *selective*. Di Pulau Pinang perlu itu tapi rakyat tidak mahu. Tak apalah....(gangguan)

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Jangan ganggu.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Buka laluan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Yang ini saya tidak boleh tolak.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Saya tertariklah dengan falsafah yang sedang dibincang di sini. Tentang siapa menang siapa akan buat. Dari fahaman saya daripada Telok Bahang memandangkan rakyat Pulau Pinang sudah tolak Barisan Nasional, setuju atau tidak PRIMA tak akan datang ke Pulau Pinang. *It that's my understanding now because* awal tadi memang akan datang ada janji-janji *but now* memandangkan retorik dan falsafah daripada Telok Bahang yang mewakili Barisan Nasional. Boleh setuju atau tidak terus terang semasa gulung nanti saya tak payah tentang PRIMA. Boleh.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Yang Berhormat jangan lupa saya menang di Telok Bahang. So saya akan merayu pada PRIMA datang ke Pulau Pinang *confirm* saya akan buat. *Insyallah confirm* ... (dengan izin) merayu, saya akan merayu supaya PRIMA datang sekurang-kurangnya kawasan Telok Bahanglah. Saya percaya sebab hati, perasaan, jiwa Kerajaan Persekutuan besar, semua negeri ini tanggungjawab dia kasih sayang itu ada. Kita berdoalah supaya PRIMA cepat-cepat datang. Saya ingat jawab EXCOLah kemudian. Tengok...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kuasa, kuasa, tak mahu bagi, duduk.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Ini popular.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Telok Bahang okey. Sila Padang Lalang.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih. Saya ambil kesempatan ini supaya bolehkah YB. Telok Bahang beritahu kepada YB. Bertam kerana YB. Bertam pun sudah pun menang jadi tolonglah. Ini peruntukan untuk membaiki menaikkan padang hoki ini, sudah beri peruntukan sebelum 2008 tetapi sudah tarik balik jadi ini falsafah apa. Kalau kalah tak mahu buat. Jangan macam itu. Tapi sebenarnya menang juga....(gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman):

Yang Berhormat, minta saya jawab.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Itu kehendak rakyat.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Bagi dia jawab.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman):

Saya minta untuk menjawab kerana ini kawasan saya. Saya minta untuk menjawab. Okey, berkenaan dengan hoki ini, sebab ia di bawah Kerajaan Negeri, diselenggarakan oleh MPSP. *Property*nya kalau tak silap dibawah PDC. Semua ini di bawah Kerajaan Negeri. Dan hari ini kita dengan dengar begitu banyak bajet, *the surplus* bajet, tapi macam saya timbulkan semalam, semua bajet-bajet ini digunakan untuk membuat pasar di tempat-tempat yang ADUN-ADUNnya adalah ADUN-ADUN PKR, tapi di tempat saya, saya minta benda yang kecil, tolonglah sekejap sebab yang nak guna dia, bukan saya,

saya bukan main hoki. Yang hendak guna pelajar sekolah yang terdiri dari berbilang-bilang parti di sekolah-sekolah. Itu sajalah permintaan saya melalui EXCO, jadi jawapan yang saya terima adalah memohon peruntukan Kerajaan Persekutuan dan menagih janji yang dibuat pada 2008. Kalau Kerajaan yang memerintah hanya asyik menagih janji, saya rasa ini satu yang tak kena. Jawapan yang saya terima ialah kami akan minta bajet, kami akan minta bajet. Tapi tak apa, semalam saya dah bincang juga dengan YB. Pinang Tunggal selaku Timbalan Ketua UMNO. Jawapan yang saya terima saya hormati. walaupun semalam Dewan telah merekodkan kenyataan daripada EXCO sendiri, andai kata Kerajaan Persekutuan tidak mahu buat juga, EXCO yang akan buat. Tapi atas dasar menghormati satu sama lain, saya juga dinasihatkan supaya kita akan membantulah apa yang patut. Itu kita akan buat sebab saya percaya atas dasar untuk membantu rakyat di tempat kita. Sebab itu saya katakan semalam sebagai contoh berkenaan dengan *parking* di *market* Kepala Batas. Di tempat lain boleh buat *market-market* yang baru. Di tempat saya di mana penduduknya juga adalah *tax payers* semua, juga membayar cukai yang sepatutnya kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Hanya minta satu (1) sahaja. Minta diperbesarkan parking. Kerajaan Negeri bagi tapi mengambil masa lah. Mula-mula bagi tanah. Selepas setahun tambak tanah. Selepas itu letak *cash grant*. Saya minta ini adalah satu (1) *parking* yang sempurna, yang lengkap yang diletakkan tar supaya ini adalah kemudahan. Itu sahaja.

Jadi berbalik kepada EXCO Ahli Kawasan Padang Lalang kita akan usahakan apa yang kita akan buat. Tapi tanggungjawab Kerajaan Negeri janganlah memilih KADUN-KADUN yang tertentu sahaja. Itu penting.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Okey Yang Berhormat. Kalau sahabat saya tanya soalan macam tak cukup hari. Saya nak habis ni.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Then bagi habislah.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya ada soalan Yang Berhormat.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Bagi, tak bagi. Nak tanya apa.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya telah tanya. Saya cuma tunggu Yang Berhormat jawab berkenaan dengan janji pilihan raya baru-baru ini. Bila setiap mula sesi Dewan saya telah persoalkan. Janji yang dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri berkenaan dengan penambahbaikan kepada Hospital Seberang Jaya. Sama seperti Yang Berhormat Ahli Kawasan Datok Keramat dan Padang Lalang. Adakah memandangkan setelah calon Barisan Nasional telah kalah janji itu tidak akan ditunaikan? Terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Kalau Yang Berhormat perasan soalan itu saya telah jawab ketika Yang Berhormat berucap. Saya dah jawab. Pi tengok dalam *hansard* itu memang ada jawapan saya. Sekurang-kurangnya Yang Berhormat dapat janji. Sekurang-kurangnya. Orang lain tak ada janji tau. Banyak negeri janji pun tak dapat. Yang Berhormat ada janji. *Alhamdulillah*. Tidur boleh lena teringat dapat janji.

Jadi Yang Berhormat sekalian projek berstatus mega *Penang Integrated Science Transportation Master Plan* ini atau lebih dikenali dengan PTM dan kesan-kesannya kepada kebajikan rakyat dan alam sekitar, kenaikan cukai dan tarif yang mendadak jika berterusan akan membebankan rakyat. Rakyat semua mati. Rakyat daripada Barisan Nasional, rakyat daripada DAP, rakyat daripada PKR dan PAS yang telah gugur perjuangan hududnya. Soalan yang sama saya ajukan. Adakah Negeri di Pulau Pinang ini akan menjadi satu negeri yang mahal untuk menjalankan perniagaan, untuk didiami suatu hari nanti. Saya mengambil kesempatan menyokong usul oleh Tuan Yang Terutama Tun. *Assalamualaikum Warahmatullah Hiwabarakatuh*.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Ahli Kawasan Telok Bahang. Ahli Kawasan Bayan Lepas, sila.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin bin Ahmad):

Yang Berbahagia yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Dato'-Dato', Ketua-ketua Jabatan. Terima kasih. Sebelum saya pergi kepada perkara-perkara yang lain, pagi ini saya ingin memohon kerjasama kepada pihak Kerajaan Negeri, JKR, Majlis Bandaraya serta Polis DiRaja Malaysia melihat keadaan kesesakan lalu lintas yang semakin hari semakin meruncing.

Kalau hari hujan sudah tentu perkara-perkara ini menjadi satu igauan buruk terutamanya kepada pekerja-pekerja saban pagi. Tapi apabila waktu tidak hujan pun kita dapati bahawa keadaan lalu lintas ini pun semakin hari semakin menjadi satu masalah besar kepada penduduk. Dengan jumlah kenderaan yang semakin banyak serta sistem jaluran jalan raya yang kita dapati bahawa mesti mempunyai satu kajian yang teliti. Sama ada di pihak JKR yang mengepalai sistem aliran trafik dan juga Majlis Bandaran yang mana kita dapati bukan sahaja waktu-waktu cuti tetapi waktu-waktu puncak waktu pagi, waktu petang dan waktu malam.

Kita dapati semua jalan-jalan di kawasan bandaraya mengalami satu kesesakan yang amat memerlukan kepada satu kajian yang teliti. Sistem trafik, sistem lampu jalan yang harus dilihat kerana kebanyakan kesesakan-kesesakan yang berlaku adalah disebabkan oleh lampu jalan yang hampir dekat antara 50 hingga 100 meter antara satu sama lain. Kita dapati waktu pagi kalau berlaku kesesakan di persimpangan di sebelah seberang berlaku kesesakan di Seberang Jaya maka akan menyebabkan jaluran masuk di Jambatan Pulau Pinang yang pertama akan sesak. Begitu juga disebelah pagi kalau berlaku kesesakan lampu jalan di Batu Uban akan menyebabkan kesesakan untuk masuk ke Pulau.

Begitu juga dengan keadaan apabila kesesakan lalu lintas disebabkan trafik lampu jalan di Jalan Baru maaf di Bayan Baru serta di jalan masuk ke kilang-kilang. Ditambahkan lagi dengan proses pembesaran dan menaik taraf jalan utama seperti di Jalan Teluk Kumbar, Bayan Lepas ke Teluk Kumbar, Batu Maung ke Bayan Lepas, Greenland dan juga di kawasan perindustrian. Maka saya berharap pihak JKR akan dapat melihat benda ini dengan secepat mungkin dan juga memohon pertolongan kepada Polis DiRaja Malaysia untuk menambahkan anggota-anggotanya untuk mempercepatkan penyuraian kenderaan daripada yang menggunakan lampu-lampu isyarat yang ada yang jumlahnya agak banyak.

Saya juga memohon kepada pihak yang mengendalikan projek pembesaran Lebuhraya Bayan Lepas ke Teluk Kumbar, simpang di antara Bayan Lepas ke Teluk Kumbar, kalau dulu ada rumah tak boleh diperbesarkan tapi hari ini semua telah dirobuhkan maka kita berharap buatlah dulu pembesaran di bahagian selekoh itu bagi membolehkan pekerja-pekerja kilang dari bahagian Bayan Lepas yang hendak balik ke Teluk Kumbar, Balik Pulau dan sebagainya supaya jalan itu tidak disekat laluannya. Mereka-mereka yang akan datang ke Bayan Lepas akan menyekat laluan tersebut dan menyebabkan ianya menjadi trafik yang akan panjang sehingga ke Kampung Binjai, malah akan lebih.

Oleh itu saya berharap kalau benda itu dapat dilaksanakan dan semua jalan-jalan utama yang berlaku pembesaran jalan terutama di Greenland juga bukan masalah. Cuma masalahnya jalan itu satu (1) *lane* jadi dua (2) *lane*. Dia mengganggu perjalanan. Jadi saya berharap jalan ini ditambak dulu, diperluaskan dulu supaya jalan-jalan ini dapat melalui perjalanan yang mudah kerana kalau saban hari pekerja-pekerja daripada Kulim dan sebagainya menghadapi datang ke tempat kerja pun masalah, balik tempat kerja pun masalah, ini akan mengganggu mereka punya tugas. Saban hari akan memikirkan berhubung dengan masalah *traffic jam*. Saya sekali lagi berharap semua jabatan-jabatan yang disebutkan itu dapat membuatkan kajian yang terperinci dan dapat membuat kajian menyelesaikan beberapa perkara untuk menyelesaikan perkara ini. Yang keduanya saya ingin melihat kembali kepada masalah pembinaan rumah-rumah di kaki-kaki bukit.

Di tempat saya difahamkan bahawa syarikat Releven City Sdn. Bhd. telah pun mengorek dan juga menteruskan bukit di kawasan Pasir Belanda iaitu di Bukit Gemuruh dan saya difahamkan projek ini telah pun ditangguhkan ataupun pihak Majlis Bandaraya ataupun Pejabat Daerah telah pun meminta untuk dihentikan. Tetapi sampai tadi saya datang masih berlaku kerja-kerja pengorekan tersebut. Saya difahamkan telah pun diminta diberhentikan tetapi kerja-kerja ini masih diteruskan. Saya dapati bahawa batu-batu dan tanah-tanah sedang menghadapi keruntuhan. Kita tidak mahu bahawa sekarang musim banjir, kawasan saya adalah kawasan yang sangat-sangat mudah untuk berlaku banjir. Dalam Dewan ini saya memohon supaya sungai-sungai saya itu, kawasan-kawasan yang berlaku banjir di kawasan Bayan Lepas, di kawasan Batu Maung, di kawasan Binjai, Kampung Seronok dan sebagainya akan berlaku masalah banjir yang sangat cepat. Saya mendapati kawasan saya hanya diperuntukkan berjumlah lebih kurang RM52 ribu pada tahun ini untuk mengorek kuala sungai, kuala sungai Teluk Kumbar dan di Gertak Sanggul. Hanya mengorek kuala sungai saya rasa tidak menyelesaikan masalah banjir di tempat saya. Saya mohon satu peruntukan yang besar untuk kita membuka meluaskan pintu airnya di kawasan Teluk Kumbar terutamanya.

Yang keduanya di sungai-sungai kawasan Bayan Lepas supaya diperbesarkan, dikonkrit supaya berlaku banyak projek-projek perumahan di kawasan-kawasan pinggir bukit di mana aliran lumpur yang saban hari bila berlaku banjir akan menyebabkan kerja-kerja penggorekan akan membazirkan masa sahaja. Kita korek lebih kurang seminggu dua, aliran selut yang datang daripada bukit-bukit menyebabkan semua sungai-sungai akan tersumbat. Masalah sistem perparitan yang dikelolakan oleh Majlis Bandaraya juga dilihat kerana didapati banyak parit-parit di tepi jalan, parit-parit yang dibuat oleh pihak perumahan hari ini banyak yang tersumbat. Saya mendapat jawapan bertulis bahawa pihak Majlis Bandaraya akan menjalankan kerja-kerja yang berskala. Apabila diperlukan baru akan turun terutamanya di kawasan perumahan terutamanya semua parit-parit tersumbat. Di kawasan saya banyak berlaku demam denggi. Maka kita minta Majlis Bandaraya akan turun yang dalam keadaan berskala di kawasan itu. Bila kita minta pula akan turun. Jadi saya berharap Majlis Bandaraya akan memandang serius benda ini kerana banyak parit-parit di kawasan perumahan telah dibina dengan gerai-gerai. Parit ini tidak boleh dimasuki dan tidak boleh dilaksanakan kerja-kerja pembersihan kerana di atasnya ada gerai-gerai.

Jadi kita berharap bahawa supaya gerai-gerai ini tidak konkritkan saluran-saluran parit ini. Ia akan menjadi masalah besar apabila tersumbat dan juga masalah-masalah yang lain sampingan yang kita dapati hari ini kita juga merupakan negeri yang kelima banyak menghadapi masalah penyakit denggi. Jadi saya harapkan pihak berkuasa Majlis Bandaraya dan juga JKR yang mengendalikan sistem perparitan ini dapat turun untuk melihat dan mengkaji supaya semua sistem perparitan yang perlu dikonkrit dengan tidak lagi dibiarkan aliran selut dan sebagainya serta semua sunga-sungai dibuat kajian yang teliti supaya semua sungai-sungai yang ada di Pulau Pinang ini didapati telah pun kecil, tidak lagi menjadi sungai tetapi menjadi parit. Kuala-kuala sungai yang semakin sempit kerana kita korek sahaja di kawasan kuala tidak korek dikeseluruhan sungai menyebabkan kawasan-kawasan menjadi kelodak-kelodak yang mudah untuk sistem ini tidak berjalan. Sistem kita juga tidak banyak menggunakan sistem perangkap sampah dan sebagainya. Daripada Sungai Kluang dan sebagainya kita dapati Bayan Baru juga kita dapati banjir akan berlaku apabila berlaku hujan yang lebat kerana sistem sampah yang tidak terurus dengan sebaiknya. Jadi itu sahaja yang saya minta pihak kita menjalankan satu kajian supaya kita dapat menyelesaikan masalah banjir lumpur dan sebagainya.

Yang ketiganya untuk menarik perhatian bertanyakan Lapangan Terbang Bayan Lepas yang akan diperbesarkan. Jawapannya ya. Tadi saudara saya telah memperkatakan bagaimana berlaku tambakan-tambakan di kawasan sekeliling Pulau Pinang dan akan berlaku juga tambakan kerana jajaran ini atau landasan ini akan dipanjangkan. Sudah tentu akan melibatkan tanah-tanah laut di hadapan kawasan Batu Maung iaitu di kawasan Permatang Damar Laut terutamanya.

Kawasan ini untuk makluman Yang di-Pertua dan Tuan-tuan Yang Berhormat bahawa kawasan ini merupakan satu kawasan tangkapan udang yang paling banyak dalam kawasan Pulau Pinang. Jadi sekiranya benda ini berlaku tambakan dan sebagainya maka kita dapati tangkapan untuk yang pertamanya akan menyukarkan pihak nelayan untuk menjalankan tangkapan. Yang keduanya akan mengurangkan hasil tangkapan udang kerana ini sahaja kawasan udang yang ada di Negeri Pulau Pinang iaitu di Pulau Jerejak sehinggalah ke Pulau Betong. Jadi kalau kawasan ini kita tak jaga dengan sempurna bukan sahaja nelayan akan menghadapi kesukaran dari segi menambahkan pendapatan yang hari ini pun semakin berkurangan pendapatannya kerana masalah daripada tangkapan yang tidak terurus dengan baik oleh pihak, pukuk-pukuk harimau

ataupun pukut tunda. Tetapi apabila berlaku tambakan yang begini juga akan menyebabkan semakin kurangnya tangkapan udang, di kawasan kita yang ini juga menjadi suatu daripada tarikan pelancong kerana banyak kawasan-kawasan di Pulau Pinang menjalankan perniagaan *sea food* nya. Jadi bukan sahaja ikan tapi yang menjadi kegemaran adalah udang. Tapi hari ini harganya semakin melambung, tangkapannya semakin kurang menyebabkan kita akan menghadapi satu tarikan daripada pihak pelancongan kerana orang tidak akan suka makan udang yang dibela. Udang itu tidak begitu baik dan tidak begitu sedap berbanding dengan udang-udang yang kita dapati sangat lazat. Tapi hari ini benda ini akan berlaku dan kita berharap kalaulah berlaku pelebaran landasan ini kita berharap satu kajian yang boleh kita mengurangkan risiko daripada masalah kekurangan tangkapan dan menjaga kepentingan rakyat. Begitu juga dengan tindakan Kerajaan Negeri telah membenarkan sangkar-sangkar ikan di kawasan Pulau Aman. Kita berharap supaya kajian daripada semasa ke semasa didapati 308 pengusaha hanya enam (6) sahaja pengusaha daripada orang Melayu ataupun Bumiputera yang selebihnya adalah daripada lain-lainnya. Kita dapati bahawa kawasan-kawasan ini juga menjadi kawasan untuk pukut-pukut ini hanyut kerana pukut udang ini dia kena hanyut, dia kena berjalan, pukut ini. Kalau dia mati di situ dia tak akan dapat ikan. Jadi dari apa yang kita dapati bahawa rungutan telah pun ada di mana pukut-pukut mereka tidak boleh berjalan dengan begitu lancar. Sangkut di kawasan-kawasan sangkar.

Kita berharaplah Kerajaan Negeri dapat melihat ini kerana banyak daripada di Sungai Udang dan sebagainya yang menjalankan tangkapan di kawasan tersebut supaya nelayan-nelayan ini dapat pembelaan yang sewajarnya walaupun kita menghambat untuk mendapat satu hasil tangkapan laut dari segi ikan dan sebagainya dengan memperbanyakkan sangkar tetapi hasil laut kita harus mengambil kira. Saya juga ingin menarik perhatian sahabat saya, Timbalan Ketua Menteri. saya bertanya adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk membangunkan kawasan perniagaan bagi Bumiputera khususnya, kerana kita ada Little India, kita ada kawasan perniagaan di Campbell Street, Chulia Street tetapi tidak ada kawasan perniagaan untuk orang-orang Melayu khususnya. walaupun kita mempunyai tanah-tanah wakaf. Kita lihat bagaimana kita berjaya membangunkan kawasan Ali Shah Waley di kawasan Chulia Street. Jadi apa tidaknya di kawasan Kampung Makam ini, tuan-tuan jadikan ia sebagai satu kawasan pembangunan yang moden kerana di kawasan Kampung Makam ini mempunyai satu kawasan yang luas. Sama ada dia hasil tanah wakaf yang boleh di *combine* kan beberapa lagi tanah wakaf yang berhampiran di situ. Maka kawasan ini boleh dibangunkan dengan beberapa projek-projek perumahan yang tersusun serta kawasan-kawasan perniagaan kerana kawasan itu juga sekarang ini telah pun hampir pupus, walaupun kawasan Datuk Keramat agak terpencil sikit di pinggir bandar, tetapi dengan adanya beberapa projek pembangunan raksasa yang berlaku sekarang, maka kawasan-kawasan ini boleh dibangunkan. Kita berharap EXCO-EXCO yang ada tiga (3) orang dan juga dengan dibantu oleh hasrat Kerajaan yang memerintah hari ini untuk membangunkan pembangunan ekonomi, kita beri sama rata. Memberi kemudahan yang sewajarnya kepada banyak mereka yang berniaga. Kalau kita lihat di kawasan saban hari di kawasan depan dengan Stadium Bandaraya, 80% ini berterusan kehidupan mereka yang begini. Tidakkah kita bawa mereka menjadi satu kawasan yang boleh kita bangunkan menambahkan pendapatan ekonomi dan menampakkan bahawa dengan adanya pembesaran pengiktirafan Majlis Bandaraya maka kita juga dapat memberi ruang yang seluas mungkin kepada peniaga-peniaga ini.

Dan akhir sekali saya memohon kepada pihak Kerajaan Negeri supaya dapat melihat kembali pembinaan rumah-rumah mewah di kawasan Negeri Pulau Pinang kerana dalam jawapan bertulis kita dapati kita memerlukan hampir 50,000 lagi di mana pemohon-pemohon yang hampir lima (5) tahun yang memohon rumah-rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan mampu milik masih lagi tidak berjaya. Jadi kita berharap Kerajaan Negeri dengan kerjasama swasta supaya membangunkan rumah-rumah yang mampu milik. Kurangkan rumah-rumah yang sampai RM500,000 RM600,000 sampai RM1.0 juta hampir RM2.0 juta pun ada sekarang ini. Jadi kita dah fikir siapakah? Orang-orang Cina juga tidak mampu membelinya. walaupun kita dapati di Pulau Pinang ramai tetapi mereka juga menyatakan tidak mampu nak membelinya sampai RM2.0 juta, RM1.0 juta. Jadi kita berharaplah permohonan-permohonan untuk rumah-rumah mewah ini dikurangkan memberi ruang yang seluas mungkin kepada pemaju-pemaju yang berhasrat untuk membangunkan projek perumahan yang bersederhana, yang mampu dimiliki. Kerana itulah tuntutan daripada pihak rakyat di Negeri Pulau Pinang. Jadi terima kasih kepada Yang di-Pertua Dewan. Saya mohon menyokong.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Bayan Lepas. YB. Pulau Betong persilakan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Saya juga ingin bangun untuk membahaskan ucapan Tuan Yang Terutama Tun pada 30 haribulan yang lalu. Pertamanya terima kasih dan tahniah saya ucapkan kepada pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang yang telah dinaikkan taraf kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan sesungguhnya pencapaian ini dan pengiktirafan ini adalah merupakan satu pengiktirafan kepada kerja baik yang telah pun dilaksanakan oleh kakitangan pihak MBPP dan kita berharap satu hari nanti mungkin MPSP juga akan sampai ke tahap yang demikian. Walau bagaimanapun saya rasa rakyat mempunyai harapan yang cukup tinggi agar *performance* dan aktiviti warga MBPP ini juga akan terus meningkat walaupun pekerjaanya ada yang sama, tapi mungkin status yang baru itu diperolehi untuk membolehkan mereka bekerja dengan lebih komited demi menjaga kemesraan masyarakat di Pulau Pinang. Saya juga berharap mendapat satu (1) tranformasi baru tentang budaya sikap, mental untuk mereka memberikan perkhidmatan yang lebih baik setaraf dengan status Bandaraya. Juga saya berharap dengan adanya pengiktirafan ini Pulau Pinang tidak lagi akan terjebak ke dalam isu-isu membotak bukit, pencemaran laut, pencemaran sungai dan sebagainya.

Saya ingin merujuk kepada ucapan Tuan Yang Terutama Tun, saya nak bermula dengan Industri Asas Tani, Perkara 18. Semalam YB. Sungai Dua telah pun bercakap sedikit tentang Tabung Usahawan Muda. Saya difahamkan RM250,000 telah pun disebut dalam penyata itu. Tetapi dalam ucapan yang sama juga disebut perkara yang sama. Adakah ini pertama kali berlaku ataupun ada peningkatan daripada 30 orang kepada 60 orang, daripada RM250,000 kepada RM500,000. Ini yang saya nak kepastian daripada YB. EXCO. Kemudian juga perenggan 19, tentang Zon Industri Akuakultur yang dianggarkan bakal mengeluarkan sebanyak 15,000 tan metrik udang, ikan yang dihasilkan setahun melalui projek ini. Saya cuma nak minta pengesahan daripada YB. EXCO, saya difahamkan bahawa terdapat surat tawaran telah pun dikeluarkan pada tak salah saya pada tak salah saya pada bulan Mac 17 2015 tetapi setelah empat belas hari berlalu masih belum ditandatangani dan kenapa? Kenapa belum ditandatangani, adakah masalah timbul selepas daripada itu dan juga saya nak tanya juga YB. EXCO tentang satu syarikat yang diberi nama Seng Enterprise Seafood Supplier. Adakah kontraktor ini ataupun persatuan ini termasuk dalam senarai penternak dalam zon ZIA ini. Ini adalah kerana

melalui laman Shrimp News International menunjukkan bahawasanya Syarikat Seng Enterprise Seafood Supplier ini telah pun disenarai hitamkan dalam *import alert* pada 20 Februari 2015 for(dengan izin) chloramphenicol mempunyai tujuh belas "*entry lines refused for shrimp contaminated with veterinary drug residues in the Southwest Import District and another two entry lines refused for shrimp contaminated with veterinary drug residues in the New York District.*"

Jika sekiranya persatuan terbabit sama tidakkah ini akan menjejaskan pengeksportan udang kita ke luar negara. Seterusnya saya berbalik kepada isu dalam perenggan 20 tentang Perumahan Awam dan Mampu Milik telah banyak kita bincangkan perbincangan oleh rakan-rakan kita semua. Cuma saya nak kepastian daripada YB. EXCO, kita semua tahu bahawa sekeping cek, *mock check* yang besar telah pun diumumkan pada 1 Februari 2012 oleh Y.A.B. Ketua Menteri di PDC dan juga dalam laman web. Saya nak tahu setelah tiga tahun berlalu, setahu saya pengalaman saya sebagai seorang Juruukur Bahan tempoh tiga tahun ini sudah mencukupi untuk kita merancang, membuat permohonan dan meneruskan pembinaan. Saya nak tahu berapakah jumlah yang telah dibelanjakan untuk projek dengan menggunakan RM500 juta ini. Saya juga mendapati bahawa dalam PDC, Kerajaan lebih mementingkan lantikan baru daripada luar. *Instead of internal promotion.* Contohnya perjawatan Jurutera, perjawatan IT, Kewangan semua ini diambil daripada orang luar masuk. Kenapa tidak diberi peluang kepada kakitangan dalaman kerana ini adalah sebahagian daripada usaha kita untuk me *reward* kan mereka yang ada hanyalah difahamkan di Bahagian Undang-Undang sahaja. Mungkin Y.A.B. Ketua Menteri boleh menyemak dan ini juga berlaku di PBA. So kalau boleh kita biarlah kita beri peluang kepada kakitangan kita yang telah bersama dengan kita, yang telah menunjukkan *loyalty* mereka kepada kita untuk diberi *promotion* sewajarnya sebagai pengiktirafan kepada kerja-kerja yang telah pun mereka laksanakan. Silakan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya ucapkan terima kasih kepada YB. Pulau Betong, tapi saya rasa kita dari segi pengurusan. Kadang-kadang kita nak ada sedikit kepelbagaian dan juga kepakaran kerana itu *about a new*. dan apabila kita dapat menawan, *capture* itu bakat-bakat yang sedia memberikan khidmat sungguhpun dengan gaji yang tidak begitu lumayan berbanding dengan sektor swasta. Saya rasa pekerja ini harus dipertimbangkan. Kalau kita lihat daripada jawatan-jawatan PDC memang ada ramai pun telah dinaik pangkat kepada jawatan Timbalan Pengurus Besar II, sebelum ini mereka tidak ada harapan pun menjawat kedudukan ini. So rasa di sini dari segi kepakaran, yang penting ialah dasar dan pendekatan Kerajaan Negeri ialah tidak kira dari mana, asalkan mereka betul-betul berkepakaran dalam bidang masing-masing.

Timbalan Ketua Menteri II:

Saya nak tambah Ketua Menteri. Saya Pengerusi Perjawatan di PDC dan pengambilan dua (2), tiga (3) pakar adalah untuk *short contract for service* dan bukan *contract of service*. Apabila kita buat *contract for service*, mereka ini diberi gaji tetapi ini tidak menjejaskan kenaikan pangkat kepada kakitangan lama, kenaikan pangkat dan posisi mereka adalah berdasarkan kekosongan di PDC. Mungkin kalau di peringkat atas memerlukan waran dari JPA dan sebagainya. Maka apabila kita melantik pakar ini tidak menjejaskan kenaikan dalaman, mereka adalah *contract for service*, mungkin untuk satu (1) atau dua (2) tahun, mereka ini bukan kakitangan yang kita ambil dan selaras dengan kakitangan lama. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB Sr. Haji Muhamad Farid Bin Saad):

Terima kasih kepada Ayer Puteh dan Perai. Isu ini juga sebenarnya ada berkaitan dengan *contract for service*. Satu (1) Yang Berhormat Air Putih, saya bersetuju dengan Ayer Puteh kadang-kadang kita memerlukan *new blood* daripada luar untuk memperkasakan, itu saya akui tetapi saya minta pada masa yang sama kita jangan lupa kepada khidmat bakti yang diberikan dengan begitu lama berkhidmat kepada kita. Disebabkan PDC juga semakin berkembang sudah tentu *new blood* ini dibawa kepada *new position* dan yang lama ini dikekalkan atau membentu suasana tugas baru dan diberi anjakan gaji yang sewajarnya.

Berkenaan dengan *contract for service*, ini berlaku juga di dalam ucapan saya dalam penggal yang lepas mengenai Bukit Bendera. Bagaimana Kerajaan Negeri menggunakan terma dan *contract for service*, dengan melantik pegawai-pegawai yang berkelulusan rendah tapi gaji yang tinggi, saya tidak mahu ulangi perkara ini. YB. Perai boleh *check* balik dalam Mesyuarat PAC juga saya sudah minta sebenarnya, Pengerusi PAC, berikan dalam masa dua (2) minggu senarai perjawatan dan gaji baru tetapi sampai hari ini tak beri pun. Ini permintaan di dalam mesyuarat PAC, sebab saya kata memang ada pegawai yang diberi terma *contract for service* ini diberi gaji yang lebih besar dan tidak setaraf dengan kelayakan mereka. Ini telah dibincang dengan panjang lebar pada penggal lepas dan saya tidak mahu bincang lagi perkara yang sama.

Seterusnya berkenaan hal ehwal Agama Islam, Perkara 27. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM54.08 juta pada tahun 2015 di bawah peruntukan keagamaan berbanding RM52.21 juta pada tahun 2014. Ini menunjukkan ada pertambahan RM1.8 juta akan tetapi setelah saya merujuk balik kepada Ucapan Bajet 2015 yang dibentangkan di dalam Dewan Undangan Negeri ini pada 7 November para 53 muka surat 29 YB. Batu Maung, jelas menunjukkan bahawa peruntukan itu untuk tahun hadapan. Untuk tahun ini untuk hal ehwal Agama Islam adalah sebanyak RM57.88 juta. Persoalannya kenapa ada perbezaan bajet 2015 RM57.88 juta dan pada ucapan TYT RM54.08 juta, perbezaan sebanyak RM3.08 juta. Adakah ini ucapan bajet yang baru atau bagaimana? Yang Berhormat Batu Maung. Jika dilihat pecahan peruntukan 2015 dan ringkasan Anggaran Belanjawan Mengurus 2015 untuk B13, Jabatan Hal Agama Islam ada RM18.8 juta dan Anggaran Pembangunan P13 untuk Jabatan Hal Agama Islam adalah RM5.9 juta, menjadikan jumlah RM27.814 juta. Mungkin Yang Berhormat boleh *check* balik ucapan bajet dan *clarify* semula, salah dekat mana *figure-figure* ini. Mungkin *typing error* ataupun ada pertambahan yang perlu dibuat di luar pengetahuan Air Putih sebagai Menteri Kewangan di negeri ini.

YB. Dato' Speaker, saya juga ingin mendapat penjelasan daripada Kerajaan Negeri tentang perancangan Pulau Jerejak. Saya difahamkan bahawa ada pembangunan mewah akan dilaksanakan di situ yang melibatkan 1,000 buah pangsapuri mewah yang akan dijual dengan harga jutaan ringgit. Difahamkan ada taman tema yang akan dibina dan juga akan ada jambatan yang menghubungkan Pulau Jerejak dengan pulau besar iaitu Pulau Pinang ini. Sudah tentunya akan melibatkan lagi penambakan laut. Saya minta penjelasan Y.A.B. Ketua Menteri status perancangan ini dan adakah benar ianya akan dilaksanakan di Pulau Jerejak. Adakah ini juga akan menjejaskan pengekalan sebahagian dari Pulau Jerejak sebagai *forest reserve*.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih Pulau Betong. Saya tertarik dengan apa yang telah diungkap oleh Pulau Betong tadi. Untuk makluman saya ada membuat soalan dalam penggal yang lepas tentang pembangunan di Pulau Jerejak yang juga dijawab oleh Y.A.B. Ketua Menteri bahawa sebenarnya tidak ada rancangan untuk membangunkan Pulau Jerejak. Jadi kalau ada ini mengejutkan kerana janganlah terus umum mega projek sana-sini tetapi tanpa pengetahuan rakyat Pulau Pinang langsung.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih Ketua Pembangkang. Inilah bahana apabila kita tidak mempunyai RSN yang muktamad. Semua kelulusan yang diberikan di atas meja SPC. Kita tidak tahu sebenarnya, ini kita dengar-dengar, tiba-tiba berlaku pembangunan itu. Rakyat Pulau Pinang memerlukan kepada pengetahuan tentang perancangan Kerajaan Negeri dan mungkin Y.A.B. Air Putih boleh memberi penjelasan tentang perkara berkaitan Pulau Jerejak ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya rasa saya boleh memberi penjelasan sekarang. Seperti yang dimaklumkan oleh YB. Pulau Betong dan YB. Ketua Pembangkang bahawa pembangunan di Pulau Jerejak sekarang ini terletak di dalam sebuah syarikat yang dinamakan Tropika Resort di mana 51% saham dipegang oleh UDA, 49% oleh PDC. Ini dilakukan di bawah Kerajaan Barisan Nasional sebelum kita mengambil tampuk pemerintahan Kerajaan Negeri. Selepas selama tujuh (7) tahun ini Kerajaan Negeri merasakan ia memang tidak memberikan sebarang menafaat atau menguntungkan Kerajaan Negeri sebaliknya ia merugikan Kerajaan Negeri kerana jualan premium tanah yang ditawarkan adalah terlalu rendah, tidaklah selaras dengan harga pasaran. Selepas beberapa perbincangan, kini UDA telah membuat keputusan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang timbul. Terutamanya pertama menjelaskan premium tanah yang agak rendah, *below market cost*, kedua memulangkan semua pelaburan yang diberikan oleh PDC dan ketiga untuk memastikan perkara ini adalah berlandaskan nilai tanah yang dijual oleh Kerajaan dulu. Inilah status perbincangan di mana UDA secara prinsipnya menerima syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri kerana kalau kita hendak jual, kalau kita hendak lepaskan pegangan 49% ini, ia mesti memberikan menafaat kepada Kerajaan Negeri dan memastikan kita dapat *value for money* untuk tanah yang kita serahkan kepada UDA. Sebagai balasan untuk UDA tentu mereka ada beberapa perancangan dan perbincangan masih berlangsung. Kita menunggu perancangan dibuat secara rasmi melalui surat hitam putih. Saya rasa kita hanya boleh memberikan satu laporan yang terkini dan rasmi apabila kita terima surat daripada UDA. Saya ingin tegaskan bahawa sebarang atau apa-apa perancangan pembangunan di Pulau Jerejak bergantung kepada UDA, tetapi tentulah syarat kita hendak dapatkan pelaburan dan pada masa yang sama, selain dari pelaburan, mendapat nilai tanah yang dijual dengan harga yang begitu murah sekali kepada UDA. Sekiranya ia dapat dipenuhi maka saya rasa kita boleh maju ke depan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih Air Puteh. Saya mungkin keliru sedikit. Tawaran untuk Kerajaan Negeri mendapat balik nilai tanah telah pun dibuat kepada UDA tetapi UDA masih belum membayarnya, masih belum membuat apa-apa keputusan begitu?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Bukan, sekarang ialah tanah yang sudah dibayar oleh UDA, sudah dibayar tetapi sekarang tanah ini dimiliki oleh sebuah syarikat usahasama, 49% dipegang oleh PDC dan 51% oleh UDA dan ini adalah di luar kawalan kita kerana ianya telah diputuskan oleh Kerajaan lama. Saya rasa mungkin masa itu YB. Pulau Betong pun adalah ADUN dalam Kerajaan lama. Ia diputuskan oleh Kerajaan lama, dalam aspek ini kita hanya memiliki 49% tetapi oleh kerana sekiranya mereka hendak menjalankan sebarang kemajuan, mereka perlu memiliki keseluruhan ekuiti itu, itulah sebabnya kita adakan perbincangan. Perbincangan yang kita adakan adalah berdasarkan pertama, semua pelaburan dan bayaran yang kita buat, kita mesti dapat balik.

Kedua, kita hendak dapatkan balik nilai sebenar tanah yang diserahkan kepada UDA dengan harga yang begitu murah sekali. Ini seperti harga lelong yang dijual kepada UDA pada masa itu adalah pada harga lelong. Kita hendak dapatkan harga sebenar dan itupun secara prinsip dipersetujui. Selepas itu mereka ada perancangan untuk membangunkan tanah milikan mereka oleh itu kita tunggu, kita sedang tunggu surat rasmi. Dari segi perbincangan, sekurang-kurangnya kita dapat satu kata sepakat iaitu syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri akan dipenuhi oleh UDA. Saya rasa itulah pendekatan yang kita ambil, macam dekat Tanjong Tokong pun serupa, sungguhpun ianya adalah satu agensi Pusat tetapi sekiranya kita cari satu penyelesaian menang-menang, kita boleh lihat kemajuan yang dicapai. Kita harap seperti di Tanjong Tokong, 40 tahun tak boleh selesai, kita harap boleh diselesaikan dalam masa terdekat ini, sama juga hal Pulau Jerejak. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Saad):

Terima kasih Ayer Puteh atas penjelasan. Saya teruskan lagi untuk menyentuh sedikit tentang Laporan Audit. Ini berkaitan dengan, satu (1) saja saya hendak sentuh di sini, mungkin ini mereka telah halusi dalam mesyuarat PAC. Cuma satu perkara yang sering saya sebut semasa Dewan yang lepas, apabila saya mempersoalkan tentang *no plastic bags day*. Saya tanya dulu, sebab saya khuatir ada kutipan-kutipan yang dibuat oleh sesetengah premis perniagaan yang tidak memberi caruman balik kepada Kerajaan Negeri. Saya tanya apakah kegunaannya, kerana pada saya kalau plastik itu berkenaan dengan *environment* tentu ianya digunakan untuk hal-hal yang berkaitan dengan *environment*, persekitaran tetapi jawapan oleh Kerajaan Negeri yang menyatakan wang itu digunakan untuk program-program kesejahteraan rakyat termasuk warga emas, ibu tunggal dan sebagainya. Saya ingin menyentuh tentang teguran yang dibuat oleh pihak Audit yang telah pun diletakkan milikan masing-masing Siri 1, antara tegurannya secara keseluruhannya program kebajikan rakyat telah menepati objektifnya namun pelaksanaan program adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian seperti berikut:-

1. Kelewatan dalam mendaftar dan mengesahkan permohonan serta mengemaskini maklumat pembayar sumbangan di dalam sistem i-sejahtera;
2. Kawalan penyimpanan dan pengendalian wang tunai yang kurang memuaskan. Ini komen dari Audit YB. Sungai Puyu;
3. Baki wang sumbangan yang tidak dapat diagihkan, lewat diakaunkan ke akaun Kerajaan Negeri; dan
4. Pemantauan oleh UPEN terhadap program kurang memuaskan.

Bagi memastikan pengurusan program kepentingan kebajikan rakyat dapat dipertingkatkan disyorkan supaya pihak UPEN dan pejabat daerah mengambil tindakan seperti berikut:

Menambah baik garis panduan program-program kebajikan i-sejahtera daripada aset permohonan, pendaftaran pembayaran keselamatan wang tunai serta pengembalian wang sumbangan yang tidak dapat diagihkan pendaftaran permohonan perlu dibuat dengan segera supaya pemohon dapat manfaat dengan segera dan akhir sekali meningkatkan kawalan keselamatan penyimpanan dan pengembalian wang tunai termasuk pembayaran selepas pembayaran dibuat.

Ini teguran pihak Audit. Saya nak tanya juga daripada pihak YB. Sungai Puyu, dalam perbahasan yang lepas, saya menyatakan bahawa ada premis yang mengutip adakah mereka membayar kepada Kerajaan Negeri ataupun mereka mengagihkan sendiri, nanti dalam penggulungan saya nak tahu macam mana status sekarang ini, selepas beberapa bulan berlalu. Adakah mereka masih mengamalkan untuk mengutip duit dan mengagihkan sendiri ataupun mereka telah pun diberi kata dua (2) supaya menyerahkan wang itu kepada pihak Kerajaan Negeri untuk diuruskan di bawah program kesejahteraan rakyat?....(gangguan), nanti boleh jawab.

YB. Dato' Speaker, dalam sidang Dewan daripada hari Isnin, Selasa dan hari ketiga ini banyak kali disebutkan tentang bagaimana pihak Kerajaan Persekutuan tidak membantu pihak Kerajaan Negeri. Saya telah pun membuat sedikit *homework* mendapatkan maklumat untuk saya kongsi dengan pihak Kerajaan Negeri terutama *backbenches* yang sentiasa menyalahkan Kerajaan Pusat, seolah-oleh tidak membantu memberikan peruntukan yang sewajarnya kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Dalam RMK-10 dalam *rolling plan 1* sebanyak 66 projek untuk Kerajaan Negeri Pulau Pinang bernilai RM253 juta. Dalam *rolling plan* yang kedua, 88 projek bernilai RM309 juta. Dalam *rolling plan* ketiga 44 projek bernilai RM1,001 satu juta. Dalam *roll plan* yang keempat 45 projek bernilai RM164 juta dan tahun ini lebih tahun 2015 sebanyak 105 projek bernilai RM3,048 juta, *total* projek adalah 351 projek dengan jumlah keseluruhan yang saya dapat ialah RM4.7 bilion.

Ini yang telah pun diberikan kepada saya untuk menunjukkan bahawasanya Kerajaan Pusat memang prihatin dan tidak membelakangkan rakyat Pulau Pinang dari agihan peruntukan. Itu yang *direct* daripada Kerajaan Persekutuan melalui kepada SDO. Ada juga satu lagi peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri mengikut perjanjian Pengurusan Kewangan Negara. Saya dapati terdapat beberapa kategori yang telah pun diberikan, satu (1) pemberian mengikut kepala,

saya ambil contoh tahun 2014 bernilai RM23.9 juta, bayaran perkhidmatan 10% kerana pelaksanaan projek-projek Persekutuan RM13.19 ringgit, bayaran pertambahan hasil berjumlah RM12.45 juta, pemberian membiayai pembelian mengurus di bawah senarai bersama jabatan RM25.54 juta. Pemberian berdasarkan hak pemberian ekonomi infrastruktur dan kesejahteraan bernilai RM13.52 juta berjumlah RM88.67 juta. Pemberian penyelenggaraan jalan raya MARRIS, bernilai RM94.44 juta menjadikan jumlah tahun 2014 adalah sebanyak RM183.11 juta. Iaitu pertambahan RM18 juta daripada tahun 2013. Ini jelas menunjukkan bahawasanya Kerajaan tidak pernah membelakangkan kerana formula ini digunakan yang sama untuk diagihkan ke Negeri-negeri lain sama ada di bawah Pentadbiran Barisan Nasional ataupun di bawah pentadbiran Kerajaan Pakatan Pembangkang.

YB. Dato' Speaker seterusnya saya nak merujuk kepada isu yang dekat di hati saya dekat di hati YB. Sungai Puyu tetapi saya tak begitu tahu sama ada dekat di hati YB. Seberang Jaya sebab saya tak pernah bersembang dengan dia pasal MOKO ini. MOKO ini YB. Dato' Speaker dia semakin hari semakin serius, semakin hari serius, sehingga menyebabkan, setahu saya terus *check* kelmarin petang hanya pokok pisang emas sahaja yang tidak terkesan oleh MOKO ini yang lain terutamanya pisang awak memang habis rosak saya ingat menyebabkan pisang ini terpaksa di bawa daripada Patani daripada Thailand dengan harga yang cukup mahal, ini menjadikan goreng pisang kita memang mahal tetapi apa yang saya nak jelaskan bahawasanya jika tidak ada perhatian serius diberikan oleh pihak Kerajaan Negeri dan Persekutuan dalam menangani hal ini. Saya takut ianya akan berpindah ke tanah besar dan mungkin saja bukan saja Pulau Pinang tapi Negeri-negeri lain juga akan terkesan.

Saya bertanya saya bertanya kepada Kerajaan Negeri apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menangani dan mengatasi penyakit MOKO Pisang yang melanda Balik Pulau. Berapakah yang telah dibelanjakan dan pecahannya? Jawapan yang diberikan kepada saya penyakit MOKO Pisang atau dikenali sebagai *Layer Bacteria* Pisang telah dikesan menyerang tanam-tanaman pisang melibatkan keluasan 153.44 hektar di jalan raya.

Untuk makluman kawasan tanaman pisang di seluruh Barat Daya adalah 336 hektar ini mengikut perangkaan 2013 yang diberikan kepada saya. 153.44 hektar ini adalah perangkaan sehingga 23 Mac 2015 dan saya yakin hari ini selepas dua (2) bulan berlalu telah merebak keluar. Antara tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri adalah suatu kuarantin kawasan dan zon penampakan dalam lebih lingkungan 3 hingga 5 meter di keliling kawasan yang dijangkiti dengan menghadkan kelayakan keluar masuk. Ini jawapan yang diberikan oleh Dr. Afif EXCO, saya mendapati ini dilaksanakan, lori keluar masuk dengan bebasnya, kereta keluar masuk dengan bebasnya di mana dikatakan kuarantin kawasan.

Jawapan yang kedua memusnahkan pokok pisang yang dijangkiti dan pokok di zon penampakan menggunakan racun rumpai dan menggunakan batang pisang dengan menggunakan sekam padi, menggunakan sekam padi, saya tak nampak sekam padi, mungkin saya pergi kawasan itu tak nampak sekam padi tapi di Balik Pulau ini tak ada sekam padi la sebab padi semua dipotong, dituai dan diproses di Seberang Perai bukan di Balik Pulau, so sekam padi tak ada, tak apalah, tapi yang penting adalah membakar batang pisang supaya pokok itu mati. YB. Dato' Speaker, pokok pisang ini dia bukan jenis yang kalau kita potong dia terus mati, dia akan hidup dan hidup dan pecambahan dia cepat sekali Yang Berhormat perlu tahu. Saya tahu Yang Berhormat ini memang suka

pertanian, YB. Speaker EXCO pertanian so ini bukan caranya bukan, menggunakan racun ini juga adalah penyebab kepada berlakunya MOKO ini, sebab kita menggunakan terlampau banyak *chemical fertilizer* sehingga merosakan *condition* tanah, racut rumput dan racun-racun sebagainya yang digunakan, sehingga condition tanah itu rosak, strukturnya rosak dan menyebabkan ia terdedah kepada serangan kuman dan virus.

Ketiga mendapatkan anggaran kerosakan dan kerugian dan memohon peruntukan pertanian dalam sektor tani bagi membantu para petani yang terlibat, terima kasih saya semak dengan Pengarah Pertanian dia kata telah pun berhubung Mesyuarat di Putrajaya dan saya telah menghantar surat kepada Menteri Pertanian untuk melihat isu ini kerana isu ini cukup serius dan mewujudkan satu jawatankuasa bagi melaksanakan tindakan untuk mengawal penyebaran penyakit MOKO pisang di peringkat Negeri. Ini saya rasa perlu disegerakan dan tidak boleh mengambil masa yang lama untuk mengadakan jawatankuasa bagi memantau dan mengambil tindakan sewajarnya bagi membasmi penyakit MOKO ini. Secara am nya bagi jawapannya secara amnya Kerajaan Negeri belum memperuntukan sebarang dana bagi membantu petani yang terlibat namun Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif untuk mendapatkan bantuan korporat seperti pengeluaran benih tanaman hiliiran.

YB. Dato' Speaker, saya difahamkan hanya 30 ekar lebih sahaja telah pun dikorek tetapi masih ada *remaining* berapa, mungkin dalam 120 hektar lagi yang belum dibuat apa-apa pun belum dibuat apa-apa pun. Saya rasa daripada membayar betul kita nak bagi bantu petani, tetapi saya rasa untuk membantu petani biarlah dalam usaha untuk membasmi ataupun mengorek semua pisang ini dan diganti dengan tanaman-tanaman baru dan tanaman dicadangkan adalah untuk membeli ubi keledek yang dijual dengan harga 35 sen berbanding dengan harga pasaran 55 sen. YB. Sungai Puyu kita ada berbincang, ubi keledek ini tak sesuai betul YB. Sungai Puyu. Sebab tanah kondisi tanah di Balik Pulau ini dia ada sebahagian permatang, ada sebahagiannya tanah yang lumpur berselut dan tak sesuai untuk ubi keledek ini so saya rasa penyelesaian ini saya rasa bukan hanya ubi keledek mencari atau alternatif lain yang sesuai lagi untuk membantu nelayan kerana hari ini *average* petani kehilangan lebih kurang RM1,900 sebulan per ekar ladang pisang so ini serius.

Jadi saya minta ini diberi perhatian sewajarnya dan perlu disegerakan tindakan dan seterusnya dikatakan sekiranya petani terlibat berminat anggaran kos bagi tanaman keledek di kawasan dijangkiti MOKO pisang adalah RM2 juta. Mana kita nak cari RM2 juta ini, tak mampu mereka kerana sebab RM1,000, RM2,000 pendapatan mereka sebulan per ekar itu mungkin habis digunakan untuk kehidupan mereka, itu nak cari RM2 juta Ini nak cari yang banyak dan perlu penyelesaian daripada Kerajaan Negeri untuk membantu bagi dana yang ada sebab itu *insya-Allah* kita peringkat Pusat juga kita akan cuba minta bantuan daripada Kerajaan Pusat untuk membantu menyelesaikan penyakit MOKO ini untuk jangka panjang dan juga membantu petani-petani yang terkesan daripada penyakit, hilangnya pendapatan daripada penyakit ini.

YB. Dato' Speaker seterusnya tentang warisan, Air Itam ada di sini, *Alhamdulillah*, terima kasih Air Itam, saya nak baca beberapa petikan daripada ucapan EXCO pada ketika itu membentangkan Rang Undang-undang Warisan Negeri Pulau Pinang 2011 yang dibentangkan pada 10 Mei 2011 kata EXCO pada masa itu, di mana antara lain di mana dengan lulus Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang Kerajaan Negeri telah memberi komitmen untuk bertanggungjawab untuk terus membina, memelihara dan memulihara tapak-tapak warisan dan juga warisan kebudayaan tidak tara dengan kaedah dan

penerangan yang lengkap dan teratur. Peruntukan undang-undang pihak warisan Negeri Pulau Pinang telah dizahirkan untuk berhasrat mengiktiraf signifikasi elemen-elemen warisan kebudayaan dan warisan semula jadi yang telah wujud sekian lama tetapi dan dihargai dan seterusnya untuk menjadi kebanggaan generasi yang akan datang.

Dalam Dewan Undangan Negeri telah menggunakan kuasa untuk membuat Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang seperti peruntukan Perlembagaan Persekutuan mengikut Seksyen 30(A) Akta Warisan Kebangsaan. Bagi tapak-tapak warisan yang tidak mendapat keizinan Pihak Berkuasa Negeri maka Kerajaan bolehlah mengambil-alih tanggungjawab untuk memulihara dan memelihara tapak-tapak warisan tersebut dengan kaedah dengan sendiri, so ini satu niat yang baik Yang Berhormat. Saya cukup setuju untuk menjaga apa tapak-tapak warisan sama ada *heritage* kita nak jaga dan bukan sahaja di kawasan tapak warisan dunia George Town tetapi di seluruh Pulau Pinang ini. So soalnya kenapa niat yang baik ini masih belum lagi terlaksana selepas empat (4) tahun berlalu? Enakmen itu tidak diwartakan, saya semak lagi tidak diwartakan kerana tidak ada penubuhan Majlis Warisan Negeri Pulau Pinang. Tidak ada Pesuruhjaya Warisan Negeri yang dikuasa untuk melihat semua ini dan tidak ada daftar warisan yang mewartakan senarai lengkap tapak bangunan warisan dan juga tidak ada pegawai penguasa.

Dalam jawapan yang diberikan kepada saya Alhamdulillah sehingga kini 11 buah bangunan di Negeri Pulau Pinang telah diwartakan sebagai Bangunan Warisan dan warisan di Tapak Warisan Dunia George Town di DWDGT ada 3,853 rumah telah diklasifikasi sebagai warisan dan telah disenaraikan dalam draf rancangan kawasan George Town tetapi di luar DWDGT luar kawasan George Town termasuk SPT, SPS, SPU, DBD ini pihak George Town World Heritage telah menyediakan senarai inventori untuk tapak-tapak yang berpotensi. Bilangan bangunan yang telah dikenal pasti berpotensi di daerah Pulau sebanyak 2,506, di SPU sebanyak 131 unit dan SPT sebanyak 381 unit. Walau bagaimanapun penetapan satu tapak objek monumen sejarah masih dalam peringkat perbincangan dan masih belum dimuktamadkan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai.

Yang Berhormat apa yang saya pertikai di sini adalah, selagi mana ia tidak disenaraikan, maaf, selagi mana ia tidak diwartakan selagi mana mereka tidak disenaraikan sebagai bangunan warisan pada bila-bila masa ia tertakluk ataupun terbuka untuk dirobuhkan oleh pihak-pihak tertentu, lebih-lebih tuan tanah ataupun tuan rumah yang tidak menghargai peninggalan warisan mereka, sebab itu saya ulangi sekali lagi, bahawasanya amat penting untuk Kerajaan Negeri dengan segera melaksanakan mewartakan enakmen ini kecualilah mungkin perkara-perkara di luar pengetahuan saya mengapa sampai hari ini sampai tahun ia masih lagi tidak diwartakan.

Isu KOMTAR, KOMTAR ini semua orang tahu bahawa ianya adalah ikon kepada semua Pulau Pinang, Dato' Mud pun tahu, cucu pun tahu, cicit pun tahu tentang KOMTAR ini ikon yang dibina pada tahun 1986. Saya nak ringkaskan begini apabila kita membuka projek ini kepada dan menyerahkan kepada *Only World Group* yang juga merupakan syarikat pemilik *Wet World Wild* yang ditutup selepas 10 bulan di Batu Ferringhi, mereka telah proposal dan telah dan telah diluluskan untuk mereka membuat kerja. Mereka akan membina sebuah dewan bankuet di level *five rooftop*, ada dua *external high speed observation lifts* akan menghubungkan tingkat bawah sehingga tingkat 59, 60, 64 dan 65. Soalan saya.

“Di atas tingkat di atas sekali ada *helicopter pad*, itu untuk tujuan sekuriti kalau ada kebakaran dan sebagainya. Itu tempat helipokter akan *landing* untuk membuat kerja-kerja menyelamatkan, tempat itu hari ini telah di tukar guna menjadi *open deck*, *open dining deck* kalau tidak salah saya. Apakah kalau dulu ada keperluan untuk menjaga keselamatan apabila ada berlaku kebakaran, hari ini tidak ada lagi ini tempat itu dan hairan saya kenapa pihak BOMBA memberi kebenaran itu? Kenapa? Takkanlah dahulu BOMBA kata dulu tak boleh, hari ini BOMBA kata boleh? Bagaimana, apa akan berlaku sekiranya berlaku kebakaran di KOMTAR, mintak simpanglah, tapi apa akan berlaku? Itu satu (1).”

Yang kedua, *bubble lift* ini, saya cukup takut, khuatir hari ini apabila kita mendapat maklumat tentang bagaimana pengganas-pengganas. Ini beroperasi ini adalah bangunan ikon sehingga 65 tingkat jadi Pusat pentadbiran Kerajaan Negeri, kesemua fail kita di situ, kesemua maklumat kita di situ, tidakkah terlintas dihati Kerajaan Negeri, apa akan berlaku sekiranya ada terdapat pengganas yang masuk melalui lift semata-mata hendak pergi ke tingkat 65 ataupun tingkat 64, 65, 55, 59 dan 60 kerana ini terbuka kepada public. Apa akan berlaku ini saya cukup khuatir ini. So saya minta MPSP dan pihak BOMBA ini mengkaji semula tentang isu ini, ini cukup serius dan sekiranya berlaku sahaja apa-apa yang tidak diingini, saya rasa *the whole* pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan lumpuh kerana semua yang terhimpun di situ. kerana sekuriti nak jaga, nak pastikan orang keluar masuk itu bukan mudah, walaupun boleh dikata ooh kami akan jaga tetapi kemungkinan-kemungkinan akan berlaku punya pelanggaran dan sebagainya akan tetap boleh berlaku, jika sekiranya kita membuka ruang untuk berlakunya perkara-perkara seperti begini dan saya juga terkejut apabila melihat perkara satu (1) berita menarik dalam akhbar STAR. *Rep: KOMTAR could become hotel or varsity.*

Yang Berhormat KOMTAR ini lawatan yang mereka buat. Satu cadangan ini bermakna nak ubah pejabat pentadbiran negeri daripada KOMTAR ke tempat lain. Satu (1) mula-mula kita nak ubah Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ke tempat lain, lepas ini kita nak ubah KOMTAR ke tempat lain adakah ini satu tindakan yang bijak ... (gangguan) eh *sorry* tak boleh nak ubah KOMTAR lah, nak ubah Pusat Pentadbiran ke tempat lain, KOMTAR tidak boleh ubahlah, saya pun hairanlah mungkin Yang Berhormat KOMTAR dah membuat kajian, di mana kita ada di punya *lift* nya, kalau kita membuat hotel memerlukan bilik, macam mana kita nak *attach toilet* kepada bilik hotel dan sebagainya, memberikan satu teknikal, tetapi adakah ia munasabah untuk dilaksanakan. Apapun saya hendak maklumkan kepada Kerajaan Negeri sekiranya ikon KOMTAR ini bukan milik Kerajaan Negeri tetapi ia ianya milik kepada semua orang di Pulau Pinang ini dia menjadi kebanggaan kepada kita semua. Jadi lakukan terbaik dan jangan membawa kemusnahan kepada KOMTAR disebabkan apa kita katakan salah.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker, saya nak pergi sikit juga kepada, pergi sikit juga tentang *reclamation* ini saya hendak tengok daripada keratan akhbar ini The Nation, THE STAR, Thursday 16th April 2015 saya cuma hendak gambarkan apabila hendak buat projek LRT ini, yang besar ini, dalam paragraph yang 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10 disebut *The Pay Off for The Building the LRT project is the right to reclaim 1,680 hectares at the southern part of the island of 85 hectares will be used for the expansion of the airport and to expand the FIZ or 67 hectares stretch within the Penang Bridge at the mode of Sungai Pinang in area as middle bank.* Saya cuba congak Yang Berhormat Dato' Speaker, besar mana ini, besar mana *area* 1,618 hektar ini. Tadi Yang Berhormat Telok Bahang, mana dia berkata bahawasanya bersaiz dua (2) kali Pulau Jerejak, apabila saya *convert* 1,618 hektar kepada ekar menjadi 3,883 ekar, ini berkeluasan lebih kurang 3,500

padang bola, cukup besar dan kalau saya ambillah perangkaan ataupun perbandingan dengan kos atau keperluan menabung tanah di Sri Tanjong Pinang phase 2 di mana untuk menambun mendapatkan keluasan tanah 360 hektar memerlukan 33 juta kubik meter sm dan juga memerlukan 2 juta batu untuk menambun 1,618 hektar ataupun 3,883 ekar memerlukan 148 juta kubik meter pasir dan 9 juta batu nak ambil mana ni? Lojik akal mungkin habis bukit-bukit kita di Pulau Pinang ini. So ini adalah satu benda yang cukup besar dan saya sebagai rakyat cukup risau. Pendekatan yang diambil Kerajaan Negeri semuanya nak hendak bagi tanah untuk *reclamation*. Saya tidak pasti bila nak dapat jumlah yang besar ini mungkin kita Jurutera-Jurutera daripada MBPP, MPSP dan sebagainya boleh mengira dan lojik akan saya kira ini satu benda yang tidak munasabah untuk kita laksanakan di Pulau Pinang ini mengambil kira situasi kita tanah kita yang sebahagian besarnya adalah kawasan yang berbukit bukau, yang kalau kita kacau bukit bukau itu akan memberi kesan secara langsung kepada persekitaran kita di Negeri ini. Seterusnya.....(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya hendak minta jalan. Saya rasa tadi Yang Amat Berhormat Pulau Betong memberikan gambaran yang kita akan menggunakan tanah bukit untuk membuat tambakan. Saya rasa itu bukanlah pendekatan sekarang, saya rasa sebagai seorang *surveyor* Juru Ukur Professional. Yang Berhormat Pulau Betong pun tahu teknologi sekarang bukanlah menggunakan tanah bukit, so bukit tidak akan disentuh dan ini yang pertama dan tentu kalau kita lihat pendekatan yang selalu dipakai, macam dekat Melaka adalah pasir, dekat Singapura pun pasir, Melaka saya rasa sampai 10 ribu ekar di tambun untuk Negeri Melaka, tapi yang di sini seperti yang saya sebut tadi.

Semasa saya meminta jalan dari Yang Berhormat Telok Bahang. Pekara ini bergantung kepada laporan di DEIA, bukan EIA, (DEIA) *Detailed Environmental Impact Assessment* dan juga kepada kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar dan sekiranya mendapat kelulusan barulah ia dapat diteruskan, so kalau kita lihat daripada laporan, saya pun tak tahu laporan mana, itu surat khabar tahu sama tahulah, tapi itu bergantung kepada perkiraan ini. Kalau nak kod daripada(gangguan), siapa milik STAR dia pun tahu. So di sini ...(gangguan), so itulah lebih baik kita bergantung kepada professional. So janganlah bergantung kepada itu laporan surat khabar kerana mereka hanya dapat spekulasi, yang saya hendak tegas di sini ialah marilah kita bincang secara professional kerana Yang Berhormat Pulau Betong pun seorang professional. Bergantung kepada pakar-pakar yang sedang mengkaji perkara ini, kalau boleh jalan, jalan.

Kalau kita sebut daripada segi Jurutera, Jurutera yang dipakai adalah Arup Engineering, Arup Engineering saya rasa Yang Berhormat Pulau Betong pun tahu adalah di antara Juru Perunding Kejuruteraan yang ternama atau terkenal di Malaysia dan juga di peringkat antarabangsa. So kita tidak akan main-main dalam perkara ini, ini perkara serius dan kita pun ambil berat, so saya pun ingin memberikan jaminan bahawa bergantung kepada laporan yang akan diberikan oleh pakar-pakar, hanya selepas mendapat kelulusan daripada jabatan berkenaan, baru ia boleh dijalankan. tapi sekiranya kita hendak dapat penyelesaian yang mudah lebih baik Yang Berhormat Pulau Betong minta Kerajaan Pusat tunaikan janji untuk bina LRT/MRT saya rasa semua ini selesai tidak perlu kita buat sebarang perancangan sedemikian dan sebagai seorang anak Negeri Pulau Pinang saya lihat tadi semangat yang terhormat tadi begitu berkobar-kobar cakap tentang pentingnya Pulau Pinang saya harap Yang Berhormat Pulau Betong sampaikan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tunaikan janji tiga (3) kali beliau dah sebut nak buat LRT/MRT tapi sekarang tinggal janji kosong sahaja. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima Kasih Yang Amat Berhormat Air Putih, terima kasih atas penjelasan Yang Berhormat Air Putih, betul tapi kena ingat, apabila kita membuat kerja penambakan tanah kita memerlukan perkara, benda untuk kita tambun, ini bermakna walaupun kita tidak ambil semua bukit, tanah bukit semua tetapi *the top surface of the land* mesti pakai tanah itu juga. Saya lihat di *the light* selepas mereka mengambil tanah laut, pasir laut di atasnya mereka juga akan mengambil tanah-tanah merah betul tak betul..

Y.A.B. Ketua Menteri:

Bukanlah tanah, tambakan laut bukanlah tanah, tambakan laut sekarang bergantung kepada pasir.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Betul.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya rasa, saya tak mahu berdebat tentang itu perkara teknikal ia serah kepada (gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Tak apa, okey kita pun tak mahu *argue*.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tapi itulah, jangan nak cakap angkat itu tanah bukit itu tak ada. Tak sentuh langsung.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya hendak maklumkan bahawa hasil pengamatan saya *The Light* walaupun mereka mengambil tanah laut untuk menambun, untuk menambak laut itu, pasir laut untuk menambak, akhir sekali mereka akan menggunakan *laterite*, tanah merah satu (1). Ia juga memerlukan kepada batu *aggregate* sama ada *the borders* ataupun *aggregate* untuk membuat dan sebagainya ini semua diperlukan dan ambil daripada mana tentu daripada tempat-tempat luar dan pasir, sebenarnya kalau dalam jumlah yang banyak itu ambil daripada mana dan pasir tak akan ini juga akan melibatkan kepada pencemaran dasar laut dan menyebabkan kita semua *complaint*, *kilang* dan sebagainya so ini mungkin saya hendak saya tegaskan kepada Yang Berhormat Dato' Speaker bahawa tak semua penyelesaian projek Kerajaan Negeri boleh di *resort* kan kepada menambun tanah, ini bukan caranya mungkin ada cara kaedah lain yang boleh difikirkan oleh Kerajaan Negeri tanpa melibatkan isu-isu persekitaran.

Yang Berhormat Dato' Speaker saya mengarahkan dalam PAC *meeting* dalam kita membuat analisa kenapa berlaku pencerobohan tanah Bukit Bendera dan sebagainya. Saya diberikan satu carta ini yang saya pun nak minta pengesahan daripada Yang Berhormat Padang Kota apakah benar carta ini terpakai. Saya terfikir tiga (3) kali, *are you*

sure kata, *yes* tiga (3) kali. Ini carta ke atas bangunan tanpa kebenaran di atas tanah persendirian. Carta ini menunjukkan bahawasanya walaupun notis telah dikeluarkan, ianya mesti merujuk kepada ADUN dan pihak yang beroperasi dan surat makluman kepada Yang Berhormat Chow Kon Yeow. Setuju, *proceed*, tak setuju, tangguh. Adakah ini boleh digunapakai oleh pihak MPSP dan juga MBPP. Saya tanya kepada pegawai MBPP mereka kata *yes*, tiga (3) kali saya tanya.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Saya tambah satu *yes*.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji. Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terpakai yang ini? oh *okay*. So, ini bermakna setiap perobohan contohnya, apa sahaja yang dirobuhkan, tindakan yang diambil semuanya mesti melalui EXCO. Kalau tak buat melalui EXCO, tidak boleh dilaksanakan.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Rasanya tak ada halangan untuk tindakan cuma makluman sahaja.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Untuk makluman sahaja ? Bagaimana pula dengan ADUN?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

ADUN pun boleh bagi pandangan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Ya? Dan penyelaras ADUN ? Kerana apa ? Kerana walaupun saya bantah Pasar awam Balik Pulau supaya tidak dirobuhkan. Jawapan yang saya dengar adalah Ahli Majlis kata, roboh, peduli apa? Dia bukan ADUN kita. Dia pembangkang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, selaras dengan Peraturan Mesyuarat 6A (1) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya mohon supaya masa persidangan hari ini 13 Mei 2015, hari Rabu dilanjutkan sehingga jam 10.00 malam.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya bangun untuk menyokong.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah mengemukakan usul di bawah Peraturan 6A (1) untuk melanjutkan tempoh persidangan hari ini, 13 Mei 2015 Rabu dilanjutkan sehingga jam 10.00 malam. Ahli-ahli Yang Berhormat, bersetuju katakan 'Ya'. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju katakan "Tidak."

Ahli-Ahli Kerajaan:

“Ya.”

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sebulat suara kita terima usul. Kita sambungkan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih Air Putih, saya tengok Ketua Pembangkang tu dah tak larat, dia letih. Itulah Yang Berhormat, lain kali kalau perbahasan, bagilah limit 2 jam, 3 jam berbahas ini, susahlah, kita fokus kepada Negeri kan lebih mudah daripada kita melalut. Saya minta lagi, nak habis dah. Terima kasih, so, Yang Berhormat Padang Kota, sebab saya takut penyalahgunaan kuasa, ini sahaja. Sebab saya terkilan betul.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Saya rasa ini kes istimewa, sebab tidak mengikut prosedur ini sebab ini membabitkan harta Majlis, bukan....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Kalau harta Majlis, tentulah...(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow)

Penguatkuasaan yang....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Yang Berhormat Padang Kota lebih prihatin. Bangunan 100 tahun dirobohkan.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Saya cuma merujuk kepada SOP ini, ini tidak masuk dalam keadaan sebab ianya bukan penguatkuasaan untuk struktur-struktur yang lain. *This is a council property*, jadi, tak melalui proses ini.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Ialah, kalau *council property*, sepatutnya *you* lebih prihatin Yang Berhormat Padang Kota.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Saya rasa isu ini pun sudah jawab.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Jawablah, bangunan dah roboh. Bangunan telah pun dirobohkan. Dan puas hati semua orang yang minta dirobohkan. Ini yang saya kata, Yang Berhormat Air Itam kalau boleh kita nak percepatkan enakmen ini supaya bangunan warisan ini dapat disenaraikan dan diwartakan, seperti yang ada. Yang rugi siapa? *It is not for us. It's for our future generation*(dengan izin) Yang Berhormat. Sebab Yang Berhormat dulu adalah merupakan Setiausaha Politik, boleh beri nasihat kepada Ketua Menteri.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Minta laluan. Saya ingin menyatakan di sini bahawa SOP ini hanya diguna pakai untuk mengambil kira ADUN-ADUN Kerajaan Negeri, kerana apa selama ini kalau saya tanya 10 orang ni tak pernah pun, tujuh (7) tahun dah berlalu, sekali diminta pandangan 10 ADUN pembangkang. Jadi, seolah-olah ADUN pembangkang ini tak wujud, tak diiktiraf dan tidak diambil kira di dalam apa jua perancangan Kerajaan Negeri dan ini adalah tidak adil dan tidak telus, tidak cekap.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud bin Zakaria):

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, kalau begitu carta ini juga boleh tak dipinda? Jangan tulis lah tulis maklum kepada ADUN. Elok tulis maklum kepada Yang Berhormat ADUN Kerajaan sahaja kerana yang satu lagi pulak surat makluman kepada Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow. Apa dia ini? Chow Kon Yeow siapa? Siapa Chow Kon Yeow? Siapa dia? Takkan atas nama. Atas EXCO. Tulislah EXCO apa? Kerajaan Tempatan. Mana boleh pakai ini terlalu...(gangguan), esok EXCO lain pula boh nama. Bukan atas nama, tanya Pengerusi PAC, dia tak ada. Boleh tak pinda, boleh tak tukar?

Yang pertama, surat makluman kepada Yang Berhormat ADUN Kerajaan Negeri sahaja. Jangan sebut ADUN, kalau ADUN kami juga ADUN, rakyat memilih kami. Kami bertanggungjawab....(gangguan) dan Ahli Dewan yang angkat sumpah. Kemudian surat maklum kepada Tuan Chow Kon Yeow ini, bukan atas nama. Sepatutnya atas jawatan EXCO. Terima kasih Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Kelmarin Dato' Mahmud makan semut agaknya. Garang lebih. Tapi itulah hakikatnya apa yang kami rasai Yang Berhormat Dato' Speaker, kerana tak boleh, sebab itu dalam PAC tiga (3) kali saya tanya, *Are you sure? Are you sure? Are you sure?* Dia kata Yes, yes, yes. Dah empat (4) kali. So, bermakna ini tidaklah wujud, tidak *chart* dalam pentadbiran Kerajaan Negeri, kerana apa yang diungkapkan tidak sama dengan apa yang dibuat. Ini kami tahu, apa yang kami tak tahu mungkin banyak lagi, *Wallahua'lam*, hanya Tuhan sahaja yang tahu.

Seterusnya YB. Dato' Speaker. Saya tanya. Berapakah keluasan tanah Batu Kawan yang dibeli oleh pihak Kerajaan Negeri, bila dan bayaran? Jawapan yang diberikan Kerajaan Negeri melalui Perbadanan PDC, tidak membuat sebarang pembelian tetapi membuat pengambilan balik tanah di bawah Akta Pengambilan tahun 1990. Saya nak mungkin soalan saya silap dibetulkan dengan di bawah Akta Pengambilan. Tanya saya adalah:

Berapa harga pengambilan bagi 6,326 ekar tanah di Batu Kawan. Saya tanya berapa harga. Kenapa saya tanya? Saya nak berbalik kepada isu yang saya dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datok Keramat tentang tanah yang diambil *acquire*. Tak salah saya mungkin 0.38 sen atau 0.40 sen satu kaki persegi. Ini Akta Pengambilan. Tetapi kalau Yang Berhormat mensyaratkan tanah JKP dan PERDA tidak boleh buat dengan rumah yang mewah dan sebagainya, hanya perumahan awam, kenapa pihak PDC, Kerajaan Negeri menjual tanah kepada lima (5) syarikat untuk membuat apa? PE Land Sdn, Bhd. 30 ekar, Premier Designer Outlet Mall, kedai kedua di Malaysia selepas Iskandar. 10 ekar untuk perumahan, Paramount Cooperation Sdn. Bhd. 10 ekar, Kolej KDU University, Paramount 20 ekar lagi Pergoda bercampur 30 ekar, Aspen Vision Land Sdn. Bhd. 30 ekar, Gedung IKEA 45 ekar dan Kompleks membeli belah dan 170 ekar pembangunan bercampur, PE logistic University Hall dan 27.8 ekar komersial. Yang Berhormat Dato' Keramat, kenapa ini dibenarkan pula, ya? Kenapa ini dibenarkan pula?

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Melalui apa bila suatu tanah itu diperolehi melalui pengambilan tanah, sekiranya adalah untuk tujuan awam, sekiranya adalah untuk satu *township* baru, sepertimana dinyatakan tadi oleh Pulau Betong maka komponen-komponen berlainan ini boleh diterima kerana ia adalah satu *township* yang baru di Batu Kawan, bukan seperti JKP dan PERDA, ia tak membina satu *township* yang baru, dia mengemukakan pelan untuk membina projek-projek perumahan yang melalui pengakuan mereka sendiri adalah perumahan mampu milik. Tetapi apabila disemak melalui pengakuan mereka sendiri pula lagi, bukan merupakan perumahan mampu milik. *So, I think we focus on* apakah tujuan ataupun permohonan yang dikemukakan oleh mereka. *I think that must be look at.*

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih. Kita berterima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional terdahulu kerana telah pun *acquire* 6,326 ekar sehingga membolehkan Kerajaan Negeri baru ini membuat *new township*. Tapi Yang Berhormat Datok Keramat, kita nak cari tanah, ini mungkin *ini one of case* lah. Nak cari tanah 6,000 sekali gus mana boleh. Sebab tu JKP terpaksa, PERDA terpaksa mencari tanah-tanah yang kecil, 20 ekar, 5 ekar untuk beli. 10 ekar tak boleh buat *new township*, tetapi kalau di Pongsu Seribu, 300 ekar mungkin boleh buat *new township*. Tapi asas yang disebutkan adalah kerana diberikan tanah bagi ini dijual untuk yang ini sebanyak. Dan saya tanya tadi, mana rumah kos. Nanti Yang Berhormat sebut pasal itu. Ini beri kelulusan berapakah kos yang diluluskan untuk rumah kos rendah. Dan saya rasa ini tak kenalah dengan amalan Kerajaan Negeri, bagi saya *still double standard* sebab saya bersama dengan Yang Berhormat Datok Keramat dalam perbincangan saya rasa ini tak kenalah. Tak berlaku adil kepada PERDA dan PDC, walau bagaimanapun, ini kita boleh bincang lagi sebenarnya untuk bolehkan PERDA dan JKP meneruskan projek-projek perumahan yang telah pun kami rancangkan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Pulau Betong sambung. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan dan akan bersidang semula pada jam 2.30 petang nanti.

Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari.

Dewan disambung semula pada jam 2.30 petang.

Setiausaha:

Ahli-ahli Yang Berhorma, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula. Silakan Pulau Betong.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker, saya ingin menyambung perbahasan saya untuk hari ini. Saya ingin menyentuh perkara yang sama di sentuh oleh Bayan Lepas sebentar tadi tentang Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas. Saya difahamkan oleh Yang Berhormat Bayan Lepas mengatakan jawapan kepada soalan yang dikemukakan oleh beliau iaitu adakah airport akan diperbesarkan? Jawapannya adalah "Ya." Maka saya hendak merujuk kepada jawapan yang diberikan kepada saya berkenaan hal yang sama juga. Saya tanya berapakah keluasan keseluruhan tanah Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas Pulau Pinang milik Malaysia Airport Berhad dan berapakah yang digunakan jika pembesaran dibuat berapakah keluasan yang diperlukan? Jumlah keluasan kampung serta jumlah rumah yang terlibat?

Dimaklumkan kepada saya bahawa jumlah keluasan Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas adalah seluas 818 ekar, 818.66 ekar yang didaftarkan atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) dan bukannya milik hak Malaysia Airport Berhad. Keseluruhan tanah tersebut telah digunakan sebagai lapangan terbang dan bangunan-bangunan yang berkaitan aktiviti penerbangan, buat masa ini, jawapan diberikan belum terdapat kajian atau reka bentuk terperinci serta tujuan pembesaran lapangan terbang tersebut. Sehubungan dengan itu, keluasan tanah yang diperlukan termasuk jumlah kampung dan rumah yang akan terlibat tidak dapat ditentukan masa ini.

YB. Dato' Speaker, apa yang menyebabkan saya tanya soalan ini adalah kerana jika sekiranya Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang itu diperbesarkan dan jika sekiranya ia tidak melibatkan kepada tanah dan kampung-kampung yang terlibat di sebelah kiri lapangan terbang, ini bermakna lapangan terbang ini akan juga masuk mengunjur ke dalam laut dan ini bermakna kawasan itu akan juga ditambah lagi untuk membolehkan pembesaran lapangan terbang, yang mengkhawatirkan masyarakat kampung hari ini adalah mereka tahu bahawa airport akan dibuat dan mereka hendak tahu sebenarnya adakah kampung mereka terlibat. Jika notis diberikan agak pendek bagaimanakah mereka hendak menyusun pelan kehidupan mereka. Mereka tidak tahu. Tiba-tiba dapat notis kena pindah dan dibayar pampasan. Kita tahu bahawa sukar untuk kita hendak membeli rumah kalau dapat pampasan RM30,000, RM40,000 rumah mahal so mahu tidak mahu mereka memerlukan penjelasan dan keputusan daripada Kerajaan Negeri bagi membolehkan mereka merancang kehidupan mereka dan anak-anak mereka.

Begitu juga dalam kes yang hal yang saya tanya tentang projek terowong. Ini isu yang agak besar yang saya hendak minta penjelasan daripada Kerajaan. Dalam soalan saya. Jelaskan status terkini pembinaan projek jalan dan terowong. Apakah status tanah dan status permohonan diserahkan kepada konsensi tersebut? Perincian cadangan program tersebut serta jadual pelaksanaannya? Saya diberikan jawapan bahawasanya pembinaan tiga buah projek jalan-jalan utama dan terowong link ketiga Pulau Pinang

masih belum dimulakan. Buat masa ini kajian kebolehlaksanaan bagi tiga projek jalan utama telah mencapai tahap 97%. Kajian kebolehlaksanaan bagi projek link ketiga pula telah mencapai prestasi 3% sahaja dan ianya dimulakan pada 1 Februari 2015. Kajian kebolehlaksanaan hanya dilaksanakan mulai 1 Februari 2015 dan peratusnya 3% sahaja. Kerajaan Negeri telah memberi milik tanah lot 702 di daerah Tanjong Pinang, Timur Laut yang bernilai RM135,086,094 juta sebagai bayaran bagi kerja-kerja kajian ke atas ketiga-tiga projek jalan utama sahaja pada 17 Februari 2015.

Jadi ini mungkin sama ada saya silap dengar ataupun sebaliknya bermakna tanah yang diberikan bernilai RM135 juta itu adalah bayaran bagi kerja-kerja kajian ke atas ketiga-tiga projek jalan utama tidak termasuk terowong. Ini jawapan diberikan kepada saya. Yang saya faham sebelum ini adalah untuk membuat kajian kemungkinan projek terowong ini yang merangkumi ketiga-tiga jalan ini dibayar dengan cara diberikan tanah milik lot 702, tetapi hari ini dimaklumkan bahawa tanah itu hanya untuk bayaran mereka kerjakan kajian ke atas tiga (3) projek utama sahaja. Ini cukup merisaukan saya kerana untuk membuat kajian kemungkinan tiga (3) jalan dan dibayar dengan harga yang cukup tinggi adalah di luar kadar bayaran yang biasa dibayar. Kebanyakan pemaju sebenarnya mereka akan menggunakan duit mereka sendiri untuk membuat kajian kemungkinan ataupun kajian kebolehlaksanaan, selepas dapat *approval* baru mereka dibayar, tapi hari ini mereka dibayar dengan tanah dan malangnya tidak termasuk kos kajian untuk terowong. Jadi untuk membuat kajian terowong, projek yang besar apa lagi yang akan diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Zenith BUCG itu. Ini satu persoalan yang perlu dijawab dijelaskan oleh Kerajaan Negeri.

Daripada tinjauan yang saya buat walaupun projek lot tanah 702 ini melibatkan pembinaan 7 tingkat tempat letak kenderaan dan kemudahan fasiliti berkonsepkan kesihatan *wellness*, satu tingkat bawah tanah untuk kegunaan kemudahan mekanikal dan elektrik, 32 tingkat pangsapuri perkhidmatan 286 unit Blok A dan 32 tingkat menara pangsapuri perkhidmatan 286 unit di Blok B. Apa yang mengelirukan saya adalah *density* yang diberikan kelulusan yang diberikan kepada projek ini cukup istimewa. Setahu saya pada kebiasaannya *density* nya, mungkin dalam 40 unit sahaja atau 38 unit tetapi diberikan 156 unit per ekar. Satu perkara yang luar biasa dan keistimewaan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada pemaju yang cukup *special* ini dan juga saya melihat juga satu surat yang dikeluarkan oleh pihak MPPP yang mengatakan bahawasanya ini kelulusan istimewa yang diberikan kepada projek ini dan tidak menjadi *precedent* kepada projek-projek yang lain. Ini dalam surat yang telah dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang selepas menerima bantahan tidak salah saya daripada penduduk.

YB. Dato' Speaker, satu kelulusan yang cukup tinggi dan dikatakan bahawa ini tidak menjadi *precedent* kepada tanah-tanah lain. Saya khuatir ini akan menjadi *precedent* kerana ini bukan projek pertama di kawasan tambakan laut akan berlaku lagi selepas ini. Sebab itu Y.B. Dato' Speaker, *height control* mesti dimuktamadkan mesti ditetapkan dan tidak boleh berubah kerana kita tahu bahawasanya prasarana tidak akan berubah. Jalan yang ada di situ, itu saiznya, tetapi kalau ditambah begitu tinggi kepada yang tinggi bagaimanakah jalan yang sebesar itu ataupun sekecil itu dapat menampung *traffic* disekelilingnya. Ini yang akan menimbulkan kesesakan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang ini dan saya minta Kerajaan Negeri mengambil serius tentang perkara ini.

Soalan saya seterusnya, saya tanya berapakah keluasan tanah pembangunan Bayan Mutiara dan kos penambakan? Sila perincikan pemilik-pemilik, keluasan dan nilai tanah tersebut. Jelaskan status terkini berkenaan tanah tersebut serta pelan perancangan pembangunan. Saya terkejut apabila mendapat jawapan ini saya sangka Bayan Mutiara itu telah pun diberhentikan kerja-kerja penambakan laut sudah habis, bukan setakat itu sahaja rupa-rupanya jawapan yang diberikan kepada saya keluasan tanah pembangunan Bayan Mutiara mengikut surat perjanjian yang ditandatangani adalah seluas 102.56 ekar termasuk kawasan yang akan ditebus guna seluas 32 ekar. Kerja-kerja penambakan tanah akan dilaksanakan pemaju projek iaitu Ivory Properties Group Bhd. Difahamkan kerja-kerja ukur berkenaan penambakan masih belum dimuktamadkan dan luas penambakan tidak dapat dinyatakan. Saya rasa sudah habis penambakan di situ. Rupa-rupanya diberikan lagi 35 ekar kepada syarikat Ivory ini. Dato' Speaker, ini dalam perjanjian dan mungkin selama ini kita pun tidak tahu saya pun terkejut jawapan yang diberikan kepada saya dan saya hendak tahu juga 35 ekar ini di bahagian mana? Saya rasa sudah agak keterlaluan bagi Kerajaan Negeri ini untuk sekali lagi, ada siap projek diberi penambakan demi penambakan dan ini saya rasa tindakan yang amat mendukacitakan *very alarming* dan saya rasa pihak Kerajaan Negeri takut bertanggungjawab ke atas apa yang akan berlaku kepada Pulau Pinang. Saya tidak mahu negeri ini menjadi *destroyer* kepada keadaan semula jadi di Pulau Pinang sama ada di atas bukit ataupun di dalam laut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya bertanya juga tentang Medan Fair. Medan Fair setahu saya adalah *Ekspo* di Medan di Pekan Sumatera Utara yang dibuat sudah lama dari dulu lagi Yang Berhormat Dato' Sungai Acheh selalu ke sana dulu. Saya tanya kenapa Kerajaan Negeri tidak lagi mengambil bahagian? Dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri tidak pergi tahun ini kerana Kerajaan Negeri mengambil keputusan untuk tidak menyertai Medan Fair Sumatera Utara Kali Ke-44 pada 20 Mac hingga 20 April untuk menilai keberkesanan dan impak program terhadap pembangunan usahawan yang telah sejak lama ianya dilaksanakan pada awal tahun 1985. Saya cari balik adakah tahun lepas kali pertama tidak pergi, rupa-rupanya tidak pergi pada tahun 2013, 2014 dan 2015. Adakah Kerajaan Negeri memerlukan tiga tahun untuk membuat penilaian keberkesanan dan impak kepada usahawan? Kalau tiga (3) tahun diambil ini menunjukkan bahawasanya tidak ada keseriusan Kerajaan Negeri untuk memastikan usaha kita ini terus ke luar negara untuk mempromosi produk mereka. Saya difahamkan tahniah kepada Perdasama satu NGO usahawan yang telah pun berusaha untuk mereka pergi sendiri tanpa bantuan Kerajaan Negeri untuk promosikan produk-produk mereka di Sumatera Utara.

Saya juga berminat tentang mendengar kemalangan-kemalangan yang berlaku di atas Jambatan Pulau Pinang. Saya dimaklumkan pada tahun 2014 tahun sudah 2013 ada kemalangan 781 kemalangan, 2014 ada 1004 kemalangan, melibatkan 8 kemalangan maut. Ini satu jumlah yang cukup besar kerana pengguna Jambatan Pulau Pinang hari ini. Kalau ikut apa yang saya dapat pada tahun *average* daripada bulan April 2004 hingga Mac 2015 lebih kurang 2.3 juta, 2.5 juta pengguna yang menggunakan Jambatan Pulau Pinang. Saya menyarankan supaya pihak Kerajaan Negeri bersama dengan pihak Lembaga Lebuhraya dan Penang Bridge Sdn Bhd., kalau boleh saya dicadangkan dibuatkan satu lorong untuk motosikal yang berwarna, supaya dapat mengasingkan atau memberikan laluan khas yang ini untuk motosikal dan yang selebihnya adalah untuk kereta kerana di antara sebab-sebab berlaku kemalangan maut adalah kerana cuba memotong, bergesel, terbabas, langgar belakang, langgar pejalan kaki, langgar objek atas jalan dan melawan arus. Ini berlaku dan saya pernah sekali melihat di atas Jambatan

Pulau Pinang itu ditabur dengan paku-paku di tengah jalan. Kalau ini dibiarkan kita dapati kalau kita pulang hari-hari ulang-alik Pulau Pinang ke Butterworth kita akan dapat melihat betapa ramai yang dipanggil “tonto” yang pekerja syarikat penunda ini menunggu di hujung titi seolah-oleh mereka telah tahu adanya akan berlaku kemalangan dan saya nampak dengan mata saya sendiri paku-paku yang bertaburan di tengah jalan, maka saya minta supaya pihak berkuasa, pihak berwajib, pihak bertanggungjawab untuk memastikan yang pengawasan ini dibuat berterusan sepanjang masa bagi mengelakkan kemalangan terus berlaku di atas Jambatan Pulau Pinang dan berharap Jambatan Sultan Muazam Shah yang hari ini *average about* 730,000 bulan Mac 300,092 sebab ini akan dapat dipertingkatkan dan akan ramai akan menggunakan jambatan kedua ini bagi mengurangkan kesesakan di jambatan yang pertama.

Last sekali teguran kepada semua EXCO. Saya ada bertanya senaraikan mesyuarat-mesyuarat tarikh bagi setiap portfolio yang disandang oleh Ahli Maajlis Kerajaan sejak dari permulaan penggal ini. Saya ada Laporan ini saya tak pastilah sama ada mesyuarat ini penting tak penting bagi semua EXCO, tapi saya sebagai ADUN biasa, saya merasakan mesyuarat-mesyuarat ini adalah merupakan mesyuarat yang akan membawa semua agensi-agensi di bawah portfolio masing-masing untuk duduk dan bermesyuarat mencari penyelesaian atau membuat cadangan baru untuk *improve* kan kehidupan kita di Pulau Pinang ini. Saya melihat hanya mesyuarat yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri iaitu portfolio Mesyuarat Pihak Berkuasa Tanah Negeri ini yang paling banyak sekali bermesyuarat 2013 (41 kali), 2014 (44 kali), 2015 (13 kali) *so far*, tahniah kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri.

Tetapi saya melihat yang lain ini contohnya MMK Industri Antarabangsa mesyuarat tahun sudah (3 kali) sahaja, tahun ini dah bulan Jun baru sekali mesyuarat. MMK Koperasi tahun sudah (2 kali) mesyuarat, tahun ini baru sekali, mesyuarat dah separuh tahun dah ini. MMK Perhubungan Masyarakat tahun lepas sekali bermesyuarat, tahun ini baru sekali bermesyuarat, ada banyak ini. MMK Sumber Manusia saya ada detail di sinilah dan saya tak perlu lalui semua sekali. Apa yang saya nak katakan bahawasanya kita memang berharaplah yang bermesyuarat lebih kerap supaya banyak masalah-masalah dapat di atasi dan lebih banyak cadangan-cadangan baru dapat di ketengahkan untuk kebaikan ni rakyat Pulau Pinang ini. Cuma apa yang saya agak terkilan sikit ini saya terkejut ini adalah Jawatankuasa MMK Kebajikan Masyarakat dan Alam Sekitar. MMK kebajikan tahun ini tak pernah bermesyuarat pun, tahun lepas (2 kali), tahun ini tak bermesyuarat pun. Alam Sekitar tahun lepas (2 kali), tahun tak bermesyuarat lagi pun. MMK Luar Bandar yang dipengerusikan oleh Seberang Jaya juga tak bermesyuarat, tahun lepas pun tak ada, tahun ini pun tak ada. Hanya sekali sahaja lepas dia jadi EXCO mungkin tahun 2013. So ini jelas menunjukkan jelas bahawasanya kalau boleh saya katakan tidak serius untuk apa ini berjumpa dengan agensi dan juga duduk berbincang apa yang saya harapkan adalah supaya semua EXCO lebih kerap mengadakan mesyuarat dan berbincang dengan anggota-anggota.....(gangguan), saya bagi nanti, duduk, duduk. Saya akan bagi nanti, duduk, supaya kita berbincang dan mengadakan mesyuarat atas tajuk masing-masing. Saya tahu walaupun tidak ada MMK ini, ada juga mesyuarat-mesyuarat khas yang dibuat, saya akui itu juga berlaku, cuma saya mendapat *report* ini, saya menunjukkan bahawasanya bermesyuarat satu (1) tahun sekali adalah satu (1) jumlah mesyuarat yang terlalu sedikitlah dan mungkin boleh ditambahbaiki dan ditambah nilai. Sila Padang Kota.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Pulau Betong, saya cuma nak jelaskan bahawa *in term of reference* apabila setiap MMK ditubuhkan adanya mesyuarat dua (2) bulan sekali adanya tiga (3) bulan sekali tertaklukkan kepada *term of reference* yang ditetapkan misalnya MMK Kerajaan Tempatan mungkin dua (2) bulan sekali atau tiga (3) bulan sekali kalau nak bandingkan dengan MMK Tanah sebenarnya ianya mesyuarat *Land Committee* jadi itu memang urusan yang kerap diadakan jadi berbanding itu tak kena tempatlah saya rasa.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Kena tak kena tempat, saya hanya merujuk kepada jawapan yang diberikan, so perbetulkan jawapan kepada saya supaya saya tidak membuat kenyataan yang tak betul. Ini semua apa yang saya baca, nanti kalau *you* orang tak percaya boleh ambil sendiri, jawapan Ketua Menteri ini ada ni MMK Jawatankuasa Tanah Negeri(gangguan), semua jawabannya di sini, dia banyak yang lain tak ada mesyuarat ada yang tak bermesyuarat langsung, kalau satu (1) tahun tak apa juga, tapi ada yang tak bermesyuarat pun ada juga, itu saya nak buat *conclusion* bahawasanya saya haraplah teguran ini pernah saya buat di penggal pertama, masa itu Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri saudara Fairuz yang keluar meninggalkan PKR. Saya tegur dia di luar Dewan dia kata YB jangan *attack* saya sangat, kesian kat saya lepas beberapa bulan dia pun berhenti saya pun tak pasti kenapalah...(gangguan) apa dia, saya tak pasti dia masuk BN kah apa.

Timbalan Ketua Menteri II:

Saya minta sedikit sahaja, dia orang yang baik. Pulau Betong ini kekerapan mesyuarat tidak bermakna kerja tidak dijalankan, walaupun saya rasa terima mesti ada mesyuarat bergantung kepada MMK, tadi *you* sebut MMK Sumber Manusia walaupun tidak lengkap, kita memang ada mesyuarat tiga (2) kali satu tahun, sekurang-kurangnya tiga (3) kali setahun kenapa tiga (3) kali sebab di bawah MMK Pendidikan ini Sumber Manusia MMK Perancang Ekonomi saya rasa peruntukannya sangat kecil...(gangguan), belum habis. Kemudian mesyuarat ini belum habis kemudian kita memang bagi projek kepada mereka yang terlibat dalam MMK, jadi kita tidak nampak satu (1) sebab kenapa kita kena mengadakan mesyuarat kerap kerana mereka ini masih menjalankan projek-projek, jadi saya rasa macam Perpustakaan saya bagi contoh kita ada tiga (3) kali sekarang saya telah tambah jadi lima (5) kali. Saya rasa ada banyak isu yang kita perlu tangani dan sebagainya, jadi kita boleh lihat apa itu MMK dan apa jenis kerjanya sebelum kita buat andaian.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhammad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih, saya tidak membuat andaian tak ada langsung saya cuma membaca fakta-fakta yang diberikan kepada saya dan kalau dikatakan dikaitkan kerana perkara kecil tak dapat bermesyuarat punya kes la sebab kalau kerana peruntukan, saya rasa banyak perkara benda yang boleh dibincangkan dalam mesyuarat bukan saya sekadar peruntukan semata-mata. Okey jadi saya rasa saya berakhir di sini dan terima kasih di atas peluang yang diberikan untuk berucap dan saya mengucapkan Selamat Hari Guru yang akan disambut, Selamat Hari Ibu dan Selamat Hari Jururawat dan ...(gangguan). Selamat Hari Umno saya boleh *wish* kepada orang saya bukan kepada Yang Berhormat semua, Hari Pekerja yang lepas, selamat untuk semua selamat untuk Pulau Pinang.

Sekian Terima kasih. Saya mohon menyokong.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya bagi Sungai Pinang dulu. Sila Sungai Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Selamat petang, salam sejahtera dan salam bersih kepada Dato' Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat, puan-puan dan tuan-tuan yang berada dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih kepada Dato' Speaker di atas peluang yang diberikan kepada saya menyertai sesi perbahasan ini. Suka saya mengambil kesempatan ini merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua. Berikrar untuk melaksanakan tanggungjawab, urus tadbir yang cekap, akauntabiliti dan telus di bawah naungan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua bagi menjamin kestabilan politik, ketenteraman masyarakat, keamanan dan keselamatan Negeri Pulau Pinang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, suka saya memetik ucapan perasmian Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua mesyuarat pertama penggal ketiga Dewan Undangan Negeri yang tiga belas berkenaan lebih belanjawan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebanyak RM453 juta sejak tahun 2008 dan jumlah pelaburan masuk ke Pulau Pinang sebanyak RM8.16 billion adalah satu penanda aras Kerajaan ini adalah stabil dan berdaya maju untuk dikekalkan dalam tempoh dua puluh tahun lagi. Kalau diikutkan unjuran pertumbuhan ekonomi (KDNK) sebanyak 6% setahun adalah antara yang terbaik di Malaysia. Berikutan pertumbuhan ekonomi yang baik dan cemerlang ini, Kerajaan Negeri ditambah dengan langkah penjimatan dalam pengurusan telah berjaya menyelamatkan wang rakyat ini dialirkan kepada perbelanjaan boros dan tidak berhemah.

Dengan penjimatan ini, Kerajaan Negeri mampu melaksanakan pelbagai agenda berkepentingan kepada rakyat seperti sumbangan Program Emas Kerajaan Negeri, sumbangan kepada Pemandu Teksi, Orang kurang Upaya (OKU), Pelajar ke IPTA, Program-program Modal Insan, Infrastruktur, saya percaya ADUN pembangkang juga menikmati dan Kemudahan Awam. Tidak lupa juga Program Saringan Mammogram Percuma yang telah dilancarkan pada Februari tahun ini yang telah mendapat sambutan yang amat positif iaitu seramai 699 orang wanita telah menyertai program tersebut. Hari Sabtu ini seramai 40 wanita dari kawasan saya akan menyertai Program Saringan Mammogram dan ia merupakan kumpulan yang kedua dari kawasan Sungai Pinang. Inilah kejayaan yang perlu dibanggakan oleh Kerajaan Negeri di bawah Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua digandingkan bersama dengan Pakatan Rakyat, seharusnya.... (gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan, sedikit sahaja Yang Berhormat, ini topik yang saya tertarik berkenaan dengan isu wanita. Saya menjemput Yang Berhormat untuk memberi komen, memang Kerajaan Pakatan Rakyat senantiasa memberi perhatian kepada kaum Hawa, kaum Wanita dan memberi mengadakan program-program yang selalu, syukur terima kasih kita bersyukur berbanding dengan kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional khususnya UMNO yang baru-baru ini kita lihat menggunakan perkataan bocor untuk menyindir kaum wanita di Parlimen. Saya menjemput Yang Berhormat untuk memberi komen tentang sikap dan gelagat pemimpin-pemimpin Barisan Nasional UMNO

ini yang selalu tidak menghormati kaum wanita, apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Terima kasih ADUN Seri Delima. Memang isu bocor ini, tiada sesiapa pun boleh terima dan tidak akan hormati, saya rasa ada sesiapa sahaja setuju dengan komen atau setuju dengan isu bocor di Parlimen? Kita bantah sekeras-kerasnya. Kita mesti hormati wanitakan, wanita adalah ibu kepada kamu, wanita adalah kakak, adik kepada kamu, (gangguan) isteri kepada kamu, jadi kita kalau seseorang tidak tahu menghormati (gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Bodoh tak ada(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

(gangguan) daripada keluarga sendiri katalah ibukah atau adikkah atau.... (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Seri Delima cakap, bodoh tak ada otak kita dengar dalam hansard menyakiti hati Dato' Speaker..(gangguan)

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya tak cakap dengan Yang Berhormat, saya merujuk kepada Yang Berhormat di Parlimen itu Yang Berhormat.....(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Duduk, duduk. Sungai Pinang sila sambungkan,(gangguan), satu perkataan sahaja sudah riuh rendah....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Ya, memang kalau perkataan itu tidak hormati sesiapa pun merasa ...(gangguan) marah, saya teruskan jadi seharusnya Kerajaan Negeri ini menjadi contoh kepada negeri-negeri lain terutamanya Kerajaan Persekutuan bagaimana mengurus kewangan yang baik dan cekap bukannya boros tak tentu pasal. Umum mengetahui kebelakangan ini ketidakstabilan ekonomi negara dan penurunan nilai mata wang ringgit amat memberi kesan kepada ekonomi rakyat, sekaligus tempas ini kembali kepada Kerajaan Negeri. Dengan pelaksanaan GST, penghapusan subsidi Petrol, Diesel memberi impak yang tidak baik kepada rakyat khususnya. Kerajaan Negeri terpaksa menanggung sebanyak RM6.01 juta daripada peruntukan perbelanjaan mengurus, manakala sebanyak RM10.28 juta daripada peruntukan pembangunan tahun semasa tahun 2015. Jumlah keseluruhan jangkaan kenaikan GST tersebut sebanyak RM16.29 juta ini (penyerapan cukai GST) akan ditampung melalui peruntukan sedia ada serta langkah-langkah penjimatan.

Semua ini disebabkan oleh GST. Bayangkanlah jumlah sebanyak RM16.29 juta ini. Apakah yang boleh dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi membantu rakyat jika Kerajaan Negeri tidak terbeban dengan GST? Di dalam kawasan yang diwakili saya, terdapat beberapa projek pembangunan yang akan dan bakal dijalankan. Sehubungan dengan itu, cadangan saya agar perancangan pembangunan membabitkan kepentingan peniaga atau penjaja makanan dirancang lebih strategik dan mampu memberi manfaat kepada penduduk setempat. Menurut laporan yang saya perolehi jumlah penjaja tanpa lesen di DUN Sungai Pinang yang di *tagging* sehingga Mei 2010 adalah sebanyak 124. Sebab selepas itu tidak ada *tagging* lagi. Angka ini setakat Mei 2010 sahaja dan saya percaya sehingga kini peningkatan jumlah penjaja tanpa lesen di kawasan saya pastinya berlipat kali ganda. Oleh yang demikian, adalah dicadangkan pihak MBPP dapat merancang pelan pembangunan bagi membolehkan jumlah ini dapat dikurangkan seperti mewujudkan lagi tapak penjaja, kompleks makanan dan penjaja yang lebih teratur.

Tapak penjaja di depan Suiwah, Jelutong, depan *Public Bank* dan depan *Caltex* sudah wujud lama dan adalah sangat usang dan tidak teratur. Jalan Jelutong jadi semakin sibuk sejak pembukaan Jalan Ahmad Noor. Ramai pengguna jalan raya di sepanjang Jalan Jelutong. Ketiga-tiga tapak penjaja ini memang perlukan penambahbaikan dan dinaik taraf demi keselesaan penduduk setempat dan juga pengunjung-pengunjung. Perancangan yang kurang baik seperti lokasi yang tidak sesuai, kemudahan awam yang tidak mencukupi misalnya dikompleks makanan di Lintang Hajah Rehman di hadapan Mutiara Height di bina di atas parit besar. Tahu tak bahawa 1 kompleks makanan dibina di atas parit besar dan ini adalah rancangan yang gagal oleh Kerajaan dahulu. Tetapi syukur dan syabas bahawa kompleks tersebut telah ditukar menjadi gelanggang futsal dan sepak takraw. Ia di atas longkang tapi tak apa, ia masih boleh diguna pakai dan ia mendapat sambutan baik. Kini ramai budak-budak yang bermain futsal dan sepak takraw digelanggang tersebut. Legalah kita melihat sesuatu tempat diguna pakai dengan betul dan memanfaatkan rakyat jelata. Manakala.....(gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Minta laluan daripada Sungai Pinang. Izinkan saya berikan isu kompleks makanan terbengkalai di kawasan Seberang Perai terdapat jawapan di sini yang saya tanya soalan, di sini saya dapat jawapan di SPU ada lima (5), SPT sepuluh (10), SPS tiga (3) yang bilangan kompleks yang masih belum disewakan. Ini bukan sekarang bina. Ini memang sudah bina beberapa tahun. Dan soalan saya tanya di sini adalah sama ada rancangan untuk tukar guna kompleks makanan yang terbengkalai itu kepada kegunaan lain seperti tadi saya tertarik dengan Sungai Pinang katakan bahawa kompleks makanan yang dibina di atas parit besar telah ditukar menjadi futsal kerana memang kompleks makanan itu tidak sesuai untuk terus dijadikan kompleks makanan kerana tidak ada tarikan siapa pergi nak makan di sana, suasana tak elok. Tapi ditukar guna dengan berjaya menjadikan futsal. Di sini saya nak tanya di MPSP, soalan yang saya tanya, ini soalan 20 memang ada kompleks makanan yang terbengkalai yang masih belum disewa dan juga tak mampu sewa kerana memang tidak tertarik sama ada MPSP mempunyai rancangan untuk menukarkan kegunaan tersebut. Tapi MPSP menjawab kepada saya MPSP tidak mempunyai sebarang perancangan tukar guna kompleks makanan yang kosong selain daripada dijadikan tujuan asal pembinaannya iaitu jenis jualan makanan dan minuman. Di sini sana nak minta sekali lagi MPSP lihat balik cara seperti apa yang dibuat oleh MBPP yang di kawasan Sungai Pinang itu memang berjaya dan boleh dijadikan satu contoh yang baik. Kalau tidak kompleks makanan yang terbengkalai jumlah 18 di Seberang Perai akan terus dijadikan terbengkalai dan dia juga akan dijadikan satu imej yang tak baik kepada

PBT dan juga keduanya akan menjadikan satu tempat pembuangan sampah dan masalah denggi, wabak denggi dan juga penagih dadah akan juga melindungi di dalam tempat tersebut. Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Terima kasih Jawi. Saya nak sambung tadi pasar juga. Pasar awam di Jalan Patani dan kompleks makanan di Taman Sri Pinang juga tidak ada sambutan yang baik, selalu berlakunya *vandalism* dan tidak disenggarakan dengan baik. Penjaja haram pula menjaja disekitar kawasan tersebut. Walaupun di kawasan Taman Sri Pinang ada lebih 1,000 unit rumah dan juga perumahan PPR Jalan Sungai ada lebih daripada 556 unit rumah. Tetapi pasar awam dan kompleks makanan itu tidak mendapat sambutan yang baik dan kompleks makanan tidak diisi dengan penuh. Banyak penjaja menjaja di tepi jalan, di atas bahu jalan. Jadi masalah ini, dengan ini saya pohon MBPP mengambil inisiatif membantu mempromosikan pasar awam dan kompleks makanan yang kurang sambutan baik bukan sahaja di kawasan saya sahaja tapi diseluruh Pulau Pinang yang menghadapi masalah sedemikian.

Tindakan penguatkuasaan sahaja tidak mampu menyelesaikan masalah ini jika Pihak Berkuasa Tempatan tidak mewujudkan satu mekanisme bagaimana dan ke mana hendak menempatkan mereka ini. Maksud saya penjaja di tepi jalan, di atas bahu jalan. Tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk membantu dan menyelesaikan masalah yang telah wujud sekian lama ini. Persoalannya mengapa sekarang ini banyak kewujudan gerai-gerai penjaja di Pulau Pinang. Ini semua saya rasa disebabkan kekangan hidup ekor peningkatkan kos sara hidup, peluang pekerjaan yang terhad sebab banyak pekerjaan telah dimonopoli oleh pekerja asing, lagi GST. Ok sebagai wakil rakyat saya amat..... (gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya cuma nak beri pandangan saya tentang hal ini. di mana ramai lagi yang cenderung untuk makan digerei-gerai seperti ini berbanding dengan tempat-tempat makanan seperti KFC, Mc Donalds, Pizza Hut dan sebagainya kerana satu tidak perlu membayar GST, kedua kerana mereka tidak mampu untuk membayar wang yang ditambah. Jadi kebanyakan mereka yang tinggal di kawasan-kawasan seperti ini maklumlah kalau pergi kerja dan balik lebih kuran pukul lima (5), enam (6), mereka lebih rela untuk membawa anak-anak mereka saya sendiri pun selalu suka pergi makan diwarung-warung seperti ini kerana kalau kita makan di KFC, restoran dan sebagainya terpaksa kita bayar GST. Mungkin ini juga adalah satu perkara yang menyumbang kepada merebaknya gerai-gerai penjaja awam. Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Terima kasih Seri Delima. Ya kita boleh *fore sea* memang akan ada banyak lagi warung akan diwujudkan. Jadi penguatkuasaan itu saya rasa mesti dipertingkatkan.

Sebagai wakil rakyat, saya amat kecewa dengan agensi penguatkuasaan dalam menguatkuasa undang-undang, mengawal kenaikan harga barang keperluan oleh peniaga-peniaga yang tamak dan tidak jujur. Adalah dengan ini keperluan dalam menangani masalah ini perlu dilaksanakan secara dua (2) hala di antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri. Tindakan ini perlu dilaksanakan dengan segera agar kestabilan

politik dan ekonomi di negeri ini dapat dikekalkan ditahap sedia ada agar rakyat jelata tidak akan jadi mangsa.

Walaupun Kerajaan Negeri berjaya melaksanakan pelbagai kemudahan untuk kepentingan rakyat perlu juga diwujudkan pusat perkembangan bakat bagi golongan remaja yang tercicir di dalam akademik. Adalah diharapkan sumber tenaga ini dapat digembleng kembali ke tahap maksima ke arah aliran pendidikan vokasional. Seajar dengan itu, kekurangan 20,000 ribu pekerja dalam pelbagai sektor dapat di atasi dengan mempelbagaikan skop kemudahan pendidikan dan kemahiran. Dengan rancangan penstrukturan semula sistem pengangkutan awam sebanyak 27 bilion menjelang 2018 di Pulau Pinang adalah dilihat ada keperluan dalam mewujudkan institusi ini di Pulau Pinang.

Kebergantungan kepada tenaga asing dalam sektor industri dan pembinaan (vokasional) dapat diminimumkan sekiranya perkara ini dilaksanakan. Kini adalah masanya yang tepat bagi Kerajaan Negeri mengorak langkah mewujudkannya melalui agensi sedia ada Kerajaan Negeri seperti PDC, PSDC, PYDC, PWDC dan sebagainya isu pertanian dan asas tani.

Sektor pertanian seperti saranan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua bagi meningkatkan KDNK dari 1.9% kepada yang lebih baik melalui konsep pertanian moden, juga adalah tepat pada masanya memandangkan EXCO yang berkaitan seorang yang muda, berfikiran jauh, inovatif serta mampu mengerakkannya ke tahap yang lebih baik. Pertanian juga perlu dilihat luas dan tidak hanya tertumpu kepada aktiviti cucuk tanam, asas pertanian seperti penternakan, pembenihan, *research and development* (R&D) dalam sektor perikanan amatlah diharapkan.

Teknologi penangkapan ikan moden juga perlu diadaptasikan di Pulau Pinang. Untuk menjayakannya, saya berharap supaya kemudahan yang diperlukan dapat disediakan. Di sini saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri di atas sumbangan pukut kepada nelayan pantai. Sebab saya pernah dua (2) kali memberi sumbangan pukut berkenaan bersama EXCO. Tetapi ini sahaja tidak mencukupi jika tanpa bimbingan ilmu pengetahuan berkenaan teknologi baru dalam penangkapan ikan. Kita nak lebih baik lagi. Adalah dengan ini dicadangkan Pusat Pendaratan Ikan Jelutong dijadikan sebuah tempat bagi membimbing para nelayan meluaskan lagi skop ekonomi nelayan. Kompleks tersebut perlu dinaik taraf selari dengan permintaan sumber protein (ikan dan makanan laut) di Pulau Pinang. Dengan terlaksananya kemudahan ini bakal menyaksikan keterlibatan tenaga kerja tempatan dan peluang ekonomi kepada masyarakat sekitarnya. Saya juga berharap penempatan baru nelayan ini dapat disegerakan dan disediakan segala kemudahan yang diperlukan.

YB. Dato' Speaker, Majlis Bandaraya Pulau Pinang di masa akan datang diharap lebih menumpukan tentang kebersihan dan keindahan alam sekitar, terutamanya pokok-pokok di sepanjang jalan dapat diselia dengan baik dan menarik. Sejak kebelakangan ini, kejadian ribut dan angin kencang sering berlaku dan beberapa insiden pokok tumbang di atas jalan, pokok tumbang di atas bumbung rumah yang mengakibatkan kerosakan harta benda dan kerugian wang ringgit. Perkara ini perlu ditangani segera dan saya berharap jabatan yang dipertanggungjawab dilengkapi dengan segala peralatan jentera mesin dan juga tenaga kerja yang secukupnya.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat. Bercakap tentang insiden pokok-pokok yang tumbang ini saya telah berlaku dua kejadian di kawasan saya. Saya cuma ingin mengambil kesempatan pertamanya untuk berterima kasih kepada kakitangan Majlis Bandaraya Pulau Pinang yang telah datang membantu, pihak Polis juga. Tetapi perkara yang saya ingin bawa perhatian Dewan yang mulia ini adalah kita sekarang berada di satu tempat, di mana kita perlu membuat penentuan sama ada untuk kita meneruskan dengan agenda *Cleaner Greener Penang* dan pada masa yang sama untuk memastikan pokok-pokok yang besar dan lama itu tidak mewujudkan risiko kepada pengguna jalan raya. Di dalam kejadian itu, saya berterima kasih juga kepada ADUN kawasan jiran saya, Dr. J. Balan yang bersama-sama saya bersama itu sehingga lebih kurang pukul 10,11 malam di mana kita memastikan pokok itu dibersihkan keadaan jalan tetapi kita bercakap tentang suatu pokok yang mungkin 100 tahun, 50 tahun, pokok itu pokok besar, tetapi apabila ditanya mengapa tidak pokok itu dicantas atau dipotong, kononnya kerana ia adalah di bawah kawalan agensi ataupun jabatan Kerajaan di mana ia tidak boleh dipotong ataupun dicantas.

Jadi, cuma saya ingin berkongsi pengalaman di sini dan minta supaya jabatan Kerajaan atau agensi supaya memantau dari semasa ke semasa. Dalam kemalangan ini, ia berlaku semasa waktu puncak, lebih kurang pukul 5.30 - 6.00 petang di mana dua (2) buah kenderaan telah pun menjadi, pemandu dua (2) kenderaan dan kenderaan tersebut juga telah remuk teruk akibat dihentak oleh pokok ini. Ini adalah perkara yang saya ingin berkongsi pengalaman. Satu lagi kejadian adalah disebabkan oleh angin kencang dan dalam kejadian kedua ini, kami nyaris-nyaris, pokok itu nyaris-nyaris tertimpa dengan kabel eletrik TNB tetapi mujurlah dapat kita mengambil langkah keselamatan dengan segera dan cepat, tetapi perkara yang menjadi kerisauan saya ialah jikalau ia berlaku, memang pada masa tersebut ADUN dikehendaki turun ke kawasan, JKKK pun turun ke kawasan tetapi kita mungkin perlu mendirikan satu, mewujudkan satu jabatan atau agensi Kerajaan yang boleh dengan segera sampai ke tempat kejadian tersebut untuk menghulurkan bantuan. Terima kasih Yang Berhormat Sungai Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Terima kasih Seri Delima. Memang ada dua (2), tiga (3) insiden pokok tumbang di kawasan saya dan kita kena turun ke padang. Tetapi saya rasa Seri Delima dia boleh tolong potong pokok juga kan? Dia semua serba boleh. Terima kasih.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Beri laluan Sungai Pinang. Mengenai pokok yang selalu tumpang ini bukan hal yang baru-baru berlaku. Tiga (3) tahun yang lalu bila ada angin kencang yang menempah ke pulau, pernah pokok jatuh sebagai ADUN saya selalu *email* kepada MPSP untuk buat SOP, untuk menentukan pokok yang sudah ada penyakit atau tak boleh dibiarkan begitu saja. Kena potong pokok itu atau batang-batang atau dahan-dahan pokok yang sudah besar tu kena *trim*, dan kalau tak salah saya tiga (3) minggu yang lalu angin kencing bertiup ke Berapit. Di Taman Noning di Jalan Berapit *I think* kita punya YB. Bagan Dalam, kereta dia pun terhempap dengan batang pokok terjatuh ke atas keretanya. Dan saya harap kedua-dua Kerajaan Tempatan, MPPP dan MPSP mewujudkan satu mekanisma. Satu jawatan, *special squad* untuk mengambil profesional pokok untuk pergi meronda menengok dan menentukan pokok yang sihat atau tak sihat. Ini adalah satu *prevention* yang terbaguslah untuk mengelakkan terkorbannya nyawa. Kalau tak salah pada dua (2) tahun lalu di *I think*, tempat *exercise* di Bukit Mertajam, Cherok Tok Kun, ada dua (2)

nyawa ibu dan anak telah terkorban disebabkan pokok kelapa telah terjatuh, terhempap kereta. Terima kasih.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Minta laluan daripada Sungai Pinang...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kalau pokok, masih masalah pokok.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Masalah pokok, sebenarnya tadi dalam ucapan saya, saya telah bangkitkan bahawa Jabatan Landskap MPSP kena *restructure* terutama di kawasan SPS dan Ketua Unit kena bertanggungjawab. Ketua Unit landskap ada di sini hari ini? Sebenarnya tadi yang saya cakap ada aduan yang kita terima kerana kita ada satu *apps* 'Aduan DUN Jawi', setiap kali kita minta lawatan, tulis surat hantar, emel, sikap pekerja-pekerja, pegawai-pegawai yang datang, ini pokok, cantas satu (1) habis. Saya minta cantas sebaris pokok itu, sepanjang jalan itu sekurang-kurangnya 10 pokok kena cantas, dia cantas satu (1), dia balik. Lepas itu, tunggu lagi tiga (3) bulan untuk datang balik cantas yang lain. Inilah sikap sebenarnya saya nak tegaskan saya minta SU dan YDP. MPSP kena lihat balik kerana tadi yang sebutkan dalam ucapan saya, mengapa saya tekankan bahawa Setiausaha dan Dato' YDP. kena turun padang kerap kali barulah faham apakah sikap-sikap pegawai, pekerja yang di bawahnya kurang memahami atau *instruction* terima ...(dengan izin), diberikan tetapi tak buat. Inilah saya nak sampaikan, terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Terima kasih Jawi. Saya rasa memang MBPP telah wujud satu Unit *Arborist* dan saya rasa kalau dibandingkan dengan 2014 bila ada angin kencang yang berlaku bahawa bila, *I think*, menara UMNO juga jatuh pada masa tersebut, banyak lagi pokok yang tumbang, tetapi saya rasa sekarang dengan wujudnya Unit *Arborist* dan menjalankan tugas mereka mengikut jadual berkala, saya rasa dah ada banyak *improvement* ya. Cuma kita nakkan yang lebih baik lagi. Terima kasih kepada Jabatan Landskap juga. Ok.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Terima kasih Yang Berhormat Sungai Pinang. Cakap tentang isu pokok, dulu *council* MPPP ada pernah buat *tagging*, so kita tengok banyak pokok-pokok dekat tepi jalan sudah ada *tagging*. Tapi saya hairan sikit, ada dua (2) pohon pokok di Jalan Macalister, tempat-tempat yang sama itu tahun ini jatuh tumpang. So tahun ini tumpang lagi 1, so boleh mintak penjelasan daripada MBPP mengapa selepas *tagging* di *classified* sebagai sihat atau sudah dapat *detail-detail* mengapa pokok-pokok tersebut boleh tumbang lagi. Silap *tagging* kah macam mana? Tetapi kualiti kerja MBPP Jabatan Landskap itu memang baguslah. Saya tengok tiap-tiap kali ada *schedule* untuk *trim* pokok-pokok itu. Tapi apa insiden yang berlaku itu, mengapa berlaku. Itu saja.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Beri laluan. Saya hanya nak jelaskan satu.. ..(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah lebih 10 batang pokok yang dibincang.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Yang Berhormat, Yang Berhormat. Ini saintifik.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Satu lagilah. Satu batang pokok lagi saya benarkan. Terlalu banyak.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Isu yang penting itu adalah mengenai pokok. Pokok yang disebutkan oleh KOMTAR sebenarnya saya tau bila dia tumpang. Selepas tumpang saya melalui tempat itu dan yang di *tag* itu jikalau tak silap, yang di *tag* itu, *tag* yang besi itu disyaki oleh saya kerana di *tag* dengan besi, kena *lining*. Ia disyaki kena *lining* dan tumbang. Ini di Jalan Perak, *the head of Macalister Road*. Itu yang saya nak jelaskan.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud bin Zakaria):

Tak boleh?

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Pokok juga? *Last* lah. Pokok terakhir.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud bin Zakaria):

Bukan sebatang pokok, banyak batang-batang pokok. Cuma saya nak dapatkan maklumat Dato' Speaker, pokok yang merbahaya ini selain pokok itu berada di atas tanah Kerajaan atau rizab Kerajaan, ada juga pokok-pokok yang merbahaya berada atas tanah persendirian, kampung-kampung. Tetapi pokok-pokok itu dah reput. Jawi kan? Jawi pun mengaku. Ia akan membahayakan orang awam, *public*. Bolehkah pihak PBT, pihak MPSP lah contohnya pandu untuk tebang pokok itu. Bagi sana jawab, jangan Jawi jawab.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey, sempurna pokok. Sila.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Terima kasih. Tadi pokok, sekarang saya nak masuk ke sungai. Begitu juga dalam sektor pembersihan termasuk sungai-sungai yang diselenggara oleh JPS perlu tindakan penguatkuasaan seandainya masih terdapat kegiatan membuang sampah atau pengaliran

enapan cemar dari pihak industri. Apalah gunanya Kerajaan Negeri membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk memulihara sungai dan muara seandainya masih terdapat aktiviti pembuangan sampah sehingga mencemarkannya. Saya nak merujuk kepada jawapan soalan bertulis saya tentang sampah, kompaun ke atas sampah, pembuangan sampah yang mengotorkan alam sekitar. Daripada tahun 2013 jumlah 1,647 kompaun yang dikeluarkan, MPSP 928, MPPP 719 dan 2014 ia meningkat. MPSP 2,806, MPPP 1,197 jumlah 4,003 tetapi pada 2015 sehingga Mac, bulan 3, MPSP keluarkan kompaun 899 tetapi MPPP cuma 50 sahaja. 50 kompaun dikeluarkan ke atas pembuangan sampah, mengotorkan alam sekitar. Kalau tiga (3) bulan ada 90 hari, 50 sahaja kompaun yang dikeluarkan. Saya rasa tiga (3) hari satu (1) kompaun sahaja dikeluarkan bahkan kita nampak banyak sampah yang dibuang oleh rakyat jelata. Jadi saya rasa bila kita kata tentang kesedaran, pendidikan dan kalau tidak boleh memberikan kesan, penguatkuasaanlah, saya rasa kita perlu dipertingkatkan. Sebab tiap-tiap minggu kita ada menghadiri mesyuarat wabak denggi, kita juga tegaskan bahawa penguatkuasaan perlu dipertingkatkan. Kompaun perlu di beri kepada sesiapa yang mengotorkan Negeri Pulau Pinang. Jadi, kalau tindakan penguatkuasaan tiada, agensi berkaitan seperti sejuk beku dalam tindakan.

Menurut laporan daripada EXCO Kerajaan Tempatan dan Tebatan Banjir, jumlah sampah yang dipungut dari Januari hingga Mac 2015 sahaja sebanyak 46,000 kg berbanding 2013 lebih kurang 20,000 kg dan 2014 50,500 kg. Angka ini amat menakutkan bagi saya sebagai wakil rakyat di kawasan ini. Sila bayangkan, hanya tiga (3) bulan sahaja, jumlah sampah hampir menyamai jumlah setahun sampah bagi tahun 2014. Cuma TIGA (3) bulan sahaja sampah yang dipungut daripada sungai menyamai jumlah setahun 2014. Dari mana datangnya sampah ini semua? Mengapa ini berlaku? Pemantauan yang lebih ke atas premis-permis industri dan premis kumbahan perlu di beri perhatian yang lebih lagi. Walaupun menurut laporan rekod pemantauan JAS mendapati kesemua *effluent* perindustrian dan kumbahan yang dilepaskan ke dalam Sungai Pinang telah mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling dan peraturan-peraturan di bawahnya. Tetapi realitinya antara penyumbang kepada pencemaran sungai ini adalah manusia sendiri, sama ada sikap rakyat atau penguatkuasaan yang lemah.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Minta laluan daripada Sungai Pinang, bolehkah ceritakan macam mana mekanisme ataupun cara yang MPPP dan MPSP mengeluarkan saman kepada sesiapa yang membuang sampah tersebut dan kedua soalnya adalah sama ada saman-saman yang dikeluarkan ada pemilik rumah atau siapa-siapa yang kena saman, mereka ada bayar saman itu tak? Dan ketiga berapakah saman yang dikeluarkan kepada pembuang sampah kerana mungkin salah satu cara saman dikeluarkan tapi pembayar saman tidak bayar ini bermaksud tak berkesan orang tak takut. Beribu-ribu saman dikeluarkan pun tidak guna dan mereka akan terus buang sampah mungkin itu sikap orang awam kita minta penjelasan Sungai Pinang.

Ahli kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Terima kasih Ahli Kawasan Jawi tetapi saya rasa yang ini perlulah jabatan yang memberi penjelasan. Ahli Kawasan KOMTAR nak.....(gangguan)

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Minta laluan sedikit saya tertarik dengan kesedaran rakyat, pada hari itu Yang Berhormat Telok Ayer Tawar membangkitkan satu isu keratan akhbar cakap Pulau Pinang Gat Lebuah Armenian kotor dan dekat mural *painting* tapi keratan akhbar itu juga ada *interview* orang yang ada berdekatan, dan orang itu memang MBPP kerap pergi bersihkan tetapi sudah bersihkan 1 jam pagi mungkin mereka pergi sapu kerana tempat itu luas dan pekerja dua, tiga saja, kena sapu beberapa jalan, sapu sini habis nanti orang mai kunjung mai buang sampah di sana *keywords* itu adalah kesedaran bagaimana kita untuk meningkatkan kesedaran rakyat supaya tidak membuang sampah itu.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya nak beri ulasan tentang perkara ini, mungkin saya boleh mencadangkan bahawa Pihak Berkuasa Tempatan, MPSP dan MBPP mengadakan kakitangan seperti mereka buat di Singapura, di mana kakitangan ataupun Pegawai-pegawai Penguatkuasaan ini berpakaian biasa, pereman dan tidak berpakaian uniform dan juga mereka memantau di sesuatu tempat dan mungkin kita juga perlu meminda menggubal undang-undang di mana orang-orang yang membuang sampah di merata ini boleh dikenakan tindakan yang lebih keras, denda yang lebih tinggi lagi dan kakitangan ini berpakaian pereman ini boleh mengeluarkan saman. Kerana kita tahu bukan sahaja warga Negara Malaysia tetapi kita juga ada warganegara asing yang masing-masing tinggal di kawasan perumahan ini tidak menghiraukan peraturan-peraturan.

Jadi mungkin saya boleh cadangkan dan EXCO berkenaan boleh mempertimbangkan supaya *Squad* Khas boleh mula diterapkan daripada sekarang, di mana penguatkuasa ini bukan sahaja mengambil tindakan mengunci tayar kereta tetapi juga memberi perhatian kepada aspek-aspek lain seperti tindakan-tindakan mengeluarkan saman *undercover* berpakaian biasa berada dan memantau di suatu tempat jikalau tanpa disedari ada orang yang membuang sampah saman dikeluarkan terus kepada mereka mungkin saya boleh cadangkan. Apa pendapat Yang Berhormat-Yang Berhormat. Terima kasih.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Soalan tambahan kepada Yang Berhormat Seri Delima apa yang dicadangkan agak bayar mahal sikit, apa cadangan saya jika ditangkap kecuali saman mungkin kerja-kerja sosial mereka perlu buat sosial dengan memakai *cleaner*, *greener* baju pergi sapu buat kerja di sana 10 *hours* atau 20 *hours* untuk mereka faham apa pekerja-pekerja dekat *council* bersusah payah untuk *clean*, ini adalah cadangan saya harap PBT, MBPP atau Kerajaan Negeri boleh ambil cadangan ini.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Terima kasih kepada Ahli Kawasan Seri Delima dan Ahli Kawasan KOMTAR. Memang saya rasa sedih bila saya nampak pekerja-pekerja JPP kita. *They are the unsung heroes you know*. Siapa yang ingin kerja bersihkan sampah-sampah yang begitu kotor, turun ke longkang untuk dikeluarkan sampah. Memang tabik kepada mereka. Mereka adalah *the unsung heroes*. Tetapi pada masa yang sama juga, sedarkanlah rakyat jelata yang menjadi penyumbang sampah, tolonglah jangan buat lagi. Okey, balik kepada sungai. Walaupun terdapat langkah Kerajaan Negeri bagi menangani masalah kualiti air

melalui teknologi *Infinitesimal Quantum Persistent Reflection* itu (IQPR), tahap keberkesannya masih belum lagi menunjukkan satu keputusan yang boleh dibanggakan. Mungkin terdapat beberapa penyumbang kepada pencemaran sungai yang perlu dipantau oleh agensi penguatkuasaan. Keputusan yang tidak konsisten tak boleh dijadikan alasan untuk meniadakan alternatif lain bagi menyelesaikan masalah pencemaran sungai ini.

Kalau kita melihat di luar negara, sungai-sungai dijadikan kawasan pelancongan contohnya di Thailand di antaranya *floating market* dan sebagainya. Tahap kualiti air di sana boleh dikatakan hampir sama dengan Sungai Pinang pada asalnya tetapi boleh menjadi tarikan pelancong dan menjadi sumber pendapatan kepada warga tempatan. Apabila sungai-sungai ini merupakan tempat rakyat mencari rezeki secara automatiknya tanggungjawab memelihara kebersihan sungai ini turut sama dipikul oleh mereka bersama-sama dengan Kerajaan. Perkara ini adalah antara satu mekanisme bagi mendidik dan kebertanggungjawaban bersama antara Kerajaan dan rakyat menjaga alam sekitar khususnya sungai-sungai.

Untuk pengetahuan semua di Dewan, di dalam Sungai Pinang sendiri sudah terdapat sebuah jeti nelayan yang dibina oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan satu masa dahulu untuk aktiviti pelancongan. Malangnya semua itu tidak seperti yang dirancang. Status pengurusan jeti tersebut juga tergantung sehingga kini. Pihak saya berharap perkara ini mendapat perhatian Kerajaan Negeri bagi menyelesaikannya. Adalah dengan ini diharap EXCO Kerajaan Tempatan dan EXCO Pelancongan dapat bekerjasama bagi mengkaji keperluan cadangan ini. Segala kerjasama di pihak saya akan diberikan sepenuhnya.

Saya ingin sentuh tentang aktiviti tambakan haram. Isu aktiviti tambakan haram di kawasan saya Sungai Pinang. Merujuk kepada jawapan daripada soalan bertulis saya terdapat aktiviti tambakan tanah haram dan kewujudan beberapa struktur haram menjadikan kawasan berkenaan kelihatan tidak terancang dan mencacatkan pemandangan. Pendudukan haram di atas tanah ini kebanyakannya melibatkan setinggan dan juga premis-premis perniagaan. Sistem perparitan yang tidak teratur serta tercemar dan ini menyebabkan berlakunya banjir kilat kerana *back flow*, manakala paras tanah yang ditambun adalah lebih tinggi daripada tanah semula jadi yang menyebabkan punca berlakunya banjir kilat. Bagi menjadikan kawasan ini lebih tersusun dan terancang, Majlis Bandaraya Pulau Pinang boleh melaksanakan Pelan Induk Pembangunan, yang mana boleh merangkumi elemen pembinaan rumah mampu milik. Perkara tersebut boleh dirancang dengan teliti dan pelaksanaannya bergantung kepada prioriti dan kesediaan peruntukan daripada Kerajaan Negeri. Di sini, saya ingin mencadangkan tindakan selanjutnya diambil memandangkan tanah tersebut adalah tanah Kerajaan. Tindakan seperti bancian, kajian atau RFP dapat dilakukan dengan secepat mungkin memandangkan kegunaan tanah secara optimum adalah amat penting. Bantuan daripada MBPP dalam penguatkuasaan agar meningkat kekerapan prestasi penguatkuasaan prestasi Pejabat Daerah dan Tanah.

Isu Keselamatan. Kes-kes jenayah yang berlaku di perumahan di DUN Sungai Pinang dari 1 Januari hingga 14 April tahun ini adalah sebanyak 42 kes. Kalau ikut pecahan ialah samun berkawan tanpa senjata api enam (6) kes, samun tanpa senjata api satu (1) kes, pecah rumah 6 kes, curi motosikal 22 kes, curi motorkar empat (4) kes, curi lori pun ada satu (1) kes, ragut dua (2) kes, curi lori jadi, ini saya tak tahu, siapa tahu?.... (gangguan).

Setakat ini sejumlah 42 kes dilaporkan sepanjang tiga (3) setengah bulan ini. Saya percaya banyak lagi yang tidak dilaporkan. Baru-baru ini Jumaat lalu sahaja, kes samun telah berlaku pada waktu pagi di Persiaran Karpal Singh ke atas seorang Operator Restoran. Pada awal pagi pukul 9.00. Tak awal la *actually*. Operator Restoran nak buka premis perniagaan dan disamun. Kita bayangkan insiden ini berlaku pada waktu siang dan saya berharap pihak Polis memandang serius gejala ini mengancam keselamatan dan harta benda nyawa rakyat jelata.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Sedikit sahaja, saya nak tanya pendapat Yang Berhormat saya pun berkongsi Seri Delima pengalaman itu di mana kejadian-kejadian jenayah ini telah pun meningkat dalam masa ini dan saya rasa saya berpengalaman ataupun saya rasa salah satu faktor mengapa ia berlaku bukan sahaja di kawasan Seri Delima dan di Sungai Pinang adalah kerana Pasukan Rondaan Sukarela yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang ini tidak lagi boleh berfungsi. Saya memang pada masa dahulu pasukan ini bekerjasama bersama-sama dengan pihak Polis, ramai juga anggota pihak Polis yang bertemu dengan saya secara persendirian bahawa mereka rasa begitu selesa menjalankan rondaan-rondaan dengan Pasukan Peronda Sukarela malahan mereka mengatakan bahawa mengharamkan Pasukan Peronda Sukarela ini memberi masalah kepada kita sebagai Wakil Rakyat, tetapi juga kepada mereka kerana mereka tidak dapat mengatasi ataupun menangani respon dengan singkat kepada masalah jenayah berlaku. Apa pendapat Yang Berhormat pengalaman peronda sukarela secara langsung atau tidak langsung menyumbang kadar jenayah di Pulau Pinang, terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Terima kasih Ahli Kawasan Seri Delima. Memang saya amat rindu rondaan yang dibuat oleh Pasukan Peronda Sukarela. Rondaan kita bersama demi keselamatan rakyat jelata. Memang saya setuju bahawa tanpa Pasukan Peronda Sukarela PPS ini, saya setuju bahawa juga adalah satu unsur peningkatan, faktor peningkatan menyebabkan peningkatan kes-kes.

Timbalan Ketua Menteri II:

Ahli Kawasan Sungai Pinang, statistik daripada pihak Polis menunjukkan tiap-tiap bulan kita ada Mesyuarat Keselamatan. Polis itu mereka akan membentangkan statistik jenayah so Pulau Pinang dianggap Pulau Pinang ini menunjukkan statistik jenayah memang menurun walaupun saya rasa statistik mungkin ada berlainan mungkin saya rasa SPT dan DTL ini tinggi. Keseluruhannya Pulau Pinang, ini bukan saya kata, ini Polis kata statistik ini menurun mungkin beberapa bulan apa pandangan Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Terima kasih Ahli Kawasan Perai. Walaupun statistik daripada pihak Polis menunjukan ada penuturan, tapi maksud saya masih ada kes-kes berlaku. *Maybe* kalau untuk perbandingan dari tahun-tahun lepas adalah tinggi, lepas itu dia turun tetapi masih ada kes-kes jenayah yang berlaku. Ini adalah satu ancaman kepada keselamatan rakyat jelata kita. Jadi saya hendak menyeru supaya memandang lebih serius lagi, tentang kes kes yang berlaku selama ini. Bilakah isu PPS dapat diselesaikan? Memang sangat rindu dengan kerjasama bersama PPS kita.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan Yang Berhormat, saya juga ingin tertanya-tanya bila kes ini dapat diselesaikan walaupun mengikut peraturan kes ini memandangkan telah difailkan di Mahkamah, kita tak boleh sebarang komen tapi saya berharap, supaya kita berjaya dalam prosiding mahkamah yang telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang terhadap Kementerian Dalam Negeri dan Menteri supaya satu keputusan yang memihak kepada kesemua warga PPS yang telah ditahan ini dapat kita dapat keputusan yang cepat yang mungkin, bukan saja untuk memastikan bahawa pasukan peronda sukarela ini kembali berkhidmat demi rakyat Pulau Pinang, tetapi juga memastikan keadilan bagi semua warga PPS yang telah ditahan, saya minta supaya kita tidak lupa pengalaman negeri di mana selepas menghadiri perarakan Hari Kemerdekaan pada 31 Ogos 2014, saya bersama YB. Phee selepas menunjuk tabik hormat kepada Tuan Yang Terutama telah dikepung oleh anggota pasukan Polis di bawa kebalai Polis Jalan Lebu Pantai terus di bawa ke IPD Timur Laut Pulau Pinang dan dimasukkan ke dalam lokap, mujurlah kepada terima kasih kita bersyukur kepada peguam peguam kita, kita dapat keluar satu (1), dua (2) hari, jadi saya rasa perjuangan membela anggota PPS ini akan diteruskan dan bersama sama dengan YB. Sungai Pinang saya bersyukur dan saya berharap kita mencapai keputusan menangi kes ini dan memastikan bahawa PPS dapat terus balik berkhidmat di Pulau Pinang, terima kasih.

Timbalan Ketua Menteri I:

Tentang keselamatan ini, sementara kita menunggu keputusan pihak Mahkamah sebenar kita ada juga JKKK iaitu Jabatan Kemajuan Keselamatan dan Keselamatan Kampung. (K) ditengah-tengah itu keselamatan. Boleh juga mengambil secara yang proaktif, secara yang dibolehkan dalam masyarakat, mungkin ini sebagai tambahan, terima kasih.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Sedikit sahaja Yang Berhormat, untuk beri pandangan, saya risau di kawasan saya, saya menggunakan mereka untuk berkhidmat YB. Pantai Jerejak tapi saya risau sekali lagi akan wujud tohmahan-tohmahan dan tuduhan kononnya Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Ketua Menteri ingin mewujudkan Tentera atau polis persendirian di Pulau Pinang, itulah tuduhan yang dilemparkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebelum ini, maklumlah bila bagi mereka RM100.00 mereka mencemuh mengatakan itu adalah wang haram, bila PPS ditubuhkan kononnya Kerajaan Negeri Pulau Pinang ingin mewujudkan Tentera atau Polis persendirian jadi saya minta pandangan Yang Berhormat Sungai Pinang dan Pantai Jerejak adakah selamat untuk kita menggunakan JKKK bagi menjalankan tugas-tugas keselamatan mengawal lalu lintas, mengawal umpamanya semasa program-program penghargaan warga emas, bila lalu lintas sesak umpamanya di kawasan saya, Maybank itu bersempadan dengan jalan utama, Jalan Sultan Ahmah Shah, boleh kita menggunakan JKKK untuk mengawal keselamatan di tempat tersebut. Saya risau kalau laporan Polis di buat mungkin akan tuduhan-tuduhan baru dilemparkan kononnya kita cuba membuat Tentera baru di Pulau Pinang, itu kerisauan saya, terima kasih.

Timbalan Ketua Menteri I:

Saya akan buat dalam ucapan penggulungan, terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang Berhormat Sungai Pinang sudah lebih satu jam.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Kim):

Terima kasih. Tentang statistik tadi daripada Yang Berhormat Perai oleh Polis bahawa ada turun, saya rasa satu juga sebabnya seperti yang saya katakan tadi operator restoran yang di samun. Beliau tidak mahu buat laporan polis, walaupun saya sudah pujuk dan nasihatkannya, supaya buat laporan polis kerana ini akan menunjukkan statistik yang benar. Tetapi mereka kata buang masa sahaja dan yang telah disamun itu juga tidak akan dikembalikan kepada saya. Sebab kita tidak tahu betulakah akan ditangkap atau tidak. Saya rasa ini adalah satu sebab ramai yang tidak buat laporan polis. Jadi tak ada laporan polis, tidak akan ada statistik yang betul.

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan yang dihormati, autisme dikategorikan sebagai orang kurang upaya (OKU), sejumlah 9,775 di daftarkan di Pulau Pinang. Terdapat 2 Pusat Akuastik di Pulau Pinang, satu (1) di Pantai Jerejak satu (1) lagi di Butterworth. Walaupun Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menjalankan usaha membantu pesakit dan ahli keluarga iaitu ibu bapa, tetapi dilihat dengan jumlah yang hampir mencecah 10,000 ribu pesakit *autisme* di Pulau Pinang, saya mencadangkan Kerajaan Negeri memperluaskan lagi bantuan dengan menggalakkan keterlibatan sektor swasta. Sesungguhnya ibu bapa yang mempunyai anak *autisme* adalah mereka yang hebat dari segi mental, fizikal, sabar dan tabah. Memelihara anak mereka walaupun kesukaran itu kalau dilihat pasti tidak mampu dibuat oleh kita yang mempunyai anak seperti ini.

Selain daripada program mammogram, program ibu emas, program ibu tunggal yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri, perlu juga diwujudkan program pengembangan ekonomi wanita terutamanya ibu tunggal dan suri rumah. Sebagai contoh mewujudkan bengkel-bengkel jahitan. Ini adalah satu cadangan.

Untuk pengetahuan sidang Dewan sekalian, pada tahun 2013 melalui Pusat Urus Zakat (PUZ) telah membelanjakan sebanyak RM1.3 juta dan tahun 2014 sebanyak RM1.89 juta, bagi menjayakan program sumbangan persekolahan pelajar fakir dan miskin di Pulau Pinang. Dengan peruntukan yang besar ini, adalah dicadangkan Kerajaan Negeri dapat mewujudkan bengkel-bengkel jahitan yang dikendalikan oleh komuniti masyarakat atau NGO sekali gus dapat mengurangkan kebergantungan syarikat-syarikat besar yang sememangnya tidak akan terjejas pun dengan pengurangan tempahan kepada mereka. Jika cadangan ini dapat diterima dan dilaksanakan saya percaya kaum wanita di negeri ini akan lebih maju dan berdaya saing serta sedikit sebanyak dapat meningkatkan ekonomi keluarga.

Untuk makluman sidang Dewan yang dihormati sekalian, dengan rasa berbesar hati, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama di-Pertua di atas cadangan untuk membina Dewan Undangan Negeri di tapak pelupusan sampah di Jelutong. Ini akan menjadi satu lagi mercu tanda Pulau Pinang. Tuan Yang Terutama Yang

di-Pertua sememangnya seorang yang berfikiran jauh dan dinamik dalam merencanakan pembangunan di masa hadapan. Sejak setahun dua ini tidak kurang daripada 5 kali kebakaran telah berlaku di tempat tersebut, di tapak pelupusan sampah, di mana ia mengganggu penduduk sekitarnya dengan kepulan-kepulan asap. Terima kasih kepada Jabatan Bomba Jalan Perak dan Bomba Sukarela yang telah bertungkus lumus memadamkan api sehingga dua, tiga hari, adakala sampai seminggu baru dapat dipadamkan sepenuhnya.

Begitu juga aktiviti penagihan dadah di kawasan tersebut antara penyumbang kejadian kebakaran. Memandangkan kepadatan kawasan perumahan disekitarnya, perancangan yang lebih teliti seperti diwujudkan persekitaran sihat, hijau seumpama *eco park* untuk aktiviti riadah, pusat pembangunan sukan atau yang berkait rapat dengan kesihatan adalah diharapkan dibina juga di kawasan tersebut. Kemudahan-kemudahan sedia ada perlu diberi nafas baru agar kawasan ini menjadi lebih ikonik. Justeru dengan cadangan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua adalah sepatutnya dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri. "Kecil tapak tangan, nyiru kami tadahkan". Sekian ucapan saya, mohon mencadang.

Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang Berhormat Penaga.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):

Yang Berhormat Dato Pengerusi, Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, dan salam sejahtera. *Bismillah hir-Rahman nir-Rahim*, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri I dan II, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Dewan Ketua-Ketua Jabatan dan wakil, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri yang memberi peluang saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang sempena perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri yang Ketiga Belas Negeri Pulau Pinang pada 30 April 2015, bertempat di Dewan yang mulia ini.

Saya juga rasa amat bersyukur kerana dapat hadir di dalam Dewan yang mulia ini mewakili penduduk penduduk di kawasan Undangan Negeri Penaga, di kesempatan ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berbahagia Datuk Hajah Patahiyah Binti Ismail di atas penganugerahan sebagai Datuk Bandar wanita pertama di negeri ini, adalah menjadi harapan saya supaya dengan status baru, yang kini dikenali sebagai Majlis Bandaraya Pulau Pinang dapat meningkatkan perkhidmatan dan kesediaan untuk memberi yang terbaik kepada rakyat Negeri Pulau Pinang akan menjadi sebuah bandaraya maju bersih, dan mesra rakyat.

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan, saya ada bertanya lagi satu soalan kepada Kerajaan Negeri berkaitan dengan Majlis Bandaraya soalan berbunyi Majlis Perbandaran Pulau Pinang telah dinaik taraf kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang adakah Majlis Bandaraya Pulau Pinang akan menaikkan cukai ke atas pengguna selepas ini, jawapan yang diberikan kepada saya adalah Majlis Bandaraya Pulau Pinang tidak berhasrat untuk menaikkan cukai taraf, cukai tafsiran, setakat ini memandangkan kadar peratusan cukai

tafsiran telah dinaikkan pada 1 Januari 2015 yang lalu. Saya tanya soalan ini kerana saya rasa dengan status yang baru ini anggota ataupun kakitangan Majlis Bandaraya sudah tentu akan tambah dan peruntukan yang besar juga perlu diberikan untuk mereka berkhidmat dengan sebaik-baiknya dan pada masa yang sama. Saya bimbang dengan status yang baru ia akan mendatangkan masalah kepada penduduk di kawasan Majlis Bandaraya Pulau Pinang.

Saya harap itu tidak akan berlaku pada masa yang sama saya berharap perkhidmatan akan diberikan sebaiknya kepada rakyat di kawasan Majlis Bandaraya Pulau Pinang. Tentu sekali dengan status yang baru ini, harapan rakyat terhadap perkhidmatan yang akan diberikan oleh Majlis Bandaraya amatlah tinggi. Dan oleh itu kita berharap supaya Majlis Bandaraya serta kakitangannya dapat memberi perkhidmatan yang berkualiti kepada rakyat. Untuk menjustifikasikan penaiktarafan daripada Majlis Perbandaran kepada Majlis Bandaraya dan saya tahu dan saya faham pelbagai cabaran akan dihadapi oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang. Namun begitu saya harap kita semua dapat memberi kerjasama sokongan padu kepada Majlis Bandaraya dapat melaksanakan tugas tanggungjawab dan amanah yang diberikan kepada mereka.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, izinkan saya teruskan dengan isu pertama saya iaitu isu yang pernah saya bawa dalam Dewan yang mulia ini sidang pertama selepas pilihan raya dan juga pada tahun sudah 2014 dan kini sekali lagi saya akan membawa isu yang sama supaya isu ini dapat diselesaikan kerana saya diminta dan menjadi satu harapan kepada penduduk ataupun anak kariah sebuah masjid di kawasan saya yang nanti-nanti satu keputusan daripada Majlis Agama Islam supaya apa yang berlaku dapat diperbetulkan. Sebab itu saya rasa itu adalah tanggungjawab dan amanah yang diberikan kepada saya untuk membawa suara rakyat di kawasan saya ke dalam Dewan Undangan yang mulia ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, atas arahan Majlis Agama Islam anak kariah Masjid Bakar Kapur, telah mengadakan Mesyuarat Agong serta pemilihan Jawatankuasa bagi tempoh 2013 sehingga 2015. mengikut tata cara pemulihan jawatankuasa kariah masjid Negeri Pulau Pinang. Yang telah diluluskan atau diperkenankan oleh Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong pada 20 September 2012. Mesyuarat Agong serta pemilihan tersebut telah diadakan pada 14 April 2013 dan saya dibekalkan satu (1) minit mesyuarat untuk menjadi bukti bahawa mesyuarat itu telah pun dijalankan seperti diarah oleh Majlis Agama Islam. Dan di tangan saya minit mesyuarat agong dan pemilihan jawatankuasa kariah tahun 2013 kariah Masjid Bakar Kapur, Penaga. Tarikh mesyuarat 14 April 2013, hari Ahad, 9.00 pagi, tempat di Majlis Bakar Kapur, kehadiran 99 orang. Wakil jabatan Ustaz Yusof bin Md. Desa. Dan seperti yang dikehendaki pemilihan Jawatankuasa diadakan pada hari tersebut dan keputusan yang tercatat dalam Minit Mesyuarat kalau boleh saya baca(dengan izin), memilih seorang Pengerusi Kariah ada empat (4) orang calon yang bertanding pada hari itu. Perlukah saya sebut nama YB. Dato' calon-calon. Boleh. Calon pertama Haji Suyadi bin Suwarja Warimin mendapat 19 undi, calon kedua Haji Zakaria bin Jaafar mendapat 62 undi, calon ketiga Haji Md. Noor bin Awang mendapat 2 undi, calon keempat Norzimi bin Kassim mendapat 2 undi. Keputusan Tuan Haji Zakaria bin Jaafar diisytiharkan sebagai pemenang dan Pengerusi.

Untuk jawatan timbalan pengerusi dua (2) pencalonan. Calon pertama Encik Ros bin Hassan mendapat 15 undi dan calon kedua Encik Yusof bin Ahmad mendapat 9 undi. Pemenang keputusan Encik Yusof bin Ahmad. Memilih seorang jawatankuasa kariah. Ada tiga calon, calon pertama Encik Azizi bin Hashim mendapat 13 undi. Kedua Encik Norzimi

bin Md. Kassim mendapat 67 undi dan calon ketiga Encik Mohd. Khairul bin Zakaria mendapat 2 undi. Keputusan Encik Norzimi bin Md. Kassim dipilih sebagai Setiausaha. Bendahari dua calon. Calon pertama Encik Abdul Mutalib bin Omar 10 undi. Calon kedua Haji Md. Nor bin Awang 72 undi. Keputusan Tuan Haji Md. Nor bin Awang.

Apa yang berlaku Dato' Yang di-Pertua lebih kurang sebulan selepas mesyuarat agong tersebut satu (1) surat telah dihantar kepada Pengerusi Masjid ketika itu memaklumkan maklumat penangguhan keputusan senarai jawatankuasa 2013-2015 dan kuasa pentadbiran kariah sementara.(dengan izin) saya baca sikit supaya kita dapat memahami dan terang dan jelas apa kandungannya. Dengan segala hormatnya saya merujuk keputusan Mesyuarat Agong Pemilihan Jawatankuasa Kariah Dato'/Tuan yang diadakan pada 14 April 2013 dimaklumkan Mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang pada 16 Mei 2013 telah menangguhkan keputusan pelantikan jawatankuasa bagi kariah Dato'/tuan di atas sebab berikut.

Pertama satu alasan sahaja, aduan perjalanan mesyuarat agong. Aduan perjalanan mesyuarat agong. Itulah alasan yang diberi. *Paragraph* tiga, Jawatankuasa Khas di bawah Majlis akan menjalankan siasatan bagi menyelesaikan perkara tersebut. Bagi urusan kariah masjid segala urusan akan diuruskan oleh pegawai masjid yang bertauliah. Segala kerjasama amatlah diharapkan. Berdasarkan surat ini pelantikan ataupun pemilihan yang diadakan secara sah dan demokratik selepas itu pemenang nya iaitu pengerusi yang menang dengan 62 undi tadi Tuan Haji Zakari bin Jaafar yang mendapat 62 undi dalam pemilihan tersebut telah digantikan dengan calon yang kalah Haji Sujadi bin Sujarja Wadimi yang telah mendapat 19 undi. Satu satu, setiausaha berlaku begitu juga. Setiausaha kalau ikut keputusan dalam Minit Mesyuarat ini Encik Norzimi bin Md. Kassim mendapat 67 undi. Tetapi digantikan dengan Encik Hazazi bin Kassim yang memperolehi 17 undi. Itu yang berlaku. Itu yang berlaku pada hal seperti yang saya sebut tadi dan dicatat dalam minit mesyuarat ini kehadiran wakil dan pemerhati daripada Majlis Agama Islam ada ketika pemilihan dijalankan. Tidak ada apa-apa bantahan yang berlaku, pada Majlis tersebut. Dan jelas sekali daripada minit mesyuarat ini yang sah yang telah dihantar seperti requirement seperti dikehendaki telah pun dihantar kepada Jabatan Agama Islam untuk mengesahkan apa yang pemilihan yang berlaku pada hari mesyuarat. Jadi disebabkan perkara begini,

Yang Berhormat Dato' Speaker, maka sehingga ke hari ini anak-anak kariah Masjid Bakar Kapur berasa terutama sekali yang menang dan tidak diberi hak untuk menjadi pengerusi dan setiausaha merasakan ketidak adilan telah berlaku terhadap mereka dan pembelaan seharusnya diberi. Dan oleh yang demikian adalah menjadi tanggungjawab saya untuk membawa sekali lagi perkara ini ke dalam mesyuarat Dewan ini dan ekoran daripada itu berlaku lagi sebenarnya perkara-perkara yang apa yang berlaku setiausaha yang kalah dan dilantik dan juga bendahari yang kalah dalam pemilihan tersebut dilantik selepas itu mereka pun meletakkan jawatan. Tahun sudah Imam kedua pegawai masjid telah tidak disambungkan perkhidmatan beliau pada hal beliau adalah seorang yang layak dari segi umur dari segi kelulusan mempunyai ijazah, *master*, *degree*, seorang guru dan boleh menyumbang kepada masyarakat tidak disambung perkhidmatan beliau. Mungkin atas alasan.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Minta laluan. YB. Penaga. Sebentar tadi YB. kata selepas diadakan mesyuarat dan telah pun dibuat pemilihan siapakah menjadi pengerusi, siapa menjadi jawatankuasa siapa dilantik bendahari, siapa setiausaha kemudian keputusan tersebut telah pun dihantar dan pengerusi menerima sepucuk surat, saya kurang jelas tadi, surat itu daripada siapa itu?

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):

Surat daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Benda ini tanggungjawab Yang Berhormat untuk dibawa sekiranya rakyat masih tidak berpuas hati. Jadi di sini setujukah Yang Berhormat kalau saya katakan apabila surat tersebut dihantar kepada pengerusi dan dialamatkan kepada pengerusi itu secara tidak langsung telah mengiktiraf pengerusi tersebut sebagai pengerusi dan setujukah Yang Berhormat untuk saya menyimpulkan di sini bahawa disebabkan surat tersebut juga *interference* daripada pihak berkenaan di dalam pemilihan jawatankuasa tersebut menyebabkan berlakunya perpecahan di dalam jawatan pengurusan masjid tersebut.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):

Terima kasih YB. Bertam memang benar itu yang berlaku dan rasa ketidak puas hati di antara Umat Islam anak khariah di masjid tersebut sebab kebanyakan mereka hadir ke dalam mesyuarat dan mereka tahu apa keputusannya kita tak diiktiraf dan digantikan. Saya rasa amat sedih sekali sebab perkara ini tak seharusnya berlaku masjid lain pun di kawasan saya memanglah di kebanyakannya orang-orang parti tertentu yang dipilih dan dilantik sebagai pengerusi tetapi tidak berlaku seperti yang berlaku di masjid Bakar Kapor, dan oleh kerana itu mereka rasa memang tak puas hati langsunglah dengan apa yang berlaku dan mereka rasa apa yang dibuat melalui proses demokrasi tidak dipatuhi pada hal mereka mengikut kehendak-kehendak yang dikehendaki di bawah tatacara dan dihadiri oleh wakil daripada Jabatan Agama Islam dan ini salah satu yang saya sebutkan tadi imam tersebut yang telah menjadi Imam sekian lama tidak dilanjutkan lagi perkhidmatannya alasan memanglah tak pernah diberi seperti juga surat berkaitan dengan penangguhan keputusan mesyuarat tadi ataupun pemilihan tadi alasan tak diberi dan sepatutnya siasatan dibuat dan keputusan siasatan sepatutnya dimaklumkan kepada semua tetapi ini tidak berlaku itulah sebabnya berasa orang kata tak puas hati dengan tindakan yang telah diambil. Imam pun alasannya memanglah tidak ada alasan lah saya bagi pihak apa yang sehubungan itu Majlis Agama Islam memutuskan tidak melanjutkan lagi perkhidmatan saya bagi pihak Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang merakamkan setinggi penghargaan atas sumbangan tersebut. Jadi itulah apa itu memanglah soalan-soalan ini saya tujukan dan saya harapkan dapat dijawab oleh EXCO yang berkenaanlah termasuklah kononnya ada siasatan dan adakah siasatan yang *proper investigation has been caring out or not that is the issue* saya rasa *proper investigation* suatu siasatan yang telus, yang betul, saksi-saksi penting dan tak penting dipanggil dan satu keputusan dibuat saya rasa perkara ini tidak akan menjadi masalah sehingga ke hari ini. Itulah yang orang kata yang membuat mereka kurang puas hati disebabkan dari segi siasatan pun mereka tak tahu tak dimaklumkan. Selepas apa yang berlaku kepada Imam kedua tadi baru dua tiga hari yang sudah saya pun dimaklumkan ada perkara lain lagi berlaku Timbalan

Pengerusi yang menang mengikut minit mesyuarat yang saya nyatakan tadi yang telah mendapat 79 undi telah juga ditamatkan perkhidmatan termasuklah dua AJK wanita yang dipilih secara sah dalam mesyuarat tersebut yang saya nak balik kepada pemilihan tadi jadi kesimpulannya dalam pemilihan tadi dua pemegang jawatan yang penting iaitu pengerusi dan setiausaha yang menang dalam pemilihan tadi telah digantikan dengan orang lain. Jadi dan mereka pun sebenarnya selepas berlakunya peristiwa itu telah menulis surat kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam dan memberi segala maklumat tetapi tidak ada jawapan yang munasabah.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Minta laluan YB. sepanjang dua tahun saya turut mendengar perkara ini dibangkitkan di dalam Dewan pernah atau tidak Majlis Agama Islam ataupun mana-mana pihak menghantar wakil untuk berjumpa dengan wakil khariah dengan khariah masjid tersebut dengan pengerusi untuk menyelesaikan perkara ini dengan baik ataupun hanya disenyapkan. Perkara ini ibarat penyakit barah. Masjid adalah rumah Allah. Milik Allah cuma kita sebagai manusia sebagai *stakeholders* sahaja sebagai *caretaker* kita harus dan wajib memastikan perjalanan dan pengurusan masjid tersebut haruslah berjalan dengan elok jadi saya nak tanya sekali lagi ada atau tidak selama YB. membawa isu ini di dalam Dewan wakil-wakil dihantar untuk berjumpa dengan YB. sendiri ataupun kalau tak berjumpa dengan YB. pun berjumpa dengan pengerusi pun dengan siapa saja bagi menyelesaikan perkara ini demi orang kata apa kesejahteraan ummah silakan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):

Terima kasih Bertam. Jawapannya tidak ada walaupun dah beberapa kali saya bawa perkara ini dalam Dewan yang mulia ini dan sebelum itu anak khariah sendiri telah cuba berjumpa dengan pegawai-pegawai tertentu Jabatan Agama Islam tetapi sehingga hari ini pun tidak ada apa-apa yang dikatakan siasatan ataupun apa yang dimaksudkan oleh YB. Bertam sama ada perjumpaan dibuat di masjid secara elok dan penerangan diberi dan sebagainya itu tak pernah berlaku itulah sebab bagi saya sepatutnya itulah tindakan sepatutnya diambil oleh pihak Majlis Agama Islam supaya Umat Islam anak-anak khariah dalam masjid tersebut dapat hidup dalam aman dan damai keharmonian masyarakat dijagai dan terpelihara. Isu yang kedua saya ingin bawa Dato' Yang di-Pertua, sebenarnya saya sebelum saya pergi ke isu kedua saya nak ambil sikit lagi masa berkaitan dengan isu yang pertama tadi sebelum saya terlupa sebenarnya saya ada menulis saya ada bertanya kepada Kerajaan Negeri soalan-soalan yang berkaitan dengan apa yang berlaku di masjid tersebut selain daripada pelantikan yang bagi saya tak betul penamatan apa yang berlaku satu lagi saya difahamkan mesyuarat agong pun sejak 2013 sehingga 2014 tidak diadakan dan saya bertanya soalan ini

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Penaga kita minta EXCO di sini nanti bila buat pergulungan. Memandangkan Penaga amat serius tentang isu ini hampir lebih daripada 30 minit untuk satu isu nanti saya minta Batu Maung *handle* betul-betullah.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):

Saya ada tanya soalan apa yang sekiranya sesebuah masjid tidak mengadakan mesyuarat agong apa tindakan yang boleh dibuat. Saya ingat soalan ini kot, pemilihan jawatankuasa khariah bagi tempoh 2013 sehingga 2015 telah diadakan secara mesyuarat agong menggunakan tatacara yang saya sebutkan tadi, apakah tindakan yang boleh diambil oleh Majlis Agama Islam Pulau Pinang sekiranya mesyaurat agong tahunan tidak diadakan oleh Ahli Jawatankuasa Masjid tersebut. Jawapannya sekiranya mesyuarat agong tahunan tidak diadakan oleh jawatankuasa khariah masjid Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang boleh melantik mana-mana anak khariah yang pada pandangannya adalah layak atas syor yang dibuat oleh pegawai tadbir agama daerah berdasarkan peruntukan kaedah-kaedah empat, kaedah-kaedah jawatankuasa khariah dan pegawai masjid Negeri Pulau Pinang tahun 1997 pindaan 2003. Jadi jika benar apa yang didakwa mengatakan bahawa tidak ada mesyuarat agong yang diadakan pada tahun lalu saya rasa Majlis Agama Islam boleh mengambil tindakan dengan melantik orang lain untuk menjadi Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan sebagainya untuk menyelesaikan masalah yang berlaku di masjid tersebut.

Dakwaan atau aduan yang disampaikan kepada saya kononnya Setiausaha atau Bendahari yang dilantik walaupun kalah meletakkan jawatan. Saya ada tanya soalan ini bolehkah Pengerusi melantik Setiausaha atau Bendahari baru tanpa keputusan mesyuarat Agung, mesyuarat AJK masjid. Jawapannya Pengerusi tidak boleh melantik Setiausaha atau Bendahari baru tetapi dia boleh mencadang pelantikan Setiausaha atau Bendahari baru dalam mesyuarat jawatankuasa dan seterusnya dikemukakan kepada Majlis Agama Islam untuk kelulusan. Itu jawapannya. Jadi persoalannya setelah yang dilantik meletak jawatan selepas itu apa yang berlaku. Kita pun nak tahu juga sama ada pelantikan baru telah dibuat secara betul ataupun tidak. Banyak isu yang berlaku di kawasan di situ.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Next issue.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):

Next issue adalah....(ghangguan). Terima kasih YB. Dato' Speaker.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Amat serius dengarkan.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):

Kerana memberi peluang kepada saya untuk membawa isu ini sekali lagi.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya bagi 35 minit.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) :

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Saya ingin memohon kepada Ahli Kawasan Batu Maung oleh kerana saya rasa ini adalah kali yang kedua dibangkitkan....(gangguan), ketiga yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ahli Kawasan Penaga. Panjang lebar telah dibuat ulasan. Ia menunjukkan ianya memang satu perkara yang amat sensitif dan dekat dihati penduduk, terutama sekali kawasan Penaga dan juga beberapa walaupun sikit sahaja empat (4) ke lima (5) masjid yang terlibat. Ia melibatkan masalah anak-anak Qariah dan menjadi perbualan harian. Oleh itu kita amatlah harap perkara macam ini tidak akan berulang dan juga masalah seperti ini di atasi supaya ianya tidak menjadi masalah di bawah. Melibatkan rakyat yang dukacita, yang tak seronok, sampai tak mahu pergi masjid pun, lari ke masjid lain. Mintalah perhatian daripada Ahli Kawasan Batu Maung. Sekian terima kasih.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):

Terima kasih di atas pandangan Yang Berhormat Ahli Kawasan Teluk Ayer Tawar. Sebenarnya saya nak kata dengan ikhlaslah YB. Dato' Speaker. Kalau ikut hati saya malu nak cerita depa orang bukan Islam apa yang berlaku. Saya cakap terang-terang, kalau ikut hati sayalah. Tapi amanah dan tanggungjawab yang diberikan kepada saya untuk membawa perkara ini dan ditanya selalu terutama sekali apa yang berlaku dua, tiga hari sudah. Jadi saya terpaksa. Terima kasih di atas masa dan ruang yang diberikan kepada saya Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Isu yang kedua ialah berkaitan dengan dewan banjir di kawasan saya. Sebelum ini saya rasa kita pernah bangkitkan isu di mana dewan banjir yang telah diambil alih oleh Kerajaan Pakatan Rakyat selepas pilihan raya 2008. Walaupun ada kebanyakannya ada dewan banjir ini ataupun dewan orang ramai telah dibina menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan, tetapi disebabkan terletak di atas tanah milik Kerajaan Negeri, maka penyerahan telah dibuat kepada Kerajaan Negeri.

Isu yang saya bangkitkan di sini ialah terdapat beberapa dewan banjir di kawasan saya yang tidak diselenggara dengan sempurna. Saya ada bawa gambar sebenarnya untuk membuktikan. Sebelum ini kita dok cakap tanpa bergambar, kali ini saya bawa gambar hendak buktikan bahawa perkara ini memang betul. Saya ingat lagi perkara ini memang kita pernah bangkit. Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri I yang menjawab pada masa itu.

Yang pertama dewan banjir Kota Aur. Yang ada pada saya, baru sahaja tangkap gambar kelmarin. Dewan banjir ini tidak digunakan selepas diambil alih oleh Kerajaan Pakatan Rakyat sejak 2008. Apa yang berlaku kita lihat di sini kerosakan yang berlaku kepada bangunan tersebut. Pokok-pokok yang dilihat tumbuh, tingkap rosak, pintu pecah. Ini gambar dia.....(tunjuk gambar). Ini bukan pokok-pokok bunga ni. Ini orang panggil pokok liar. Meter air yang dipotong, meter elektrik tiada. Ini nak menunjukkan berlaku seperti yang didakwa oleh ADUN-ADUN Barisan Nasional sebelum ini. Bagi saya ini adalah bukti yang nyata dan jelas membuktikan yang kita kadang-kadang tak cakap untuk menyakitkan hati orang. Tidak, itu bukan niat kita. Kita nak bagitahu perkara yang sebenar dan kita harap selepas ini mungkin tindakan boleh diambil untuk memperbaiki supaya boleh digunakan oleh masyarakat. Saya ingin nyatakan di sini bahawa dewan banjir ini di Kota Aur ini, sebelum diambil alih oleh Kerajaan Pakatan Rakyat pada tahun 2008 digunakan

oleh penduduk di situ sebagai tadika KEMAS. Selain itu program-program yang digunakan untuk wanita, belia-belia, belajar tomoi di situ dan sebagainya. Tetapi selepas itu tak digunakan, kita pun faham bangunan kalau tak digunakan ia akan jadi usang dan tak boleh digunakan selepas itu.

Ada beberapalah sebenarnya. Ini di Guar Kepah. Ini di Rantau Panjang. Di Rantau Panjang, semua ada gambar kat saya ini. Bangunan bersebelahan dewan, kalau kita boleh katakan ia adalah sebahagian daripada dewan yang sebelum ini digunakan sebagai stor. Saya difahamkan sekarang ini dijadikan sebagai hostel untuk pekerja-pekerja kontrak warga asing. Ini kawasan saya semua ini. Baru nak tangkap gambar kelmarin. Itu kita tak tahulah.....(gangguan). Apa yang kita faham bangunan-bangunan ini adalah di bawah jagaan JKKN. Sebab JKKN tak ada kuasa dah sebenarnya untuk menggunakan bangunan-bangunan tersebut.

Pengkalan Bongor satu lagi, Permatang Bendahari, tapi *Alhamdulillah* disebabkan projek mitigasi tebatan banjir di kawasan Penaga sebelum ini. Sebelum ini saya rasa semasa mantan ADUN Penaga Dato' Azhar Ibrahim, sebelum itu memang selalu berlaku banjir di kawasan Penaga, tapi sekarang nasib baiklah tak ada dah masalah itu berlaku.... (gangguan). Dulu bangunan-bangunan ini adalah penting untuk menempatkan mangsa-mangsa banjir. Tetapi alhamdulillah walaupun kelmarin saya nampak dalam surat khabar dan dimaklumkan kelmarin oleh rakan saya ADUN Machang Bubuk berlaku banjir di kawasan beliau. Lebih kurang 100 buah rumah yang terlibat dalam banjir tersebut. Betul tak? Jadi saya harap pihak yang berkaitan dapat membuat sesuatu supaya bangunan-bangunan tersebut boleh digunakan dan kalaulah boleh diberikan peluang kepada masyarakat setempat untuk menggunakan.

Isu yang ketiga adalah berkaitan dengan ZIA Penaga. Isu ini pun dekat di hati Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri sebab pernah menjadi EXCO Pertanian. Beliau pernah menceritakan kepada saya projek ini dimulakan di bawah zaman beliau. Saya dapati projek ini memang diberikan perhatian oleh Kerajaan Negeri dan beberapa kali disebut Tuan Yang Terutama dalam ucapan perasmian. Saya soalan yang saya kemukakan kepada Kerajaan Negeri saya dapati jawapan yang diberikan kepada saya laporan DEIA belum lagi disiapkan oleh konsultan. Apapun saya ingin nyatakan dengan tegas di sini bahawa sekiranya Kerajaan Negeri ingin meneruskan atau melaksanakan projek ini pastikan bahawa pendapatan nelayan tidak terjejas, isu alam sekitar perlu diambil kira dan sebelum atau selepas laporan DEIA dikeluarkan, saya harap dapat dilihat dengan teliti mungkin lagi sebuah panel untuk mengkaji dengan teliti untuk memastikan bahawa semua perkara-perkara dipatuhi sebelum pelaksanaan projek ini sekiranya boleh dilaksanakan.

Saya nak meneruskan sikit lagi berkaitan dengan pelancongan. Saya nak ucapkan terima kasih kepada EXCO Pelancongan. Beliau tak ada di sini. Saya ingin merakam terima kasih kepada EXCO Pelancongan yang telah datang ke kawasan saya dalam program Karnival Homestay Peringkat Negeri. Saya rasa apa yang saya lihat pada hari itu kebanyakan yang datang daripada Pulau Pinang datang dengan bas. Ramai yang saya rasa tak pernah tengok sawah, bendang dan tak tahu bagaimana suasana kampung terutama sekali anak-anak muda yang turut sama dalam sebuah bas. Saya rasa ini adalah satu program yang baik di mana mereka dapat melihat sendiri suasana penduduk-penduduk kampung tinggal.

Berkaitan dengan nelayan, saya nak sebut sikit sebab kawasan saya banyak nelayan. Saya ada tanya soalan kepada Kerajaan Negeri adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menambah bilangan nelayan yang menerima bantuan pukat daripada Kerajaan Negeri. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memberi bantuan lain. Sila jelaskan? Jawapan yang diberi oleh EXCO Perikanan.

“Senarai nelayan-nelayan yang layak diberi bantuan pukat percuma perlu melalui beberapa tapisan. Antaranya perlu berlesen dan berdaftar dengan Persatuan Nelayan Pulau Pinang dan lain-lain. Bagi sumbangan seri ketiga yang disampaikan pada Disember 2014 dan Januari 2015 seramai 3116 orang penerima melibatkan bantuan berjumlah RM497,538.70.”

Saya nak ucapkan terima kasih sebab saya rasa mungkin ada juga nelayan-nelayan di kawasan saya menerima bantuan tersebut. Tetapi saya nak tanya adakah Kerajaan Negeri sama ada boleh membantu dari segi tanah ataupun tidak sekiranya peruntukan ada untuk membuat perumahan bagi nelayan-nelayan di kawasan saya terutamanya. Jadi saya harap saya akan mendapat jawapan daripada YB. EXCO yang berkenaan. Sikit lagi YB. Dato' Speaker. Saya pun teringin juga nak sebut sikit berkaitan *Penang Sky Cab*. Saya terbaca dalam *The Star* pada 17 April, komen ataupun tulisan yang dinyatakan di sini bahawa *Sky Cab draws mixed response. Group cars out on whether it would benefit tourism and reduce traffic jammed*. Kalau kita baca penyata perasmian T.Y.T. Tujuan untuk mengadakan *sky cab* adalah untuk mewujudkan satu produk pelancongan dan jika ada agensi-agensi pelancongan ataupun persatuan-persatuan pelancongan berpendapat bahawa seperti yang dinyatakan dalam satu lagi artikel dalam *The Star* pada 20 April *Tourism Industry Player Also Voice Out Loud*. Daripada sini apa yang saya boleh rumuskan bahawa mereka sendiri berpendapat ini bukanlah satu projek yang, mungkin *viable*. Terutama sekali kalau kita ambil kira perbelanjaan RM250,000. sehingga RM300,000. yang perlu dibelanjakan untuk projek ini dan sekiranya...(gangguan),

Y.A.B. Ketua Menteri:

Juta.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):

Ya, juta minta maaf lah Yang Amat Berhormat. Mengambil kira jumlah hampir RM300 juta untuk projek ini dan jika, ada kata-kata mengatakan, mungkin pada peringkat awal apabila kita buat projek ini orang pergi lepas itu orang tak pergi dah. *Once you have try, then don't go anymore, there is human punya nature* lah. Jadi mungkin kalaulah duit ataupun peruntukan yang ada kepada Kerajaan Negeri, saya rasa lebih baik gunakan jumlah tersebut untuk menambah baik lalu lintas di Pulau Pinang ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih saya minta jalan daripada ADUN Penaga. Pertama saya nak betulkan laporan yang disebut tadi oleh YB. Penaga bahawa ada beberapa pihak yang terlibat dalam bidang pelancongan yang menentang syor Kerajaan Negeri bersama dengan MRCB untuk membuat kereta kabel. Laporan ini tidak betul, malah Encik Khoo daripada *Malaysian Association Of Hotel* cawangan Pulau Pinang telah pun membuat kenyataan

bahawa kenyataannya diputarbelitkan. Beliau tidak pernah menyatakan beliau menentang projek ini. Hanya menyatakan bahawa sekiranya baik untuk pelancongan maka beliau akan menyokong projek ini. Tapi saya pun tak tahu macam mana The Star daripada sokong boleh jadi menentang. Tapi lumrahlah, kalau datang daripada surat khabar tersebut. Itu tidak betul so ini saya hanya nak beritahu kepada YB. Penaga kerana banyak pihak dan saya berasa YB. Penaga pun tak sedar tentang perkara The Star putar belit kenyataan yang dibuat oleh Encik Khoo, Presiden MAH Pulau Pinang.

Kedua perbelanjaan di antara RM200 ke RM300 juta tidak akan dibiayai oleh Kerajaan Negeri. Saya rasa ada silap faham dalam aspek ini. Sekiranya Kerajaan Negeri akan menanggung perbelanjaan ini saya rasa tentu kita tidak akan syorkan. Ia tidak ada berkaitan dengan projek tambatan laut seperti diura-urakan oleh pihak tertentu. Kita minta MRCB untuk membuat kajian kerana sekiranya Penang Sentral telah memulakan kerja, maka dengan sistem *sky cab* atau kereta kabel ini, ia akan memusatkan semua mod pengangkutan awam di setempat. Sebagai koridor utara hub utama untuk pengangkutan awam, hub pengangkutan awam koridor utara ia merangkumi bas, teksi, MRT, LRT rail dan juga feri laut. Kalau tambah udara, *sky cab* lima (5) dalam satu (1) dan ia akan memudahkan ataupun mempromosikan Penang Central sebagai hub Pengangkutan Awam Koridor Utara. Sebab itu kita syorkan kepada syarikat dan syarikat pun ambil minat. Kita cadangkan kalau boleh ia dibiayai mengikut operasi mereka, tapi ini terpulang apabila mereka membuat analisa yang lebih terperinci.

Sekiranya boleh jalan tentu ia adalah satu tarikan pelancongan. Kalau kita lihat amalan yang berlaku atau apa yang berlaku dekat London. Kalau YB. Penaga masih ingat semasa Sukan Olimpik. Masa itu Kerajaan Britain telah membina satu (1) kereta kabel daripada Otto. Otto ialah pusat komersial terutama dekat London. Dari Otto ke Stadium Wembley. Ini peranannya sebagai satu (1) tarikan pelancongan, tapi kini selepas sukan olimpik telah habis ia jadi sebagai satu alternatif kerana kalau nak pergi ke Otto terus ke Stadium Wembly kawasan persekitaran itu mudah, tak payah melintasi kesesakan lalu lintas ataupun jalan yang berliku-liku, tahulah London jalan itu kadang-kadang jalan pun sempit juga. Ini sudah menjadi satu alternatif, sama ada ini akan berlaku dekat Pulau Pinang, kita tah tahu. Tapi oleh kerana kedudukan unit Penang Central. Saya nak terus terang kalau Penang Central tak jadi tentu saya rasa ia tak viable, kerana Penang Sentral telah dipilih sebagai hab utama pengangkutan awam koridor utara. Itu seluruh wilayah utara termasuk Kedah, Perlis, Utara Perak dan Pulau Pinang. Itulah keistimewaannya.

Oleh itu kita cadangkan kepada MRCB yang akan mengusahakan Penang Sentral dan mereka lihat ada kelebihan ini. Itulah sebabnya mereka membuat analisa. Ini semua atas perbelanjaan mereka sendiri. Analisa ini bukan murah ia berjuta-juta kerana mereka melihat ada *viability* dan kita percaya sekiranya perkhidmatan feri tidak dinaiktarafkan maka pengangkutan kereta kabel atau *sky cab* akan menjadi satu (1) pilihan lain. Tak mahu tiap-tiap kali kita gunakan feri kena sangkut dekat situ, tak boleh datang. Bukan sahaja orang kena sangkut, pergi kerja lewat kadang-kadang kita adakan mesyuarat EXCO pun lewat kerana sangkut dekat feri. Kita bagi satu (1) pilihan.

Saya rasa pilihan ini akan memberikan keselesaan kepada penumpang-penumpang dan itulah hasrat Kerajaan Negeri. Kalau kita sebut bahawa ia akan memakan perbelanjaan yang besar, saya rasa tidak. Ini terpulang kepada syarikat, sekiranya syarikat tidak mahu, itu perkara lain. Tapi mereka berminat itulah sebabnya mereka menjalankan analisa yang lebih terperinci yang makan perbelanjaan yang bukan kecil. Saya harap saya nak betulkan persepsi yang kurang tepat ini. Terutama ia bukan datang dari Kerajaan

Negeri. Kerajaan Negeri yang tawarkan ialah tanah-tanah yang Kerajaan Negeri ada di mana ia mendarat. Kita tentu akan bagi token tapi ini untuk memudah cara sistem pengangkutan awam memang saya rasa ini boleh dipertimbangkan. Iaitu tempat di mana dia nak bina stesen dan bina tempat nak letak kereta. Itu sahaja. Inilah pemudah cara, itulah peranan pemudah cara yang dimainkan oleh Kerajaan Negeri. So bukanlah membiayai sepenuhnya kos perbelanjaan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):

Terima kasih Y.A.B. Ketua Menteri. Maknanya saya rasa sekarang mungkin penjelasan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat itu mengatakan bahawa segala perbelanjaan semua yang akan dikeluarkan bukannya oleh Kerajaan Negeri termasuklah *feasibility study* dan sebagainya jelaslah. Adakah itu maksudnya? Maknanya tidak ada perbelanjaan akan dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri untuk projek ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya nak sebut tadi ialah sehingga sekarang, Kerajaan Negeri tidak keluaran satu sen pun, satu kupang pun termasuk *free fee study* tak dibiayai oleh Kerajaan Negeri, satu kupang pun kita tak keluaran. Yang kedua, kita harap bahawa ia boleh *sustainable* dengan diri sendirinya. Ia boleh biayai dengan diri sendirinya. Apa yang kita tawarkan, apa yang kita akan berikan kemudahan. Bukan cakap kita tak bagi apa-apa, ada tanah Kerajaan Negeri di mana ia mendarat. Kita akan benarkan ia bina stesen, bina tempat letak kereta dan tanah ini kalau kita jual atau bagi dia mahal, saya rasa kita pun nak bantu. Kita akan benarkan dia gunakan tanah Kerajaan sebagai token. Itu yang kita bantu syarikat tersebut. Tapi dari segi kos kita haraplah dan kita jangka tidak ada. Setakat ini untuk kajian *feasibility* tidak dibiayai oleh Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):

Cukup masa dah. YB. Dato' Speaker, cadangan untuk membina Dewan Undangan Negeri yang baru untuk menggantikan yang sedia ada di satu lokasi lain. Saya rasa tidak ada masalah bagi menyokong cadangan itu. Tetapi seperti yang dibimbangi oleh rakan-rakan saya yang lain ialah tapak yang dicadangkan itu. Bekas tapak pelupusan sampah di Jelutong. Sekiranya tempat tersebut juga nak digunakan dan tidak ada tempat lain, saya rasa kita perlu berhati-hati dan Kerajaan Negeri perlulah melantik konsultan-konsultan yang berwibawa untuk menjalankan siasatan sama ada tempat itu sesuai ataupun tidak untuk didirikan sebuah Dewan Undangan Negeri yang baru. Kita faham dari segi teknikalnya dan saya harap kita semua akan dapat bersidang pada masa hadapan di dalam Dewan Undangan Negeri yang baru. Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua penjawat awam termasuk Angkatan Tentera, Polis dan Bomba yang telah berusaha tanpa mengenal erti penat dan lelah dalam memastikan kemakmuran dan keselamatan rakyat di Negeri Pulau Pinang ini. Marilah kita bersama-sama mendoakan supaya semua kita sihat dan dapat menjalankan tugas dan amanah yang diberikan kepada kita dalam keadaan yang aman, baik dan harmoni. Sekian, *Wabillahitaufiq Walhidayah Wasallamualaikum Warahmatullahi Wabaruhkahtu*.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):

Sebelum saya sudahi saya mohon menyokong.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Penaga. Silakan YB. Kebun Bunga.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Terima kasih YB. Dato' Speaker.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

You, perlu peringatan daripada saya? Tak perlu.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Saya akan pendekkan ucapan saya. Walaupun ada lebih kurang 36 minit. Dato' Speaker, ucapan saya tidak ada kaitan dengan apa-apa isu seperti Majlis Agama Islam ka apa ka. Terima kasih Dato' Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, salam sejahtera dan salam reformasi. Terlebih dahulu saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan syabas kepada Tuan Yang Terutama atas ucapannya. Saya juga mengucapkan terima kasih dan saya berasa bersyukur kerana berpeluang membahaskan ucapan TYT. Pertama sekali saya mengucapkan Selamat Hari Ibu atau bagi pihak tertentu Selamat Hari Ibu-Bapa. Sempena Hari Ibu, saya sebenarnya baru dapat satu panggilan telefon bila dia mula percakapan dia kata minta laluan, saya pun tanya siapa ini, dia kata ibu kamu. Itulah emak yang telefon saya. Saya tanya kenapa ibu kata minta laluan. Dia kata dia ikuti siaran langsung Dewan dan dia kata YB. Delima ini memang dasyat. Seri Delima, minta maaf. Ibu bagi nasihat juga kepada saya sebenarnya, dia kata tanya soalan yang betul demi rakyat. Dia bagi teguran, dia juga kata sentiasa beringat apa tujuan kamu sebenar sebagai wakil rakyat, apabila diamanahkan dengan satu tugas...(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Yang Berhormat, saya ingat tadi nak kata YB. Seri Delima hebat, bukan dasyat. Istilah betul ialah hebat, betul tidak? Hebat bukan dasyat.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Bukan hebat, dasyat, ibu dia betul, saya setuju dengan ibu dia, betul, dasyat.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Ibu *never wrong*.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Sebenarnya ibu kata selepas putus *electricity* tak nampak Seri Delima.....(ketawa). Ibu kata fokus atas kepentingan rakyat.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sampaikan salam saya kepada ibu Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Terima kasih Dato' Speaker. Sebenarnya ibu seorang Ahli Parti Rakyat tetapi tidak bertanding, dia kata musuh akan cuba halang kamu, memenjarakan kamu, menghina kamu, mengaibkan kamu dan kemudiannya melontarkan fitnah tetapi kamu jangan menyerah kalah, *you must not surrender*, dia kata lawan tetap lawan....(ketawa). Saya bertanya ibu, *how do you know all these*, dia kata Facebook Anwar Ibrahim....(ketawa). Saya tanya ibu kata ada dua teguran, apakah teguran yang kedua, dia kata bulan ini elaun belum bagi lagi.

YB. Dato' Speaker, ini berkenaan sejarah Pulau Pinang dan di Dewan yang mulia ini. Saya hendak menyatakan Pulau Pinang bukan semata-mata sebuah pulau tetapi sebuah pulau yang dipilih oleh banyak orang berbanding dengan banyak pulau di sekeliling kita termasuk pulau-pulau di Laut Andaman, Langkawi dan banyak lagi. Kita mempunyai banyak tempat yang baik dan cantik di Pulau Pinang seperti Mahkamah Tinggi pertama di Malaya dan di Malaysia juga dari Pulau Pinang. Banyak *explorer* yang *international* datang ke sini, antaranya Laksamana Cheng Ho, Captain Francis Light, Lieutenant Governor Stamford Raffles yang menemui Singapura, sebelum itu bekerja di Pulau Pinang juga di bawah Francis Light, Captain Cook yang menemui Australia melalui sini ambil air dan mungkin juga buang air. Gereja Anglican yang terawal di Asia Tenggara juga berada di sini, banyak lagi seperti the Great Poet, Mr. Targo juga pernah datang ke sini. Dr. Sun Yat Sen, satu tapak asas revolusi Negara Cina juga berada di Pulau Pinang.

Baru-baru ini bila saya pergi membantu dan membuat satu dokumentari untuk Pulau Pinang, di Perak, di kawasan pendalaman Perak, di mana saya kena berjalan mengambil masa selama 5 jam untuk masuk ke dalam kawasan pendalaman, saya terjumpa orang yang memberitahu saya bahawa mereka orang asal dari Pulau Pinang dan diusir dari Pulau Pinang ke kawasan Perak. Cerita ini tidak ada berkaitan dengan apa-apa perkara yang akan saya sentuh.

Saya membaca ucapan Tuan Yang Terutama mengenai beberapa isu dan perkara, saya juga bertanya lebih kurang 30 soalan kepada semua EXCO dan ada lebih kurang 30 jawapan yang tidak berapa memuaskan....(gangguan). Semua 30 soalan, tetapi, jawapannya okey hanya tidak ada yang sempurna. Saya mungkin akan sentuh satu (1), dua (2) atau lima (5), empat (4). Jawapan yang saya boleh terima adalah dari Perumahan di mana saya tanya mengenai tunggakan, sebenarnya memuaskan tetapi saya hanya nak tambahkan soalan. Saya mengucapkan terima kasih kepada EXCO Perumahan kerana membuat polisi di mana tunggakan sewa rumah daripada penyewa rumah Kerajaan Negeri itu boleh dibayar secara ansuran. Ini saya mahu bagi satu tepukan. Ini bagus kerana boleh selesaikan isu tunggakan yang masih belum dibayar tetapi di bawah polisi Kerajaan kita memberi peluang untuk membuat bayaran ansuran. Ini berita bagus, hari ini saya akan membawa balik berita baik ini kepada rakyat. Ini saya ucapkan terima kasih.

Kedua, isu yang saya bangkitkan ialah mengenai rumah mampu milik, ini *special* sikit dan ini juga berkaitan dengan EXCO Perumahan. Memang memuaskan cuma saya hendak tambah soalan kerana di sini soalan saya, ini untuk maklumat semua yang

membaca di surat khabar atau melalui siaran langsung, soalan ini mengenai rancangan Kerajaan Negeri untuk membantu kategori pembeli rumah yang kurang upaya, yang lebih miskin. Soalan ini jawapannya bagus diberitahu kepada saya adalah kita ada dua skim sewa beli, satu skim sewa beli di Taman Seruling Emas, Daerah Seberang Perai dan satu lagi skim milikan bersama, (SOS) Share Ownership Scheme. Pendek kata kita ada skim sebegini untuk rakyat kurang upaya bukan sahaja *affordable* tetapi yang kurang upaya. Lebih baik lagi ada bayaran ansuran yang hanya memerlukan bayaran RM120.00 dan dia boleh *hire-purchased*. Ini juga merupakan satu polisi yang amat bagus.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih Kebun Bunga atas komen-komen tersebut, cuma yang akhir sekali kategori yang dinyatakan bukan kategori untuk orang kurang upaya. Saya ingat kategori untuk mereka yang langsung tidak mampu membeli *even* kos rendah tetapi untuk makluman YB. Kebun Bunga, untuk kategori kurang upaya memang Jawatankuasa Pemilihan yang mana saya pengerusikan, kita beri *priority* kepada OKU juga di dalam pemilihan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Terima kasih Datok Keramat. Ketiga, soalan saya merujuk kepada jawapan yang diberi oleh EXCO dari Padang Kota. Soalan saya mengenai transport, Light Rail Transit (LRT), jawapan juga *details*. Sebenarnya jawapan juga memuaskan cuma saya hendak tanya bahagian ketiga, mungkin YB. Padang Kota tidak ada soalan ini, ini mengenai LRT, saluran atau jalan LRT itu dan jawapan diberi kepada saya adalah ada tiga laluan LRT yang mungkin dalam proses penilaian, maksudnya *assessment* boleh buat ataupun tidak. Saya merujuk kepada laluan yang ketiga di mana saya baca. Laluan George Town ke Pantai Utara, untuk makluman Dewan, di sini ada tiga laluan, satu laluan George Town ke Airport, yang kedua laluan George Town ke Air Itam, yang ketiga yang saya berminat tanya laluan George Town ke Pantai Utara di mana bagi ia melalui Weld Quay ke KOMTAR dari KOMTAR ke Jalan Pangkor, dari Jalan Pangkor ke Pulau Tikus, dari Pulau Tikus ke Bagan Jermal, dari Bagan Jermal ke Island Plaza, dari Island Plaza ke Tanjong Pinang ke Tanjong Tokong dan dari Tanjong Tokong ke Tanjong Bunga dan kemudiannya ke Masjid Terapong. Ini langsung tidak melalui kawasan saya, *so many places...* (gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Cheow Kon Yeow):

Saya pun hairan mengapa YB. Kebun Bunga asyik berminat dengan laluan ketiga, itu ke Pantai Utara, sepatutnya memperjuangkan laluan kedua Air Itam lebih dekat dengan Padang Tembak, betul?

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Terima kasih Padang Kota tetapi saya bukan Ahli Dewan Undangan bagi Padang Tembak sahaja. Kawasan saya termasuk Fettes Park dan juga Hong Seng, Lumba Kuda dan banyak lagi. Nampaknya ia macam satu *straight line*, satu garisan laluan terus. Saya minta kalau boleh dari Pulau Tikus masuk sikit ke Kebun Bunga keluar ke Tanjong Tokong...(gangguan, ketawa). Ini akan membantu kawasan saya. Ini soalan saya.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tak boleh dengar.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

YB. Dato' Speaker, keempat, saya juga minta penjelasan kerana walaupun tiga muka surat mengenai anjing dan kucing dari MPSP tetapi masih tidak memuaskan. Ini bagi saya *key word*....(dengan izin), lagi penting adalah melaksanakan. Saya ada membuat aduan mengenai haiwan yang dipelihara di bangunan *high rise*, flat-flat tertentu termasuk di Padang Tembak. Untuk makluman Dewan, saya kena membawa isu ini kerana ianya sudah lama, sukar hendak mengatasi masalah ini khasnya alasan yang diberi oleh rakyat kenapa mereka ada anjing atau kucing di dalam rumah mereka termasuk di dalam pangsapuri adalah kerana sekarang kurang, bukan kurang, tidak ada langsung PPS, lebih banyak anjing dan kucing, sebelum itu saya biasa bawa PPS keluar untuk jaga tempat sekarang saya kena bantu pengundi-pengundi bawa anjing dan kucing keluar, ini nasib sayalah sebagai seorang ADUN sekarang ini pun pokok di taman banyak di siram tetapi tidak terlalu masin, pokok disiram oleh anjing dan kucing...(ketawa), jadi susah bagi saya MPSP kena kerja lebih kuat. Tapi pendek kata MPPP pendek kata dalam isu ini saya minta penguatkuasa lebih jikalau boleh lebih buat lebih kerja.

Satu lagi ini juga permintaan saya juga dah banyak kali dan di dalam Dewan ini saya merujuk kepada rakan saya Padang Kota juga ini mengenai *abattoir* saya membawa isu ini sebelum itu *abattoir* ini cukup menjadi masalah kepada saya sebagai ADUN, ADUN khasnya sebagai ADUN di kawasan saya, banyak kali bila pergi ke pasar *abattoir* ataupun bilik ataupun tempat menyembelih ayam ini, ayam di dicampak atau dibiarkan bebas selepas di sembelih jadi kekotoran, khasnya dikawasan pangsapuri di mana saya boleh *measure*, saya boleh ukur tempat sembelih ini dari bilik orang yang duduk 50 kaki, 70 kaki sahaja jadi bila semua ini wujud anjing, kucing, tikus, lipas semua burung gagak semua datang saya dah bincang ini tapi memang apa ini, jawapan yang diberi kepada saya adalah sedang dirancang, bagi saya bagi penduduk saya saya kena tekan, saya kena *stress* lah saya kena minta secepat mungkin.

Satu lagi isu atas tapak perlupusan sampah Jelutong yang dicadangkan oleh Tuan Yang Terutama sebagai salah satu kemungkinan sebagai salah satu tempat untuk Dewan Undangan Negeri yang tapak Dewan Undangan Negeri yang baharu itu. Di dalam soalan saya sebelum terutama menyatakan cadangan tersebut. Saya pun ada buat pertanyaan mengenai apa kegunaan ataupun rancangan atas tapak itu dan jawapan yang diberi kepada saya sebelum ucapan Tuan Yang Terutama adalah bahawa...(gangguan) ya, selepas atau sebelum saya tidak tahulah. Tetapi jawapan yang diberi adalah mengenai kita ada rancangan projek membawa ke tapak ini untuk menyelesaikan masalah pencemaran bau, maksudnya sesiapa yang di bawa ke sana ada berfungsi sebagai menyerap bau dari sini...(ketawa), ini anggapan sayalah.

Apabila kita mengatasi isu ini saya juga hendak bawa satu sejarah, cerita yang benar mengenai tapak Dewan yang digunakan oleh pihak Kerajaan British. Di dalam tahun, cuba gambarkan ini. Dalam tahun 1605 di mana Charles Turpel sedang menjadi raja ataupun King Of England ada pihak hendak menamatkan rejim tertentu, jadi salah satu cadangan yang terbaik adalah membawa Parliamen itu ke atas satu tempat ataupun bawa bahan letupan ke Parliamen itu, jadi nasib baik Polis pada masa itu sudah dapat

maklumat dan mendapatkan bahan letupan itu. Bagi saya tapak ini memang, jikalau diberi peluang sebagai satu tapak menjadi DUN, treatment adalah penting kerana *maintain gun powder* kah, *sea fore* ini memang berbahaya keselamatan kita. Ini mengenai tapak Dewan Undangan Negeri yang dicadangkan.

Satu lagi mengenai Dewan Undangan Negeri yang baru, mungkin pada masa depan akan mengalih. Saya sokong kepada cadangan untuk pergi ke satu tempat yang lebih besar, saya melawati ke beberapa Dewan Undangan Negeri di Kelantan, di Sarawak, di beberapa di Selangor nampak besar carpark pun besar, library pun besar bilik untuk ADUN pun ada di Taiwan, di Amerika di U.K, banyak tempat dia ada tempat-tempat ini dia ada fasiliti pada wakil rakyat untuk bagi kerja dengan lebih berkesan kerana ada tempat, ada *car park*, ada *security* ada semua. Semua ini saya bersetuju, tapi saya ada satu rancangan yang saya rasa penting berkongsi dengan Dewan yang mulia ini, iaitu saya juga ambil contoh Westminster Parliament dia di Parliament, United Kingdom ini dia ada fasiliti dia ada kantin apa, tapi apa yang saya hendak sebut di sini adalah mengenai saiz tempat bermesyuarat ada satu *school of thought*...(dengan izin), ada satu pandangan bahawa tempat bermesyuarat kena besar-besar dia jauh sampai baling batu pun tak boleh sampai, tapi ada lagi *school of thought*, satu lagi pandangan iaitu tempat mesyuarat khasnya bagi wakil rakyat kena berdekatan macam *Gladiator* nak pergi lawan satu sama lain kerana bila *you* mendekati satu sama lain cara fizikal dan *emotion* dan *psychology* semua senang di *express* dan juga komunikasi diantara manusia ada satu pandangan lah akan lebih senang dia orang dan didalam situasi di mana Dato' Speaker, bukan Dato' Speaker sini, Dato' Speaker sini bagus, Dato' Speaker yang lain dia nak tutup *mic* kamu pun dia boleh jerit-jerit sikit sampai boleh dengar, komunikasi boleh disampaikan.

Ini adalah amat penting jadi saya masukan cadangan ini bahawa pada masa depan bila kita mencadangkan saiz tempat mesyuarat, saiznya adalah penting tengok di *Commonwealth Country* di United Kingdom di mana *space* dia atau kekosongan atau ruangnya di antara dua (2) belah lebih kurang macam itu sahaja diantara pembangkang dan parti Kerajaan dia ditengah pun *the clerk* ataupun *the secretary* adalah di belakang jadi kalau kamera nak *fight* dia boleh terus bercakap. Jadi dia macam itu sahaja saya nak cadangkan. Jadi kena ingat bila *design architects* adalah penting kerana ini tempat polisi negeri ini yang penting. Jadi yang penting saya nak cadangkan, jadi mungkin dalam sejarah saya orang pertama yang cadangkan ini...(gangguan).

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B Teh Yee Chieu):

Terima kasih Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Kebun Bunga. Saya ada satu soalan nak minta penjelasan terfikirilah sekarang saya fikir, saya fikir semula, kaji semula ia ada impak negatif iaitu ada kemungkinan adakah kita pindahkan Dewan ini ke tempat lain, berkemungkinan kehilangan status atau ditarik balik status *heritage* oleh UNESCO kalau tak ada aktiviti yang dahulu sudah disemak kerana ada aktiviti dalam kawasan saya.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B Cheah Kah Peng):

Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Bunga, ini pandangan yang positif dan memang jikalau kita mengalih ketempat lain, bagi saya ini pandangan saya saja. Jikalau kita mengalih ketempat yang lain, bangunan ini bagi saya kena dipelihara kerana setahu kita bangunan ini sebelum itu sebuah stesen Polis dan sebelum itu satu macam JPN macam Jabatan Pendaftaran bagi British. Sebelum itu bangunan ini pernah menjadi

Mahkamah Majesterit dan sebelum itu tempat ini berbagai-bagai peranan lah bangunan ini dan bangunan ini. Setahu saya kalau tidak silap Yang Berhormat Dato' Speaker setahu kajian *research* kajian saya bangunan ini ada banyak latar belakang sejarah dan *heritage* jadi saya rasa Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak akan membiarkan bangunan ataupun bagi bangunan ini terbiar sahaja. Memang ada banyak cadangan....(gangguan).

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B Wong Hon Wai):

Minta penjelasan, sebenarnya teks saya akan cakap tapi mungkin untuk bantu kebun bunga. Saya rasa tempat ini sangat elok sekiranya dipindahkan ke tapak yang baharu, saya cadangkan supaya rekodkan supaya saya jadi orang pertama cadang. Tempat ini dijadikan galeri atau *art gallery* kita, lihat gambar yang *Picasso* di tengah-tengah yang begitu cantik, di Speaker sana, tapi sini gambar yang lain, dia punya *painting*, tempat ini begitu elok boleh dijadikan satu masih satu *art gallery* untuk Negeri Pulau Pinang supaya, saya rasa mungkin Yang Berhormat Kebun Bunga mungkin boleh sokong cadangan itu, kerana tempat ini saya rasa sangat bersejarah dan saya harap tidak akan dijadikan dia apa, dia akan dikekalkan saya rasa, kerana ini mempunyai nilai sejarah yang tinggi dan mungkin satu bilik kecil kita kekalkan, satu bilik kecil kita kekalkan untuk memaparkan sejarah Dewan Undangan Negeri dengan gambar-gambar Permatang Pasir, gambar-gambar kita semua, satu (1) bilik kecil. Sri Delima masuk semua masuk dengan gambar-gambar foto-foto kita, mengucap utarakan sejarah bangunan ini sebelum ini dan saya rasa ini perlu juga dimasukkan dalam cadangan bangunan baharu dan bangunan lama pula cadangan permuliharaan perlu juga dimasukkan itu sahaja terima kasih.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya ingin tambah sikit...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Untuk rekod masuk, tak payah ada hansard semua di rekod.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, saya berkongsi pandangan tapi saya tidak begitu setuju kalau Seri Delima dan Permatang Pasir dijadikan dimasukkan ke dalam muzium sekarang. Kerana kita masih bertenaga dan mahu berkhidmat, tetapi saya ingin mencadangkan supaya tokoh-tokoh parti politik khususnya Pakatan Rakyat dijadikan atau pencapaian-pencapaian mereka. Seperti Yang Berhormat mendiang Bukit Gelugor, Karpal Singh, seperti tokoh-tokoh P. Pato, seperti pemimpin-pemimpin lain yang masih ada lagi Dr. Chen Mah Hin's seperti Dato' Seri Anwar Ibrahim, pencapaian-pencapaian mereka dan pemimpin-pemimpin PAS Tok Guru Nik Aziz, *Allahyarham* Tok Guru Niz Aziz yang masih lagi kita menghormati, yang masih digeruni oleh parti Barisan Nasional. Saya rasa kita gunakan tempat ini untuk rakyat jelata dari seluruh Malaysia datang belajar menerap nilai-nilai pemimpin Pakatan Rakyat yang saya rasa telah pun diketepikan dalam arus sejarah. Kalau kita lihat dalam buku-buku sejarah saya percaya, kecualilah kalau kita mengambil alih Putrajaya sumbangan, pimpinan dedikasi pemimpin-pemimpin Pakatan Rakyat memang tidak akan diberikan liputan. Mungkin Pulau Pinang seperti yang kita katakan *Penang Leads*. Kita gunakan tempat ini untuk menonjolkan, memberitahu banyak sangat pemuda-pemudi di bangku sekolah, di sekolah rendah yang tertarik dengan pucuk pimpinan Dato' Seri Anwar Ibrahim, yang tertarik dengan Tok Guru Nik Aziz, yang tertarik

dengan Karpal Singh, yang ingin mengetahui lebih banyak mengenai pemimpin-pemimpin ini. Mungkin kita boleh gunakan tempat ini sebagai sumber ilmu. Pencapaian-pencapaian pemimpin-pemimpin ini boleh dihebohkan dengan menggunakan tempat ini sebagai satu Pusat Sumber Ilmu. Terima kasih. Ini cadangan saya.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Terima kasih Seri Delima, pendek kata atas isu yang dicadangkan oleh Air Itam menggunakan tempat ini sebagai *art gallery*. Sebagai seorang pelukis memang saya sokong tapi tempat ini juga boleh digunakan untuk *function* ataupun kegunaan yang lain termasuk(dengan izin) termasuk kawasan ini *heritage*. Bukan saja heritage tetapi juga kawasan yang berdekatan dengan Padang Kota Lama. Padang Kota Lama itu ada sejarah yang lebih daripada lebih kurang 500 tahun di mana orang Perancis, orang Dutch, orang India, orang Cina banyak melalui hub pelaburan kita. Satu contoh bukan saya hendak *repeat registry* satu contoh Emerald Cheng Ho tahun 1430 sampai 1436 melalui tempat ini ada buku yang mencatatkan itu di mana anak kapal ini cerita pendek saja. Anak kapal diikat di depan perahu, bukan perahu bot yang besar kerana dan gunakan kertas tertentu untuk melukis *map*, gambar Selat Melaka itu dan gambar ini masih sekarang kekal di dalam *British Museum*. Saya sendiri pernah tengok ini gambar Pulau Pinang pada masa itu tidak dinamakan sebagai Pulau Pinang ada satu nama pulau sebagai Tun Sun dekat Pulau Pinang. Macam Petani ada negara yang lama dekat Thailand dan Malaysia Utara. Jadi banyak negara-negara kecil pada masa itu, ada sejarah macam itu pendek kata. Jadi tidak semestinya menjadi *art gallery*, walaupun saya suka seni lukis, tetapi tempat yang kita berada ini memang adalah satu tempat yang cukup bersejarah, selama lebih daripada 500 ataupun 400 tahun dan setahu saya di bawah Padang Kota Lama di bawah *canon-canon* yang tertentu kemungkinan ada khazanah British dan khazanah Spanish dan banyak lagi. JKR ataupun MPPP pergi buat kerja cuba tengok ada boleh *detect* apa-apa khazanah di bawah sini....(gangguan). Saya bukan agung-agungkan Yang Berhormat, saya bukan agung-agungkan zaman *Colonist*. Saya ada nampak *value* ataupun nilai zaman-zaman tertentu, Admiral Cheng Ho bukan zaman *Colonial* misalnya dia yang melaluinya kita jadi secara diplomasi dan secara mengetahui zaman lama untuk memperbaharui zaman kita sekarang ini. Saya tidak diperangkap di dalam *rhetoric* zaman lama dan zaman baru saya tidak di perangkap *think out of box*. Ini pandangan saya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dari satu bangunan lama ke satu lagi bangunan lama yang saya ingin bangkitkan perkara ini. Soalan saya untuk di DUN yang dijawab oleh Yang Berhormat Padang Kota mengenai bangunan "Si Chong Fen Xiao" di Jalan Farquhar, Jalan Sultan Ahmad Shah. Perkara ini dibangkit oleh saya sejak beberapa tahun lalu sebelum kita menjadi Kerajaan dan selepas kita menjadi Kerajaan, bangunan ini semakin tiap-tiap hari menjadi semakin merosot dan pendek kata bangunan ini bernilai sejarah yang banyak. Jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Padang Kota kepada saya adalah yang singkat, bukan kesemuanya adalah bahawa permit telah dikeluarkan untuk mereka pihak tuan tanah, memasang bumbung sementara yang satu tahun dahulu, setengah tahun dulu, saya tanya soalan ini mengenai perkara ini tidak ada sebarang tindakan, tetapi sekarang ini jawapan bagi saya adalah bumbung sementara ataupun permit membuat bumbung sementara telah dikeluarkan pada Julai lepas tahun lalu 2014. Maksudnya dekat satu tahun. Bagi saya yang mahukan bangunan ini tidak dirosotkan lagi, saya rasa satu (1) tahun, dekat satu (1) tahun adalah masa yang panjang di mana pihak Kerajaan kena ataupun pihak Kerajaan Tempatan boleh ambil.

Tujuan saya bukan untuk penalti ataupun apa, tujuan saya untuk menyelamatkan bangunan itu. Informasi yang pendek kepada Dewan tempat ini bersejarah banyak, ia sebagai *consulate* ataupun *Embassy* Negara Cina tahun dua (2) abad yang lalu dan juga arus *Consulate Republic of China* dan memang satu (1) *architect*. Jikalau Ahli-ahli Yang Berhormat tanya kepada *architect specialist* tamadun *and all this culture and heritage* kita akan diberitahu bahawa bangunan ini adalah bangunan yang bermuka *facing* laut, *street of* Melaka bangunan yang tertinggi lima tingkat pada masa itu dan arkitek dia saya bukan *architecture* dia adalah cukup istimewa, di mana di kalangan Asia Tenggara ini tidak banyak tetapi kita bertuah dapat bangunan seperti itu *our struggle* untuk menyelamatkan bangunan itu. Bila kita sendiri menjadi Kerajaan kita tidak bukan tidak ambil perhatian tidak prihatin, tetapi kita mungkin boleh buat sesuatu untuk membantu menyelamatkan bangunan ini. Ini saya hendak cakap.

Satu lagi kepada Yang Berhormat Bagan Jermal. Saya ada tulis soalan kepada Yang Berhormat Bagan Jermal mengenai tundaan ataupun bersangkutan rancangan mengorek dan mendalamkan laluan kapal, di *Penning Drag in of* laluan kapal. Soalan diberi kepada saya panjang dan amat sempurna amat *collective*. Soalan pendek saya adalah apa akan terjadi ataupun langkah-langkah Kerajaan Pulau Pinang akan buat di dalam keadaan di mana Kerajaan Pusat sudah hentikan projek *dragging*. Projek *dragging* maksudnya mendalamkan *seabed*, mendalamkan laut kita kerana *district* Melaka yang dilautan kita, pelabuhan kita kena ada kapal masuk dan jikalau kadang-kadang *suggest* apa *sediment* yang naik dan wujudkan kapal tidak boleh melayari dengan secara lancar. Jadi di dalam Rancangan Malaysia Ke-10 itu sepatutnya adalah rancangan menggunakan lebih kurang RM350 juta untuk mendalamkan *seabed*(dengan izin) kita di Pelabuhan Pulau Pinang tapi telah dihentikan dan tidak dibuat. Jadi saya tanya apa yang akan dibuat kerana ini bersangkutan ataupun menjejaskan fungsi pelabuhan. Saya tahu penswastan pelabuhan Pulau Pinang ini amat menjejaskan banyak faedah ataupun ...(dengan izin), *they hub economy of Penang* tapi saya hanya hendak tahu apa yang mungkin kita boleh buat untuk pelabuhan Pulau Pinang. Saya tahu ini satu tugas yang cukup susah kerana kita tidak berkuasa ataupun *jurisdiction* bidang kuasa atas pelabuhan ini jadi satu *regret* tapi saya hendak wujudkan perkara ini.

Satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh saya adalah berkenaan kerosotan ataupun kerosakan lif kepada Yang terhormat Datok Keramat. Jawapan kepada saya cukup baik, diberitahu kepada saya bahawa lebih dari RM3 juta telah diagihkan digunakan dibelanjakan untuk mengemaskinikan lif-lif sebenarnya kita ada 27 lif di Padang Tembak dan lebih kurang RM3 juta sudah dibelanjakan apa yang saya minta di dalam sesi ini adalah mesti saya harap pihak EXCO Perumahan boleh memantau mengenai mengenai prestasi kontraktor, kerana ada salah satu (1), dua (2) kontraktor yang saya sudah wujudkan saya sudah timbulkan mengenai prestasi ataupun *performance contractor*. Ini penting kerana kita tidak mahu warga emas ataupun siapa pun guna lif tersangkut di lif di dalam lif seperti yang di sebut oleh Pengkalan Kota.

Satu lagi *delay* ini, mengenai *delay* saya juga meminta jawapan dari Yang Berhormat Padang Kota mengenai pasar Mount Erskine, diberitahu di dalam mesyuarat saya bangkitkan jadi boleh dijawab kerana saya sudah bangkitkan beberapa kali. Di dalam mesyuarat dengan saya dengan Yang Berhormat Padang Kota juga kata di dalam tahun ini boleh buat tapi jawapan kepada saya, saya kena tanya adalah ...(dengan izin), tak *clear* lah, kenapa jawapan adalah projek akan dimulakan secara peringkat setelah mendapat kelulusan penggunaan tanah. So tidak berapa *clear*, saya mungkin untuk jawapan kepada orang tempatan saya kena ada jawapan yang lebih jelas sikit.

Satu lagi jawapan daripada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri mengenai *buggy*, macam kereta kecil di atas Penang Hill, di mana *charges* adalah lebih kurang RM30 ataupun RM40 bagi setiap pengguna itu untuk satu pusingan *journey* yang amat pendek di atas bukit bendera, banyak *complaint* telah muncul kerana ini. Jadi saya tanya soalan ini jawapan yang diberikan kepada saya adalah banyak perbincangan telah dibuat tetapi tiada hasil. Saya rasa kita kena dapatkan hasil kerana ini mencemarkan nama baik Bukit Bendera.

Satu lagi mengenai trafik. Jawapan dari Yang Berhormat Padang Kota adalah saya merujuk kepada kesesakan trafik khususnya di kawasan Pulau Tikus dan jawapan lebih kurang lapan (8) *point*, tapi salah satu ada mengatakan bahawa jalan telah dilebarkan. Ini yang penting bagi kita seluruh Pulau Pinang, bukan sahaja di Jalan Burma ataupun Pulau Tikus, pemantauan dan kajian saya sebagai pengguna jalan di sana memang Penguatkuasa pun boleh, pihak-pihak Penguatkuasa pun boleh dapati hasil kajian yang sama di mana Kerajaan kita sudah buat sebanyak mungkin untuk meluaskan jalan, tetapi bila kita meluaskan jalan dari satu (1) *lane* ke tiga (3) *lane*, yang dua (2) *lane* yang baru itu, selepas ini diguna sebagai parking, maksudnya, pendek kata maksudnya hasilnya tidak bagus. Sebenarnya satu (1) *lane* menjadi 3 *lane*. Kemudian orang *park* di dua (2) *lane*, dan dia tak banyak penguatkuasa.

Saya tahu di Pulau Pinang kadang-kadang ada pengguna jalan, pemandu suka *park* sini sana. Tapi sistem ataupun *culture* tamadun kita parking kena di terangkan kepada orang awam dan juga penguatkuasa khususnya. Saya sudah bincangkan perkara ini dengan pihak berkuasa kita berapa kali khususnya di luar Hospital Adventist, di *Consulate of Indonesia*, di pusat Pulau Tikus. Ini soalan yang pendek saya. YB. Dato' Speaker, kita berkunjung di Dewan ini dan demi kepentingan rakyat. Dan kita ber *debate* di sini, tapi sebenarnya masalah masyarakat dan negara sedang menghadapi cabaran yang serius. Seperti ekonomi global yang bergelora, *international terrorism*(dengan izin), persaingan yang hebat dari negara yang lain. Rakyat yang tak cukup pendapatan, tak cukup tempat kediaman, hutang domestik yang semakin meningkat, kelemahan sumber manusia yang bertambah, masalah di atas ini semua bagi saya, diwujudkan kerana pengurusan Kerajaan Pusat yang bagi saya kurang cekap. Saya tegur sedikitlah. Tidak cekap kerana dua (2) isu sahaja iaitu korupsi dan kronisme. Korupsi kerana wang ataupun sumber diambil keluar taupun diguna secara *self interest*, *self serving* dan *cronyism* memang juga satu *death blow*....(dengan izin), satu pukulan maut kepada administrasi Kerajaan Pusat kita. Tamparan hebat kerana jikalau *you* bagi beri kepada kroni-kroni yang tidak semestinya boleh *perform* yang tidak boleh ada prestasi yang baik, sistem kesemuanya akan menjadi kucar-kacir.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanivara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Sedikit Yang Berhormat, saya pun nak komen sedikitlah. Saya cuba *concentrate* atas apa Yang Berhormat ucapkan. Apa pandangan Yang Berhormat berkenaan dengan pukulan hebat ataupun salah satu faktor yang sekarang menjadi isu yang hangat dibincangkan. Baru-baru tadi saya layari laman web ada pendedahan baru dibuat oleh Rafizi berkenaan dengan 1MDB. Adakah ianya juga satu faktor yang menyumbang kepada ketirisan, rasuah dan pukulan maut ini.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Baik, terima kasih Yang Berhormat Seri Delima. Ini yang saya nak sentuh sebelum *you* bangkit memberi maklumat. Masalah kita bertikam lidah di dalam Dewan Undangan Negeri ini, tetapi bila kita buat semua ini, apa yang terjadi, apa faedah, bukan faedah, akibatnya bagi saya, yang si budak gemuk boleh saya ...(dengan izin), si budak gemuk 1MDB menyelewengkan harta khazanah Malaysia. Orang Pulau Pinang saya dengar. Orang Pulau Pinang. 1MDB ini bila Yang Berhormat Dato', dari Pulau Pinang. Yang Berhormat Dato' Speaker, maksud saya wang yang tidak boleh diakaun, yang diboleh, jawapan yang tidak diberi bila soalan ditanya kepada pihak Menteri ataupun Perdana Menteri mengenai 1MDB masih tidak kita masih tidak diberitahu. Dan apabila kita sedang membincangkan perkara-perkara ini, mungkin wang rakyat, khazanah Malaysia sudah disalurkan ataupun diambil keluar, mungkin ke England, ke USA ataupun ke Paris ataupun Cameron Highland. Macam-macam ada, macam-macam akan jadi jikalau kita ada korupsi. Ada korupsi dan penyelewengan. Baru-baru ini orang awam di kedai kopi bila jumpa saya di Permatang Pauh, orang bagitahu saya dia kata, penyamun-penyamun ini tidak kira siapa kamu. Penyamun-penyamun ini akan tetap memujuk, menggoda, sampai setengah-setengah ahli politik memihak kepada mereka dan pada masa dan ahli politik bercampur dengan mereka bersepakat dengan mereka dan pada masa bila rakyat tak sedar, memeras, mencuri wang negara berbilion-bilion. Ini diberitahu kepada saya. Saya pun tahulah, tapi orang di Seberang Jaya bagitahu kepada saya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Pakatan Rakyat ataupun Barisan Nasional, musuh kita sama di negara ini. Musuh kita sama. Musuh kita adalah orang yang mencuri wang rakyat. Saya rasa, walaupun kita bergaduh di dalam ataupun mempertikaikan isu di dalam Dewan ini, yang penting kita tak boleh lupa adalah kita di sini apabila pencuri penyamun ambil wang rakyat dan kita kena buat sesuatu untuk merampas balik wang ini, demi rakyat, untuk rakyat. Yang Berhormat Dato' Speaker, satu lagi isu saya nak membangkitkan adalah mengenai peranan *backbenchers* dalam DUN. Peranan *backbenchers* dalam Dewan Undangan Negeri, *listen carefully*.

Saya amat tertarik dan bersetuju dengan kenyataan Yang Berhormat Tanjung Bungah semalam mengenai isu perpisahan ataupun pengasingan kuasa atau(dengan izin) *separation of powers, legislative dan executive*. Memang semua akan setuju bahawa Ahli Dewan ini bukan *rubber stamp* dan tidak patut menjadi *rubber stamp*. Tidak boleh dipaksa juga. Jadi, adalah amat penting Yang Berhormat, di *highlight* kan, dinyalakan, di *emphasis* bahawa *backbenchers* kawasan-kawasan tertentu kena mengambil alih juga dalam keputusan Kerajaan dan dimaklumkan dengan polisi dan keputusan pembangunan. Pembangunan struktur di kawasan *backbenchers* tersebut. Khasnya, atas projek jual beli tanah negeri ataupun projek pembangunan yang besar di mana ADUN Yang Berhormat bertanggungjawab untuk menjawab kepada rakyat atas keputusan EXCO.

Bagi saya, ini amat penting saya mengambil kesempatan ini di dalam *paragraph* yang tadi saya sebut ini, adalah penting bagi ekologi Kerajaan Tempatan, Negeri ataupun Pusat, di mana rakyat memilih kita sebagai wakil mereka dan jikalau dalam satu mekanisme, Yang Berhormat Dato' Speaker, jikalau dalam satu mekanisme di mana wakil rakyat individu ataupun kuasa ataupun hak untuk diberitahu, dirampas, diambil dari beliau, ini menyakitkan dan memang bukan sahaja menyakitkan, ini membunuh demokrasi kerana Yang Berhormat Dato' Speaker didalam ayat demokrasi juga dengan etimologi maksudnya asal maksud ayat itu demo adalah rakyat, demokrasi adalah membuat

keputusan ataupun *rule*(dengan izin) di dalam sistem demokrasi yang kita sentiasa melaung-luankan bahawa sistem demokrasi itu wakil rakyat termasuk *backbenchers* kena diberitahu haknya atas projek yang besar, projek yang menjual tanah negeri ataupun negara, ataupun projek di mana kena ada ketelusan.

Ini dari hati saya Yang Berhormat Dato' Speaker, falsafah politik ini tidak boleh dibuang. Khasnya bagi Kerajaan Pakatan Rakyat. Pendek kata,(dengan izin) Yang Berhormat Dato' Speaker, *the people must be inform of the decision of the government*. Bukan sahaja EXCO buat keputusan, wakil rakyat tak tahu, *at the last minute*, kita baru diberitahu. Kita bertanggungjawab 100%, 120% demi rakyat. Kita pun tidak boleh nampak sebagai wakil rakyat, bukan saja sebagai *rubber stamp*, bukan sahaja itik yang kaki yang tak boleh jalan, kaki tempang. Kita tidak boleh dianggap begitu. Ini bukan sahaja menghinakan kita, ini menghinakan rakyat. Ini bagi saya.

Yang Berhormat Dato' Speaker jika kadang-kadang saya *emphasize* kan sedikit bukan saya nak ataupun saya buat cerita jenaka di Dewan yang mulia ini. Bukan saya nak *embarrass* kan saya sendiri. Ini cuma kerana saya rasa(dengan izin) *passionate* mengenai negeri kita Pulau Pinang. Kita rasa *passionate* ataupun dengan sentimen yang cukup tebal bagi negeri kita ini. Oleh itu, saya kena menarik perhatian tuan-tuan dan puan-puan ahli Yang Berhormat sekalian untuk mendengar isu yang kita nak nyatakan. Pekerjaan sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri bukan semata-mata satu pekerjaan,(dengan izin), *this is not a job, it is not where you come and punch card. It is a commitment, it's a calling, it's a mission* di mana kita sebagai ADUN diamanahkan sebagai pembuat polisi, *policy maker*(dengan izin). Kita harapan rakyat dan harapan rakyat dijunjung kita. Di Machang Bubuk, di Jawi, di Sungai Pinang, di Tanjung Bungah, di Seri Delima, di Batu Uban, di Bukit Tengah, di Air Itam, di Berapit, semua tempat dan di Permatang Pasir. Kita bawa tanggungjawab ini, kita bawa tanggungjawab ini. Jikalau kita mengabaikan, kita tidak tahu mengenai keputusannya tertentu yang pengaruhi ataupun mengorbankan hak rakyat, kita berdosa dan kita tidak bertanggungjawab.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanivara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan sedikit Yang Berhormat. Saya pun cuba bersabar-sabar sikitlah. So, saya setuju dengan apa Yang Berhormat katakan. Tapi daripada pengalaman saya sendiri, di KADUN Seri Delima sejak 2008, bila sahaja ada projek-projek pembangunan dicadangkan, satu kesimpulan adalah di Island Glades, di mana berdekatan dengan pangsapuri Delima Palace. Projek pembangunan dicadangkan itu, saya telah dimaklumkan oleh Pejabat Daerah dan Tanah, dan saya telah diberi peluang untuk memberi ulasan tentang projek tersebut, di mana setelah saya menghantarkan notis surat tersebut kepada penduduk-penduduk di kawasan tersebut, dan mendapat maklum balas daripada penduduk-penduduk di kawasan tersebut yang membantah terhadap projek itu mengatakan bahawa ia akan menyebabkan kesesakan lalu lintas, dan juga projek tersebut adalah di cerun bukit, saya telah pun menyampaikan bantahan ini kepada pihak Pejabat Daerah dan di mana projek tersebut telah pun ditolak.

Satu lagi kesimpulan adalah dikawasan saya di mana pusat khidmat saya berada di Jalan Gangsa, di mana tanah tersebut adalah milik syarikat persendirian, yang ingin merobohkan bangunan yang sedia ada, yang ada kemudahan pasar, dan ingin mendirikan satu pangsapuri 13 atau 14 tingkat. Dan saya di sini sekali lagi telah dimaklumkan tentang projek tersebut oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan setelah mendapat maklum balas seperti biasa saya menghantar notis surat itu kepada penduduk di kawasan kepada

persatuan-persatuan penduduk, mendapat maklum balas mereka dan setelah mengetahui bantahan, telah pun memaklumkan bantahan ini kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan projek tersebut juga telah pun ditolak.

Saya tidak mahu Yang Berhormat salah faham. Bukan niat saya untuk membela sesiapa, tetapi saya percaya pendekatan yang telah diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan, EXCO-EXCO dan Kerajaan Negeri memang daripada dulu sampai sekarang adalah memang untuk memastikan bahawa wakil rakyat kawasan tersebut diberitahu tentang sesuatu projek yang dijalankan. Jadi, di dalam kawasan saya, untuk rekod di dalam Dewan yang mulia ini, saya tidak ada sebarang rungutan. Maklumlah, satu lagi cadangan adalah untuk mendirikan di Taman Gembira ataupun di Island Glades satu cadangan untuk mendirikan *Columbarium*(dengan izin) oleh sebuah Persatuan di mana abu orang yang tersayang mereka selepas dikebumikan ataupun dijadikan abu, mereka boleh simpan dalam *Columbarium* tersebut. di mana cadangan projek tersebut juga telah pun saya dimaklumkan dan saya setelah mendapat maklum balas seperti biasa saya menghantar notis itu kepada penduduk di sekeliling kawasan tersebut. Setelah dihubungi dan diberi maklum balas, maklumlah kadangkala orang Cina in pantang di mana mereka tidak mahu melihat sesuatu *Columbarium* di hadapan rumah mereka. Terutamanya semasa upacara sembahyang “Cheng Beng: dilakukan. Saya telah maklumkan perkara ini kepada Pihak Berkuasa Tempatan, kepada EXCO berkenaan dan tindakan susulan telah diambil di mana projek tersebut juga telah pun diberhentikan. Jadi untuk rekod saya perlu menjelaskan di sini, sebagai seorang ADUN yang telah mengalami proses ini sendiri bahawa sekiranya kita proaktif dan dapat meyakinkan EXCO ataupun Pihak Berkuasa Tempatan bahawa penduduk di situ memang tidak selesa dengan projek tersebut kita akan berjaya untuk memperbetulkan apa-apa kesilapan jika pun berlaku, ini adalah pandangan saya. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow kon Yeow):

Mohon penjelasan, saya cuma nak ambil kesempatan ini untuk menyatakan pandangan-pandangan penduduk khususnya yang diberi hak dibawah akta itu, cuma satu dari banyak pertimbangan apabila satu-satu permohonan ditimbang. Jadi, dalam kes-kes yang disebutkan adanya pula selain dari pertimbangan suara wakil rakyat, isu-isu teknikal pun perlu dilihat sama ada dipatuhi atau tidak. Itu bukan semata-mata satu perkara sahaja satu keputusan dibuat. Keputusan dibuat berdasarkan kepada pematuhan semua syarat.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Saya ucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat. YB. Dato' Speaker, satu lagi isu yang difahami saya adalah mengenai sumbangan *tax* ataupun cukai Kerajaan Pusat. Di dalam statistik yang ada lebih kurang 10%.....(gangguan).

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Yang di-Pertua, adakah isu mengenai penjualan tanah sudah habis? Adakah contoh-contoh?

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Terima kasih Tanjong Bunga. Boleh saya sambung mengenai isu cukai, kemudian saya jawab soalan YB. Tanjong Bunga. Saya balik kepada isu tadi iaitu sumbangan cukai dari rakyat Pulau Pinang lebih kurang 10% ke atas semua pendapatan Kerajaan Pusat. Tetapi lebih kurang 0.5% yang diagih balik kepada Pulau Pinang untuk kegunaan Negeri sahaja, setahu saya. Ini bukan satu sistem yang adil. Bagi saya Putrajaya perlu bertindak lebih bersemangat Persekutuan dan mengagihkan wang cukai yang dikumpul itu dengan lebih adil dan sama rata dengan negeri-negeri lain. Ini adalah penting kerana ini merupakan sumber yang besar untuk pembangunan negeri kita.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Panjang lagikah? Sudah lebih sejam.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Saya akan secepat mungkin. Dato' Speaker, baru-baru ini hanya hari ini saja, pagi ini, saya ada satu persoalan di dalam Dewan ini, jikalau tak silap, saya pun ada tertanya-tanya mengenai satu kes potensi menjual tanah Negeri Pulau Pinang. Saya pun rasa amat hairan mengenai satu penjualan yang amat besar mengenai tanah Pulau Pinang. (dengan izin), *correct me if I am wrong*, jikalau saya silap, sila perbetulkan. Petang ini sahaja saya baru dengar, jikalau silap, hak atas 49% hak atas Pulau Jerejak kemungkinan akan dijual kepada pihak swasta. Jikalau tak silap saya, saya hendak tanya soalan, saya bukan bagi fakta tetapi saya hendak tanya kepada pihak tertentu atau pihak Kerajaan Negeri beri maklumat kepada seluruh orang Pulau Pinang. Adakah betul berita atau maklumat yang saya dengar itu bahawa 51% hak atas tanah itu milik UDA dan 49% ini milik PDC? Jikalau tak silap saya dengar khabar atau maklumat bahawa 49% hak milik tanah Pulau Jerejak ini akan juga dijual. Maksudnya hak Negeri Pulau Pinang atau Kerajaan Negeri Pulau Pinang atau agensi Kerajaan Pulau Pinang, PDC akan dengan kesemuanya diambil alih oleh syarikat swasta atau UDA. Saya tidak tahu ini akan dijual kepada mana pihak. Jika khabar atau maklumat ini adalah betul ataupun secara perjanjian yang lebih kurang sama itu adakah maksudnya Pulau Jerejak dekat Bayan Baru ini akan dengan secara kesemuanya dijual dan tidak lagi di bawah hak Kerajaan Pulau Pinang ataupun rakyat Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Minta laluan Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Kebun Bunga. Sekali lagi bukan niat saya hendak membantah aliran pemikiran untuk berucap tetapi supaya tidak memesong lebih jauh lagi. Sebenarnya Ketua Menteri telah jelaskan mungkin saya boleh tambah maklumat. Apa yang dimaksudkan dengan penjualan ekuiti itu adalah sebuah syarikat bernama Tropika Island di mana pegangan ekuiti syarikat itu 51% yang dimiliki UDA, baki 49% PDC. Syarikat ini memiliki beberapat lot tanah di atas Pulau Jerejak di mana sebahagian dijadikan resort yang pernah Yang Berhormat lawat, saya percaya. Itulah yang dikatakan tajuk penjualan di antara PDC dengan UDA, bukan seluruh Pulau Jerejak, cuma beberapa lot di atas Pulau Jerejak yang dimiliki oleh Tropika Island yang dipegang bersama 51% oleh UDA, 49% oleh PDC. Seluruh pulau yang lain di Pulau Jerejak adalah tanah hutan dan di sebelah ada satu, dua lot milikan syarikat ini juga dan satu, dua lot milikan yang dijual kepada Boustead Shipping.

Yang lain memang dicadangkan di *reserve* sebagai hutan simpanan. Jadi yang dimaksudkan adalah tanah-tanah yang lebih rata dekat pantai *facing* Bayan Lepas, bukan seluruh Pulau Jerejak yang dimaksudkan untuk tujuan jual-beli. Sepertimana dijelaskan PDC dan UDA sedang berbincang hendak jual dan beli saham dalam syarikat ini dan antara syarat-syarat ini, dulunya telah dijelaskan tanah yang diberikan kepada syarikat ini, premiumnya adalah amat rendah, sebab macam abang-adik, Pusat dan Negeri, jadi kalau dipersetujui Kerajaan Negeri mahu dapatkan balik premium yang sebenar, kalau ikut sekarang premiumnya tinggi, masa itu pun sudah tinggi, berbanding dengan apa yang dibayar pada masa itu. Mungkin ada cadangan setelah PDC berjaya menjualkan saham itu kepada UDA dengan pihak ketiga akan mencadangkan pemajuan pelancongan dan lain-lain di atas tanah-tanah yang dimiliki oleh mereka, bukan seluruh Pulau Jerejak.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Saya hendak tambah sedikit. Bahawasanya penjualan ini adalah semasa Barisan Nasional, bukan di bawah Pakatan Rakyat. Selepas mereka bayar 10% telah pindah milik atas nama kekeluargaan. Kerajaan Negeri telah buat semakan dan telah minta balik apa yang belum dibayar dan bayar mengikut harga pasaran pada hari ini.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Terima kasih. Saya masih keliru kerana jawapan yang diberi oleh YB. Sungai Puyu nampak bercanggah dengan maklumat, tak sama. Tadi YB. Sungai Puyu pembelian sebelum kita Pakatan Rakyat menjadi Kerajaan, tapi maklumat dari YB. Padang Kota mengatakan 49% yang akan dijual. Maksudnya penjualan 49% adalah selepas kita menjadi Kerajaan.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Saya percaya apa yang dimaksudkan oleh YB. Sungai Puyu adalah apabila Syarikat Tropical Island ditubuhkan, tanah-tanah itulah yang diberikan milik kepada Tropical Island itu, yang dikatakan bayar 10% dikeluarkan surat milikan, itu yang dimaksudkan. Itu latar belakang kepada apa yang terjadi sekarang, sekarang adalah urusan jual beli saham dalam Syarikat Tropical Island. Kalau tak faham, kita bincang di luar.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Saya nak tahu satu perkara sahaja, 49% akan dijualkan.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Ikuiti PDC sedang dirunding untuk dijual kepada UDA atau pihak-pihak yang berkerjasama dengan UDA.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Boleh tahu berapa luas keluasan tanah itu lebih kurang, setengah, separuh 10%?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Hujah-hujah tak berpesong terlalu jauh, detail-detail saya tak adalah, lot nombor berapa mungkin boleh, *at lease* 30, 40, 50 acre itu sahajalah.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

But how big is the whole island?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

If thousand over acre I believe.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Saya hanya nak tahu. Terima kasih. YB. Dato' Speaker, saya ada satu (1) lagi perkara yang dibangkitkan iaitu keselamatan.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Chue):

Saya juga tertarik dengan isu ini. Masa dahulu mungkin kita tak ada maklum balas tentang ikuiti dalam Pulau Jerejak antara PDC dan UDA. Sekarang tropika ini adalah 51% di bawah UDA, 49% di bawah PDC....(gangguan). Jadi pada masa itu kita bantah sekeras-kerasnya tentang *arrangement* ini bahawa kita tidak boleh jualkan kepentingan tanah kepada kepentingan komersial terutamanya pulau seperti Pulau Jerejak. Saya tak faham mengapa nak mengulangi kesalahan itu kalau kita bantahkan pada itu atau mungkin kita boleh, kalau ini satu kesalahan yang akan dibuat lagi mengenai status *carrier* sajalah.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Kebun Bunga saya bagi sampai 6.30 petang *then close*.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Ini merampas hak saya untuk mewakili rakyat, Dato' Speaker. Jikalau boleh saya minta maklumat dari isu tadi. Maklumat lanjut dari pihak EXCO atas isu ini. Saya rasa tanah itu jikalau sebelum itu kita masih sebagai Kerajaan Pulau Pinang dan pemegang amanah bagi rakyat Pulau Pinang. Sebelum itu kita menjadi Kerajaan, kita memegang 49% saham pun ataupun hak dan kemudian dijualkan dengan maksudnya sudah semua diserahkan kepada pihak yang lain swastakah, UDakah, GLC Kerajaan Pusatkah, maksudnya memang di dalam rakaman. Maksudnya hak Pulau Pinang dijualkan. Jangan dijualkan. Saya rasa kita, tak tahu apa...(ketawa), *you* memang dari Barisan Nasional kawan baik saya, dari UDA, dari Barisan Nasional memang nak beli, tapi bagi saya, dari Kebun Bunga, saya rasa hak atas pulau walaupun ini bukan ke semua pulau tetapi lebih penting kita tak ada pengaruh ke semua pulau dan sekarang ini dengan harta *heirloom*(dengan izin) YB. Dato' Speaker, yang diagihkan kepada dari nenek moyang kita dan kita jualkan. Tanah itu saya rasa orang Pulau Pinang masih ada kesedihan, bukan sahaja sentimental tetapi pulau ini dia berdekatan dengan Pulau Pinang dan strategik.

Saya nak bangkitkan satu sejarah yang cukup pahit bagi negara Singapura. YB. Dato' Speaker, yang President ataupun Prime Minister saya tak ingat, Encik Lim Yew Foo atau Lim Yew Hock telah bersetuju menjualkan satu pulau yang dimiliki oleh Kerajaan Singapura dan pulau ini jikalau tak silap ialah Pulau Krismas ataupun pulau yang dekat dengan Pulau Krismas dan kerana posisi strategik dari sudut Singapura dan Malaysia di atas. Krismas Island di sini dekat Australia. Jikalau Presiden ataupun Encik Lim Yew Hock tidak menjualkan pulau yang strategik ini ataupun sebahagian pulau yang strategik itu. Pada zaman ini Singapura akan ada keluasan lautan yang boleh dipengaruhi oleh Negara kita yang sebesar ini. Bukan sahaja di dalam kawasan yang kecil. walaupun Pulau Jerejak bukan sejauh macam ini tetapi dari segi strategikkah atau di sebut oleh orang Bristish *footing, a strategic footing on the island. Inherited by us*(dengan izin), dari *our predecessor* bagi saya. Bagi saya kedudukan saya, mungkin dari YB. Telok Bahang kawan baik saya kerana mungkin sahaja. Tapi bagi saya, pendirian saya, ini tanah Pulau Pinang dan ada strategik. Jadi ini pendirian saya.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Jadi pendek kata YB. Kebun Bunga tidak setuju dan bantahkan penjualan inilah. Kalau begitu saya sokong.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Terima kasih YB. Tanjung Bunga menyokong pendirian saya.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Sedikit pandangan. Tanah ini diberikan milik kepada Tropical Island pada zaman Barisan Nasional itu adalah hakikat. Memang selepas Pakatan Rakyat mengambil alih, rundingan dimulakan hampir tujuh (7) tahun dahulu. PDC pegang 49% dikira *minority share holder* berbanding dengan 51%, apa *you* boleh buat? Kita tawar untuk beli saham UDA, UDA tak mahu jual. Kita tawar nak jual saham PDC, mereka pun tak mahu beli pada masa itu. Jadi ini berlarutan buat tujuh (7) tahun sehingga sekarang lah. Tapi sekarang sama ada menjadi kenyataan atau tidak kita pun tak tahu lagi.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan YB. Kebun Bunga sebab ini adalah topik yang saya sentuh tadi. YB. Padang Kota, kalau PDC ambil alih 100% apakah perancangan Kerajaan Negeri? Isu yang dibangkitkan tidak kira sama ada UDA kah. PDC kah, Pulau itu jangan dibangunkan dikekalkan dalam keadaan hari ini untuk masa depan. Betul YB. Kebun Bunga?

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Boleh jadi boleh ataupun tidak.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. SR. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Kalau begitu saya bersetuju dengan YB. Kebun Bunga.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Terima kasih. Saya hanya nak balaskan satu kerana itu penting.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya akan bagi sambung Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Terima kasih. Saya rasa penting untuk menjawab dan juga memberi maklumat supaya keterangan *dialectic* ini boleh lebih terang lagi. Bila YB. Padang Kota mengatakan bahawa kita macam, jikalau tidak silap macam kita tak *choice*, kita tak ada pilihan kerana kita ada 49% dan kita *minority share holder* macam kita menyerah kalahlah. Tapi bagi saya, jikalau tak silap tengok 49% dan 51% dia macam satu *deliverance*(dengan izin) maksudnya kita masih boleh runding. Dengan logik selepas rundingan tujuh (7) tahun dan tidak boleh dapat apa-apa hasil yang disukai oleh kita ataupun tak semestinya maksud kita kena serahkan hak kita selain *unless* dengan memegang hak 49% ini, ini menjadi satu ancaman, satu problem bagi kita yang besar-besar. Jikalau tidak kenapakah kita tidak memegang, kita dah memegang lama dan saya bukan keliru, saya rasa jelas bahawa perundingan dan penjualan ini wujud bukan masa Barisan Nasional yang 49% ini. Tadi disebutkan bahawa ini masa Barisan Nasional, tapi bagi saya bukan 49% tapi tak nak panjang lebar. Saya mengatakan pendirian saya sebagai seorang Wakil Rakyat, *backbencher* saja dan dapat sokongan seorang.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Pandangan saya kalau ini boleh dibuat *state scope* untuk masa depan runding lagi kerana nilai tanah terutama dalam island naik *shooting* macam roket. Umpamanya pada masa kebelakangan ini. Jadi kita jangan tergesa-gesa jualkan hak-hak rakyat terutamanya kita kena menguruskan tanah kita dengan amanah yang kita sumpah dalam Dewan ini.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Cukup nanti kita sambung.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan dan akan bersambung pada jam 8.00 malam nanti.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.30 petang.

Dewan disambung semula pada jam 8.00 malam.

Setiausaha:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Dewan disambung semula.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila buat kesimpulan.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Boleh beri laluan Kebun Bunga? Saya tertarik dengan tadi tajuk mengenai Pulau Jerejak, PDC, di sini sebagai *backbenchers* di Dewan kita, ada permintaan kepada GLC *company* Kerajaan, kita juga minat mengetahui semua kronologi mengenai Pulau Jerejak ini. Saya minta PDC bagi kita satu (1) *report* yang teliti mengenai itu tanah yang dipegang PDC yang sekarang ada *deal* dengan UDA dalam perbincangan, semua perbincangan, semua rekod kronologi dia dengan *details*, bagi kesemua wakil rakyat di sini. Saya mohon *report* dengan bertulis kepada semua Yang Berhormat yang di sini kerana kita mahu tahu, mengikuti apa yang terjadi sebab ini tanah Kerajaan, *it's belong to everyone*. Saya ada permintaan di sini saya harap PDC, EXCO berkenaan untuk memberi kita semua satu (1) *report* yang detail. *Thank you*.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

YB. Dato' Speaker, terima kasih, terima kasih YB. Kebun Bunga. Selain daripada itu *report*, saya fikir sebagai kita nak *practice social democratic ideology*, saya fikir kita patut *be prepared centric*, jadi saya mau juga kalau ini boleh di audit dalam PAC juga.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya *continue*. Terima kasih kepada Kerajaan Negeri. Ekonomi sejak mengambil alih pada tahun 2008 tambah baik di Pulau Pinang. Wang yang dikembali ke warga emas dan warga-warga Pulau Pinang bertambah dan di kawasan saya Yang Berhormat Dato' Speaker, warga emas menjadi semakin(dengan izin) *health conscious* prihatin kepada kesihatan mereka. Sekarang di kawasan saya di Kebun Bunga, ada warga emas bila makan mee soto ada makan mee soto *diet*. Maksudnya, tanpa kolesterol, tak ada telur, tak udang besar-besar, minum teh tarik. Jaga kesihatan mereka. Malangnya, cukai dari Kerajaan Pusat semakin naik juga. Harga barang naik. Memang ada alasan-alasan yang diberi oleh peminat cukai-cukai tersebut tapi saya tidak bersetuju. Misalnya alasan-alasan yang diberi oleh peminat-peminat cukai

GST ia mengatakan tengok tepung tak ada GST. Tapi jikalau tepung tak ada GST, roti, mee megi semua mee goreng semua ada GST. Dia bahan produk kemudian. Gula mungkin tak ada GST tapi teh kopi kena GST. *Lobster* tak ada GST tapi ikan, udang, ikan bilis semua ada GST. Jadi cara cukai terhadap rakyat ini khasnya terhadap rakyat yang miskin itu tidak, ada yang kata adil tetapi bagi saya tak adil kerana atas banyak barangan yang penting, jikalau rakyat tak dapat dengan kos yang tinggi itu, susah bagi mereka.

Pada beberapa hari yang dulu, Dato' Timbalan Speaker, saya pergi ke kedai kopi sekali lagi dan dia beritahu oleh seorang tua. Dia kata eh Adun Kebun Bunga, apa kamu semua dah menjadi *avengers*. Saya kata apa ni *avengers*? Kamu ADUN tak pergi ke *cinema* tengok *incredible hulk*. Saya kata sibuklah. Orang tua itu kata sekarang kita semua menjadi *incredible hulk* yang macam lelaki raksasa yang besar hijau itu. Saya tanya kenapa *incredible hulk* yang hijau itu? Orang tua itu kata, selepas GST sekarang semua koyak, baju koyak, tinggal seluar dalam sahaja. Ini cerita dia orang tua. Memang ada beban atas orang yang miskin, suka atau tak suka, kita Kerajaan Negeri kena prihatin untuk membantu segala yang kita boleh dan satu (1) kenyataan juga saya tengok ditulis di atas sekeping kertas bila saya pergi kempen di kedai kopi. Tulisan seperti begitu. Orang miskin jadi lebih miskin.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang Berhormat, nanti bahas dalam usul mengenai GST.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Dua (2) *sentence* sahaja. Pendek kata sahaja. Biar saya dan Putrajaya masih hadiahkan beg *Birkin*, beg tangan *Birkin*, orang miskin menjadi lebih pening. Khazanah Putrajaya diguna membeli cincin. Pagi ini, ini cerita yang benar Dato' Timbalan Speaker, benar. Bila saya tengok, jikalau saya cerita di petang ini, tak ada orang yang akan percaya. Jadi saya pun tak ambil gambar kerana saya sedang memandu. Saya pun ambil masa yang hal ini terjadi. Ini pada pukul 9.18 pagi bila saya sedang memandu di Jalan Sultan Ahmad Shah, saya nampak seekor tikus. Benar, ini benar. Tengok muka saya, ini benar. Seekor tikus yang besar, memang besar, dia menyeberangi jalanraya yang sibuk itu. Cerita ini ada, dia menyeberang jalan, saya tengok memang kereta banyak. Macam depan dekat Northmen Hotel itu, saya tengok mampuilah tikus ini, tikus yang cukup besar, dia menyeberang. 1 kereta melalui, dia *corner* sikit. Kedua kereta, dia *corner*, ketiga kereta dia *corner*, sampai kereta saya ke empat dia lari di bawah, sampai kereta kelima, dia kena. Benar. Ini benar. Saya tengok saya pun tak tau dapat tengok macam itu...(gangguan). Sebenarnya, tikus ini sebelum dia menyeberang dia guna *power hand* tapi tak boleh, kereta tak stop. ini ceritalah. Dia kena langgar dan oleh sebuah kereta, kelisa, warna *champagne*..dan dia..kereta bergolek macam *roll over*.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Lagi 5 minit ya, buat kesimpulan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Benarkan empat (4) minit untuk cerita ini...(gangguan), daripada pukul 9.19, 1 minit kemudian ambulan tikus nampak dah datang. Ambulans sudah datang. Seekor lagi, lagi seekor tikus yang kedua cuba datang menarik tikus ini. Ini kawan yang baik.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Tarik dengan apa itu?

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Tarik dengan mulut dia, dengan dia punya ekor, tetapi malangnya tikus yang pertama sudah menjadi macam sekeping pisang. Sebahagian dia di sebelah jalan kerana dia bergolek dan terpaku oleh roda kereta atas jalan. Orang semua datang tengok kerana hairan tengok satu (1) tikus nak tarik seekor tikus lagi di depan jalan yang cukup sibuk itu dan semua tengok drama, benar....(gangguan), Jalan Sultan Ahmad Shah, saya tengok dan banyak orang datang tengok kemudiannya *remark* mereka kata, kenapa tikus ini nak menyeberang jalan tu? Ada orang bagitau kerana kedai kopi yang sebelah kanan saya itu sudah tutup dan tikus ini terpaksa menyeberang jalan yang sibuk itu untuk makan di Northam Cafe yang sebelah sana. Jadi ini kesan GST mungkin....(ketawa). Saya rasa, walaupun tak semestinya begitu tapi cerita ini macam bagi satu....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan Kebun Bunga. Saya rasa cerita ini berlaku di Pulau Tikus dalam Kebun Bunga....(ketawa).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Lagi empat (4) minit.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Keselamatan. Satu (1) isu lagi. Ini cerita benar juga. Saya ada *prop* datang dengan, Dato' Speaker, ini penting. Ini perkara yang benar-benar penting. Gambarkan ini sebagai satu (1) *escalator* naik dan isu yang saya nak bawa adalah penting kerana dua (2) nyawa telah terkorban kerana perkara ini di Malaysia. Saya nak tambahkan kerana ini disebutkan dari sesi Isnin tapi tidak disebutkan dengan secara *proof* macam teknikal yang akan disebutkan secara teknikal oleh saya. Saya selepas mendengar kemalangan yang budak anak kecil umur enam (6) jatuh dari tingkat enam (6) dan jatuh maut, mati. Saya pun pergi buat siasatan macam CSI. Saya pergi, bukan ke Kuala Lumpur. Kemalangan di Kuala Lumpur tapi saya pergi rata-rata tempat di Pulau Pinang untuk buat siasatan CSI dan saya buat model ini yang cukup canggih dengan surat "Susunan Urusan Mesyuarat Pertama" dan memberitahu kepada kesemua orang Malaysia di mana keselamatan khas, pendek kata. Keselamatan kanak-kanak di negeri kita kena dipertahankan. Ini *escalator* tapi Ahli-Ahli Yang Berhormat Dato' Speaker, jikalau kita memantau ataupun tengok dengan teliti, kedua-dua belah sini di *escalator* biasa ada *gap*. *Gap* maksudnya ruang, dan biasanya *design* dia, dia ada *gap*, ada yang tutup dengan *glass*, cermin dan yang hanya tutup dengan sebahagiannya itu tiang *stainless steel*. Yang kes kemalangan itu, kanak-kanak bila tunggu ibu bapa ataupun main-main dan di dalam *case* itu ibu sedang tengok *mobile phone* dan kanak-kanak yang berdiri di sini ditarik oleh *belt* yang hitam itu dan jatuh enam (6) tingkat sampai mati, kepala pecah dan isu sini bagi saya, bagi pihak bangunan ataupun MPPP, MPSP, kena jaga di dalam kawasan awam, tempat awam yang kedua-dua ruang ini kena di tutup dengan sempurna. Ini yang saya nak bawa di dalam Dewan yang mulia ini kerana kemalangan itu yang kedua itu wujud *last week* minggu lalu dan satu

(1) lagi mengenai keselamatan kanak-kanak di negeri kita, saya tak ada statistik yang kesemua statistik tetapi penculikan, *kidnapping of a children* wujud dan saya pernah membuat satu (1) *compilation* kajian dengan kumpulan hak asasi atas *human trafficking*(dengan izin), transportasi kanak-kanak dan juga transportasi yang haram. Wanita dirantau kita dan kes macam ini memang ada dan banyak, saya sendiri Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, pernah mengiringi pihak Polis di Pulau Pinang dan spesifiknya khasnya di Bukit Mertajam untuk tangkap seorang penculik kanak-kanak yang berumur 13 tahun dan lebih menarik adalah dalam kes ini saya mendekati dengan penculik kanak-kanak itu dengan 8 pegawai Polis tanpa kesedaran beliau misalnya, kanak-kanak... (gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Tarik balik, tarik balik, ...(bising).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):

Timbalan Dato' Speaker saya minta dia tarik balik, tarik balik.... (gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Tadi sudah kata tak ada elektrik, tak nampak saya, sekarang kata penculik, minta tarik balik..(gangguan), (bising)....tarik balik, tarik balik...(gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila buat kesimpulan, sila buat kesimpulan, sudah.....(gangguan).

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Bukan ini penting untuk keselamatan kanak-kanak dan wanita.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Cerita panjang sangat.....(gangguan).

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Saya akan pendekkan dalam bdalam empat (4) minit saja.....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Kalau YB. Kebun Bunga tak mahu ringkaskan cerita, pendek kata Seri Delima tetap ganggu, minta tarik balik.,,,(ketawa).

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Yang Berhormat Timbalan Speaker saya akan tarik balik mengenai kedua-dua perkara. Saya nak balik kepada kes ini yang penting mengenai... (gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Teruskan secara ringkas kita nak tamatkan perbahasan pada malam ini.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Ya, ya, jadi maksud saya bila kita mendekati penculik dia dapat satu telefon call dia dekat saja macam ini, ini kes benar.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Cerita apa yang dibuat oleh Kerajaan Negeri sudahlah...(ketawa).

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Ini cerita panjang Timbalan Dato Speaker....(gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah cukup.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Saya nak jelaskan satu saya bukan nak *negotiate*, dia dapat panggilan telefon bagitahu dia lari dan dia kata terima kasih tuan, saya akan lari, kes macam itu ada, maksud saya kanak-kanak di negeri kita mengalami tidak selamat dan sebagai Kerajaan Negeri kita boleh beli maklumat sini yang dilaporkan oleh surat khabar atau media dan selain daripada itu pelajaran, ini isu mengenai, ya dua (2) minit saya.

YB. Dato' Timbalan Speaker saya nak juga memberitahu Dewan yang mulia ini, mengenai penderitaan dan kesengsaraan penduduk kawasan saya dekat Kebun Bunga mengenai satu (1) isu. Isu ini mengenai pekerja asing, makin macam tidak, saya tidak ada sentimen atau niat yang tak baik pada pekerja asing, bukan, bukan, saya tak ada, saya biasa positif, *thinking out of the box* ...(ketawa) bukan *xenophobic*, terima kasih YB. Perai...(ketawa). Ini penting dan banyak aduan warga asing yang datang ke taman-taman selain daripada mereka gunakan fasiliti mereka juga mereka duduk di taman mereka ada gaya hidup yang berbeza buang sampah, mandi di sungaika dan macam-macam, banyak aduan yang diberi kepada saya dan minta bantuan dan saya ada bagi bantuan minta majikan mengagihkan tempat yang lebih sesuai, dan ini satu (1) isu untuk Kerajaan bagi memantau khasnya bagaimana pekerja asing diberi kuarters atau tempat duduk untuk yang lebih sesuai dan untuk dalam satu kes di mana saya di panggil untuk dikongsi serius...(ketawa) yang kes ini di mana saya dipanggil oleh seorang majikan setinggi Seri Delima awal pagi dan diberitahu bahawa pekerja wanita beliau bernama Susanti, Susanti sudah hilang....(gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Buat kesimpulan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Ini kesimpulan...(gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ini cerita panjang sangat.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Susanti sudah hilang kita tak boleh cari dia, tetapi bahan-bahan peribadi kasut semua masih ada di dalam rumah. Ini apa yang saya ceritakan mewujudkan satu situasi *the point is the story forward like this..*(ketawa), yes, yes. Jadi saya pun bantu masuk ke rumah itu untuk mencari Susanti....(gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB ambil masa satu (1) jam setengah, sekarang tambah lagi 20 minit..

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Cukup Dato' Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila buat kesimpulan, silakan.

Ahli Kawasan kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Tengok di bawah katil ada benda yang bergerak, Siti seorang lagi pekerja wanita menjerit kerana dia kata ada ular yang besar di bawah katil, saya cuba bantu sebagai ADUN gunakan kayu cuba nak tengok ada ular atau tidak, tapi ini masa itu saya cucuk-cucuk lari seorang security guard...(ketawa), kemudiannya Susanti...(ketawa). Jadi maksud saya cerita ini benar, keluar *security guard* kemudiannya Susanti, maksud saya kawasan saya terlalu banyak warga asing yang duduk di kawasan yang tidak sesuai....(gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Boleh saya tamatkan....(gangguan).

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Boleh, boleh, silakan.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kita nak sambungkan dengan YB. Batu Uban pula.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Jadi masalah kuarters atau tempat duduk warga asing kena di atasi dan Kerajaan Negeri. Berapa minit lagi saya ada?

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah tamat.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Saya masih ada butir-butir.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Lain kali buat kesimpulan sajalah...(gangguan).

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Kesimpulan ya.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila buat kesimpulan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Saya tidak akan panjang lagi ucapan saya Dato' Timbalan Speaker, dan saya sebelum saya tamat saya minta laporan yang saya minta oleh Berapit itu boleh diberi kepada kita secepat mungkin, terima kasih saya memohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Kebun Bunga, seterusnya YB. Batu Uban.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr.T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Terima kasih Dato' Timbalan Speaker, terima kasih di atas peluang yang diberi ke atas saya untuk membahaskan ucapan TYT. Yang di-Pertua Negeri di Dewan yang mulia ini. Di sini saya ingin ucapkan juga setinggi tahniah kepada Ketua Menteri Pulau Pinang kerana telah berajaya mentadbir Negeri Pulau Pinang dengan cemerlang. Saya pilih dua atau tiga isu yang penting, isu laut sudah selesai, isu sungai pun selesai, isu pokok pun diselesai...(ketawa), isu bukit saya nak ucap, sebelum itu, isu kucing dengan anjing dengan tikus pun sudah selesai.....(ketawa), ikan pun dah selesai.

Pulau Pinang adalah dikurniakan dengan alam semula jadi yang merimbun. Ia menjadi tuan rumah kepada hutan hujan, hutan bakau dan juga pelbagai hidupan liar, hutan bakau dia akan ekosistem yang pelbagai untuk spesis-spesis yang mengagumkan seperti ikan, udang, siput, kerang dan ketam, dan reptilia seperti ular dan biawak. Burung yang berhijrah seperti burung tempatan seperti helang, serangga dan juga mamalia

seperti monyet, babi hutan dan memerang didapati di sini. Jumlah keseluruhnya Pulau ini mempunyai sebanyak 200 rekod spesis-spesis fauna. Pulau Pinang terletak di utara Malaysia terbahagi kepada dua (2) bahagian iaitu sebuah Pulau sebesar 293 kilometer persegi yang terletak di Selat Melaka dan Seberang Perai kawasan pendalaman kecil sebesar 760 kilometer persegi di Semenanjung Malaysia. Pulau pinang adalah berbentuk sekata dengan adanya *granite* dan ianya berbukit dan sebahagian besar hutan pendalaman. Bukit tertinggi adalah *western hill* sebahagian daripada Bukit Bendera pada paras 380 meter atas paras laut.

Pulau Pinang adalah sebuah negeri yang diselubungi oleh kawasan pergunungan dan kawasan rata yang terhad, ini menjadikan sumber tanah semakin merosot. Walaupun laut ditimbus untuk kerja-kerja pembangunan ianya masih tidak berkesan untuk kawasan tanah rata. Oleh yang demikian pemaju-pemaju yang tamak berubah arah ke kawasan lereng-lereng bukit untuk projek pembangunan yang baru. Pada pendapat mereka kawasan bukit mempunyai potensi yang tinggi untuk pembangunan kerana persekitaran alam semula jadi, tetapi bangunan seperti ini memberi impak yang buruk iaitu risiko cabaran kepada manusia dan alam sekitar. Oleh yang demikian undang-undang bagi mengutamakan keselamatan orang awam dan alam sekitar perlu digubal.

Tujuan saya mengemukakan isu ini dalam untuk mengenalpasti faktor-faktor yang menjadi cabaran pada pembangunan projek di kawasan bukit di masa kini dan mengenalpasti langkah-langkah mengatasinya. Lebih beberapa dekad kebelakangan ini masalah-masalah global yang bersangkutan dengan bencana tanah runtuh telah meningkat secara mendadak, ianya berpunca daripada penggunaan tanah bukit, tanah. Kekurangan tanah pada skala global penebangan hutan diklasifikasikan dikawasan bukit hakisan tanah dan kehilangan *biodiversity* adalah antara masalah-masalah yang menjadi kebimbangan besar.

Pada masa sekaranag ini masalah-masalah tanah runtuk mempunyai kesan yang sangatburuk terhadap politikal kehidupan negeri kita, tragedi-tragedi bencana yang lain serta bencana tanah runtuh yang berpunca dari pembangunan projek yang berlebihan di lereng lereng bukit telah mengingatkan tahap kebimbangan orang-orang awam kebelakangan ini. Keindahan adalah satu keperluan manusia dan penduduk di negeri ini terutama di kawasan bandar memberii kepentingan kepada landskap semula jadi yang memberi ketenangan kepada mereka semakin banyak pembinaan swasta rumah mewah di bukit-bukit premis kediaman, hote, taman rekreasi, pusat peranganin, kawasan pelancong kemudahan asas, menekankan persekitaran hijau untuk menerangi seni lanskap yang cantik dan menarik. Cuba kita bayangkan jikalau kemusnahan alam semula jadi tidak dihentikan, dapatkah landskap-landskap yang cantik dan menarik dapat diselamatkan.

Pada masa dua (2) tahun yang lepas pemaju yang bertanggungjawab ke atas kemusnahan Bukit Relau menjadi sebagai bukit botak telah dibawa menghadap mahkamah dan dikenakan saman. Kita sangkakan cara ini menghalang pemaju-pemaju yang lain untuk menjalankan pembangunan di lereng-lereng bukit tetapi malangnya tidak sama sekali, contoh-contohnya belum lagi selesai dengan masalah di Bukit Relau ditambahkan pula dengan isu pencerobohan dan kerja-kerja pengorekan di lereng bukit di Bukit Gambir iaitu sebelah dengan Pangsapuri Gambir Heights. Adakah keselamatan penduduk-penduduk dari segi kesihatan, harta benda, persekitaran iaitu berlakunya mendapan tanah serta pencemaran udara, adakah ini semua akan dipastikan terjamin oleh pemaju tersebut? Pulau Pinang dengan keadaan semula jadi yang tidak lagi hijau bukankah kita...(gangguan)

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Penjelasan. YB. Dato' Timbalan Speaker, tentang(gangguan). Jadi satu soalan memang kita sebagai Wakil Rakyat bila kita ada di sini kita sumpah untuk menjaga kepentingan orang awam dan amanah Kerajaan dan juga tanah yang suci kita ini dielakkan, tetapi kejadian pengodolan itu adalah isu yang mengesalkan dan walaupun kemarin saya bahawa dimaklumkan dua (2) tahun sudah lalu menerima pelan mitigasi belum disediakan, mitigasi tiada dijalankan terutamanya di atas Bukit, 11396 dan mengikut satu laporan oleh *The News Straits Times* Ogos 15, 2014 di mana satu laporan oleh satu NGO bahawa *illegal structure*(dengan izin), *the scaffold-like structure which is several meters high been erected on the hilltop* disahkan tanpa izin, tanpa kebenaran, walaupun ini saya juga ada laporkan kepada MBPP, ini *scaffolding* dilaporkan juga minggu lalu iaitu selepas Hari Pekerja ada kawan naik sana, ini masih di sana. Jadi saya fikir pemaju memang berdegil untuk menjalankan mitigasi dan selain daripada itu, saya fikir selain daripada menggunakan Akta Parit dan itu saya fikir Akta Perancangan Dan Desa 1976 boleh dipakaikan mengikut Seksyen Bahagian 5(a) Perintah Pemeliharaan Pokok, 35(a) hingga 35(f) dan juga dan dalam 35(a) kalau gagal menanam balik pokok itu dalam masa yang ditetapkan oleh PBT maka denda tidak lebih daripada RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih dari enam (6) bulan atau kedua-duanya. Setujukah YB. Kawasan.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Berkenaan dengan mitigasi sekejap lagi saya nak sentuh hal itu dan berkenaan dengan saya setuju, tapi saya ingat ini pun tak halang pemaju, kenapa? Mesti dia ada.. (gangguan) *waze getting round the law*, ini kena ditetapkan di Mahkamah so kita kena gubalkan sistem kita dengan ubah kita punya undang-undang di *gazette*, kalau sudah *gazette* di *gazette* atau sudah di *gazette*, kita *gazette* jadi halang *to completely prevent them from destruction*.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Sedikit Yang Berhormat Batu Uban, ini juga saya ingin berkongsi buah fikiran saya, saya masih ingat lagi bila perkara ini mula-mula berlaku, kita juga telah membuat lawatan ke Bukit Gambir dan saya juga telah beberapa *press conference*, kerisauan saya di sini saya ingin menyatakan bahawa, jika kerja-kerja mitigasi itu tidak dilaksanakan seperti yang dikehendaki kita harus memberi perhatian kepada di bawah Bukit itu masih ada kawasan-kawasan perumahan dan juga pangsapuri di mana jika berlaku kejadian hujan lebat dan pengaliran lumpur daripada kawasan bukit tersebut kita tidak mahu sebarang mala petaka atau kejadian yang tidak diingini berlaku seperti Highland Tower. Ini adalah perkara yang sangat merisaukan saya.

Untuk makluman Yang Berhormat setuju juga kalau saya katakan pendapat Yang Berhormat apa kalau kita melaksanakan satu dengan Pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Pihak Berkuasa Tempatan lawatan dari masa ke semasa dua (2) minggu, setiap dua (2) minggu supaya memastikan kerja-kerja mitigasi tanaman balik rumput dan pokok dan sebagainya memang telah dilaksanakan tanpa gagal dan kita juga dapat memantau kerja-kerja mitigasi tersebut apa pendapat Yang Berhormat

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Satu maklumat saya diberitahu dari pihak MPPP kalau saya kalau kita nak *pergi check* mitigasi kita kena tulis ke pemaju apabila kita tulis dia beri kita peluang nak p seluruh *check* adakah mitigasi dibuat, *so pure* kebenaran, ini *pure arrogant*, sekejap lagi *I will come to that*(gangguan)

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhammad Farid Bin Haji Saad):

Boleh saya, saya tertarik dengan Seri Delima. Saya ingat lagi selepas pilihan raya 2013, Seri Delima bangun dalam Dewan ini bercakap tentang Bukit Botak ini, 2013, 2014, 2015, selepas daripada isu Bukit Botak masih berlaku benda yang sama oleh pemaju-pemaju atau individu yang bertanggungjawab, kenapa mereka berani walaupun telah amaran walaupun kita bincang dalam Dewan ini, tapi mereka masih lagi mereka berani masuk dan membuat penggondolan Bukit dan sebagainya. So ada yang tak kena sama ada masej tak sampai atau mereka ini berani melakukannya kerana ada *protection* atau sebagainya ini yang saya risau ini sebab mereka seolah-olahnya tidak mengindahkan peraturan tidak mengindahkan undang-undang mereka *keep on doing and repeat the same mistake again and again*.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Kalau ada *deterrent* itu, *deterrent* tak cukup because RM30,000 *was the fine so sama the next case, case* yang saya nak sebut sekejap lagi *is about*(gangguan) Bukit Gambir.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Itulah Yang Berhormat Batu Uban sebab itu saya nampak benda ini bukan mereka takut dengan denda RM30,000, RM50,000 *is nothing actually*, tetapi sikap mereka ini yang tidak mengindahkan kerana kos mitigasi dan campur kos denda adalah lebih murah dengan kos mereka rosakkan, *you can never have the same* Bukit seperti sedia kala sebelum itu walaupun selepas tanam dan sebagainya.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Coming to that. Bukankah kita Pemegang Amanah Alam Semula Jadi di sini dan bila kita membenarkan berlakunya kemerosotan dan kemusnahannya bukankah ini satu pemecahan amanah. Ini boleh diibaratkan sebagai satu kegiatan *breach of trust, I don't want to use, criminal breach of trust, I just use breach of trust, we are trusted as just know we are trusted by the Rakyat to ensure such thing don't happen, we are actually what do you call our duty of care, we are actually violating the duty of care by allowing this thing this sort of thing to go on*(dengan izin). Kini sering kita mendengar berita mengenai penderitaan akibat bencana alam. Ini adalah apa yang kita mewarisi akibat tidak mengawal alam sekitar kita. Kalau ini telah menjadi nasib kita apakah lagi akan menjadi nasib anak cucu kita, berapa lama lagi perlu kita menunggu sebelum kita mengambil tindakan yang berkesan untuk mempertahankan habitat ini untuk generasi akan datang. Apabila berlaku tanah runtuh dan banjir besar di negara kita, semua akan terus berkata ini adalah bencana alam. Sebenarnya ini adalah bencana manusia di mana manusia membinasakan keseimbangan alam, tidak cukup dengan tanah darat yang diberi tuhan

untuk menjalankan pembangunan laut dan bukit pula diterkam inilah sifat yang tamak dan tidak bertanggungjawab sesetengah manusia, kenapa perlu kita mengganggu alam semula jadi dijadikan Tuhan untuk kesenangan kita di muka bumi ini.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Sedikit sahaja Yang Berhormat saya minta laluan, apakah pandangan Yang Berhormat tentang kita hanya berbincang tentang isu pelan kerja-kerja mitigasi. Saya masih ingat mala petaka yang melanda penduduk-penduduk Cameron Highlands di mana akibat kerja-kerja pemotongan lereng-lereng bukit, kerja-kerja tanah dan sebagainya bukan sekali dua (2) kali tetapi lebih kurang tiga (3) kali(gangguan). Seperti yang ingin saya katakan tadi, saya cuma risau dalam masa dua (2), tiga (3) minggu ini, kemarin dulu ada hujan lebat dan ada banyak kawasan perumahan di lereng bukit, saya tidak mahu apa-apa kejadian yang sama berlaku di Pulau Pinang di mana kesemua terpaksa menanggung tanggungjawab.

Jadi saya menyeru pendapat Yang Berhormat, kalau boleh saya cadangkan sekali lagi supaya kita mengadakan satu pemeriksaan berkala mungkin Yang Berhormat sendiri, Yang Berhormat Tanjong Bungah, saya dan bersama-sama dengan barisan pimpinan EXCO dan pihak-pihak Pegawai Berkuasa Tempatan untuk mengadakan tanpa memberi sebarang notis kerana saya percaya Pihak Berkuasa Tempatan mempunyai kuasa untuk membuat lawatan ke tapak, di mana kerja dibuat tanpa memberikan notis, kerana kalau kita memberikan notis pemaju akan mengambil langkah-langkah untuk bersiap sedia, kita harus melakukan pemeriksaan-pemeriksaan mengejut ke tempat-tempat tersebut untuk memastikan bahawa tidak ada sebarang kerja yang tidak dibenarkan oleh Pihak Berkuasa berlaku di situ.

Satu (1) lagi pengalaman yang saya ingin kongsi, terdapat juga beberapa kelompok-kelompok di mana tempat tersebut menjadi pembiakan PATI ataupun bukan pembiakan, maafkan saya tempat-tempat tinggal PATI di mana mereka membina pondok-pondok di kawasan Bukit Gambir. Pengalaman ini daripada pengalaman saya apabila di Island Glades telah berlaku banyak sangat kes-kes pecah rumah dan bila saya berkerjasama dengan pihak Polis Jelutong mengadakan lawatan ke tempat-tempat pembinaan. Kita mendapati di atas bukit banyak sangat pondok-pondok PATI dibina di mana mereka tinggal di sana secara haram. Ini merupakan satu pengalaman saya sendiri dan apabila satu operasi bersepadu dilakukan oleh Pihak Imigresen, pihak Polis dan pihak RELA mereka diberkas selepas itu selesailah masalah-masalah pecah rumah di kawasan saya ini untuk makluman Yang Berhormat. Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Terima kasih Seri Delima, tanah tinggi dan lereng bukit adalah salah satu sumber semula jadi di Negeri Pulau Pinang ia juga merupakan satu kawasan tadahan air. ini mustahak dia jadi satu tadahan air untuk rakyat Pulau Pinang. Ia juga sebahagian daripada alam sekitar dan ia sangat berharga selain dari menyumbang ekonomi ia menjadikan flora dan fauna sebagai harta Negeri Pulau Pinang. Orang-orang awam yang tinggal berdekatan dengan bukit bukau selalu terdedah kepada aktiviti-aktiviti penerokaan bukit bukau yang menjadikan kecerunan yang sangat besar dari 25 darjah ke atas. Fenomena ini menjadi lebih kompleks apabila terdapat lebih banyak orang-orang tamak dan tidak bertanggungjawab yang mengondolkan kawasan-kawasan bukit. Sifat tamak mereka bukan sahaja mengundang bencana kepada penduduk, harta benda dan juga

persekitaran tetapi juga akan mengakibatkan kerugian yang teruk kepada Kerajaan pembangunan yang pesat di sepanjang lereng bukit telah dibuat untuk memenuhi permintaan semasa. Setiap pembangunan yang dijalankan yang tidak dinafikan akan membawa kepada implikasi-implikasi tertentu, begitu juga pembangunan yang dijalankan di lereng bukit akan memberikan implikasi-implikasi terhadap persekitaran dan juga keselamatan mereka yang tinggal di atas kawasan bukit di antara implikasi-implikasi yang timbul daripada aktiviti menggondolkan bukit mengakibatkan masalah alam sekitar secara berlebihan seperti hakisan tanah dan tanah runtuh, pencemaran air, peningkatan suhu, gangguan tempatan asal, kehilangan habitat untuk flora dan fauna, fenomena mendapan dan banjir pertimbangan kesedaran terhadap tanah runtuh adalah penting dalam menilai kualiti hidup.

Memandangkan alam sekitar memberi kesan secara langsung ke atas kesejahteraan penduduk, telah banyak garis panduan harta jelas disediakan untuk menangani kejadian tanah runtuh tersebut. Tetapi tanah runtuh terus berlaku di negeri ini. Walaupun terdapat strategi sokongan bagi tanah runtuh seperti pemantauan tanah runtuh, penyelidikan terhadap tanah runtuh, penyebaran maklumat tanah runtuh, latihan menangani tanah runtuh serta kerjasama penyelarasan antara agensi tetapi tidak ada program tanah runtuh yang lain yang berterusan bagi menyokong strategi untuk kesedaran dan pengetahuan tanah runtuh ataupun pendidikan mengenai bagaimana menangani kejadian tanah runtuh di sekolah-sekolah. Juga kepada orang-orang awam tanah runtuh adalah kelinciran tanah adalah satu fenomena geologi yang termasuk pelbagai pergerakan tanah seperti keruntuhan batu, kegagalan pada cerun dan aliran yang cetek iaitu boleh berlaku di kawasan luar dan dalam persisir pantai. Walaupun aktiviti graviti punca utama berlakunya tanah runtuh, kajian telah juga menunjukkan bahawa tindakan manusia yang mengerjakan bukit-bukit sesuka hati akan memberikan impak yang lebih buruk kepada penduduk-penduduk yang tinggal berdekatan. Ini adalah satu acara biasa yang berlaku di kawasan berbukit.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Boleh beri laluan sedikit. Terima kasih banyak-banyak. Saya memang Yang Berhormat-Yang Berhormat yang bercakap tentang alam sekitar *global warming* daripada *experience* saya 1980s *something* saya belajar di Taiwan. Pada waktu itu Taiwan menghadapi semua *environment polluted*, air, udara *sound polluted then* sampah yang tak boleh diselesai atau dibersihkan tiap-tiap hari *then mind polluted the people*. Saya suka balik tiap-tiap tahun ke Pulau Pinang sebab bila saya *touch down airport* turun dari kapal terbang *I can feel fresh air* di Bayan Lepas. Tetapi *day by day* sekarang kita ada rasa udara kita semakin hari semakin panas, *the global warming our whether* kita punya suhu semakin tingkat disebabkan pembangunan yang pesat. Hutan besi dan simen dan sekarang kita bila balik ke Taiwan kalau tak salah 2006 saya terkejut *totally changed*. 25 tahun selepas saya balik ke Malaysia saya balik ke Taipei *again*, saya nampak memang *very environments thinking. Are meeting to change the green environment protection they done a very good job*. Kita sedang melalui jejak dan apa berlaku sekarang dekat 25 tahun 1989 *I came back to Malaysia*.

So sekarang kita masih *we follow the old path of the development country*. Saya harap Kerajaan Negeri boleh memikirkan itu, kita *try to reduce* semua ini, kita kurangkan bencana alam yang terjadi disebabkan kegiatan manusia. Saya harap di jabatan Kerajaan Negeri EXCO yang memegang portfolio ini. Kalau boleh *monitor every two years* udara yang tercemar ada meningkat ke? Seperti di kawasan saya, saya ternampak banyak pesat

housing development sekarang penduduk di sana menghadapi masalah lalulintas dan udara tercemar dan air *water pressure* yang tak cukup and hospital yang tak cukup, itu tempat bagi pesakit bila denggi *happening a lot people fall sick* tak cukup katil untuk pesakit-pesakit. Bila saya ziarahi kawan saya mereka tidur tak ada bilik, tidur di lorong sahaja. Saya rasa *that is what we have to consider* kita mahu *development* tetapi kita juga perlukan *precaution*, saya harap EXCO yang pegang Jabatan Alam Sekitar atau Pembangunan *we have to think* bila kata *international city the quality life of people you have to take care*. Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Ini adalah satu acara biasa berlaku di kawasan berbukit tetapi tidak boleh dipandang ringan oleh kerana kekurangan tindak balas oleh pihak majoriti dan penduduknya. Tambahan pula bukit-bukit ini kebanyakannya dimiliki oleh individu-individu dan sukar untuk menghalang mereka untuk membuat pembangunan kerana ia mendapat perhatian yang tidak begitu serius. Jadi tanah runtuh tidak ambil serius oleh pihak-pihak tertentu termasuk penduduk yang berani membina rumah di atas kawasan bukit. Sebagai contoh kejadian tanah runtuh di Taman Bukit Mewah, Bukit Antarabangsa Luxury Youth Park International Ampang Selangor pada 6 Disember 2008. Ini berlaku akibat dari kecuaiannya mereka yang tamak, yang tidak dapat mengawal pembangunan di atas di kawasan bukit yang meragut banyak nyawa dan juga memusnahkan harta benda bernilai.

Banyak tumbuh-tumbuhan hijau yang telah dimusnahkan untuk membuka jalan kepada kerja-kerja pembangunan di hutan-hutan mahupun bukit bukau. Haiwan-haiwan semakin hari semakin pupus akibat perbuatan manusia yang menjalankan aktiviti-aktiviti tanpa prihatin. Sekali lagi saya ingin menyatakan aktiviti ini akan mengundang bencana buruk yang lain kepada kita seperti tanah runtuh, banjir kilat dan pelbagai lagi semula peringat masyarakat haruslah peka dan mempunyai pengetahuan yang tinggi untuk memastikan supaya keseimbangan alam sekitar dapat diguna di masa depan generasi akan datang. Pada 6 Januari 2015, ADUN Pulau Betong mengatakan bahawa lereng-lereng bukit yang dibersihkan untuk pembangunan adalah sangat bahaya kerana ianya dipercayai menjadi kawasan tadahan air Balik Pulau. Bukit bakau semakin hari semakin gondol walaupun bantahan oleh beberapa pihak sejak pencerobohon di bukit relau pada pertengahan tahun 2013. Begitu juga dengan kawasan lereng bukit di bersebelahan dengan Pangsapuri Gambir Height dan juga di kawasan bukit di Bukit Batu Hitam atau lebih dikenali Bukit Laksamana di mana ia dihubungi ke Sungai Pinang dan Telok Bahang.

Sebuah kajian saya nak sentuh kajian pada pertengahan bulan 15 Mac 2009 saya telah membuat satu seisi dialog dan lawatan bersama Pihak Berkuasa Tempatan dan juga penduduk yang terlibat di kawasan lereng bukit yang digondolkan iaitu bersebelahan Pangsapuri Gambir Height keadaan ini amat membimbangkan pihak pemaju sesuka hati dan mengorek dan membersihkan lereng bukit tanpa kelulusan dari Pihak Berkuasa Tempatan.

Ini dalam STAR *the people's paper*(dengan izin) saya baca *developer defiance stop work order on hill clearing. Earth work on the plot of land at the Bukit Gambir hills are still going on date Saturday March 14, a stop hills are still going on despite stop work order issued by the Penang Municipal Council MPPP then at that time I think it was Batu Uban never mind that is not mention me, check by the STAR at the side yesterday found excavator and 2 lorries operating at the side a check with MPPP reveal the proposal for low medium cost and low cost on the plot has been submitted to the council he said when*

met at the side MPPP Councilor never mind we won't mention his name the council has yet to approve the earth the works plan. Sebelum earth work plan have been approved they have already started work you can see. The report is on Saturday 14 March a day before and after her pushing...(gangguan), this year 2015, March 2015, so immediate stop work I read some more order and notice that on Section 70A of the street drainage and building act 1974, he said. The council despite that there was work still going on and this is blatantly being carried out blatantly they couldn't be bordered the developer couldn't be bordered.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Minta laluan, sebab ini YB. Padang Kota. Di dalam Dewan yang mulia ini tadi saya tanya pasal penguatkuasaan itu, tindakan itu yang dibuat setelah mendapat kebenaran daripada Yang Berhormat Chow Kon Yeow. Saya takut itu disalahtafsirkan berlaku benda ini berlaku kebenaran. Orang tak tahu sebenarnya dan perkara ini tak patut dibuat. Carta itu tak patut dibuat harus diubah carta itu.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Merujuk kepada binaan-binaan tanpa kelulusan, bukan semua jenis penguatkuasaan. Saya cuma nak memberi ulasan terhadap yang diujahkan secara amnya, apabila notis henti kerja dikeluarkan persepsi orang awam semua berhenti, tapi itu bukan sebenarnya sebab dalam notis ada arahan-arahan tertentu. Henti kerja tetapi lakukan satu (1), dua (2), tiga (3), empat (4) itu kerja-kerja mitigasi segera. Jadi apa yang orang awam nampak walaupun dikeluarkan notis henti kerja mengapa ada kegiatan lagi. Kemungkinan kegiatan itu terletak dalam pematuhan syarat-syarat yang diletakkan semasa notis henti kerja dikeluarkan untuk memastikan keadaan tidak merosot, mungkin kalau ada satu keadaan di mana merbahayakan *stop work*. Apakah maksudnya semua kegiatan berhenti dengan serta merta walaupun bukit nak runtuh *stop work* sebab ada *stopped order*. *Stopper order* dimasukkan syarat-syarat untuk memastikan tapak itu selamat pada ketika itu dalam tempoh yang singkat, pastikan tapak itu selamat. Itu syarat-syarat yang paling minimum yang perlu dilakukan sementara menunggu tindakan susulan yang akan diambil oleh Majlis, sama ada tindakan mahkamah, biasanya banyaklah tindakan mahkamah ataupun kemungkinan pemaju atau tuan tanah masukkan pelan-pelan yang berkenaan. Dalam kes ini dia memang ada kelulusan *building plan* pun tetapi sebelum dia mohon untuk *earth work* ataupun *comment of work* (COW) dia sudah mula kerja. Dalam keadaan ini kalau dia mematuhi *stopped order*, melakukan kerja-kerja mitigasi dan dalam tempoh yang sama memasukkan *earth work plan* untuk diluluskan. Kalau diluluskan dia bolehlah bukan kerja-kerja sepertimana diluluskan oleh Majlis.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Tapi bukan ini yang jadi di sana. *I went personally to the site, they were continue with their excavation, don't mitigate further by excavating . So I am not convinced that they were doing mitigation work.*

Ahli Kawasan Tanjong Bungah (YB. Teh Yee Cheu):

Penjelasan. YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua. Terima kasih YB. Batu Uban. Memang saya setuju dengan Batu Uban. Bila *stopped order* dikeluarkan biasanya *procedure* harus dijalankan mengikut SOP tapi pemaju atau kontraktor dia curi-curi

buatkan kerja lain teruskan. Ini saya pergi di beberapa tapak di kawasan Tanjong Bungah. Saya selalu pergi tapak, saya tau juga. Jadi kalau boleh selepas *stopped of order* kejuruteraan atau MBPP kena hantar orang setiap hari pergi pantau. Buat *report* tiap hari atau satu minggu sekali bagi *report*. Praktis ini ada dijalankan pada 2008 hingga 2009 bila masa itu kita mula memantau isu ini. Ada dibuat oleh MBPP. lepas itu sudah tidak ada. Jadi ini saya fikir harus diteruskan. Apa pandangan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoop Hussain Shah):

Takkan nak EXCO, EXCO boleh gulung.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Ini lain. Ini nak *comment* Tanjong Bungah, *that sweeping statement is very unfair* kepada penjawat awam. Kata 2008 2009 saja buat kerja dengan baik lepas itu tak buat kerja dengan baik. *Because in my kawasan also their a lot of development. So* MBPP Bahagian Kejuteraan, Bahagian Bangunan *do have inspection so cannot this sweeping statement of that* apa ni apa Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

I'm not in agreement with you.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

No sweeping statement. Particular case maybe but not overall like what Tanjong Bunga cakap. *It's very unfair to civilian servants.*

Ahli Kawasan Tanjong Bungah (YB. Teh Yee Cheu):

Penjelasan. Itu pengalaman saya SPS di kawasan saya, di SPS memang ini berlaku buat sementara dulu. Lepas itu saya juga bagi aduan tapi *report* sebegitu ini tak di *follow up* lagi lah. Tempat lain saya tak tahu.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Kerajaan Tempatan ini adalah satu Kerajaan yang lama, bukan baru. Apa yang saya nak minta penjelasan di sini Ahli Padang Kota. Apakah SOP yang ada apabila keadaan ini berlaku apa dia SOP untuk Jabatan Kejuruteraan mengatasi masalah ini. Kita nak tahu. Kalau SOP yang diikuti betul tidak akan berlaku perkara macam ni. Kalau tidak mengikut SOP mungkin berlaku ataupun kita tidak ada SOP untuk kes-kes begini. Kalau kita tidak ada satu SOP, kita sudah sampai taraf Bandaraya tinggi dah kita punya peringkat. Ini menempelakkan kita sebagai Kerajaan Negeri, Kerajaan Tempatan, SOP pun tak tak. Yang Berhormat saya bertanya adakah, tak dak. Ini untuk kebaikan bersama.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Semua kes-kes yang disebutkan Pulau Betong dalam jawapan bertulis itu pun, senaraikan kes-kes yang dihadapkan ke mahkamah. Sebaik sahaja dikesan negara ini banyak undang-undang, sehingga undang-undang yang menghukum membawa hukuman mati pun ada orang yang mahu langgar undang-undang. Apatah lagi seperti dikatakan

30,000, 50,000 itu wang yang kecil. Tetapi pada pihak Majlis kes-kes yang ditunjukkan membuktikan *council* memang ambil tindakan segera. Tetapi *we are dealing with* manusia yang ingat bahawa mereka boleh lepas daripada hukuman. Tetapi kita pun setuju kalau dengan undang-undang sepatutnya dipinda. *We are love to see* kalau kelanggaran undang-undang kecil pun Pihak Berkuasa Tempatan membawa denda sehingga berjuta-juta ringgit. Kalau ada saya rasa itu *deterrence* boleh pakailah. Kalau dalam kes-kes ini hukuman mati itu kita pun merasa mungkin akan membawa kesan yang lebih berbanding dengan RM30,000, RM50,000 denda yang boleh dikenakan. Itu pun dikenakan di Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan pun sehingga Mahkamah Rayuan pun baru RM50,000. Bagi *council* saya rasa seperti Yang Berhormat Batu Maung, penjawat awam menunaikan tanggungjawab sebaik-baiknya. Tetapi kita berhadapan dengan kumpulan manusia yang ada fikiran yang lain.

Bagi MBPP saya rasa setelah berlakunya insiden-insiden kerja-kerja tanah yang tidak kelulusan, Unit Geoteknik sudah pun ditubuhkan, beberapa jawatan baru pun sudah diadakan *contract for service* sehingga pakar-pakar dari Hong Kong dijemput untuk tempoh pendek satu (1), dua (2) tahun untuk melatih jurutera-jurutera Geoteknik di MBPP untuk *pick up what ever we have*. Janganlah banding dengan Hong Kong atau Taiwan. Di Hong Kong, Jabatan Geosains sahaja menjaga Hong Kong, 200 Jurutera Geoteknik. Di MBPP saya ingat cuma Encik Syukur *engineering* dan satu lagi dua orang sahaja untuk menjaga satu Pulau. Itulah *resources* yang kita ada. Tetapi kita berusaha juga la membawa pakar dari Hong Kong atas *contract for service*. Kalau ada jawatan baru setelah dinaiktaraf kepada Bandaraya ada kekosongan dalam Unit Geosains ini, kita cubalah kalau dengan Yang Berhormat-Yang Berhormat yang aktif menjadi telinga dan mata memang dibuktikan *standard producer stopped order* meletakkan syarat mitigasi dengan segera *charge* ke mahkamah, itulah apa yang boleh dibuat oleh penjawat awam. Dan itu dapat sokongan dari pihak Kerajaan Negeri. Bukan kita membiar perkara ini berlaku. Kalau tindakan-tindakan mahkamah yang begitu banyak itu pun tak menjadi *deterrence* kita mungkin serah kepada Kerajaan Negeri untuk arahan yang lebih tegas, tetapi tegas macam manapun dikongkong oleh peruntukan undang-undang. Kita tak boleh ambil apa tindakan diluar sisi undang-undang. Mungkin di Parlimen kita perlu buat pindaan kepada akta-akta berkenaan. Ini semua akta-akta Parlimen yang perlu dipinda. Sehingga mungkin satu (1), dua (2) juta denda dia kalau penjara dipenjarakan pengarah-pengarah itu mungkin.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Panjang lagi Batu Uban.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Sikit saja, Batu baru bermula. Saya tertarik dengan padangan Yang Berhormat Padang Kota diakhir ucapan beliau tadi, penjelasan beliau tadi mengatakan bahawa sekiranya perlu mungkin akta undang-undang haruslah dipinda dibawa ke Parlimen dan sebagainya. Saya merujuk kepada ucapan saya pada mesyuarat yang lepas di mana saya merujuk kepada satu (1) artikel mungkin Yang Berhormat pun dah baca yang berbunyi

Stop Sandiwara Behind Botak Relau Hill Saga. Apa yang ditulis oleh penulis tersebut beliau menyatakan bahawa syarikat tersebut *should have been ... (dengan izin) should have been charge under section 19 of the town and Country Planning Act 1976 act 172 if the company heed been found to carry out development without the planning permission where maximum fine is 500,000.00 of 2 years increment or both under section 26(1) one of the TCPA* dan saya juga meminta supaya sekiranya dipertimbangkan sekiranya boleh dan saya juga merujuk memohon kalau boleh YB. Dato' LA kita sendiri mengkaji perkara ini sama ada pandangan yang diberi ini adalah benar. Dan sekiranya benar apa salahnya kita gunakan untuk negeri kita bagi mencegah apa yang sedang berlaku hari ini. Saya percaya 2013 bila kita berada di dalam Dewan ini kita dah bercakap tentang Bukit Botak, YB. Seri Delima, YB. Batu Uban, saya sendiri, YB. Tanjung Bunga pada masa tersebut cuma satu (1) sahaja tapi hari ini makin bertambah makin bertambah dan ini merisaukan sebab kerisauan ini merupakan *public interest* sebab kalau berlakunya pembotakkan yang berluasa kita takut bencana alam akan menjenguk ke Pulau Pinang dalam orang kata apa dalam skala yang cukup besar. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Memberi maklum balas segera, keputusan untuk menggunakan apa *section* untuk mendakwa pesalah bukan terletak kepada PBT kepada Pejabat Pendakwa Raya. Tertakluk kepada apakah jenis kesalahan. Dalam kes ini dibuat keputusan di bawah Akta Bangunan Parit dan Jalan dan bukan Akta Perancang Bandar dan Desa. *To sure conviction*, kalau *you charge* dibawah akta yang salah *section* yang salah *are you sure conviction* itulah soal undang-undang. So kita biarkan Pejabat Pendakwa Raya mewakili Majlis dalam proses ini untuk menentukan sama ada nak *appeal* pun ada kes yang dinasihat tak perlu *appeal* ada kes yang dilanjutkan dengan *appeal* itu sebaik sahaja perkara masuk ke mahkamah dia terkeluar dari bidang Majlis. Kita perlu faham.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta penjelasan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Saya minta sedikit sahaja Yang Berhormat. Memang ada undang-undang kuasa PBT telah dihantar balik kepada Pusat. Saya nak bagi satu contoh. Macam Program Tak Nak. Pihak Berkuasa Tempatan MBPP dan MPSP tidak ada kuasa untuk keluar saman pada orang di *No Smoking Area* kerana inilah kuasa telah pergi kepada Kerajaan Pusat. Siapa yang bagi. Kedua saya telah memohon *delegation of power* kepada Kementerian sudah lebih kurang 1 tahun setengah pun tidak ada cerita. Walaupun EXCO *paper* telah dilulus, walaupun nama sudah dibagi semua telah diserahkan kepada Kementerian. Kementerian pun tidak bagi turun kuasa. *Simple enforcement* untuk *smoking* sahaja. *This is situation we are facing.* Semua telah digadai.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Sedikit Yang Berhormat. Saya respon kepada Yang Berhormat Bertam. Sebagai seorang Peguam, saya memang setuju isu bukit botak ini isu serius. Tetapi kalau mencadangkan bahawa terdapat satu sandiwara dimainkan saya tak boleh bersetuju ini adalah satu tuduhan. Dan kalau mencadangkan bahawa Kerajaan Negeri tidak mengenakan tindakan perundangan bagi kesalahan yang betul, Yang Berhormat sebagai

seorang peguam perlu faham bahawa menuduh seseorang untuk apa sahaja kesalahan di Malaysia adalah terletak di bawah bidang kuasa Jabatan Peguam Negara di bawah Artikel 145 (3). Ini adalah bidang kuasa *Attorney General* dan pihak Penasihat Undang-undang tidak ada sebarang kuasa. Jadi untuk makluman Yang Berhormat, saya percaya kita harus fokus kepada isu. Saya setuju isu bukit botak ini adalah isu yang serius. Tetapi kalau mencadangkan bahawa seolah-olah Kerajaan Negeri bersandiwara dengan isu ini saya... (gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Yang Berhormat I answer to you, you have cut it down, kejam, saya merujuk kepada artikel, bukan saya menuduh. You have to listen. Saya merujuk, I been reading throw article, bukan saya menuduh. It's is an article....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Whats you suggested Yang Berhormat....(gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

No suggested.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Inilah The Star....(gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

No, no. Saya merujuk kepada artikel *in All Star People*, yang saya baca dalam... (gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Jelas, tetapi apa yang dimaksudkan, yang saya faham Yang Berhormat daripada kita semua faham, itu adalah seolah-olah kita memainkan sandiwara iaitu tidak mengenakan tindakan yang lebih serius lagi ke atas pihak-pihak yang bertanggungjawab. Tapi cuma perkara yang ingin saya ketengahkan di sini adalah bidang kuasa untuk menuduh siapa-siapa untuk kesalahan jenayah terletak kepada Peguam Negara di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Yang Berhormat peguam, saya peguam, saya faham, memang saya faham cuma saya membaca sebuah artikel itu satu (1) dan juga saya merujuk kepada ucapan saya meminta *State Legal Advisor* memberi pandangan adakah artikel ini benar. Itu sahaja. Adakah artikel ini benar....(gangguan). Saya merujuk artikel. Minta maaf Dato'.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Is not what you said Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

No I don't blame you, minta saya baca balik, izinkan. YB. Rayer minta saya baca ya.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Sila.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Saya merujuk kepada, tadi kita berkongsi artikel ini yang menyatakan bahawa tajuk dia dalam kurungan hansard buka, Penyata Rasmi Mesyuarat Kedua 10 November (Isnin). *I reading true*, saya buat tadi pun saya membaca terus. Dalam kurungan tajuk dia “*Stop Sandiwara Botak Hills Saga.*” Tajuk. Itu tajuk. Seterusnya saya baca, kalau saya baca tajuk, apa ini tajuk dia, buku ini bertajuk Negeri Pulau Pinang Penyata Rasmi. Ini tajuk buku ini. Mungkin kita ada sedikit *confusion*, 9.20 malam semua orang pakat-pakat penat dok bercakap pasal *Botak Hill* ini tak berhenti-henti. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undang Negeri:

Silakan Batu Uban teruskan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Saya sakit hati minta maaf...(gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undang Negeri:

Telok Bahang sila duduk. Sila Batu Uban teruskan dan buat kesimpulan. Ada tajuk lain.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Okay, Alright.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undang Negeri:

Ada tajuk lain.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Ada, ada, sebentarlah YB. Dato' Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undang Negeri:

Habis tajuk, bukit botak...(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Belum habis tajuk, ada akta lain yang boleh digunakan. *Land Conservancy Act*. Ini disiap dengan peguam tahu. *Has been prepared with the lawyer. CAT Lawyer. Consumer association of Penang lawyer. It's old thing has been prepared so they give me legal advise. Don't play play okay...*(ketawa), (gangguan). Okey saya amat berasa dukacita cara proses pengurangan mitigasi di Bukit Relau yang kini lebih dikenali sebagai Bukit Botak yang masih tidak lengkap, kerja-kerja mitigasi telah diberhentikan buat sementara waktu dan langkah-langkah pencegahan bukit tersebut daripada terus gondol telah dijalankan seperti penutupan tebing cerun....(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Saya hendak celah dengan segera, bagi pemaju bahawa masih menjalankan kerja, walaupun sudah diberi notis, *trancing* ini pelan mitigasi tidak diluluskan oleh Majlis. Macam mana dia hendak lakukan kerja-kerja, kalau dia lakukan kerja-kerja maksudnya melanggar lagi notis yang dikeluarkan. *This case indication plan with the proof, so you say earlier, you can't stop the order because they continue the work, this case they are filing to the order six works, we complain nothing is been done.*

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Teruskan.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Alright let me finish this, we are the same side anyway...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoop Hussain Shah):

This difficulty what mana boleh....(ketawa). Senang sangat...(ketawa).

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

No, masalah ini mitigasi kenapa lewat. *The mitigation plant, why so late more two years...*(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Apabila gulung saya akan bentangkan secara *detail* yang lengkap, sedang disiapkan...(gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila buat kesimpulan.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Situasi ini amat kritikal dan keadaannya tidak akan kembali seperti sedia kala, sebarang kelewatan untuk menangani masalah ini akan meninggalkan persepsi yang negatif dalam kalangan orang awam kononya Kerajaan Negeri Pulau Pinang(dengan

izin) *to be seen to be condoning* terhadap pemaju. Langkah-langkah bagi mengatasi masalah ini haruslah dilaksanakan secepat mungkin sebelum nasi menjadi bubur. Kita tidak boleh melepaskan tangan dengan mengatakan yang tidak ada apa-apa kuasa untuk menghindari keadaan ini. Tindakan-tindakan pro-aktif harus diambil. Isu-isu mengenai tanah dan penggunaannya adalah dalam demi kuasa Negeri. Undang-undang boleh digubalkan untuk Kerajaan Negeri mengambil tindakan. Mitigasi atau tanah tersebut dan mengenakan bayarannya terhadap pemilik tanah atau tanah tersebut dirampas. Peruntukan Akta Pemuliharaan Tanah 1960 *Land Conservation Act*, boleh digunakan untuk mewartakan tanah tersebut sebagai tanah bukit. Setelah merosakkan keadaan alam sekitar di bukit, tindakan tegas terhadap pemaju perlu diambil supaya pada masa akan datang tiada pihak pemaju yang lain akan mengambil kesempatan sesuka hati. Oleh yang demikian pada pendapat saya kerja-kerja pembangunan di kawasan bukit-bakau perlu dihentikan. Kita perlu tegas dalam hal ini di mana kelulusan tidak dibenarkan kepada pemaju-pemaju yang ingin memusnahkan simpanan alam sekitar negeri tercinta kita, Negeri Pulau Pinang.

Isu yang No. 2, terhadap hampir 20 keluarga di Batu Kawan yang menjalankan aktiviti penternakan lembu dan kambing. Sudah hampir 75 tahun keluarga-keluarga ini menetap di kawasan ini. Mereka juga telah menampung seisi keluarga dari kerja asal mereka iaitu menoreh getah hingga menternak kambing dan lembu. Sekarang impian dua (2) buah keluarga ini dimusnahkan dengan rancangan pembangunan Batu Kawan dengan meminta mereka pindah keluar dari tempat kediaman mereka. Ada antara petani-petani yang teringat semula bahawa mereka telah menjalankan 17 ekar tanah oleh Kerajaan Negeri pada tujuh (7) tahun yang lepas. Malah terdapat sebuah tanah yang telah dibersihkan dan dipagar tidak jauh dari tempat mereka. Pertubuhan Ladang Penternakan di Batu Kawan memberikan beberapa cadangan dalam menyelesaikan masalah mereka dalam memindahkan ladang ternakan tersebut.

Rancangan pembangunan Batu Kawan memberikan masalah kepada keluarga tersebut. Oleh yang demikian pembangunan tersebut di kaji semula dengan teliti untuk membetulkan kesilapan ini iaitu pembangunan yang tidak seimbang. Maka ia adalah pelan pembangunan yang lebih inklusif. Rancangan tersebut haruslah membahagikan hak milik tanah yang mencukupi di Batu Kawan mereka mencadangkan 20 ekar atau dua (2) ekar setiap petani bagi tujuan penternakan lembu dan harus diperuntukan kepada setiap Ahli Persatuan itu. Bantuan teknikal perlu disediakan oleh PDC untuk membangunkan aktiviti penternakan lembu ke dalam aktiviti ekonomi supaya lebih rancak dan produktif untuk Pulau Pinang.

Batu Kawan sekarang sudah jadi tempat untuk mewah. Itu saya(dengan izin) baca, *two parcels of land* Bandar Cassia in Batu Kawan, *this is in Bulletin Mutiara totaling 450 acres will be turn into mix developments project known as Eco Marina that includes an 18 holes golf course by Eco World Development Berhad. The event was and then, let me now read on, the issue is* orang miskin yang ekonomi dia *dependent on farming. Can they be displaced to bring* ini projek-projek mewah macam ini. *While we want development while we want* projek mewah-mewah tetapi *we must understand that the poor and the needy and the people that have lived in that land for well over five generations, should not be vacated.* Terima kasih. Saya pohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Ya, YB. Air Itam.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri kerana saya tunggu tiga (3) hari tiga (3) malam. Tiga (3) hari sengsara dengar banyak ada yang *idea-idea* yang bagus tetapi cerita-cerita dongeng janganlah. Terima kasih dan saya nak bangkitkan satu isu yang saya rasa sangat, hari ini Malay Mail 8,000 *people dump in* Melaka Straits. 8,000 orang di *dump*, di buang ke dalam Selat Melaka. Saya juga *extract* berita-berita semua, sekarang sudah naik International News Times. Dalam Times.com *Malaysian to push back Rohingya unless boats are sinking. The guardian* United Kingdom, *Malaysia tells thousands of Rohingya refugees to go back to your country.* So isu ini saya rasa ia sudah menjadi satu bukan sahaja di surat khabar tetapi sudah jadi satu isu *international* bahawa pelarian Rohingya, 8,000 Rohingya dan juga Bangladesh sekarang berada di Selat Melaka. Ada yang dekat Langkawi, ada yang dekat dengan pengairan Indonesia dan mungkin dekat dengan perairan Malaysia.

Saya tak dapat maklumat yang banyak dan saya minta juga kalau EXCO berkenaan boleh menghubungi untuk mendapatkan suatu gambaran yang lebih lengkap kerana saya baca isu *international* ini, semua Indonesia hantar balik pelarian Rohingya tak dapat sampai ke persisiran Indonesia. Malaysia juga tolak balik so tersempit di tengah-tengah, so apakah walaupun saya tahu ini bukan bidangkuasa Kerajaan Negeri, itu isu *enforcement* oleh Maritime Enforcement Agency, tapi saya rasa kerana Pulau Pinang dekat dengan pengairan antarabangsa dan saya rasa kita juga bersiap sedia apakah, saya tak dapat jawapan lagi untuk pergi ke EXCO, tapi kena fikir malam ini, bagaimana apakah keadaan sekarang berlaku pelarian Rohingya berapa orang sekarang di Pulau Pinang dan apakah reaksi pelan, apakah koordinasi dengan *Maritime Enforcement Agency*, apakah *coordination plan* dengan dan juga *recognition refugee convention centre*, kerana isu ini penting apabila kita berdebat di sini, isu ini jauh lebih penting tiga (3) hari, tiga (3) malam saya dengar *see grass bed*, itu lebih penting jauh lebih penting *see grass bed*, beribu-ribu pelarian Rohingya sekarang di Selat Melaka 8,000 hanyut *imagine* dalam *international sea*, sejuk, lapar dan saya rasa itu jauh lebih penting dari mitigasi dan saya rasa...(gangguan), saya tak ingin berdebat banyak kerana itu saya rasa mungkin esok apabila EXCO beri imput atau beri maklumat kita boleh sentuh.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tak cukup masa yang lain, teruskan.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Bila EXCO beri maklumat kita boleh akui, kerana saya pun tidak ada maklumat.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Ini cuma untuk Rohingya, pasal ini soal tentang *human right* dan nyawa manusia memang saya rasa penting dan saya kita bukan sekadar kita bincang di sini, tetapi saya rasa sebagai Kerajaan Negeri yang prihatin dan membawa isu *human right*, iaitu hak asasi manusia, saya mencadangkan supaya EXCO atau Kerajaan Negeri sekurang-kurangnya mengambil tahu dan juga menunjukkan *solidarity* kepada orang yang tengah hanyut di Selat Melaka ini.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Terima kasih kerana saya rasa ini boleh saya bangkitkan malam ini kerana kalau tak bangkit malam ini saya tak dapat tidur, baca berita 8,000 orang hanyut di laut dan berita antarabangsa, so saya rasa kita beri masa kepada Kerajaan Negeri kena fikir plan kerana kita sangat dekat dengan perairan antarabangsa. Begitu juga saya hendak bangkitkan banyak isu, terdapat input ataupun pertanyaan dari pelajar-pelajar lain, *university collage, medical collage AUCMS* yang hadapi masalah kerana penutupan universiti tersebut yang di bawah *medical study*, ratusan pelajar ada terima aduan, so saya meminta EXCO tanggungjawab boleh lihat membantu mereka yang terlibat dalam dengan AUCMS ini. Banyak isu yang hendak dibincangkan, sambung...(gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Teruskan.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Kalau tak habis ini sambung esok.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Habiskan malam ini.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Tak boleh habis, tak boleh habis, tak boleh habis kerana banyak isu yang akan diperdebatkan, saya rasa, saya cuba satu (1), dua (2) tapi boleh kita sambung esok. Okey, isu-isu yang ringkas dulu yang saya minta maklumat daripada Kerajaan Negeri berkenaan dengan laporan bencana menara UMNO dan satu (1) laporan Suruhanjaya Komision Siasatan yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri. Apakah *outcome* atau laporan tersebut sudah siap bilakah ia akan siap dan boleh dikemukakan untuk makluman orang ramai. Saya juga difahamkan Majlis Perbandaran Pulau Pinang telah membelanjakan wang semasa bencana tersebut, semasa bencana tersebut MPPP telah belanja wang upah, jumpa kontraktor untuk upah *train* dan sebagainya. Saya hendak tahu sama ada tuan punya tanah atau tuan punya bangunan sama ada UMNO kah, kroni dia atau ejen-ejen diakah, sudah menjelaskan perbelanjaan kecemasan bencana alam menara UMNO tersebut, mereka tak ada sebut.

Banyak isu lagi yang boleh, okey Bagan Jermal, jadi saya boleh bangkitkan isu-isu tentang Penang Port. Pada hari pertama apabila Bagan Jermal membangkitkan memberitahu saya bahawa menerima taklimat daripada *forwarders association* bahawa *performance Penang Port* meningkat, tetapi apa yang saya perolehi daripada *Penang Monthly* teguran April 2015 menunjukkan kemerosotan. Itu adalah angka rasmi daripada Penang Port. *The number the score Penang Port*, tahun 2013 jumlah 6,309. Tahun 2014 jumlah 6,137 unit menunjukkan kejatuhan jumlah *number of switch score Penang Port* khususnya kategori luar negara yang jatuh, yang jatuh sebanyak 428 unit menyebabkan *index outcome* nya jatuh untuk 172 unit. Jadi saya meragui laporan daripada Penang *forwarders association*, mungkin boleh dapatkan maklumat rasmi daripada Penang Port dan bukan bergantung daripada *agent forwarders*.

Statistik yang saya perolehi juga daripada Penang Port melalui di Penang *Monthly gross register tonnage* juga menunjukkan penurunan, saya merasai ini penting kerana Penang Port adalah pelabuhan yang utama, terlama sekali di Malaysia dan merupakan operator yang beroperasi paling lama di Malaysia. Oleh itu kejatuhan 14% *international ship scores* pada 2014 berbanding 2013 hendaklah dipandang serius, apakah sebab kejatuhan tersebut. Apakah cadangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang untuk meningkatkan prestasi Penang Port. Apakah *supervisory power* Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam aspek ini kerana penurunan juga menunjukkan kekuatiran bukan sahaja dari *number of ship scores*, tetapi juga dari segi keberatan yang dikendalikan oleh Penang Port. Seperti yang saya kata, saya tanya soalan pada hari pertama Tanjung City Marine yang telah dijawab oleh Bagan Jermal. Saya dapati kes RM44 juta Tanjung City Marine yang terpaksa bazir begitu sahaja. Sampai hari itu Bagan Jermal telah memberitahu tuntut dia terjumpa daripada berpuluh-puluh kilometer, dari tempat asal. Tuntut di Sungai Perai berpuluh-puluh kilometer dari tempat asal, itu satu (1) skandal besar, satu (1) skandal besar RM44 juta di buang ke dalam laut sampai tuntut dia jumpa di di Sungai Perai, skandal amat besar, tidak berfungsi langsung.... (gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Tuntut itu memang di buang ke dalam laut.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Dia buang ke dalam laut maksud saya, maksud saya dia buang duit ke dalam laut tidak berfungsi, tidak berfungsi langsung tidak mencapai tujuan...(gangguan), maksud saya membazir tidak dapat mencapai objektif asalnya. Saya meminta supaya PAC untuk zoom in ke projek ini Tanjung City Marina kerana sampai hari ini Tanjung City Marina RM44 juta skandal besar masih belum dapat berfungsi dan juga adalah di bawah pengendalian Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang dan dia tidak diuruskan dengan baik dan dikawal dengan baik. Saya juga difahamkan *Eco World development Berhad* di Batu Kawan juga nak buat *Eco Marina*, so saya harap projek-projek marina ini dapat mencapai kejayaan tidak seperti di Tanjung City Marina seperti yang terbiar.

Saya juga tertarik dengan laporan syarikat Seaport Terminal Johor Sdn. Bhd. telah ambil alih operasi dan pengurusan Pelabuhan Pulau Pinang, saya rasa syarikat Terminal Johor Sdn. Bhd tiada pengumuman secara rasmi oleh Menteri, saya difahamkan hanya mendapat jawapan daripada Ahli Parlimen di Parlimen sahaja. Saya difahamkan juga terdapat satu perjanjian penswastan, satu perjanjian penswastan yang ditandatangani antara syarikat Seaport Terminal Johor Sdn. Bhd. dan juga barang kali dengan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang. Saya bertanyakan kenapa tiada pengumuman rasmi mengambil alih Terminal Seaport Johor Sdn. Bhd. ambil alih Penang Port, kenapa rakyat Pulau Pinang, *keep in the tuck* tentang perjanjian penswastan tersebut dan kuasa penting *dredging*, korekan, penggorekan dasar laut. Sebenarnya saya difahamkan ada satu kuasa untuk korek kepada kedalaman 15 meter, penggorekan 15 meter itu dibuat. Ini bukan projek sebarangan. Projek-projek *dredging* di lot *channel* ini bukan projek sebarangan kerana dianggarkan projek ini membawa kebaikan kepada Pelabuhan Pulau Pinang, kerana sekiranya *dredging* yang dibuat tidak berkala ini di *channel* itu pelabuhan kita. *Dredging* itu penting, penggorekan dasar laut itu penting untuk pelabuhan kita di *main competitive* untuk menerima kapal yang besar. Sekiranya kita tidak buat dilakukan pelabuhan kita akan semakin cetek dan tidak dapat menerima kapal yang lebih besar.

Saya rasa Kerajaan Negeri telah pun ini adalah satu transaksi, satu perjanjian ditandatangani antara Seaport Terminal Johor Sdn. Bhd. dan juga Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang di mana Kerajaan Negeri dikawal oleh projek seperti swasta yang dikawal oleh Kerajaan Pusat, tetapi saya minta supaya Kerajaan Negeri memantau rapi dan juga mendapatkan salinan perjanjian penswastaan ini dan melihat kepada terma-terma penswastaan untuk memenuhi kepentingan Pulau Pinang kerana kita tidak mahu, kita tidak mahu perjanjian penswastaan yang transaksi antara dua (2) pihak yang memberikan urusan pentadbiran kepada Seaport Terminal Johor Sdn. Bhd. Tetapi obligasi syarikat tersebut untuk *dredging the lord channel* 15 meter itu tidak ditunaikan. Saya menanyakan sama ada *dredging* ini perlu dilakukan, bilakah *dredging* ini boleh dilakukan, sama ada tempoh masa, tempoh masa bila *dredging* ini kena dibuat adakah dituliskan dalam perjanjian itu kerana Syarikat Seaport Terminal Johor Sdn. Bhd. Perlu mengeluarkan RM333 milion untuk membuat kerja-kerja pengorekan itu. Kalau tidak dibuat pengorekan itu mana Seaport Terminal Johor akan dapat keuntungan, dia boleh urus *seaport* itu boleh kutip fi dan sebagainya, tetapi obligasinya untuk korek itu tidak dibuat. Saya rasa kita kena pantau dengan rapi, saya meminta supaya Kerajaan Negeri untuk melihat daripada aspek ini supaya *competitiveness Penang Port*. Pelabuhan Pulau Pinang ini dapat dilihat dengan lebih dalam masa lima (5) tahun dan juga dalam masa yang lebih lama.

Lagi satu (1) topik, ada banyak isu yang saya akan sambung esok, tapi saya hanya hendak cakap satu (1) topik sahaja iaitu berkenaan dengan Bangunan Dewan Undangan Negeri. Pagi ini tadi saya telah sertai perdebatan dengan Kebun Bunga tentang cadangan Dewan Undangan Negeri ini. Sebenarnya Dewan persidangan kita kecil dan molek, dia sebenarnya jarak antara ADUN-ADUN kita lebih baik, lebih baik daripada England. Kalau *you* pergi *parliament house of common England*, saya tak pernah pergi mungkin Dato' Timbalan Speaker boleh bawa saya pergi nanti, mereka duduk ahli-ahli parlimen, duduk rapat-rapat, rapat-rapat kemudian tidak ada meja, laptop simpan di rumah, tak ada laptop, duduk rapat-rapat kemudian ada satu meja di tengah pemerintah dan pemerintah, pembangkang cakap dekat saja, saya rasa *arrangement* kita walaupun lebih selesa, lebih elok, lebih selesa saya rasa, keadaan ini perlu dikekalkan, keadaan ini perlu dikekalkan bilik persidangan yang kecil yang molek perlu dikekalkan. Kita tidak mahu satu Dewan persidangan seperti Sarawak. Sarawak punya Dewan persidangan macam *you* kena jerit dengan dia dengan jarak *badminton court*...(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Tapi saya rasa perabut yang digunakan tidak sesuai langsung sini, yang ada sekarang tidak sesuai, yang lama itu lebih baik, yang lama saya duduk sana...(ketawa).

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Mereka orang lama, saya pun tak tahu perabut lama macam mana, saya pun tidak tahu bagaimana. Tapi saya rasa Sarawak walaupun besar Dewan persidangannya tapi kena jerit, jauh Dewan persidangan Sarawak sembilan (9) tingkat, bangunan Dewan Undangan Negeri Sarawak sembilan (9) tingkat, Dewan persidangan di tingkat lapan (8), pemberita di tingkat bawah, tengok TV ADUN berdebat, pelawat seperti saya tak boleh masuk *public gallery* kena duduk di tingkat sembilan (9), tengok TV lihat tingkat lapan (8) perdebatan, tak macam kita, kita dengar. Kalau Dato' Speaker tutup *mic* saya saya boleh guna *mic* ini, saya boleh jerit juga belakang semua dengar apa yang saya cakap. Saya rasa keadaan kecil ini perlu dikekalkan. Walaupun kita boleh tambah *compound* kat luar,

car park, fasiliti bilik, *library*, bilik persendirian untuk wakil rakyat, bilik persendirian untuk wakil rakyat semua, bilik mesyuarat dan sebagainya, tetapi dia punya *style* bilik persidangan yang rapat-rapat perlu dikekalkan, itu kerana semangat demokrasi kita kena berdebat dengan rapat. Kita kena duduk rapat-rapat, bukan duduk jauh-jauh.

Saya rasa itu perlu dikekalkan tapi tambahan pula kalau dengan Dewan Undangan Negeri baru perlu ada *easy access* untuk orang ramai. Kita tidak mahu macam Dewan Undangan Negeri Sarawak, kena jalan 1 kilometer baru sampai, dari pintu sampai ke bangunan itu satu (1) kilometer. Orang demonstrasi tidak mahu pergi Dewan Undangan Negeri kerana apabila *you* buat demonstrasi di Dewan Undangan Negeri Sarawak. Dia duduk di *gate* pemberita di bangunan satu (1) kilometer, Yang Berhormat di satu (1) kilometer itu tidak tahu, dia ada macam satu jarak yang sangat jauh. Walaupun keselamatan, dikirakan keselamatan tetapi Dewan Undangan Negeri kita.

Saya rasa walaupun kata orang di luar tapi apabila itu *part or democracy*, apabila ada orang buat *petition* dengan aman, dengan aman, orang serahkan memorandum dengan aman, dengan tertib, kita sepatutnya kena terima, kita bukan satu (1) kilometer, *you* duduk di depan jalan kaki sampai ke bangunan baru satu (1) kilometer, kita tidak mahu begitu, kerana dekat sikit tapi kita kena pertahan insiden tahun lalu, kita perlu cari ikhtiar untuk menambahkan ciri-ciri keselamatan, tapi kita kena *maintain easy assess* supaya orang ramai boleh masuk ke Dewan dengan senang, boleh duduk *public gallery* di belakang, boleh lihat wakil rakyat mereka berdebat, saya rasa itu...(gangguan).

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Boleh minta laluan. Kita kuatir Dato' Timbalan Speaker, sebab YB. Air Itam kata ini memang *easy assess* ya untuk awam masuk ke Dewan kita, *but lucky* lah sampai hari ini kita tidak ada kes-kes ganas yang berlaku, tetapi apa yang berlaku pada tahun lepas. Apa kata YB. Air Itam yang sekumpulan orang cerobohi masuk ke Dewan kita.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Mereka tidak ada semua, tinggal seorang sahaja, saya cakap esok. Saya selalu simpan isu ini, esok mereka ada baru seronok sikit, kalau tak ada tak seronok, so saya cakap isu yang biasa dulu. Saya rasa Dewan yang baru ini dengan *library* yang besar, walaupun saya kritik, saya kritik Dewan Undangan Negeri Sarawak kerana dia 100 kali lebih besar dari Dewan kita, 100 kali lebih besar daripada kita, sembilan (9) tingkat, satu (1) tingkat pun 10 kali lebih besar, 10 kali, 100 kali lebih besar, tapi saya rasa nilai-nilai demokrasi kita kecil dan molek dan kita kena pertahankan demokrasi ini. Kalau saya lawat Dewan Undangan Negeri Sarawak, Speakernya garang, macam ucapan-ucapan Kebun Bunga *you* kena *survive*, *you* kena *survive* in Sarawak, di Parlimen, kena *servive* in Sarawak. Di Parlimen *you* kena *survive* *you* kena potong begitu sahaja, tapi kita sini hargai, kita hargai kita punya kebebasan, kita boleh cakap apa sahaja, kita hargai walaupun kita boleh cakap dua (2) jam, setengah jam, kita hargai kerana saya duduk setengah hari di Dewan Undangan Negeri Sarawak, saya sudah dengar tiga (3) kali Speaker cakap, *expunge from record*, potong dari rekod, *expunge from record...* (gangguan), tak pernah kita dapat, macam itu kita tak sampai, walaupun kita kecil, tapi kita punya semangat demokrasi kita bagus, semasa kita ucap, lepas itu saya juga cadangkan ruang makan kita jangan terlalu besar, resenting yang saya pergi Sarawak besar, dia punya Dewan makan, kalau besar, kalau tempat kecil tak dapat cari tempat duduk, saya boleh tumpang Sungai Dua tak ada interaksi. Saya boleh makan bersama semua orang,

sama pemberita, pekerja-pekerja kita, kalau di tempat lain, terlalu banyak meja, protokol, ikut protokol, zon ini zon apa, pemberita tidak ada peluang untuk makan bersama Ahli Dewan Undangan Negeri.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Mungkin Yang Berhormat makan di tempat yang ada *aircon* tetapi pekerja-pekerja kena makan di luar tahu, jika terlalu besar pun kita tidak setuju, tetapi *at lease* semua orang boleh makan di tempat yang selesa, staf-staf itu semua makan di tempat yang panas.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Saya cadangkan Jawatankuasa Dewan. Kalau Jawatankuasa Dewan yang akan membuat pergi lawatan mesti pergi Sarawak, saya boleh ikut sama juga, pergi Sawarak tengok Dewan dia. Di Sabah saya tak pernah pergi, Sabah saya baca empat (4) tingkat, Dewannya empat (4) tingkat, di Johor Dewan empat (4) tingkat, Dewan Undangan Negeri empat (4) tingkat, boleh *imagine* kita satu (1) tingkat saja. Empat (4) tingkat, Selangor berapa tingkat tiga (3) tingkat. Jadi boleh buat lawatan, tak semestinya besar yang terbaik, tapi kita kena hargai kecil dan molek apa yang ada kita pada hari ini, dan saya rasa kita boleh, kalau kita hendak Dato' Timbalan Speaker hendak pergi ke London juga jemput saya, saya pergi sama juga, tengok, Kebun Bunga hendak pergi juga okey, *register your name*. Saya rasa Jawatankuasa Dewan ini perlu fikirkan keadaan *imagine cons capture planning* dan seperti saya kata juga *planning* untuk Dewan yang lama ini. *What we are going to be*, apakah kegunaan dia, tapi saya kata *art gallery*, tapi sebenarnya saya lebih suka *art centre*, di luar dengan aktiviti-aktiviti tarian, dengan pelbagai aktiviti-aktiviti tarian, bagus *art centre*, kita dekat dengan kawasan ini ramai pelancong yang boleh *enjoy to this building* yang mempunyai nilai melebihi 100 tahun dan saya rasa kita boleh buat imeginasi lagi tentang bagaimana tempat ini boleh digunakan dan bagaimana kita boleh buat perancangan untuk Dewan yang baru ini dengan ini saya sambung esok.....(gangguan) ada banyak lagi setengah lagi kita kena *family* serani.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya cadang *stop the cop* pun boleh tak apa...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli yang terhormat bersambung esok 14 haribulan pada jam 9.30 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 10.00 malam.